

AMALAN PENJAGAAN KESIHATAN MELAYU LUAR BANDAR:
KAJIAN DI DAERAH LIPIS, PAHANG

'ATIKAH ABDUL AZAM

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2019

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: 'Atikah Binti Abdul Azam

No. Matriks: JHA 10016

Nama Ijazah: Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

Amalan Penjagaan Kesihatan Melayu Luar Bandar: Kajian Di Daerah Lipis, Pahang
Bidang Penyelidikan: Sosiobudaya Melayu

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

AMALAN PENJAGAAN KESIHATAN MELAYU LUAR BANDAR: KAJIAN DI DAERAH LIPIS, PAHANG

ABSTRAK

Kajian ini mengenai amalan penjagaan kesihatan masyarakat Melayu yang dilihat dari dua perspektif iaitu untuk memahami pengubatan cara tradisional dan penerimaan masyarakat dengan kaedah tradisional ini. Berdasarkan dua perspektif ini telah menghuraikan tiga objektif iaitu untuk mengenal pasti amalan penjagaan kesihatan tradisional melalui teks Melayu lama. Kedua, menganalisis penerimaan dan penilaian masyarakat di mukim terpilih terhadap amalan penjagaan kesihatan cara tradisional. Ketiga, untuk menilai dan membandingkan perspektif masyarakat terhadap pengamalan tradisi dalam ruang masyarakat tradisi dan ruang masyarakat kini. Metodologi kajian menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah kualitatif ini menjalankan kajian secara kepustakaan, temu bual, pemerhatian dan perbincangan. Manakala kuantitatif, menjalankan kajian secara servei di Mukim Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu dengan seramai 160 orang responden. Kajian ini telah menggunakan dua struktur model iaitu folks dan adaptasi perlakuan. Model-model ini digunakan untuk melihat penjagaan kesihatan masyarakat tradisi melalui kitab dan masyarakat hari ini berdasarkan penerimaan amalan tradisi. Hasil dapatan dari kajian kitab telah menghuraikan, penjagaan kesihatan masyarakat ketika itu telah menggunakan kaedah dan rawatan secara nyata seperti azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna. Kedua, kaedah dan rawatan secara tidak nyata seperti ramalan, firasat, penggunaan nama dan unsur mimpi. Bagi hasil dapatan dari penilaian masyarakat hari ini, mendapati kaedah azimat diketepikan manakala rawatannya masih dikekalkan. Berbeza dengan kaedah jampi, sumber herba dan sumber fauna ini masih dikekalkan manakala rawatannya telah diketepikan. Penemuan ini dapat dijelaskan berikutan berlakunya penerimaan unsur-unsur teknologi terhadap sumber dan bahan, organisasi masyarakat telah dikawal oleh sistem pendidikan

dan ekonomi serta ideologi masyarakat yang terbatas dengan ilmu agama, bersifat saintifik dan logik.

University of Malaya

ABSTRACT

The health care practices which has been practiced by the Malay race can be observed from two types of perspectives which are; to understand the traditional medications, and how such method being accepted by the society. Three objectives can be deduced based on these two perspectives which are states as follows. First, is to identify the traditional health care practices from the old Malay text. Second, is to analyse the society's acceptance and evaluations in the chosen district. Third, is to evaluate and compare the society's perspective towards these traditional practices, from the view of traditional society and present society. The methodology of the study were carried out using the qualitative and quantitative methods. The qualitative method was performed by library references, interviews, observation and discussions. Whilst the quantitative method was performed by conducting a survey in Kechau, Tanjung Besar, Cheka, and Budu districts with participation of 160 respondents. This method type employed two model structures which are; the folks and behaviour adaptation. These two models were applied to observe the traditional health care practices from the manuscripts and the present society's acceptance towards the traditional practices. The findings quoted from the manuscripts has elaborated that; first, the earlier society's health care had employed a rather evidently methods and treatments, given such examples which are the talismans, spells, as well as sources from herbs and faunas. Second, the non-evidently methods and treatments, given such examples which are the predictions, presentiments, names and elements from the dream. The discovery from the present society's evaluation has found out that the talisman method has been disregarded, whereas the treatments remain in practices. In contrast with spells method, the sources of herbs and fauna remain in practices, while the treatments has been disregarded. This discovery can be explained following the adoption of elements of technology in resources and materials, the society's organisation has been controlled

by the education and economic system, as well as the society's limited ideology with religion knowledge's, which are scientific and logical.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur dengan kurniaan Ilahi dapat menyelesaikan penyelidikan ini. Dengan kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (*My Brain*) atas tajaan pembiayaan dan Universiti Malaya kerana memberi peluang untuk menyambung ke peringkat ini.

Saya juga amat terhutang budi kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi dan Profesor Madya Dr Kim Hyun Rou Kim, atas penyeliaan beliau sepanjang tempoh kajian ini. Terima kasih di atas segala kesabaran, bantuan, tunjuk ajar, saranan, pandangan dan curahan pengalaman sepanjang pengajian ini dijalankan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga saya rakamkan kepada Profesor Dr Othman Yatim dan Profesor Dr Yaacob Harun yang mendidik dan menyelia sepanjang perjalanan pembelajaran ini. Begitu juga dengan semua pihak dan kaki tangan Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya yang sentiasa menyokong dan menyumbangkan tenaga. Saya turut menghargai sumbangan, bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh ketua kampung dan penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Tanda penghargaan juga yang tidak terhingga terhadap kakitangan bahagian Manuskrip Melayu, di Perpustakaan Negara dan kakitangan di Perpustakaan Utama, Universiti Malaya yang banyak membantu sepanjang tempoh ini.

Akhir sekali, terima kasih yang tidak terhingga kepada Emak, Ayah dan suami kerana sering memberi semangat, menyokong dan memberi dorong yang tidak putus-putus untuk menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan kepada mertua, kaum keluarga serta rakan-rakan yang memberi semangat sepanjang perjalanan ini.

SENARAI KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	v
PENGHARGAAN	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xii
SENARAI JADUAL	xv
GLOSARI	xvi

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.3	Permasalahan Kajian	2
1.4	Objektif kajian	6
1.5	Skop kajian dan Batasan kajian	6
1.6	Kajian lepas	9
1.7	Metodologi kajian	
	1.7.1 Kajian Kepustakaan	14
	1.7.2 <i>In-depth interview</i>	14
	1.7.2.1 <i>Interview one-to-one</i>	14
	1.7.3 Perbincangan	15
	1.7.4 Pemerhatian	16
	1.7.5 Kajian Tinjauan (deskriptif servei)	16
1.8	Kerangka Konsep dan Teori	
	1.8.1 Penjagaan Kesihatan	16
	1.8.2 Tradisi	19
	1.8.3 <i>World View</i> Melayu	22
	1.8.4 Antropologi Perubatan	28
	1.8.5 Model Kajian	33
1.9	Kepentingan kajian	33
1.10	Pembahagian bab	34
1.11	Kesimpulan	35

BAB 2:AMALAN PENJAGAAN KESIHATAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: ANALISIS KITAB PELBAGAI CATATAN

2.1	Pendahuluan	36
2.2	Latar Belakang Kitab Pelbagai Catatan	
2.2.1	Kitab Pelbagai Catatan MSS 597	37
2.2.2	Kitab Pelbagai Catatan MSS 1637 (b)	38
2.2.3	Kitab Pelbagai Catatan MSS 2694	38
2.2.4	Kitab Pelbagai Catatan MSS 2701	39
2.2.5	Kitab Pelbagai Catatan MSS 2750	39
2.2.6	Kitab Pelbagai Catatan MSS 3339	39
2.2.7	Gambaran Sosiobudaya Masyarakat Melayu Melalui Penelitian Kitab	40
2.3	Analisis kitab	
2.3.1	Pengaruh Lambang atau Simbol dalam Pengobatan dan Pencegahan	41
2.3.2	Nilai dan Norma	49
2.3.3	Proses Interaksi Manusia dengan Alam dalam Mempengaruhi sistem Pengobatan	
2.3.3.1	Hubungan Huruf dengan Ekologi Alam Melalui Sistem Kaedah Azimat	52
2.3.3.2	Manusia dengan Hubungan Spiritual Melalui Sistem Kaedah Jampi	57
2.3.3.3	Manusia dengan Alam Tumbuhan Melalui Sistem Kaedah Herba	60
2.3.3.4	Manusia dengan Alam Haiwan Melalui Sistem Kaedah Fauna	64
2.3.4	Hubungan Kaedah Azimat, Jampi, Herba dan Fauna dalam Sistem Rawatan	
2.3.4.1	Jenis Rawatan	69
2.3.4.1.1	Makan	72
2.3.4.1.2	Minum	73
2.3.4.1.3	Diikat, di sugi dan Menggunakan Alatan	74
2.3.4.1.4	Dijampi dan Melalui Hembusan	76
2.3.4.1.5	Menampal, disapukan dan dituam, Cara Memasukkan dan Digosok	76
2.3.4.2	Pengambilan Bahan	77
2.3.4.2.1	Waktu dan Kekerapan	78
2.3.4.2.2	Sifat	80
2.3.4.2.3	Pantang Larang	81
2.3.4.3	Gabungan Bahan	82
2.4	Kesimpulan	85

BAB 3: AMALAN DAN BUDAYA PENJAGAAN KESIHATAN DI LIPIS: KECHAU, TANJUNG BESAR, CHEKA DAN BUDU

3.1	Pendahuluan	86
3.2	Sejarah Daerah Lipis dan Mukim	
3.2.1	Kechau	87
3.2.2	Tanjung Besar	89
3.2.3	Cheka	92
3.2.4	Budu	93
3.3	Tinjauan Amalan Penjagaan Kesihatan Masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu	95
3.3.1	Budaya Penjagaan Makanan	
3.3.1.1	Menambahkan Tenaga	96
3.3.1.2	Menghilangkan Rasa Sakit Sendi	97
3.3.1.3	Meningkatkan Imun dalaman dan Vitamin	99
3.3.2	Amalan Berpantang Selepas Bersalin	99
3.3.3	Menghidupkan Amalan yang Positif	103
3.3.4	Amalan Petua	104
3.4	Pengamatan dalam Pengubatan dan Pencegahan	
3.4.1	Jampi dalam Mengubati Pelbagai Jenis Penyakit	
3.4.1.1	Jampi dalam Rawatan Kayap	106
3.4.1.2	Jampi dalam Mengubati barah	108
3.4.1.3	Jampi untuk Mengubati Senggugut	108
3.4.2	Kepentingan Herba dalam Mengubati Pelbagai Jenis Penyakit	
3.4.2.1	Herba bagi Mengubati Kencing Manis dan Darah Tinggi	110
3.4.2.2	Herba dalam Mengubati Lelah	112
3.4.3	Urutan	112
3.4.4	Temas	114
3.5	Perbincangan	115
3.5.1	Kepentingan Jampi dalam Pengubatan dan Pencegahan	118
3.5.2	Kepentingan Sumber Herba dalam Pengubatan dan Pencegahan	119
3.5.3	Kepentingan Sumber Fauna dalam Pengubatan dan Pencegahan	122
3.5.4	Pengetahuan Azimat sebagai Pengubatan dan Pencegahan	124
3.6	Kesimpulan	124

BAB 4:TAHAP PENERIMAAN AMALAN TRADISIONAL: AZIMAT, JAMPI, SUMBER HERBA DAN SUMBER FAUNA

4.1	Pendahuluan	126
4.2	Latar Belakang Responden	126
4.3	Tahap Kesihatan, Amalan dan Penerimaan Rawatan Tradisional	
4.3.1	Tahap Kesihatan	
4.3.1.1	Perkembangan Kesihatan	127
4.3.1.2	Amalan Penjagaan Makanan	131
4.3.2	Amalan Berpantang Selepas Bersalin	133
4.3.3	Kedudukan Penerimaan Rawatan Tradisional Berbanding Moden	135
4.4	Pemikiran Penduduk Terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional	146

4.5	Pengamatan Penduduk Terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional	155
4.6	Pengalaman Penduduk terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional	159
4.7	Kesimpulan	165

**BAB 5 :ADAPTASI PERLAKUAN DALAM PENJAGAAN KESIHATAN
MASYARAKAT LUAR BANDAR DALAM SISTEM TRADISIONAL**

5.1	Pendahuluan	166
5.2	Perlakuan Masyarakat Terhadap Sistem Azimat	
	5.2.1 Sumber dan Bahan	166
	5.2.2 Kaedah dan rawatan	168
	5.2.3 Jenis Penyakit	170
5.3	Perlakuan Masyarakat Terhadap Sistem Jampi	
	5.3.1 Sumber dan Bahan	175
	5.3.2 Kaedah dan Rawatan	176
	5.3.3 Jenis Penyakit	184
5.4	Perlakuan Masyarakat dalam Sistem Herba	
	5.4.1 Sumber dan Bahan	189
	5.4.2 Kaedah dan Rawatan	194
	5.4.3 Jenis Penyakit	196
5.5	Perlakuan Masyarakat dalam Sistem Fauna	
	5.5.1 Sumber dan Bahan	198
	5.5.2 Kaedah dan Rawatan	199
5.6	Perlakuan Masyarakat Terhadap Amalan Penjagaan Kesihatan	200
5.7	Kesimpulan	206

BAB 6 : RUMUSAN	208
------------------------	-----

BIBLIOGRAFI	218
--------------------	-----

INDEKS	228
---------------	-----

SENARAI GAMBARAJAH

Gambar 3.1	Kampung Dusun antara penempatan terawal penduduk di Kechau (kajian lapangan,Ogos 15,2017)	88
Gambar 3.2	Suasana perkampungan Tanjung Besar di waktu pagi (kajian lapangan, Jun 2, 2017)	90
Gambar 3.3	Rebung yang tumbuh secara meliar sekitar kampung Kemahang, Tanjung Besar (kajian lapangan, Mei 29, 2017)	91
Gambar 3.4	Kawasan Cheka yang menjadi laluan antara Kuala Lipis Ke Jerantut (kajian lapangan, Oktober 11, 2017)	93
Gambar 3.5	Tapak kubu Mat Kilau dan Tok Gajah pada saat berlakunya pertempuran dengan pihak Inggeris (kajian lapangan, September 26, 2017)	95
Rajah 4.1	Peratusan pencapaian kesihatan penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Budu dan Cheka (soal selidik penduduk, 2017)	128
Rajah 4.2	Peratusan jenis penyakit yang dihadapi penduduk di Kechau,Tanjung Besar, Budu dan Cheka (soal selidik penduduk, 2017)	129
Rajah 4.3	Peratusan jenis penyakit mengikut peringkat umur (soal selidik penduduk,2017)	130
Rajah 4.4	Peratusan semasa berpantang kaum wanita di mukim Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu (soal selidik penduduk,2017)	133
Rajah 4.5	Kedudukan penggunaan pengubatan tradisional berbanding perubatan moden di empat buah mukim terpilih (soal selidik penduduk, 2017)	135
Rajah 4.6	Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden di empat buah mukim (soal selidik,2017)	136
Rajah 4.7	Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Kechau (soal selidik,2017)	137
Rajah 4.8	Perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut penyakit di Kechau (soal selidik,2017)	138
Rajah 4.9	Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Tanjung Besar (soal selidik,2017)	139
Rajah 4.10	Penggunaan Perubatan Tradisional dan Perubatan Moden di Tanjung Besar (soal selidik,2017)	140

Rajah 4.11	Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Cheka (soal selidik,2017)	141
Rajah 4.12	Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut jenis penyakit (soal selidik,2017)	143
Rajah 4.13	Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Budu (soal selidik,2017)	144
Rajah 4.14	Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut penyakit di Budu (soal selidik,2017)	145
Rajah 4.15	Kaedah perubatan tradisional yang digunakan di Kechau (soal selidik,2017)	146
Rajah 4.16	Kaedah perubatan tradisional di mukim Tanjung Besar (soal selidik, 2017)	148
Rajah 4.17	Penggunaan kaedah perubatan tradisional di Cheka (soal selidik,2017)	150
Rajah 4.18	Kedudukan perubatan tradisional di Budu (soal selidik,2017)	151
Rajah 4.19	Peratusan kesesuaian kegunaan kaedah dan rawatan tradisional pada masa ini mengikut jantina (kajian lapangan, 2017)	152
Rajah 4.20	Peratusan mengikut peringkat umur (kajian lapangan, 2017)	153
Rajah 4.21	Peratusan mengubati penyakit dengan cara tradisional mengikut peringkat umur (kajian lapangan, 2017)	154
Rajah 4.22	Peratusan kepentingan herba pada masa ini (kajian lapangan, 2017)	155
Rajah 4.23	Peratusan kepentingan jampi pada masa ini (kajian lapangan, 2017)	156
Rajah 4.24	Peratusan kepentingan azimat dalam rawatan (kajian lapangan, 2017)	157
Rajah 4.25	Peratusan penggunaan kaedah dan rawatan mengikut peringkat umur (kajian lapangan, 2017)	158
Rajah 4.26	Peratusan kepentingan jampi pada masa ini (kajian lapangan, 2017)	159
Rajah 4.27	Peratusan kepentingan jampi pada masa ini (kajian lapangan, 2017)	160

Rajah 4.28	Peratusan kepentingan azimat pada masa ini (kajian lapangan, 2017)	161
Rajah 4.29	Peratusan penggunaan herba semasa merawat (kajian lapangan, 2017)	163
Rajah 4.30	Peratusan penggunaan fauna dalam rawatan (kajian lapangan, 2017)	164
Rajah 6.1	Kaedah dan rawatan dalam penjagaan tradisional secara nyata	210
Rajah 6.2	Penjagaan secara tidak nyata yang diperhatikan dalam kondep meramal dan konsep nilai	212
Rajah 6.3	Proses adaptasi perlakuan terhadap masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu	213
Rajah 6.4	Adaptasi perlakuan telah mengubah persepsi masyarakat dan telah mewujudkan world view moden	214

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Sumber laporan peratus kesihatan Belia Lipis, 2013 (peta belia, 2013)	7
Jadual 1.2	Laporan skor kesejahteraan ekonomi daerah Lipis, Pahang (peta belia,2013)	7
Jadual 1.3	Jumlah penduduk mengikut kumpulan umur (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010)	8
Jadual 1.4	Jumlah penduduk mengikut etnik (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010)	9
Jadual 2.1	Teknik, jenis penyakit dan penggunaan bahan yang digunakan dalam kaedah azimat	56
Jadual 2.2	Kaedah Jampi yang dihubungkan antara teknik, jenis penyakit dengan penggunaan bahan	60
Jadual 2.3	Teknik, jenis penyakit dan penyesuaian bahan yang digunakan dalam kaedah herba	64
Jadual 2.4	Teknik, jenis penyakit dan bahan yang digunakan dalam kaedah fauna	66
Jadual 2.5	Perbezaan teknik yang digunakan dalam kaedah azimat, jampi, herba dan fauna	67
Jadual 2.6	Penyesuaian kaedah dengan jenis penyakit	68
Jadual 2.7	Sistem rawatan azimat	69
Jadual 2.8	Sistem rawatan jampi	70
Jadual 2.9	Sistem rawatan herba	71
Jadual 2.10	Sistem rawatan sumber fauna	71
Jadual 4.1	Amalan pemakanan penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu (soal selidik penduduk,2017)	131

GLOSARI

Bertangas	Cara rawatan selepas bersalin iaitu cara bertinggung atas wap air panas atau kini dipanggil sebagai rawatan sauna
Berdiang	Cara rawatan selepas bersalin, yang ketika itu seseorang itu duduk berhampiran dengan api untuk tujuan sentiasa berada dalam keadaan panas.
Jidan	Dipanggil sebagai jintan hitam pada zaman dahulu yang juga salah satu bahan daripada sumber-sumber herba
Jirihmu	menapis atau menuras bahan-bahan yang telah dikisar atau ditumbuk.
<i>Infrared</i>	Sejenis batu magnet yang dijadikan gelang, rantai dan cincin dengan tujuan untuk melancarkan peredaran darah
Kayap	Penyakit kulit yang bermula dari dalam kemudian terkesan di bahagian kulit pesakit. Kayap juga dikenali sebagai barah kulit yang boleh mengakibatkan kematian. Kesan kayap terhadap seseorang, akan menyebabkan rasa sakit seumpama terkena lecur pada badan. Penyakit kayap terkenal dengan penyakit orang kampung.
Ketuhar	Istilahkan arang kayu. Arang tersebut dijadikan sebagai ubatan bagi menahan daripada keluarnya darah
Koka	Sejenis tumbuhan yang habitatnya di kawasan negeri Arab. Tongkat Nabi Musa diperbuat dari kayu ini. Selain itu, penghasilan dari kayu ini diperlakukan tasbih, cincin dan loket. Bagi pengamal perubatan Melayu mempercayai kayu ini dapat menghindari dan melindungi dari gangguan syaitan. Bahkan juga pemakai kayu ini menjadi bahan alternatif dalam penggunaan kaedah azimat yang bertujuan dapat menghilangkan penyakit.
Remunggal	Sejenis tumbuhan yang pohonnya besar dan mempunyai akar jenis banir. Bentuk daun halus berpecah dan berangkai. Daun sesuai untuk dijadikan sayuran dan buahnya sebagai ramuan penyedap kari. Bagi pengamal perubatan tradisi, biji yang sudah tua dijadikan sebagai ubat kencing manis. Selain itu, pohon ini sangat ditakuti makhluk halus.
Tangkal	Dikenali sebagai azimat

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini mengenai amalan penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat Melayu. Dua perkara yang menjadi keutamaan dalam kajian ini ialah amalan penjagaan kesihatan yang dibawa oleh masyarakat Melayu tradisi dan pengamalan amalan tradisi ini dalam masyarakat hari ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kesihatan melalui dasar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) tahun 1948, merupakan kesejahteraan, keselesaan dan kebahagiaan hidup. Kesejahteraan, keselesaan dan kebahagiaan hidup ini menurut pandangan Islam dan barat sihat dari aspek fizikal, psikologi, mental, emosi, seksual, spiritual dan sosial yang bermula daripada jasmani dan rohani (Bedworth, 1982). Kesihatan bagi Kasl & Cobb (1966) merupakan suatu perlakuan yang dilakukan dengan mempercayai dirinya sihat, sakit dan uzur. Luqman (2002) mengaitkan kesihatan sebagai aspek kehidupan yang selaras dengan pengajaran falsafah Islam. Islam telah menekankan agar manusia mengamalkan disiplin diri dalam sembilan perkara, iaitu sentiasa mengingati Allah dan beribadat kepada Allah dengan bersolat. Kedua, menjaga kebersihan diri. Ketiga, membetulkan pembuangan najis. Keempat, Islam menyuruh umatnya mencegah daripada terkena penyakit-penyakit gigi dengan cara bersugi. Kelima, pencegahan melalui pengawasan makanan telah diutarakan oleh Islam sejak dahulu lagi. Keenam, mengawasi berpakaian dengan menutupi bahagian pusat hingga bahagian lutut bagi lelaki manakala wanita seluruh bahagian kecuali tapak tangan dan mata. Ketujuh, menjaga dan memelihara tidur dan rehat. Kelapan, berdisiplin ketika

berada dalam keadaan persetubuhan. Kesembilan, bersenam untuk menyihatkan dan menguatkan tubuh seseorang (Danial, 1988). Menurut Yunus, et.al. (2012) dimensi kesihatan ini merangkumi jasad atau fizikal, mental, moral dan kerohanian atau spiritual dan keseimbangan badan. Dimensi ini telah mempengaruhi faktor-faktor seperti biologi, genetik, persekitaran, fizikal, sosial dan tingkah laku dalam anggota masyarakatnya.

1.3 Permasalahan Kajian

Penjagaan kesihatan dalam perspektif umum menjelaskan penjagaan dalam pengambilan makanan, minuman, kebersihan diri dan persekitaran, senaman dan cara mengawal emosi. Dalam masyarakat Melayu, penjagaan kesihatan diperhatikan melalui pelbagai aspek fizikal dan spiritual. Menyatakan perihalan orang Melayu, telah menimbulkan pelbagai persoalan. Pernyataan tersebut seperti;

I. Penjagaan kesihatan dihubungkan dengan *world view* Melayu tradisional.

Menurut Othman, et.al. (2011) orang Melayu ini dianggap sebagai pemikir, pendidik dan pengatur hubungan antara masyarakat dengan masyarakat yang lain untuk tujuan berdamai dan mengelak dari berlakunya keadaan yang huru-hara. Kedua orang Melayu ini dinyatakan mempunyai sifat rendah diri dengan menganggap dirinya sebagai manusia yang kerdil dengan kekuasaan Allah. Ketiga orang Melayu mempunyai pemikiran yang responsif, kesan daripada penelitian yang halus terhadap perubahan yang berlaku di persekitaran mereka. Keempat, kelebihan orang Melayu ini dinyatakan sebagai pemikir hebat yang boleh berinteraksi dengan alam, berguru dengan alam sehinggakan memberi kesan pengalaman dan pengetahuan yang tinggi. Alam dan orang Melayu akrab disebabkan mereka cuba menyesuaikan cara hidup mereka (Abdul Kadir, 1993). Zainal (1977) pula menyatakan masyarakat ketika itu sering mempelajari dan cuba memahami perubahan yang berlaku di persekitaran, terutamanya apabila dikaitkan dengan pekerjaan

yang dijalankan dan semasa melakukan aktiviti-aktiviti harian. Keadaan ini, telah melihat perspektif masyarakat Melayu ini tertanam berdasarkan falsafah Melayu. Menurut terminologi perubatan tradisional, amalan penjagaan adalah bertujuan untuk mencegah, merawat atau membendung kesakitan atau mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal dan pengkalan keseimbangan tubuh badan (akta perubatan 756, 2013). Falsafah kesihatan Melayu menurut Haliza (2002) diperhatikan melalui perhubungan manusia dengan alam, pengetahuan, sikap dan amalan ketika merawat. Pegangan falsafah Melayu ini di aplikasi dalam kehidupan mereka secara keseluruhannya yang meliputi kehidupan harian, aktiviti sehingga persoalan tentang kesihatan. Menurut Mohd Taib (2005), bidang perubatan Melayu ini menjadi sebahagian daripada *world view* kebudayaan Melayu yang berpandukan alam ghaib, baik daripada agama yang diambilnya mahupun daripada kepercayaan warisannya. Melalui kajian ini, aspek *world view* Melayu ini menjadi panduan dalam menengah bagaimana penjagaan kesihatan masyarakat Melayu dalam amalan tradisi ini difahami. Abdul Kadir (1993) menjelaskan memahami konsep amalan perlunya diketahui melalui proses perkembangan masyarakat itu bermula sejak zaman tradisi, yang mana ketika itu masyarakat mula menyesuaikan cara hidup mereka dengan alam sekeliling. Perkembangan tradisi ini menurut Haron Mat Piah (2003), banyak dirakam melalui penulisan-penulisan kitab manuskrip. Penulisan kitab antaranya menjelaskan keseluruhan kehidupan mereka termasuk budaya, politik, ekonomi dan penjagaan kesihatan. Salah satu pengkajian kitab menyentuh mengenai persoalan penggunaan *materia medica* yang dihubungkan dengan penjagaan kesihatan yang pernah dijalankan oleh Mohd Taib (2005). Sehubungan dengan itu, kajian teks manuskrip menjadi tumpuan dalam usaha melihat gambaran dan memahami budaya amalan penjagaan kesihatan masyarakat tradisi.

- II. Panduan dan kaedah yang digunakan dalam penjagaan kesihatan masyarakat tradisi yang diperhatikan melalui perspektif *world view* menimbulkan beberapa aspek dan peranannya. Pemerhatian tersebut turut menjadi panduan dalam penjagaan masyarakat masa ini yang dikekalkan sebagai amalan turun temurun. Walau bagaimanapun usaha, peranan dan penerimaannya dalam perspektif masyarakat hari ini tetap menjadi penilaian.

Pegangan falsafah Melayu menjadi warisan yang dikekalkan sehingga kini. Namun sejauh mana falsafah Melayu ini diterjemahkan dalam masyarakat hari ini yang makin terhimpit dengan kepesatan dunia teknologi. Akibatnya *world view* Melayu turut berubah selari dengan perubahan dan kehendak semasa. Unsur-unsur teknologi sedikit sebanyak mengubah pemikiran dan persepsi tradisional dalam kalangan masyarakat. Namun sekiranya kepercayaan dan pengetahuan tradisi ini dikekalkan sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan masyarakat. *World view* kemodenan semakin meluas apabila keperluan semakin bertambah bagi menentukan gaya hidup mereka (Kadir, 1993). Proses pendidikan telah mengubah nilai-nilai sosial yang disalurkan melalui sedikit sebanyak juga mengubah *world view* tradisi. Begitu juga dalam sistem perubatan tradisi turut mengubah corak dan gaya penerimaannya kepada pandangan dan falsafah yang baru. Bagaimanapun keadaan ini tidak dipersetujui Albayuni (2009) yang berpendapat sistem perubatan tradisional masih diperlukan biarpun arus globalisasi bertiup kencang dan dunia perubatan semakin canggih dan dalam situasi tertentu sistem perubatan tradisional nyata lebih berkesan daripada perubatan moden. Demikian, penjagaan kesihatan tradisi ini dipercayai masih menjadi amalan yang penting dalam masyarakat hari ini terutamanya dalam masyarakat di luar bandar. Menurut perspektif Abdul Kadir (2007) kepercayaan warisan masih mempengaruhi sebahagian masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan masyarakat kampung atau luar bandar. Namun, sejauh mana kedudukan

pengamalan penjagaan kesihatan cara tradisional ini masih dikekalkan dalam tempat dalam kelompok masyarakat Melayu di luar bandar ini.

III. Rentetan tradisi yang menuju ke arah dunia yang serba moden sedikit sebanyak menjejaskan sistem pengamalan tradisi dalam penerimaan masyarakat sejagat. Batasan ini diperhatikan melalui gambaran perlakuan dalam sesebuah masyarakat itu sendiri.

Masyarakat merupakan sebuah kumpulan manusia yang hidup bersama, mempunyai hubungan sosial dan mempunyai ciri-ciri budaya yang sama. Kumpulan ini juga bersama-sama interaksi untuk mencapai gaya atau corak-corak tertentu serta menjalankan aktiviti secara kolektif (Kadir,1993; Joseph&Roland,1979). Organisasi dalam sesebuah masyarakat mempunyai sistem dan aturannya yang tersendiri dalam perhubungan antara setiap anggota masyarakat, terutamanya yang dikesan dalam masyarakat Melayu tradisi yang dilihat mempunyai konsep tersendiri menyusun budaya mereka ketika itu secara bersistematik khususnya dalam institusi ekonomi dan politik. Ibarat masyarakat ketika itu hidup dalam kumpulan yang boleh hidup bersama, boleh menjalani hubungan sosial bersama dan mempunyai ciri-ciri budaya yang sama (Kadir,1993). Justeru, perubahan tradisi ke modenisasi berlaku telah mempengaruhi kesan budaya, sosial, idea, institusi dan pemikiran. Berlakunya pertindihan di antara komuniti yang menerima dan menolak perubahan tersebut. Akibatnya berlakunya pertembungan budaya yang memberi kesan terhadap sistem nilai dan norma masyarakat yang tergambar melalui kepimpinan, kekeluargaan, perubahan masa dan ruang dan kegiatan ekonomi.

1.4 Objektif kajian

Memahami permasalahan telah menghuraikan tiga objektif kajian ini;

- i. Mengenal pasti amalan penjagaan kesihatan tradisional melalui teks Melayu lama,
- ii. Menganalisis penerimaan dan penilaian masyarakat di mukim terpilih terhadap amalan penjagaan kesihatan cara tradisional, dan
- iii. Menilai dan membandingkan perspektif masyarakat terhadap pengamalan tradisi dalam ruang masyarakat tradisi dan ruang masyarakat kini.

1.5 Skop kajian dan Batasan kajian

Skop kajian membincangkan mengenai penjagaan kesihatan masyarakat Melayu dengan kaedah dan rawatan tradisional. Fokus masyarakat menumpukan masyarakat Melayu dalam ruang tradisi yang dikenal pasti melalui teks lama dan masyarakat kini yang masih menerima dan menggunakan kaedah dan rawatan tradisi ini. Masyarakat baru ini dilakukan kajian lapangan di luar bandar.

Tumpuan kajian luar bandar difokuskan daerah Lipis. Lipis mempunyai 11 buah mukim yang menyebabkan kajian dibatasi dengan memilih empat buah mukim. Daerah Lipis ini diperhatikan;

- i. Berdasarkan Laporan Kesihatan tahun 2013 (rujuk jadual 1.1), sebanyak 96.25 peratus penduduk Lipis berada dalam keadaan kesihatan yang baik (Laporan Belia Lipis, Pahang 2013) dan secara keseluruhannya menggambarkan kesejahteraan kehidupan yang sederhana (rujuk jadual 1.2).

Jadual 1.1: Sumber Laporan peratus kesihatan Belia Lipis, 2013 (Peta Belia,2013)

Penyakit	Peratusan
Tiada Darah Tinggi	90.2
Tiada Kencing Manis	95.6
Tiada Kanser	99
Tiada Sakit Jantung	99
Tiada Buah Pinggang	98.5
Tiada Asma	93.7
Tiada Penyakit Berjangkit	99.5
Tiada HIV / AIDS	100
Tiada Obesiti	95.6
Tiada Insomnia	97.1
Tiada Gestrik	87.3
Tiada Penyakit Jangkitan Seks	99.5

- ii. Proses pembangunan dan ekonomi berada pada paras sederhana yang menjalankan aktiviti pertanian, penternakan dan perlombongan. Keadaan ini dipercayai mempengaruhi cara penjagaan kesihatan penduduk dengan mengekalkannya secara kaedah tradisi. Oleh yang demikian, data yang diperolehi akan mewakili golongan kelas pertengahan dan jurang antara kelas masyarakat dapat dielakkan.

Jadual 1.2: Laporan skor kesejahteraan ekonomi daerah Lipis, Pahang (Peta Belia,2013)

Negeri	Daerah	Jumlah Responden	Kesejahteraan (%)	Skor
Pahang	Lipis	205	35.92	Sederhana baik

- III Merujuk golongan peringkat tua di antara 70 ke atas diperhatikan melalui jadual 1.3 masih ramai iaitu sejumlah 3,321 orang sehingga tahun 2010 (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Golongan tua ini dianggap masih memegang kepercayaan yang tinggi dan mengekalkan amalan dan cara tradisi.

Jadual 1.3: Jumlah penduduk mengikut kumpulan umur (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010)

Mukim	Umur								
	Jumlah	10118	10147	9750	8841	6913	7596	5146	5022
	86484	0-4	5-9	10-14	15-19	20-24	25-29	30-34	35-39
Batu Yon	10458	1126	1330	1284	1101	832	851	645	636
Budu	4652	613	375	484	395	263	335	197	201
Cheka 1&2	4876	428	424	716	405	473	324	188	222
Gua	5448	635	470	669	633	330	512	275	397
Kechau	5327	630	656	454	467	470	593	477	375
Kuala Lipis	14699	1799	1579	1666	1331	1339	1522	805	769
Penjom	12579	1068	1274	1264	1501	1293	950	764	794
Tanjung Besar	2879	177	380	240	223	202	317	85	340
Telang	6850	650	797	702	901	479	563	551	350
Ulu Jelai	18716	2992	2862	2271	1884	1232	1629	1159	938

Mukim	Umur								
	Jumlah	4399	4205	3490	2988	2743	1805	1558	1763
		40-44	45-49	50-54	55-59	60-64	65-69	70-74	75 +
Batu Yon		535	533	506	320	255	168	165	171
Budu		269	291	285	283	229	157	125	150
Cheka 1&2		332	235	203	304	212	126	145	139
Gua		279	356	284	158	167	101	86	96
Kechau		274	245	199	150	120	64	64	89
Kuala Lipis		640	828	647	520	455	311	162	326
Penjom		859	573	508	491	485	290	236	229
Tanjung Besar		141	137	132	96	103	71	123	112
Telang		381	408	238	215	233	107	113	162
Ulu Jelai		689	599	488	451	484	410	339	289

IV. kajian ini juga memfokuskan khususnya bangsa Melayu. Melalui jadual 1.4 dinyatakan bilangan jumlah yang ramai majoritinya Melayu seramai 59,570 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Bilangan bangsa Melayu diperhatikan tinggal di kampung-kampung yang menyebabkan kurangnya pembangunan di daerah ini. Lantaran itu, potensi menjalankan amalan tradisi masih menular dalam kalangan penduduk.

Secara keseluruhan pemerhatian ini menumpukan di empat buah mukim seperti di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu.

Jadual 1.4: Jumlah penduduk mengikut etnik (Jabatan Perangkaan Malaysia,2010)

Mukim	Jumlah	Warganegara Malaysia						Bukan Bumiputera
		Bumiputera			Cina	India	Lain-lain	
		Jumlah Bumiputera	Melayu	Bumiputera lain				
		86484	71837	59570	12267	7411	2811	
Batu Yon	10458	9874	9644	171	4	42	13	584
Budu	5079	4495	3142	23	1131	194	5	157
Cheka	4876	4775	4515	193	55	2	10	101
Gua	5448	4936	3837	2	508	581	8	512
Kechau	5327	4216	4108	63	10	29	6	1111
Kuala Lipis	14699	14430	10529	81	2976	808	36	269
Penjom	12579	12142	8379	165	2477	1093	28	437
Tanjung Besar	2879	2821	2800	1	18	1	1	58
Telang	6850	6296	5916	243	127	-	10	554
Ulu Jelai	18716	18215	6700	11325	105	61	24	501

1.6 Kajian Lepas

Penulisan mengenai penjagaan kesihatan banyak membincangkan perspektif *world view* Melayu masyarakat dalam sesebuah komuniti dan perbincangan teori penyelidik-penyelidik yang lepas. Pengkaji lepas yang diperhatikan seperti kajian Azlan (1989), Pisol (1995), Haliza (1999), Hasnah (2005), Salmah (2010) dan Shariffah Suraya (2010) yang membincangkan mengenai penjagaan kesihatan. Pengkaji-pengkaji telah menjalani kajian etnografi antropologi dalam kumpulan masyarakat berpenghuni beragama Islam yang berbeza kawasan. Kumpulan masyarakat ini didapati mempunyai *World view* yang berbeza-beza dalam pegangan penjagaan dalam menyelesaikan masalah kesihatan. Rentetan ini telah menimbulkan perubahan yang mula diperhatikan sejak akhir tahun 1980 sehingga 2010 dan bergantung sejarah dan kebudayaan masyarakat itu sendiri. Perubahan ini jelas diperhatikan melalui aspek kepercayaan masyarakat yang mula menitik beratkan persoalan agama. Walaupun kepercayaan tradisi masih menapak dalam

kehidupan mereka, namun dengan unsur-unsur Islam ini telah mengehadkan terhadap pegangan tersebut.

Azlan (1989) menggunakan konsep perimbangan dalam memahami jalan penyelesaian masalah keuzuran yang diperhatikan melalui teknik urutan. Hasil kajian tersebut, mendapati punca sakit dan keuzuran disebabkan darah, air dan angin yang tidak lancar. *World view* masyarakat Melayu dinyatakan masih percaya terhadap kuasa luar biasa yang sekiranya melanggar pantang larang menyebabkan berlakunya kesakitan atau menyebabkan hilang semangat. Dalam aspek rawatan, perawat diperhatikan memperoleh ilmu hasil menuntut dan kelebihan yang dikurniakan. Kajian sarjana ini dilihat bersifat empirikal yang menumpukan kaedah perawat seperti bomoh dan bidan semasa menjalani rawatan mengurut. Penumpuan kajian Azlan lebih memfokuskan budaya pengubatan yang diguna dalam corak rawatan perawat terutamanya memperlihatkan sistem mengurut. Kajian sarjana ini berbeza dengan fokus kajian pengkaji mengupas pengamalan budaya tradisi melalui teks lama dan membandingkan dengan pengamalan tradisi yang masih dijalankan dalam masyarakat hari ini.

Pisol (1995) menggunakan konsep etnofarmakologi dengan tujuan menghuraikan aspek-aspek khasiat, penggunaan dalam terapi, merumus ubat dan memahami kandungan racun dan antidot dari material melalui pemerhatian *meteria medika* (aspek sejuk, panas, kering dan basah). Hasil dapatan kajian tersebut sarjana telah menemukan pengaruh kosmologi dan kesan *world view* Melayu yang menyentuh sebab musabab, rasional pemilihan bahan dan idea-idea dalam perubatan. Aspek kosmologi dinyatakan elemen-elemen seperti unsur alam, manusia dilihat sebagai mikro kosmos, alam pula dilihat sebagai makro kosmos dan terkesannya dari epistemologi Islam. *World view* Melayu dijelaskan melalui konteks pengetahuan masyarakat dalam mengamalkan berpantang, penjagaan makanan dan mengamalkan kehidupan yang sihat. Secara keseluruhan kajian

sarjana ini lebih menekankan aspek kepentingan dan keperluan yang terkandung melalui sumber herba sebagai perubatan tradisional. Melalui kajian pisol, menumpukan kajian teks lama untuk memahami corak sumber herba sebagai material utama dalam rawatan tradisional. Daripada kajian yang dibawa ini telah membandingkan dengan kajian pengkaji yang turut menjadikan sumber herba sebagai salah satu daripada material namun kajian ini bertujuan memahami kaedah dan rawatan yang dijalankan dalam ruang tradisi dan penerimaannya pada masa ini.

Haliza (1999) telah menggunakan pendekatan antropologi (emik dan etik) dalam menganalisis fenomena penyakit dan keuzuran. Sarjana menumpukan sistem penjagaan kesihatan menegaskan perspektif sosiobudaya dalam tiga aspek seperti hubungan sosial di antara bomoh dan pesakit, pesakit dengan persatuan dan kementerian dengan perkembangan ekonomi tempatan dan serantau. Kajian yang dijalankan sarjana ini bersifat empirikal dengan menyatakan perubatan Melayu sebagai sistem budaya Melayu bersifat realiti sosial yang dikesan daripada konsep dan amalan. Perincian kajian lebih menekankan konsep kepercayaan, makna dan simbol dalam konteks fizikal, mental dan spiritual masyarakat Melayu. Secara keseluruhan kajian Haliza lebih menumpukan terhadap sistem rawatan dibawa oleh kumpulan perawat seperti bomoh dan penerimaan masyarakat dengan sistem rawatan yang dijalankan tersebut. Konsep penjagaan kesihatan masih dikekalkan dengan pengubatan dan pencegahan. Namun pengkaji menekankan pengubatan dan pencegahan melalui kaedah dan rawatan khusus yang digunakan dalam masyarakat tradisi yang berpandukan teks lama.

Hasnah (2005) menggunakan model kepercayaan kesihatan melalui teori yang dibawa oleh kurt lewin dalam menganalisis penjagaan kesihatan dalam kalangan remaja. Dinyatakan penjagaan kesihatan dalam kalangan remaja ini dipengaruhi dengan model yang dibawa oleh ibu bapa atau orang dewasa yang lain. Hasil dapatan kajian tersebut

memperlihatkan remaja ini mempunyai cara tersendiri dengan memfokuskan kepada kecantikan wajah, gigi, makanan, rambut, tubuh badan, senaman, berat badan dan hindari dari merokok. Kajian ini sebagai panduan dalam melihat konteks penjagaan kesihatan. Kajian Hasnah merujuk dalam satu kumpulan masyarakat yang kecil seperti golongan remaja dan membezakan dengan pengkajian yang dijalankan pengkaji memfokuskan ke lapangan yang luas dengan menilai pandangan komuniti luar bandar dengan membezakan kawasan mukim, jantina dan umur.

Salmah (2010), model kajian ini budaya sebagai sistem adaptif. Sarjana memfokuskan dalam komuniti masyarakat Melanau yang beragama Islam. Kajian tersebut, perspektif kajian melibatkan tiga sektor bertindih iaitu sektor popular, sektor *folk* atau tradisi dan sektor profesional. Berdasarkan kajian ini, sarjana telah menggunakan konsep penjagaan kesihatan sebagai suatu tindakan masyarakat dan mengelak daripada keuzuran yang boleh menjejaskan kesihatan dan kesejahteraan. Berdasarkan pendekatan antropologi yang menekankan aspek emik dan etik memperlihatkan pegangan *world view* masyarakat Melanau menerusi penjagaan makanan. Terdapat lapan prinsip utama ketika penjagaan yang menjadi panduan mereka seperti berpaksikan cara Islam dan Al-Quran, melihat sifat makanan yang mempunyai unsur sejuk dan panas, melihat makanan yang mengandungi elemen-elemen angin, berbisa dan gatal, memerhati makanan sesuai sama ada beracun atau tidak, kepentingan makanan pada diri, makanan asas, petua dalam pengambilan makanan, pantang larang dalam mengambil makanan. Kajian ini secara keseluruhannya telah memperlihatkan *world view* kepercayaan komuniti Melanau berubah dan berpaksikan nilai-nilai Islam. Manakala aspek-aspek *world view* masyarakat Melayu dalam kajian pengkaji menekankan kepercayaan dan pengetahuan.

Sharifah (2010), meneliti penjagaan kesihatan dengan menggunakan pendekatan antropologi yang menekankan emik dan etik yang diperhatikan melalui perlakuan komuniti wanita di Kampung Selarong. Empat konsep utama yang digunakan seperti; perlakuan yang menjelaskan aspek kepercayaan, norma dan nilai. Kedua, kepercayaan yang memerhatikan unsur sihat dan uzur, norma dilihat dalam sistem penjagaan yang dibawa dalam zaman moden, tradisi dan Islam dan yang terakhir nilai dilihat dalam konteks tradisi seperti pantang larang dan petua tradisional dalam penjagaan kesihatan. Ketiga, masyarakat Melayu menekankan aspek budaya, kepercayaan, nilai dan norma. Keempat, sihat yang menjelaskan fizikal, mental dan spiritual. Konsep-konsep ini diperhatikan melalui kajian dalam komuniti wanita yang menumpukan penjagaan makanan, sosioekonomi, cara penyediaan, nilai dan kepercayaan serta mengekalkan amalan berpantang. Hasil dapatan mendapati kedudukan ekonomi komuniti rendah, golongan tua masih mengekalkan konsep perimbangan manakala golongan muda lebih menekankan penampilan diri dalam penjagaan kesihatan dan kepercayaan berubah kepada sifat teknologi. Kajian ini diperhatikan dalam konteks penjagaan kesihatan yang dijelaskan dengan melihat perlakuan melalui batasan kepercayaan, nilai dan norma. Manakala dalam kajian pengkaji, ketiga-tiga batasan perlakuan ini diperhalusi melalui penghuraian analisis teks lama.

1.7 Metodologi kajian

Penyelidikan ini merupakan kajian etnografi dengan menggunakan metodologi kualitatif dan kuantitatif. Data kualitatif diperoleh melalui kajian kepustakaan dan *in-depth interview*. Data kuantitatif diperoleh melalui kajian tinjauan (servei).

1.7.1 Kajian Kepustakaan

Melalui Kajian kepustakaan ini, penyelidik mendapatkan data melalui tinjauan kajian lepas berhubung dengan konsep amalan dan penjagaan kesihatan. Kedua, data diperoleh dari kitab pelbagai catatan yang bersiri MSS 597, MSS 1637 b, MSS 2492, MSS 2701, MSS 2750 dan MSS 3339. Kajian teks kitab ini menumpukan mengenai penjagaan kesihatan tradisional yang menekankan aspek kepercayaan, kaedah dan rawatan.

1.7.2 *In-depth interview*

Interview dijalankan secara semi-berstruktur, iaitu dengan mengajukan soalan-soalan berbentuk *open-ended* dan tidak terikat. *Interview* secara semi-berstruktur ialah satu kaedah kajian kualitatif yang efisien bagi mendapatkan data penting berkenaan dengan kajian tanpa mengambil masa temu bual yang panjang (Mohamad, M. S, et. al., 2011: Barriball, 1994). *Interview* dijalankan secara *one-to-one* dan juga berkumpulan. *Interview* secara ini memudahkan informan selesa dan tidak terikat dengan soalan dan jawapan yang hendak diberikan. *Interview* ini dijalankan di empat buah mukim Lipis seperti Tanjung Besar, Cheka, Kechau dan Budu.

1.7.2.1 *Interview one-to-one*

Pada peringkat pertama, temu bual ini dijalankan secara *one-to-one* yang melibatkan penghulu mukim setiap kawasan yang terpilih. Penemuan ini telah menghuraikan data-data mengenai latar belakang mukim jajahan dan laporan aktiviti penduduk seperti ekonomi dan gaya hidup masyarakat secara keseluruhan.

Pada peringkat kedua, *interview* dijalankan bersama Tok Ketua Kampung (Tok 4) di empat buah mukim. Peringkat *interview* ini secara semi struktur yang menjelaskan

lebih terperinci mengenai sejarah kampung, kegiatan masyarakat, kedudukan kesihatan masyarakat, amalan, gaya hidup masyarakat setempat dan pandangan terhadap penduduk secara keseluruhan mengenai penyelesaian ketika mengalami sakit. Begitu juga dengan penerimaan masyarakat dengan perawat tradisional yang ada di kampung tersebut.

Pada peringkat ketiga, *interview* dijalankan bersama perawat. Secara keseluruhannya mendapati 12 orang perawat yang dapat di temu bual. Perawat-perawat ini berbeza-beza kemahiran dan jenis rawatan yang digunakan. Perawat ini merupakan bidan, pakar herba, pakar urutan, pakar kayap, pakar kanser, pakar sengungut, pakar tercekik tulang, perawat pelbagai jenis penyakit. Tujuannya untuk mendapatkan data mengenai kaedah dan rawatan tradisional. Berdasarkan kutipan *interview* ini dapat dihuraikan mengenai jenis penyakit yang di ubati dan cara rawatan yang dilakukan.

Pada peringkat keempat, *interview* dijalankan bersama penduduk terpilih yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman pengubatan tradisional. Tujuan temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai istilah dan kefahaman terhadap kaedah dan rawatan tradisional ini. Selain itu dapatan juga bertujuan untuk memahami beberapa istilah yang diguna pakai dalam kitab pelbagai catatan. Seterusnya maklumat yang diberikan ini secara tidak langsung dapat memahami budaya ketika merawat penyakit dan penerimaan masyarakat setempat terhadap kaedah dan rawatan tradisional ini.

1.7.3 Discussion (Perbincangan)

Menjalankan perbincangan secara berkumpulan dijalankan secara dua peringkat. Peringkat pertama terdiri daripada pengkaji, penduduk setempat, tok 4 dan perawat. Peringkat kedua di antara pengkaji, tok 4 dan tiga orang penduduk. Perbincangan

mengkhususkan mendapatkan pandangan dan pemahaman mengenai amalan penjagaan kesihatan yang berasaskan konsep tradisional.

1.7.4 Pemerhatian

Kajian ini mengambil data melalui pemerhatian secara tidak langsung melihat budaya masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Perkara yang diperhatikan menyentuh persoalan penjagaan makanan, aktiviti untuk meningkatkan kesihatan, amalan berpantang, amalan berubat, kaedah perawat ketika merawat pesakit dan lain-lain aktiviti.

1.7.5 Kaedah Tinjauan (deskriptif servei)

Kajian tinjauan ini telah mengambil sampel seramai 160 orang responden di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu dengan menekankan faktor umur, jantina dan jenis penyakit dengan menilai tahap kesihatan, cara pengambilan makanan, gaya berpantang bagi golongan wanita, cara dapatkan rawatan ketika sakit dan untuk menilai sejauh mana pengetahuan dan kepercayaan masyarakat berhubung dengan kaedah dan rawatan dalam penjagaan kesihatan masyarakat. Hasil daripada kutipan data tinjauan ini dan data *in-depth-interview* dilihat, dikupas dan dinilai melalui pandangan antropologi perubatan.

1.8 Kerangka Konsep dan Teori

1.8.1 Penjagaan Kesihatan

Menurut T.Karimoeddin (1958) kesihatan menghubungkan dengan pengubatan dan pencegahan. Perhubungan ini turut mempengaruhi dalam konteks pemakanan dalam

kajian Jasimah (2000). Menurut beliau pengamalan pemakanan yang baik dengan menurut amalan Rasulullah s.a.w, dengan menjaga dan merawat tubuh secara bersistematik dengan mengamalkan minuman madu yang dicampurkan bersama air. Menurut perspektif Islam, Hamidah (2014) menjelaskan rawatan mempunyai dua penekanan yang pertama ubat yang dirawat dengan hati dan jiwa. Kedua, ubat yang bersandarkan hukum syarak dan pengalaman manusia. Kaedah yang bersumberkan syarak dan pengalaman manusia terbahagi kepada dua iaitu pertama yang boleh tidak perlu dijalankan kajian seperti makan boleh menghilangkan lapar dan minum boleh menghilangkan dahaga. Kedua yang memerlukan kajian seperti rawatan ke atas penyakit yang memerlukan kajian, percubaan, pengalaman dan pandangan orang yang mahir tentang perubatan.

Ismail (1992) melihat proses pencegahan dalam rawatan fizikal dan spiritual. Dalam rawatan fizikal dibahagikan kepada penjagaan luaran dan dalaman. Penjagaan fizikal luaran menekankan kebersihan badan, tempat tinggal dan pembuangan dan rawatan fizikal dalaman dengan mengamalkan air, manisan lebah, berbekam dan berdiang di api. Rawatan spiritual melibatkan penjagaan kerohanian atau pengawalan daripada tekanan. Orang Melayu melihat tekanan ini merupakan gangguan yang menjadi penyebab keuzuran atau sakit disebabkan pengaruh daripada kesan fizikal, persekitaran dan fisiologi manusia itu sendiri. Selain itu, berlakunya keadaan sedemikian disebabkan faktor super natural seperti pengaruh ilmu sihir dan makhluk halus. Dalam proses pencegahan, menurut Zainah (2011) memerlukan penjagaan kerohanian dengan mengawal daripada tekanan perasaan dan minda. Penjagaan tersebut memerlukan senaman agar dapat mengelak kemarahan, dendam dan buruk sangka. Penjagaan ini dianggap menjadi petua awet muda. Senaman juga menurut Ethel (1996) dapat melancarkan perjalanan darah dan membantu memudahkan pernafasan dan juga mendapatkan rehat yang secukupnya agar dapat mencegah daripada penyakit.

Perkara-perkara yang mempengaruhi kesihatan Azlan (1992) menerangkan sihat dipengaruhi dengan faktor usia dan perimbangan tubuh terhadap elemen-elemen seperti darah, air dan angin ini mempengaruhi kekuatan fizikal dan keupayaan individu itu. Dalam terminologi perubatan tradisional, amalan penjagaan adalah bertujuan untuk mencegah, merawat atau membendung kesakitan atau mengekalkan kesejahteraan mental dan fizikal (akta perubatan 756, 2013). Konsep kesihatan dalam masyarakat Melayu, mengandungi falsafah, berprinsip, penjagaan, sebagai sistem adaptif, diliputi dengan manusia dan alam, berpengetahuan, sikap serta amalan dan rawatan (Haliza,2000; Halim,1993). Falsafah kesihatan ini disandarkan melalui penjagaan makanan, menurut Abdul Kadir (1992) jenis makanan dibahagikan kepada sejuk dan panas. Sejuk dan panas ini dapat mempengaruhi penyakit terutamanya dalam mengekalkan perimbangan badan. Koharuddin (2003) menjelaskan sekiranya pengawalan perimbangan badan yang tidak stabil akan membawa bisa dan berangin yang terkesan pada tubuh badan seseorang. Begitu juga dengan sifat-sifat yang dikelaskan dalam tubuh badan manusia menurut teori cairan hippokrates (pakar dalam ilmu perubatan Yunani) mengandungi unsur cairan seperti darah, lendir, hempedu kuning dan hempedu hitam. Pembahagian ini ditegaskan Jasimah (2000) yang menerangkan darah mempunyai sifat panas dan lembap, lendir bersifat dingin dan lembap, hempedu kuning bersifat panas manakala kering dan hempedu hitam mempunyai sifat dingin dan kering.

Razak (2006), menyatakan kaedah yang digunakan bergantung pada jenis penyakit, bahan yang digunakan serta penyediaan bahan untuk rawatan. Memahami konsep pegangan dalam amalan Melayu dalam perubatan, dapat dihubungkan daripada kesan perlakuan seseorang. Perlakuan tradisi ini telah dibahaskan oleh Pareto yang menyatakan perlakuan cara ini bukan logis dan telah membahagikan kepada empat kelompok golongan. Golongan pertama, perlakuan yang mempunyai hubungan matlamat ikhtiar baik. Golongan kedua perlakuan yang mempunyai hubungan matlamat ikhtiar

secara subjektif (contohnya dalam upacara). Ketiga, golongan yang mempunyai hubungan ikhtiar pada kenyataan yang tidak wujud dalam pemikiran pelaku (bergantung pada naluri). Golongan keempat, mempunyai hubungan ikhtiar untuk menghasilkan kesan-kesan dalam kenyataan. Menurut perspektif Melayu, amalan masyarakat mengutamakan penetapan peraturan atau pantang larang. Proses pantang larang ini akan ditekankan melalui proses penjagaan kesihatan, ketika selepas bersalin dan pantang larang dalam mengubati secara mengadakan upacara (Kadir,1992).

Sistem rawatan Melayu, menurut Pisol (1995) mempunyai cara-cara empirikal dan saintifik untuk merawat dan mengubati penyakit berasaskan tumbuhan ubat mengikut sistem etiologi penyakit. Kedudukan tumbuh-tumbuhan sebagai ramuan dalam rawatan penyakit yang menjadi kegunaan masyarakat Melayu tradisional. Panduan atau kaedah yang digunakan oleh masyarakat tradisi melalui pemerhatian terhadap tingkah laku haiwan, terutamanya haiwan sakit yang sering makan sesuatu jenis tumbuhan untuk merawat penyakit. Sekiranya tumbuhan tersebut tidak mendatangkan sebarang kesan buruk, dianggap makanan tersebut sesuai dijadikan sebagai ubatan. Walaupun adanya kemasukan istilah-istilah baru, namun perubatan Melayu tidak menjejaskan sepenuhnya pengetahuan dan kepercayaan terhadap etno perubatan itu sendiri (Fatanah, 2003).

1.8.2 Tradisi

Hassan (1999) tradisi juga merujuk daripada pengalaman sesuatu bangsa berfikir, merenungi dan memahami alamnya, baik alam kosmos mahupun alam terdekat sekeliling kehidupan sehariannya sehingga daripada pengalaman itu terhasil beberapa teks yang dapat dikaji sebagai penanda pandangan atau falsafah hidup bangsa itu secara kolektif. Terutamanya dalam masyarakat tradisi membinanya melalui unsur-unsur pengalaman dan kepercayaan. Tradisi menurut perspektif antropologi menyentuh mengenai bahasa,

lambang dan tingkah laku yang menyentuh nilai dan moral melalui peraturan-peraturan tertentu (Norazit, 1989). Tradisi jugalah yang menentukan nilai dan moral masyarakat yang mana dikatakan benar atau salah serta yang patut dipuji dan disanjung. Proses zaman tradisi ini, sebenarnya meliputi dari seluruh pandangan dunia Melayu atau falsafah Melayu yang melibatkan mengenai kepercayaan tentang persoalan hidup dan mati dan kejadian alam dan makhluknya, nilai dan cara berfikir sesuatu masyarakat. Menurut Hashim Awang (1990) mengelaskan aspek rawatan tradisi melalui empat proses dalam rawatan iaitu proses fisiologi, proses psikologi, proses perhubungan sosial dan menghubungkan norma-norma dan lambang-lambang budaya.

Intelektual tradisi bersifat dinamik dan responsif mengikut tuntutan zaman Othman,et.al. (2011). Falsafah Melayu juga dipengaruhi daripada pengalaman dan pengetahuan masyarakat itu sendiri. Abdul Kadir (1993) menjelaskan proses perkembangan masyarakat disesuaikan dengan hidup mereka dengan alam sekeliling. Masyarakat ketika itu dipercayai sering mempelajari dan memahami perubahan yang berlaku di persekitaran, terutamanya apabila dikaitkan dengan pekerjaan yang dijalankan dan semasa melakukan aktiviti-aktiviti harian (Zainal Kling,1977). Terutamanya dalam mengamati jenis-jenis herba yang sesuai dijadikan sebagai ubatan. Caranya dengan memerhatikan perlakuan haiwan ketika memilih herba untuk dibuat makan. Tujuannya untuk mengetahui sama ada herba tersebut sesuai dibuat makanan atau ubatan dengan memastikan tidak beracun. Perspektif mereka haiwan akan memilih herba yang sesuai untuk dimakan atau ketika mengalami kesakitan dan selepas bersalin.

Pengetahuan masyarakat Melayu terdahulu melihat keadaan penyakit dari pelbagai aspek, terutamanya mengenai khasiat akar-akar kayu (Mohd Taib,1989). Khazanah ilmu dan pengalaman ini dapat menimbulkan kesedaran masyarakat

menghuraikan daripada lisan kepada penulisan. Kadir (1993) menjelaskan, pengalaman itu merupakan ilmu pengetahuan yang amat penting dalam menjalani hidup dan sebagai suatu pengetahuan kepada generasi yang terkemudian. Ia juga berlaku disebabkan daripada pengaruh kelakuan, sifat, adat resam, kepercayaan, agama dan lain-lain (Saleh,2004). Dari situ, masyarakat mula merekodkan pengalaman melalui catatan yang terdapat di dalam kitab-kitab manuskrip. Hasil penulisan kitab-kitab ini memaparkan segala peristiwa yang berlaku ketika itu atau apa-apa dipelajarinya. Haron Piah (2005) mengklasifikasikan catatan manuskrip ini sebagai korpus ilmu tradisional. Penulisan kitab ini sebagai membuktikan, dokumentasi ilmu Melayu ini mengandungi pelbagai ilmu Melayu seperti petua, azimat, ilmu ramalan (astrologi), ilmu perkasihan (ilmu berahi), ilmu bahasa (nahu dan surat kiriman), ilmu hisab atau perhitungan, ilmu pertanian (tanaman dan ternakan), ilmu bedil (peluru petunang), ilmu rejang, ilmu pertukangan (rumah) dan ilmu kesenian (lakonan dan tarian).

Sementara itu menyentuh mengenai perlakuan kumpulan tradisi ini Warnanen (1989) menghuraikan kehidupan mereka didasari pada nilai-nilai budaya melalui hubungan manusia dengan peribadinya, dengan masyarakatnya, dengan tuhan, dengan alamnya, dan hubungan dalam mencari kesejahteraan lahir dan batin. Merakamkan hal demikian, Jas Laile (2007) menjelaskan perlakuan tersebut seperti mana yang diperhatikan melalui aksi amalan mantera. Amalan mantera ini dijelaskan sebagai proses pemujaan yang menyingkap simbol untuk merujuk salah satu psikologi manusia dengan alam. Amalan ini menerangkan keupayaan seseorang sebagai memperakukan takat kecekapan seseorang dalam bertindak mengikut kewarasan diri. Begitu juga sekiranya seseorang itu melanggar atau ingkar akan dapat gangguan yang boleh melibatkan tekanan emosi seperti putus asa, sedih, rasa terpinggir dan rasa lemah. Diandaikan bahawa faktor penglibatan terhadap isu kesihatan ini sebagai salah satu pemboleh ubah penentu yang penting dalam proses perubahan tingkah laku kesihatan.

Dalam konteks ini penglibatan individu dalam sesuatu isu kesihatan diandaikan mempunyai hubungan yang signifikan dengan proses pendedahan kepada maklumat kesihatan, usaha pencarian maklumat kesihatan dan seterusnya perubahan kepada tingkah laku gaya hidup sihat (Rogers & Storey, 1987; Grunig, 1989; Samsudin & Latifah, 2002).

1.8.3 World View Melayu

World view Melayu dari pandangan Islam, menurut Hashim Musa (2001) dibahagikan enam perspektif seperti, mempercayai alam mempunyai peringkat (arwah), alam dunia, dan alam akhirat. Kedua, Islam merupakan agama al-Din dengan peraturan, ketiga mempercayai pada pembalasan pada hari akhirat. Keempat, penegasan terhadap wawasan, misi, objektif, niat, strategi, dan operasi segala nilai tertinggi dikaitkan dengan segala perkara yang membantu pembentukan insan yang beriman, beramal soleh dan berakhlak mulia yang manfaatnya dapat dinikmati sama oleh orang lain. Kehidupan pertengahan dan seimbang antara jasmani, akali dan rohani berasaskan kepada ilmu pengetahuan dalam bentuk fardu ain dan fardu kifayah. *World view* Islam menjadi panduan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sepertimana yang dijelaskan Mohamed (2003) *world view* Melayu dalam perspektif kini lebih bersifat tasawur Islam akibat peralihan pandangan dunia lama yang diikuti dengan perubahan pada pendekatan hidup berhubung dengan alam atau falsafah hidup. Penjelasan ini juga dibahaskan Othman, et al. (2011) dengan menyatakan melalui perspektif otologi orang Melayu yang berasaskan konsep wahyu. Pendekatan yang digunakan seperti tauhid, rasionalistik, *World affirmative* (dunia sebagai tempat berguna), mementingkan etika dan kepedulian sosial. *World view* tradisi meliputi dari kepercayaan tentang persoalan hidup, mati dan kejadian alam. Menerangkan mengenai konsep tradisi secara ringkasnya meliputi aspek kepercayaan, nilai dan cara berfikir dalam sesebuah masyarakat.

Menyentuh mengenai kepercayaan dalam masyarakat, Mohd Taib (1989) menjelaskan konsep kepercayaan warisan berpegang terhadap tiga kumpulan masyarakat. Kumpulan pertama terdiri daripada masyarakat yang berpegang kepada animisme yang percaya terhadap kuasa luar biasa. Peringkat ini, Comte (S.Blumberg,1972) melalui falsafah positivismenya menyatakan manusia berada dalam tahap pemikiran teologi ketika itu mereka sedang mengenal dan mencari hakikat batin daripada persekitaran mereka. Pada peringkat ini, masyarakat menilai kepercayaan secara abstrak iaitu dengan mengguna pakai konsep roh atau dikenali sebagai politeisme. Pada mereka perubahan pada jasad dan fikiran berlaku ketika dalam keadaan tidur, berjalan, menurun, semasa tidak sedarkan diri, ketika sakit, hidup atau mati. Kemudian sifat tersebut dijemakan melalui proses penceritaan mitos, legenda dan memorates pengalaman dengan alam (Maulana,2012). Animisme juga mengandungi kuasa luar biasa yang boleh dilihat secara jelas atau tidak tetap. Unsur kepercayaan ini seperti yang disifatkan oleh E.B. Tylor, tuhan yang mempunyai semangat dan berkuasa di persekitaran mereka. Mana juga Amsal (2007) menyatakan cahaya alam nyata (fizikal) dihuni oleh manusia dan makhluk-makhluk lain, fauna dan flora manakala alam spiritual (ghaib) dihuni oleh roh dan semangat yang terdiri daripada semangat baik (dudui) dan semangat jahat (ompuvan). Dalam kehidupan seharian kesemua ciptaan di alam nyata dan alam spiritual saling berinteraksi dan sentiasa menjaga keseimbangan perhubungan. Perhubungan yang sentiasa seimbang membolehkan kehidupan manusia alam nyata dan roh serta semangat di alam spiritual berada dalam keadaan sejuk (Hanafi,2016). Disebabkan itu, kepercayaan animisme bergantung kepada tiga elemen iaitu jiwa roh atau semangat dalam kehidupan masyarakat primitif, yang menganggap segala-gala berada di sekelilingnya memainkan pengaruh tertentu (Rahman,1999; Siti Hawa,1994). Peringkat manusia ketika itu memegang konsep hantu, percaya pada jiwa, mempercayai sesuatu itu mempunyai jiwa

dan sesuatu yang berjiwa itu masih sebatu dalam persekitaran mereka yang sehinggakan tanggapan mereka terhadap pokok yang besar mempunyai jiwa dan roh (Amsal, 2007).

Peringkat kedua, masyarakat dilihat berpengaruh dengan unsur-unsur Buddha dan Hindu yang kepercayaan mereka tertakluk pada makhluk ghaib atau spiritual. Comte menjelaskan peringkat masyarakat ketika ini masih berada pada tahap pemikiran metafizik. Imajinasi manusia lebih terarah dengan gambaran abstrak penjelmaan dewa dan dewi. Disebabkan itu, kepercayaan mereka banyak mempersoalkan mengenai persoalan diri, alam dan ketuhanan yang lebih bersifat kosmologi (Haron,1996; Ezhar,2001). Pemahaman kosmologi juga disampaikan dalam bahasa pengucapan yang berbeza-beza seperti dalam bentuk cerita dongeng rakyat dan bahasa mitos. Misalnya fenomena alam semester seperti bulan, bintang, matahari, ribut, petir dan kejadian gerhana di simbol dengan watak dewa-dewi tertentu. Seumpamanya petir diberikan petanda akibat terkena kutukan dewata gerhana matahari di simbol dengan alam kebudayaan tentang kewujudan manusia makna dan tujuan hidup serta baik buruk sesuatu keadaan (Rohana, 2010).

Peringkat ketiga, terdiri daripada masyarakat yang telah menerima ajaran agama namun masih mengekalkan unsur-unsur animisme yang bersandarkan semangat. Comte menyifatkan manusia mengalami tahap pemikiran yang bersifat positivisme (S.Blumberg,1972). Pemikiran manusia telah berubah dengan meletakkan hukum-hakam kesamaan dan unsur-unsur logik secara berfakta menyebabkan kepercayaan mereka berubah dengan elemen agama, spiritual dan tuhan. Bagaimanapun, nilai-nilai kepercayaan tradisi itu berlaku secara lambat dan telah membawa kesannya dalam meresapi, mengawal dan diwarisi secara turun-temurun oleh anggota masyarakat yang mendukungnya (Amsal,2007). Sehubungan dengan itu, walaupun Islam hadir dalam budaya masyarakat tradisi proses kepercayaan yang bersifat ketuhanan tetap diselarikan

dengan unsur-unsur animisme (Haron,1995; Ismail,1991). Situasi tersebut telah mempengaruhi dalam tradisi budaya Melayu yang menekankan konsep kepercayaan dengan menekankan aspek penggunaan, penyampaian atau penerimaan (Kadir, 2007).

Peringkat kepercayaan manusia ini turut terkesan dalam perkembangan bidang perubatan masyarakat Melayu. Melalui kajian Winstedt (1900) sistem kepercayaan masyarakat di alam Melayu turut mengalami keadaan yang sama terutamanya ketika menjalankan pemerhatian persembahan ulit Mayang di Kelantan. Sistem kepercayaan masyarakat ketika itu lebih berkonsepkan animisme yang dapat dikesan melalui aksi pemujaan persembahan tersebut. Mohd Taib (1967) menjelaskan kepercayaan yang tinggi dalam kelompok masyarakat ini menyebabkan setiap gerak geri dan perlakuan mereka ini perlu ada batasan agar dapat melindungi dari gangguan atau terkena penyakit luar biasa. Menurut Firth (1970); Amran(1998) kepercayaan animisme merupakan satu saluran individu yang berhubung dengan unsur-unsur *extra-human divine power*. Berikutan pengkaji-pengkaji barat yang lain seperti Endicott (1970); Gimlette (1923); Hamilton (1926); Maxwell (1878); Shaw (1975) dan Skeat (1984) turut memerhati dan meletakkan orang Melayu rata-ratanya masih memegang konsep animisme. Namun setelah Islam mula menapak dalam kalangan masyarakat Melayu telah mengubah konsep animisme semangat roh kepada pegangan spiritual yang maha esa.

Pemikiran orang Melayu bersifat objektif yang dihubungkan dengan penggunaan bahan tumbuhan dan pemilihan daun sebagai cara melegakan dan menghilangkan masalah atau penyakit. Pengamal berpendapat pengamatan orang dahulu kala tentang kehidupan dan persekitaran. Kepercayaan yang disandarkan kepada pengamatan tentang cara berkesan dalam mengatasi sesuatu masalah. Petua dalam masyarakat Melayu menjadi amalan yang penting dan telah sebatikan dalam kalangan masyarakat Melayu malah menjadi kata sakti. Secara spesifiknya penggunaan tumbuh-tumbuhan dan herba yang

digunakan oleh masyarakat ketika itu, dinyatakan oleh Aishah & Aziz (2010) melalui kajiannya terhadap spesies pemilihan tumbuhan atau herba diperhatikan berdasarkan daripada pemilihan warna, rasa, bau, kandungan air dan kandungan getah. Menerusi kajian ini juga ditegaskan lagi dipercayai pemilihan tumbuhan juga diasaskan daripada aliran pemikiran magis iaitu disifatkan sebagai homeopati dan magis berjangkit. Dasar pemikiran ini berlaku disebabkan wujudnya korelasi antara tindakan fizikal dan mental. Begitu juga dari segi pemilihan tumbuhan berdasarkan daripada tumbuhan yang hidup subur, mempunyai akar yang banyak dan berbuah lebat sepanjang masa. Bagi tumbuhan yang menjeniskan bergetah atau mengeluarkan cecair turut sesuai untuk dijadikan ubatan. Dikatakan juga tumbuhan yang hidup sepasang-sepasang yang memiliki ciri-ciri seperti melekat, cantik dan mempunyai getah berwarna kemerahan dipercayai kebiasaannya menjadi ubat pengasih. Khasiat tumbuh-tumbuhan berdasarkan pemerhatian daripada kajian lepas Razak (2006) mengklasifikasikan penggunaan herba mengikut kesesuaiannya dengan jenis penyakit mengikut jantina dengan kaedah rawatannya.

Bagaimana kegunaan tumbuhan ubatan bagi merawat penyakit tertentu. Azahari (1994) menyenaraikan 200 jenis penyakit yang menggunakan tumbuhan ubatan dan cara penggunaannya. Sistem perubatan tradisional Melayu banyak menggunakan tumbuhan bagi tujuan rawatan penjagaan kesihatan dan pemakanan. Faktor lain dalam bahan ubatan dikaitkan dengan faktor semula jadi dan sosiobudaya seperti ekologi, musim, sistem saliran dan tingkah laku manusia juga mempengaruhi penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai ubat, makanan dan perhiasan landskap. Aishah dan Aziz (1995) menyatakan tumbuhan dan budaya saling pengaruh mempengaruhi dalam sistem pemakanan dan perubatan orang Melayu. Dinyatakan budaya menentukan jenis tumbuhan dan bahagian mana daripada tumbuhan tersebut boleh dimakan, dibuat hiasan dan dijadikan sebagai ubatan. Safora (1992) menjelaskan jenis tumbuhan yang sesuai dijadikan sebagai ubatan

dan kesesuaian untuk dijadikan sebagai bahan makanan. Pembahagian tumbuhan ini disebabkan bukan semua tumbuhan sesuai dijadikan sebagai ubatan atau dijadikan sebagai bahan makanan. Tujuannya agar dapat memberi panduan semasa pengambilan tumbuhan tersebut dan mengelak dari terkena sebarang penyakit.

Tumbuhan juga pemberi antibiotik dan vitamin. Disebabkan pada tumbuhan mempunyai serat dan tonik. Muhamad dan Mustafa (1994), menyatakan asal perubatan tradisional Malaysia berdasarkan penerapan perubatan tradisional dari Indonesia dan telah diubah mengikut keadaan dan kesesuaian tempatan. Begitu juga dalam menentukan penyakit seseorang berdasarkan pemerhatian fizikal badan seseorang, yang bersifat panas (bermula dari hempedu), bersifat sejuk (bermula dari limpa), berunsurkan angin (keadaan badan panas dan basah) dan keadaan badan sejuk dan basah (bermula dari peparu). Kedua melalui denyutan nadi. Setelah itu barulah disesuaikan dengan jenis ubat. Sifat ubatan seharusnya bertentangan dengan sifat penyakit. Seperti penyakit yang panas disesuaikan dengan ubat yang bersifat sejuk. Bahagian yang menjadi kebiasaannya diambil pada bahagian akar.

Kaedah dan pengukuran bahan pengubatan Melayu juga dijelaskan secara teliti melalui pemerhatian Haron (2006) daripada simbol-simbol bait-bait puisi. Melalui penulisan puisi ini jelas melambangkan masyarakat ketika itu halus dalam membicarakan mengenai persoalan kesihatan. Bait tersebut menerangkan pengambilan ubat tradisional ditetapkan tiga hari dengan mengikut kondisi kandungan ubat. Pengambilan ubat sesuai diambil ketika sebelum makan dan selepas makan sekiranya ubat tersebut mengandungi bahan yang menyegarkan tubuh. Jika pengambilan sebelum tidur, bahan ubatan tersebut mestilah bersifat menenangkan. Bagi kumpulan yang mengalami penyakit kronik, digalakkan mengambil ubatan tersebut secara teratur dan berdisiplin. Bagi jenis minuman bahan tersebut sesuai diminum seumpama minuman teh (Agromedia, 2008).

Fatan (2003) memperlihatkan keadaan orang Melayu mempunyai kemahiran dan pengetahuan farmaseutikal tentang tumbuh-tumbuhan yang dijadikan sebagai ubat dan penawar kepada penyakit. Berdasarkan kajian tersebut, tumbuh-tumbuhan di sekeliling diuji dengan menggunakan pendekatan holistik yang dilihat dari sudut saintifik dan empiris. Aspek-aspek yang ditekankan dalam menilai tumbuhan yang sesuai dijadikan ubatan seperti faktor geografi (iklim, struktur tanah tanih dan sistem saliran). Selain itu memberi banyak manfaat terhadap penjagaan kesihatan (pernafasan) dan pemakanan. Salah satu yang dikesan dalam penggunaan herba di Temerloh ialah rempah gunung dan teja sebagai satu teknik atau penjagaan kesihatan dan penyembuhan kepada beberapa jenis penyakit. Perubatan herba merupakan kaedah rawatan secara dalaman dan luaran. Herba boleh dikategorikan sebagai bahan-bahan yang didapati daripada tumbuhan, buah-buahan, bunga dan rumpai.

1.8.4 Antropologi Perubatan

Kajian penjagaan kesihatan ini menjadikan Antropologi perubatan sebagai metodologi dan perbincangan untuk melihat perlakuan komuniti di luar bandar. Menurut Hashim Awang (1990) antropologi perubatan mengkhususkan kepada tiga peringkat seperti pengkajian etnosentrik, etnoperubatan dan ekologi. Namun dalam kajian ini lebih menumpukan terhadap pengkajian ekologi. Ekologi menurut Arya Hadi (2007) melalui proses adaptasi dan mengadaptasi ekologi untuk mengkaji sekelompok manusia atau komuniti yang berinteraksi dengan alam. Sebagai contohnya menurut Arya adaptasi alam ini di persoalkan melalui tindakan manusia dengan kepercayaan yang dibuktikan secara empirik untuk memahami konsep dan sistem sosial dan sistem alam. Perkara-perkara utama menyentuh terhadap sistem demografi (populasi), sosioekonomi, politik, budaya, geografi budaya mengikut kawasan, konflik sosial dan tata hubungan manusia dengan alam. Perkara sedemikian juga akan mempengaruhi kesan sekiranya berlakunya peralihan

tradisi ke modernisasi. Seterusnya akan menyebabkan berlakunya pertembungan budaya yang memberi kesan terhadap sistem nilai dan norma masyarakat serta perubahan dalam sistem kepimpinan, kekeluargaan, ekonomi, perubahan masa dan ruang.

Ekologi dalam pemerhatian menurut Haliza (2000) menitik beratkan perihalan berhubung alam dengan penyakit berjangkit yang seterusnya akan mempengaruhi kesannya terhadap biologi, fizikal dan budaya. Sistem ekologi berdasarkan perspektif perubahan Hashim (1990) memberi penjelasannya melalui tiga peringkat utama seperti adaptasi perlakuan, genetik dan fisiologi. Penjelasan mengenai ekologi perubahan ini lebih dikhususkan terhadap peringkat adaptasi perlakuan. Adaptasi perlakuan ini dibahagikan terhadap perlakuan masyarakat dengan teknologi, manusia dengan pengaruh organisasi dalam sebuah komuniti dan ideologi manusia bagi menyesuaikan situasi semasa dengan persekitarannya. Aspek kesihatan juga turut memberi kesan dengan perubahan yang berlaku di persekitaran manusia dengan alam semula jadi atau sistem ekologi untuk tujuan seimbangkan perhubungan manusia dengan ekologi terjalin melalui kesihatan manusia terjamin. Kriteria yang menjadi ukuran terhadap keseimbangan iaitu di antara manusia dengan persekitaran sosial, alam natural dan alam ghaib.

Bagaimanapun, kesan teknologi juga dipengaruhi daripada kesan proses budaya yang juga mengalami pengubahsuaian dan kesannya telah menimbulkan pelbagai konflik. Alex Inkels (1964) menegaskan empat perkara berlakunya kesan konflik tersebut dikesan daripada perihalan kemanusiaan dan seluruh budayanya, sesuatu institusi dan satu set hubungan. Kedua, menentukan unsur-unsur yang sedang dialami. Ketiga, bersetuju dengan perubahan yang berlaku secara objektif. Keempat, perubahan pengetahuan dengan berlakunya pengaruh terhadap teknologi, saintifik, inovasi, teknologi, pengurusan, metodologi dan komunikasi (Rahim,2001). Matlamatnya mengelak dari belenggu kemunduran dan kemiskinan. Ku Zam (1989) menyatakan

teknologi ini bersifat kompleks dan telah mendasari hubungannya dengan sosial yang melibatkan faktor ekonomi, politik, kesenian dan sebagainya. Perkembangan aspek sosial teknologi juga telah ditentukan oleh institusi sosial yang telah wujud dalam masyarakat, misalnya adanya sifat kerjasama dan gotong royong. Perkara sedemikian telah melahirkan kemahiran berteknologi yang akan diwarisi dalam keluarga dan akan mewujudkan pengkhususan yang khusus dalam mengembangkan kemahiran tersebut.

Perspektif organisasi menurut Hashim Awang (2006), menekankan persekitaran di antara individu kepada persekitaran sosiobudaya atau individu kepada organisasi. Tujuannya untuk mewujudkan keseimbangan organisasi dan individu dalam proses penyesuaian yang melibatkan pelbagai bidang. Sistem organisasi menurut Berry dan Sam (1997) telah meletakkan kepada empat bentuk adaptasi itu berlaku dengan pengaruh integrasi, asimilasi, pengasingan dan peminggiran. Daripada keempat-empat mod tersebut, asimilasi dan integrasi dianggap proses adaptasi yang berjaya. Namun demikian, Harquill & Cox (1994); Cox & Nickelson (1997) melihat proses adaptasi yang dihuraikan Berry dan Sam ini digabungkan dan membahagikan adaptasi kepada empat iaitu proses asimilasi, konsep pengasingan kuasa, dekulturasi dan pluralisme. Walaupun menggunakan konsep yang berbeza daripada Berry dan Sam, tetapi konsep dekulturasi sama seperti marginalisasi, manakala pluralisme bermaksud integrasi.

Menjelaskan lagi hal demikian, asimilasi ialah adaptasi bersifat sehala yang mana budaya organisasi menjadi tingkah laku piawai untuk semua jenis budaya yang bergabung ke dalam organisasi. Matlamat asimilasi ialah untuk menyisihkan perbezaan budaya, atau sekurang-kurangnya menyatakan perbezaan budaya (bagi kumpulan minoriti) di tempat kerja. Untuk mencapai tujuan ini, anggota organisasi yang berbeza budaya dengan budaya organisasi akan melupakan atau sekurang-kurangnya mempertahankan norma, nilai dan amalan sosiobudaya mereka sendiri. Pettigrew (1979) yang dianggap antara sarjana yang

awal mengetengahkan konsep budaya organisasi pada tahun 1980-an mendefinisikan budaya organisasi sebagai tingkah laku, tindakan dan nilai yang mana manusia dalam organisasi mematuhi. Ouchi (1981) mendefinisikannya sebagai set simbol, upacara dan mitos yang mengkomunikasikan nilai- nilai dan kepercayaan asas organisasi ke atas pekerjanya.

Melalui adaptasi, individu akan melakukan pelarasan dirinya dengan organisasi, dan sebaliknya organisasi membuat pelarasan kepada permintaan individu. Tujuannya, supaya wujud keseimbangan organisasi apabila organisasi dan individu membuat penyesuaian untuk memenuhi permintaan di antara satu sama lain. Proses penyesuaian ini berlaku dalam berbagai-bagai peringkat dan melibatkan berbagai bidang (Hashim, 2009). Menurut Adri (2016), antropologi ekologi banyak meneliti melalui konsep adaptasi. Adaptasi yang dinyatakan ini melihat hubungan manusia dengan persekitarannya yang dinyatakan sebagai adaptasi yang bercirikan anatomi, psikologi dan kelakuan. Organisasi juga dihubungkan dengan perhubungan sedarah, persemendaan dan keturunan daripada nenek moyang, yang diturunkan melalui keturunan senasab. Masyarakat senasab adalah yang diorganisasikan berasaskan daripada keturunan yang melalui garisan nenek moyangnya sesuatu keturunan. Dua pendekatan yang asas dalam organisasi senasab ini, terdiri daripada kumpulan sosial yang diklasifikasikan sebagai satu kumpulan yang mempunyai keturunan tertentu dan kemudiannya membentuknya dalam golongan lelaki, terutamanya yang dibawa daripada bapa kepada anak lelaki atau cucu lelaki yang seterusnya kepada generasi mendatang. Kaedah ini dipanggil sebagai sistem masyarakat berbentuk patrilineal.

Ideologi merupakan cara fikiran, pandangan, cita-cita atau dasar perjuangan individu, kelompok atau institusi sosial. Istilah ideologi biasanya merujuk kepada istilah yang berkaitan dengan politik. Dalam perspektif analisis wacana kritis ideologi biasanya

dirujuk sebagai penjelasan mengenai apa manusia kata dan fikir ketika berinteraksi dengan masyarakat. Ideologi wujud daripada andaian *taken-for granted*, kepercayaan dan sistem nilai yang dikongsi bersama oleh kelompok masyarakat. Ideologi yang dominan diketengahkan melalui institusi sosial yang berwibawa seperti kerajaan, undang-undang dan sebagainya (Simpson,1993). Dalam tulisan ini, ideologi merujuk khusus pada dasar pentadbiran sebuah institusi sosial.

Tingkah laku dalam penjagaan kesihatan bersifat dinamik yang sentiasa mengalami proses perubahan disebabkan daripada keperluan dalam mengubahsuai dalam kehidupan (Yunus et.al., 2012). Memandangkan, budaya amalan itu bersifat dinamis yang sentiasa berubah-ubah mengikut situasi di samping penyambungan sejak tradisi lagi (Kadir,1992). Walaupun hubungan masyarakat rapat dengan alam namun dengan pertumbuhan budaya baru telah meresapi dalam pemikiran masyarakat dengan pendedahan daripada aspek kedudukan ekonomi, politik dan pemahaman ilmu agama yang mendalam. Kesan daripada ini, amalan dahulu dikesampingkan dan diubah dengan perspektif baru mengikut kesesuaian dalam masyarakat kini. Di samping itu kewujudan perawat-perawat Islam telah menutupi ruang tradisional yang mengekalkan sandaran atau pergantungan perawat dengan makhluk-makhluk halus dengan merubah cara berdoa, berzikir dan menjampi dengan menggunakan air. Nilai-nilai sosial tradisi yang dipupuk dalam masyarakat Melayu berasaskan kepada ajaran Islam. Disebabkan itu, orang Melayu menekankan perlakuan-perlakuan yang baik berlandaskan budi yang sopan (Abdul Kadir, 1993).

1.8.5 Model Kajian

Model kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu *folk* (tradisi bangsawan) dan adaptasi perlakuan (ubahsuai dari pendekatan ekologi, antropologi perubatan Hashim Awang) Pendekatan *folk* menekankan dua penelitian iaitu konsep kepercayaan dan pengetahuan yang dibawa oleh masyarakat Melayu. Manakala pendekatan adaptasi perlakuan yang menjelaskan kepada tiga aspek utama seperti teknologi, organisasi dan ideologi.

1.9 Kepentingan kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat budaya amalan penjagaan kesihatan masyarakat Melayu di luar bandar dalam arus kemodenan. Perkembangan amalan kesihatan masyarakat ini dihubungkan dengan cara pengamalan tradisional dengan tujuan meneliti dan mendalami kepentingannya dalam penggunaan pada masa ini. Keperluan dan kesesuaian amalan tradisional ini bukan hanya menjadi panduan dalam lingkungan masyarakat terdahulu sahaja tetapi dapat menyelesaikan masalah penjagaan kesihatan dalam masyarakat hari ini juga. Walau bagaimanapun, dengan arus kemodenan ini telah berlakunya pertindihan budaya antara tradisi dan moden yang sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap sosiobudaya masyarakat di luar bandar. Sehubungan dengan itu, kepentingan dalam kajian ini, adalah untuk memerhati dan membandingkan kesinambungan tradisi dalam ruang masyarakat dalam ruangan moden yang dilihat melalui huraian adaptasi perlakuan. Pendekatan ini dapat menjelaskan pemahaman, pandangan dan kesesuaian masyarakat berhubung dengan penerimaan pengubatan dan pencegahan tradisi menurut perspektif kini.

1.10 Pembahagian bab

Bab pertama menghuraikan mengenai secara keseluruhan mengenai gambaran kajian secara keseluruhan. Perkara-perkara yang disentuh adalah mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif, skop dan batasan kajian, kajian lepas, kaedah kajian, kepentingan kajian, kerangka konsep dan teori dan pembahagian bab.

Seterusnya dalam bab dua, menghuraikan dan menganalisis penjagaan kesihatan dalam kalangan masyarakat tradisi. Analisis dijalankan berdasarkan teks kitab pelbagai catatan. Kitab pelbagai catatan ini terdapat 92 jilid yang menjadi koleksi pusat manuskrip Melayu Perpustakaan Negara. Demikian dalam kajian ini hanya memfokuskan enam buah kitab dengan menumpukan siri MSS 597, MSS 1637 b, MSS 2492, MSS 2701, MSS 2750 dan MSS 3339. Huraian dijelaskan dengan mengabungkan pendekatan folk dan adaptasi. Hasil dapatan menjelaskan konsep pengubatan dan pencegahan yang dibawa dalam masyarakat tradisi mengandungi kaedah dan rawatan yang tertentu dengan dibatasi kepercayaan tradisi-Islam.

Bab tiga, menghuraikan mengenai amalan dan budaya penjagaan kesihatan masyarakat di Lipis yang mengkhususkan kawasan Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Huraian bab ini menjelaskan mengenai kegiatan masyarakat, pemikiran, pengamatan dan pengalaman semasa mengubati dan proses mencegah. Manakala dalam bab empat ini dinilai tahap penerimaan melalui nilai peratusan. Penelitian lebih menumpukan kepada empat peringkat. Pertama memerhati tahap kesihatan, amalan dan penerimaan masyarakat melalui perbandingan empat buah mukim. Seterusnya memerhati melalui aspek pemikiran, pengamatan dan pengalaman masyarakat terhadap kaedah dan rawatan tradisional. Keseluruhannya menjelaskan penggunaan kaedah dan rawatan tradisi masih dijalankan namun terdapat pelbagai pandangan dan perubahan telah berlaku yang

mengakibatkan persepsi masyarakat terhadap budaya penggunaan amalan tradisi disesuaikan dengan kehidupan kini.

Dalam bab lima, penjelasan terhadap penilaian kedudukan penerimaan amalan tradisi masyarakat di empat buah kawasan. Melalui penilaian tersebut telah melihat dalam konteks teknologi, organisasi dan ideologi masyarakat. Perbandingan penyesuaian konteks tradisi dan moden telah mengubah persepsi amalan tradisi dan moden mengubah pandangan masyarakat dengan memahaminya dengan konsep baru sebagai petua. Manakala proses rawatan diubah persepsi dengan aspek pantang larang. Kedua-dua perkara ini telah memberi nilai yang rendah dengan kedudukan penggunaan cara tradisional ini. Walaupun masyarakat masih menjadikan kaedah tradisional sebagai pengubatan dan pencegahan namun batasan perspektif kepercayaan lama masih membelenggu pandangan tersebut. Bab terakhir, merumus kedudukan pengamalan penjagaan kesihatan cara tradisional yang berlaku dalam Masyarakat luar bandar. Selain itu dalam bab ini juga menghuraikan secara keseluruhan kajian, cadangan bagi pengkaji yang akan datang, kelemahan yang didapati daripada penyelidikan ini dan kesan penyelidikan secara umum.

1.11 Kesimpulan

Berdasarkan bab ini telah menghuraikan secara keseluruhan gambaran kajian amalan penjagaan kesihatan Melayu luar bandar. Kawasan daerah Lipis menjadi fokus utama kajian ini untuk menggambarkan kedudukan amalan tradisi dalam masyarakat Melayu hari ini khususnya di luar bandar.

BAB 2 : AMALAN PENJAGAAN KESIHATAN MASYARAKAT MELAYU TRADISIONAL: ANALISIS KITAB PELBAGAI CATATAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan mengenai amalan kesihatan masyarakat Melayu melalui gambaran sosiobudaya dari teks kitab manuskrip. Masyarakat Melayu mempunyai pegangan falsafahnya yang tersendiri. Pegangan falsafah Melayu ini telah mencetuskan pelbagai perspektif terutamanya dalam memahami dunia perubatan ketika itu. Menurut Haron (2006) gambaran amalan penjagaan kesihatan masyarakat tradisi ini banyak terdapat pada catatan kitab Tib. Kitab tib merupakan sebuah catatan lama yang menghuraikan mengenai ilmu perubatan. Bagaimana pun dalam kajian ini, menjadikan kitab pelbagai catatan sebagai cabang untuk memahami budaya perubatan. Kitab Pelbagai Catatan ini merupakan sebuah kitab yang unik disebabkan kandungannya meliputi pelbagai perkara. Ilmu kesihatan yang terkandung dalam kandungan kitab ini dinyatakan sebagai *subgenre* (Haron 2000; Hashim 2010). Kajian kitab pelbagai catatan ini menumpukan pada enam buah kitab yang bersiri MSS 597, MSS 1637 b, MSS 2492, MSS 2701, MSS 2750 dan MSS 3339.

2.2 Latar Belakang Kitab Pelbagai Catatan

Kitab Pelbagai Catatan ini menjadi koleksi Pusat Manuskrip Melayu, di Perpustakaan Negara dengan jumlah simpanan sebanyak 92 buah jilid. Kitab Pelbagai Catatan ini sebuah kitab yang unik seperti sebuah diari yang terkandung pelbagai ilmu. Kebanyakan catatan yang terdapat pada kitab diperhatikan ada yang ditulis dalam kandungan ilmu yang jelas, ringkas dan sebahagiannya yang lain didapati tidak lengkap. Jenis kitab ini yang ditemui tidak lengkap isi kandungannya sebanyak 23 buah jilid

manakala 69 buah jilid yang lain didapati tidak lengkap. Isi kandungan kitab pelbagai catatan ini secara keseluruhannya mencatatkan mengenai amalan doa harian, cara solat, petua, azimat, jampi, mantera, ramalan mimpi, firasat, cara belajar bahasa Arab, adab-adab, mohor, nubuwah, hadis, mengenal sifat 20, ilmu tauhid, berpuasa, cara mandi wajib, rukun Islam, rukun iman, berwuduk, ilmu tasawuf dan terjemahan al-Quran.

Bentuk fizikal kitab ini mempunyai pelbagai saiz dan ketebalan yang bergantung kepada penggunaan jenis kertas yang digunakan. Didapati hanya tiga jenis saiz yang digunakan seperti yang berjenis kecil, sederhana dan besar mengikut ukuran 43 x 34cm, 21 x 17cm dan 11 x 17cm (Perpustakaan Negara, 2002). Terdapat juga jenis lain yang berukuran antara 9.5 x 7.5cm hingga 15 x 19cm. Ketebalan kitab antara 0.3cm hingga 3cm. Kebanyakan kitab ini tidak diketahui nama pengarangnya. Disebabkan hal demikian usia kitab dikesan melalui jenis kertas yang digunakan. Material kitab pelbagai catatan ini daripada sumber kulit pokok, kulit kayu, daun, kain, kulit binatang, kertas buatan sendiri dan kertas yang diimport dari luar. Kebiasaan jenis kertas buatan sendiri berwarna kuning manakala kertas yang diimport dari luar berwarna biru keputihan dan terdapat cop yang dipanggil sebagai tera air atau *watermark* yang terdapat pada bahagian tengah kertas. Tujuan logo ini untuk mengenali tahun pengeluaran kertas tersebut. Kitab pelbagai catatan ini berusia lingkungan awal 1900 sehingga 1950 an sebelum kemerdekaan.

2.2.1 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 597

Isi kandungan kitab ini lengkap dengan menghuraikan mengenai amalan doa, ilmu tilikan, azimat dan soal jawab fikah. Karangan teks dikarang dalam bentuk jadual terutamanya yang menjelaskan mengenai azimat dan soal jawab fikah. Ukuran kitab bersaiz 22.5cm x 18cm dengan ketebalan 0.6 cm. Keseluruhan halaman mengandungi sebanyak 130 helai.

Kitab ini berjilid namun didapati berkeadaan tidak berkulit. Begitu juga dengan terdapat halaman tertentu tanpa catatan.

2.2.2 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 1637 b

Isi kandungan kitab ini lengkap dengan mencatatkan mengenai ilmu agama berkenaan Siraj al-Dulam, petikan al-Quran, ilmu pengubatan, ramalan ketika berlakunya denyutan pada bahagian-bahagian tertentu pada tubuh badan seseorang perubatan dengan menggunakan azimat dan ilmu firasat. Kitab ini berjilid dengan kulit bukannya menggunakan kain yang berwarna hitam. Penulisan kitab menggunakan dakwat yang berwarna hitam dan merah. Tujuan penggunaan dakwat merah ini untuk dijadikan tanda petikan dari ayat al-Quran. Karangan teks memperincikan dengan menggunakan jadual untuk penjelasan lebih terperinci. Kitab ini berukuran 29cm x 19.5 cm dengan tebalnya 0.9 cm. Halaman kitab sebanyak 84 helai.

2.2.3 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 2492

Isi kandungan kitab mencatatkan mengenai perkataan-perkataan dari bahasa hindu yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu, faedah majun dan kalender tahun 1303 hijrah bersamaan dengan 1884 Masihi. Kitab ini banyak dikarang dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab untuk bahagian tertentu seperti doa dan petikan pada surah. Karangan yang ditulis terdapat yang tidak lengkap yang seolah-olah mempunyai sambungan. Halaman kitab tidak dapat dinyatakan disebabkan terdapat bahagian tertentu yang kosong dan bahagian tertentu catatan yang seumpama memo ringkas.

2.2.4 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 2701

Isi kandungan kitab mengenai petua untuk mendirikan rumah, perihal bersolat, faedah membaca surah al-Fatihah, selawat, mengajar menadah tangan ketika berdoa dan bacaan jampi mantera. Kitab ini dikarang dalam bahasa Melayu dan Arab bagi ayat-ayat al-Quran dan doa. Karangan yang terkandung diperhatikan tidak lengkap sehinggakan sukar untuk menentukan helaian kitab.

2.2.5 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 2750

Isi kandungan kitab mengenai doa yang pelbagai, syarat menyurat azimat, khasiat herba kancing baju, fal kalam Allah, ramalan, perubatan, tabir mimpi Nabi Yaakub, makna di sebalik berlakunya gerak gempa, tanda pergerakan pada anggota badan, azimat, firasat dan beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Kitab ini menggunakan dua bahasa seperti Melayu dan Arab. Halaman kitab mengandungi 78 helaian.

2.2.6 Kitab Pelbagai Catatan siri MSS 3339

Isi kandungan kitab mengenai amalan doa harian, jenis ubat yang digunakan ketika sakit, azimat, tanda gerak gempa dan ilmu rejang (ilmu binatang). Karangan teks menggunakan bahasa Melayu dan Arab. Catatan pada kitab ini diperhatikan tidak lengkap. Terdapat beberapa helai halaman terkoyak dan bahagian tertentu karangannya tidak lengkap seperti memo ringkas. Halaman kitab mengandungi 13 helaian.

2.2.7 Gambaran Sosiobudaya Masyarakat Melalui Penelitian Kitab

Corak budaya masyarakat ketika itu diperhatikan sedang mengalami proses menerima, mempelajari dan sedang memahami Islam. Selari dengan karangan teks yang mengandungi huraian mengenai cara bersolat, adab-adab doa, amalan doa harian, ilmu fiqah, cara berselawat, khasiat dan faedah al-Fatihah, mengenali kalam Allah dan petikan-petikan al-Quran. Walau bagaimanapun lingkungan masyarakat ketika itu masih terikat dengan kepercayaan yang berunsurkan spiritual. Berikutan dengan perihalan karangan teks yang menjelaskan mengenai ilmu ramalan, firasat, ilmu rejang (binatang) dan ilmu bintang. Melihatkan dari hal demikian, sandaran kepercayaan mereka masih lagi kuat berpegang kepada alam. Begitu juga dengan perubahan yang berlaku pada diri turut dikaitkan dengan pengaruh alam. Penjelasan sosiobudaya masyarakat ketika itu dapat dihuraikan lebih mendalam melalui kajian analisis teks kitab pelbagai catatan ini yang dihubungkan dengan persoalan penjagaan kesihatan.

2.3 Analisis kitab

Kandungan kitab pelbagai catatan ini secara keseluruhannya menggambarkan sosiobudaya masyarakat tradisional ketika zaman itu. Menurut Zainal (1977) masyarakat tradisional ini sering mempelajari dan cuba memahami perubahan yang berlaku di persekitaran, terutamanya apabila dikaitkan dengan pekerjaan yang dijalankan dan semasa melakukan aktiviti-aktiviti harian. Terutamanya dikesan dalam proses penjagaan kesihatan. Huraian analisis kitab pelbagai catatan ini menggunakan pendekatan *folk* dan pendekatan ekologi perubatan. Pendekatan *folk* menekankan kepercayaan dan pengetahuan dari dua konsep utama yang menekankan penggunaan lambang (simbol) dan tingkah laku (nilai dan moral). Pendekatan ekologi perubatan menekankan tingkah laku

hubungan manusia dengan alam dan hubungan manusia dengan penyakit. Pendekatan ini dijelaskan dalam konteks pencegahan dan pengobatan.

2.3.1 Pengaruh Lambang atau Simbol dalam Pencegahan dan Pengobatan

Asmah Omar (1993) menjelaskan simbol atau lambang sebagai satu pernyataan yang mewujudkan persepsi dan makna yang tertentu. Penggunaan perlambangan ini sering kali digunakan oleh masyarakat Melayu ketika itu. Tujuannya untuk memberi makna tertentu secara tersirat. Melalui penelitian dari kitab pelbagai catatan, perlambangan-perlambangan yang digunakan seperti nombor, alam, bintang, bulan, binatang dan hari. Perlambangan yang dinyatakan ini dihubungkan dengan sesuatu kejadian atau perubahan yang berlaku pada alam. Seperti mana yang diperhatikan dari petikan kitab Pelbagai Catatan MSS1637 b;

- 1hb ...jika sakit cepat sembuh,..jika mengalami sakit deria cepat. sihat....,
- 3hb ... jika sakit pada hari ini lambat sembuh....,
- 6hb ...jika sakit akan cepat sembuh....,
- 7hb ...jika sakit lambat sembuh....,
- 8hb ...jika sakit segera sembuh...Jika berguru beroleh kesakitan...
- 10hb ...jika sakit akan segera sembuh....
- 11hb ...jika sakit pada hari ini segera sembuh...
- 12hb ...jika anak jadi pada hari itu, akan menghadapi penyakit...
- 13hb ... Orang sakit segera sembuh...
- 14hb ...jika sakit segera sembuh...
- 15hb ...kalau kerja akan sakit-sakit. Jika jadi anak berpenyakit... Jika sakit lambat sembuh..
- 16hb ...jika sakit lambat sembuh..
- 17hb ...jika sakit takut mati...jika berkahwin akan berkahwin ramai tetapi ramai yang tidak hidup lama...
- 18hb ...jika sakit tiada mengapa tetap lambat sembuh....
- 19hb ... jika sakit jadi payah takut membawa dia akan maut...
- 21hb ...jika jadi anak, anak tersebut akan berpenyakit...jika sakit lambat sembuh.
- 23hb ...jika sakit segera sembuh...
- 24hb ...jika orang sakit lambat sembuh...

- 26hb ...jika sakit lambat sembuh..
- 27hb ...Jika sakit lambat sembuh...
- 29hb ...jika sakit pada hari itu, lambat sembuh.

Petikan ini jelas menegaskan penggunaan simbol nombor melalui tarikh-tarikh tertentu. Tarikh-tarikh yang dinyatakan ini memberi peringatan serta rujukan bagi seseorang untuk meramal kedudukan kesihatan. Sekiranya seseorang itu sakit pada tarikh 1,6,8,10,11,13,14 dan 23 dinyatakan akan segera sihat. Manakala sekiranya seseorang yang sedang mengalami sakit pada tarikh 3,7,16,18,21,24,26,27 dan 29 dinyatakan akan mengalami sakit yang berpanjangan atau lambat sembuh. Dalam situasi yang lain, seperti tarikh 12,15 dan 21 pula, sekiranya anak dilahirkan pada hari tersebut bayi itu dinyatakan akan mendapat penyakit. Penjelasan bagi seseorang yang sakit pada tarikh 17 dan 19 ini dinyatakan akan mati. Begitu juga dengan seseorang yang berkeinginan untuk melakukan kerja yang berat dikatakan akan sakit. Namun penjelasan pada tarikh 2,5,9,20,22,25,28 dan 30 tidak dinyatakan mengenai ramalan kesihatan yang memungkinkan tarikh ini sesuai untuk melakukan kerja, beranak dan sebagainya.

Di sebalik penggunaan nombor tersebut disampingkan dengan simbol binatang. Simbol ini jelas dihubungkan dengan habitat dan sifat yang pada binatang. Seperti yang terdapat pada kandungan teks kitab pelbagai catatan MSS 597 menyatakan;

1 hb kuda, beroleh laba (untung) jika lekas datang, jika sakit cepat sembuh, jika anak menjadi pada hari itu, menjadi kuat beribadat kepada Allah, ibu bapa, usianya lanjut dan jika mengalami sakit deria cepat sihat. Namun pada waktu ini tidak sesuai untuk bersawah padi...

2 hb kijang, jika melakukan kerja baik. jika berlayar atau berjalan jauh selamat..Jika berguru (bersilat) tidak menjadi kuat...

Simbol kuda ini menjadi lambang kekuatan dan semangat yang tinggi. Penyataan petikan tersebut dinyatakan akan segera sembuh yang diumpamakan ciri-ciri pada kuda yang bersifat tangkas, laju dan bertenaga. Pada hari tersebut juga diramalkan semua pekerjaan, beranak atau belajar akan mendapat kegembiraan bagi seseorang itu. Kekuatan pada kuda menggambarkan keteguhan pada jati diri seseorang terutamanya dalam melakukan ibadat kepada Allah. Begitu juga dengan keuntungan yang bakal diperoleh melalui usaha yang dilakukan. Antara simbol-simbol lain yang digunakan seperti kijang, harimau, kucing, sapi, kerbau, tikus, lembu, anjing, naga, kambing, mayang, gajah, singa, ikan, babi, helang, halilipan, baning, hantu, udang galah, helang laut, pari dan pasak. Penyesuaian penggunaan haiwan-haiwan dengan diselarikan dengan ramalan tarikh pada hari tersebut. Seperti yang dinyatakan tarikh 6,8,10,11,13,14 dan 23 yang dipadankan dengan haiwan-haiwan yang mempunyai sifat gagah, kuat, tangkas dan berani seperti haiwan kerbau, lembu, naga, kambing, gajah, singa dan helang laut dinyatakan seseorang tersebut akan sihat sekiranya sakit. Manakala sekiranya terkena pada tarikh 3,7,16,18,21 dan 24 dikaitkan dengan haiwan seperti harimau, tikus, babi, halilipan, udang galah dan pari yang fizikalnya kecil dan tidak gagah kecuali harimau, dinyatakan akan mengalami kesakitan yang berpanjangan. Berdasarkan petikan kitab pelbagai catatan MSS 597;

16 hb babi, semua kerja yang dilakukan tidak baik. Jika berkhatan darah banyak keluar. Jika berkahwin perempuan lekas mati. Jika anak jadi akan menjadi gila. Jika sakit lambat sembuh. Jika dibiarkan hilang tidak akan jumpa. Jika orang lari akan lenyap atau lambat peroleh...

Seperti lambang babi, menunjukkan binatang yang haram bagi orang Islam yang seterusnya memberi penjelasan terhadap kesihatan yang tidak baik, akan mati atau menjadi gila. Begitu juga dengan pekerjaan dan perkahwinan yang dilakukan tidak sesuai atau tidak menjadi baik. Namun berbeza dengan simbol pari seperti yang dijelaskan dari petikan kitab pelbagai catatan MSS 597;

24 hb pari, ada baik dan ada jahat jika melakukan kerja. Jika bercucuk tanam dan belayar jauh jadi jahat. Tidak sesuai kahwin pada hari itu. Jika anak jadi akan jadi hulubalang, kasih raja padanya tetapi umurnya tidak lanjut. Jika orang sakit lambat sembuh. Jika orang lari tiada hilang...

Walaupun simbol pari menunjukkan kelemahan pada kesihatan namun sebaliknya memberi kekuatan pada kejadian anak yang bakal lahir akan menjadi hulubalang. Hulubalang lambang kegagahan, kekuatan dan disegani oleh orang ramai. Bagi simbol harimau yang mempunyai sifat garang dan gagah menyifatkan kedudukan kesihatan yang lambat sembuh. Namun lambang kegagahan pada harimau dinyatakan pada simbol peperangan yang sesuai pada tarikh ini, sepertimana dalam penjelasan kitab pelbagai catatan MSS 597;

3 hb harimau, jika melakukan kerja pada waktu ini, tidak ada perkara jahat yang akan berlaku. Jika meninggal atau berperang baik. Jika ada anak pada waktu ini, ibunya kurang susu. Jika bertanam, belayar atau berniaga tidak elok. Jika anak dilahirkan pada hari ini, nakal dan tidak sepakat dengan adik beradik. Jika sakit pada hari ini lambat sembuh.

Penggunaan unsur alam turut dihubungkan dengan lambang mimpi. Masyarakat ketika itu percaya mimpi memberi petunjuk terhadap sesuatu perkara yang bakal terjadi pada diri atau ahli keluarga. Terutamanya dalam menjelaskan ramalan kesihatan seseorang. Seperti yang terkandung dari petikan kitab pelbagai catatan MSS 597;

Sekiranya bermimpikan menyelam dalam air dikatakan sekiranya sakit akan terlepas daripada penyakit,

Sekiranya bermimpikan harimau yang datang ke rumahnya dikatakan akan mendapat penyakit

Sekiranya bermimpikan makan buah-buahan dikatakan akan mendapat penyakit

Sekiranya bermimpikan melihat banyaknya bunga kayu di katakan akan mendapat sakit

Sekiranya bermimpikan melihat banyak orang berperang dikatakan akan berpenyakit

Sekiranya bermimpikan sedang makan ubat dikatakan penyakit yang dialaminya itu akan sihat

Mimpi diumpamakan sebagai peringatan buat seseorang supaya beringat dan prihatin dengan kesihatan diri. Terutamanya dalam persoalan penjagaan makan, rehat dan keselamatan diri. Mimpi yang memberi simbol ketenangan seperti air memberi makna sihat manakala simbol yang menakutkan akan memberi makna terjejasnya kesihatan. Begitu juga dengan simbol nyata seperti sedang makan ubat akan memberi simbol arah yang baik. Manakala simbol peperangan akan memberi makna sakit. Peperangan sesuatu yang menakutkan dan menyakitkan atau berkemungkinan akan menyebabkan mati dibunuh. Menghubungkan simbol tersebut memberi kesan terhadap si mimpi. Simbol mimpi juga menurut Faisal & Wahidah (2012) digunakan bagi ramalan perawat yang mana menurut kepercayaan mereka ilmu perubatan akan dikurniakan melalui penyampai dalam mimpi.

Perlambangan juga dihubungkan dengan waktu. Seperti perkiraan bulan yang bermula Muharam sehingga Zulhijah. Perkiraan bulan dikaitkan ketika dalam membina rumah atau membina rumah tangga. Penjelasan melalui petikan kitab pelbagai catatan MSS 597 menyatakan;

Jika mendirikan rumah pada bulan Muharam, jika sakit susah diubati serta lama sembuhnya,

Jika mendirikan rumah pada bulan Safar, jika sakit tidak menemui ajal,

Jika mendirikan rumah pada bulan Rabiulawal alamat sakit rumah tangganya dan salah satunya meninggal dunia,

Hubungan perkaitan bulan ini memberi perlambangan terhadap kesan kesihatan terutamanya yang dikesan pada bulan Muharam, Safar dan Rabiulawal. Sekiranya seseorang tersebut melanggar atau tidak mengikut waktu yang ditetapkan akan memberi kesan dan juga ahli keluarganya. Bulan-bulan ini dianggap tidak sesuai untuk menjalankan sebarang kerja pembinaan atau kerja kahwin. Sekiranya berlakunya juga pembinaan tersebut, menurut petikan kitab pelbagai catatan MSS 1096 ini menjelaskan;

sucikan hartanya, sucikan badannya, menolak bala dan sembuh sakit, kerana telah menggembirakan hati orang miskin, telah menggembirakan hati segala mukmin dan diperluaskan rezeki atau ditambah rezeki dan berkat pada harta. barang siapa yang kamu nafkahkan akan digantikan

Di sebalik penetapan tersebut bertujuan untuk menggalakkan seseorang. Dalam kitab pelbagai catatan MSS 3339 pula menyatakan bulan Muharam, Rabiulawal, Jamadilakhir dan Rejab tidak sesuai untuk melakukan kerja kahwin atau pembinaan rumah yang boleh mengakibatkan seperti yang dinyatakan melalui petikan ini;

Muharam akan berlakunya huru-hara dan akan mendapat berpenyakit,

Rabiulawal dikatakan akan mati,

Jamadilawal akhir akan mendapat sakit dan kematian oleh empunya,

Rejab dipercayai bercerailah ia pada rumahnya

Syawal dikatakan isi rumah itu sakit lagi kesukaran rumah itu padahnya

Selain itu lambang penggunaan bulan dihubungkan dengan perubahan alam. Kesan perubahan berlaku dalam bentuk bencana alam seperti gempa bumi atau gegaran akibat gunung berapi. Perhubungan alam ini diperhatikan kesannya dalam kehidupan terutamanya yang menyatakan mengenai persoalan kesihatan, pekerjaan, perkahwinan, menternak, bertani, memburu dan beranak. Alamat peristiwa ini bukan hanya dihubungkan dengan keadaan diri bahkan melibatkan juga ahli keluarga dan penduduk

dalam daerah tersebut. Penyataan kitab pelbagai catatan MSS 3339 menjelaskan berlakunya bencana ketika waktu siang;

Safar, pada waktu zohor, penyakit akan datang

Syawal, pada waktu dhuha kanak-kanak akan mati,
waktu Zohor raja akan mati,..waktu Maghrib banyak
orang sakit

Zulhijah, pada waktu zohor akan mengalami kesakitan

Sekiranya gempa tersebut berlaku bulan Safar, Syawal dan Zulhijah akan mengakibatkan perkara yang tidak baik akan berlaku yang mengakibatkan kesakitan dan kematian. Di sebalik keadaan tersebut memungkinkan waktu tersebut kesan gegaran terlalu kuat yang boleh membabitkan ramai yang tercedera. Sekiranya bencana alam ini berlaku pada malam seperti yang dinyatakan kitab pelbagai catatan MSS 3339;

Muharam waktu malam-banyak orang sakit dalam negeri
itu...

Jamadilawal awal, pada waktu malam...Jika sakit segera
sembuh.

Rejab,..pada waktu siang-orang banyak sakit lagi
berbahaya pada negeri itu dan kehidupan banyak mati

Syawal, pada waktu siang-segera akan datang sakit pun
banyak dan segala orang jahil pun dukacita lagi berpindah
daripada tempatnya

Ramalan ini sebenarnya menjadi panduan masyarakat untuk sentiasa beringat dan mengambil langkah keselamatan diri. Simbol gegaran ini juga menyebabkan ramai yang akan menerima nasib buruk yang seterusnya membawa kepada kesan sakit dan berlakunya kematian.

Perlambangan turut mempengaruhi kesan pada perubahan diri seseorang. Perubahan itu terkesan melalui tindak balas tubuh ketika mengalami denyutan pada nadi. Melalui teks kitab pelbagai catatan MSS 3339 kesan denyutan berlaku;

sekiranya pada pohon hidung sebelah kiri berdenyut,
menandakan akan sakit tetapi sukar sembuh

Denyutan ini sentiasa berlaku dan memerlukan pemerhatian yang halus dan terperinci. Malah denyutan tersebut akan berlaku di pelbagai bahagian sekitar tubuh manusia seperti kawasan muka, sekitar mata, hidung, bibir, kening, kepala, telinga dan bahu. Kesan denyutan ini telah mempengaruhi ramalan kesihatan seseorang atau memberi tanda.

Begitu juga dengan penggunaan lambang bintang menjadi rujukan ilmu memahami kesan tilikan pada diri. Haron Daud (2010) mengklasifikasikan ilmu bintang sebagai ilmu menilik atau ilmu astrologi. Ilmu bintang atau ilmu astrologi ini bertujuan menilik kehidupan seseorang dari pelbagai aspek termasuk kesihatan, nasib, ekonomi keluarga, kehidupan pasangan dan pekerjaan. Pengertian dan cara penilikan ini diperhatikan melalui peredaran mata angin dan penggunaan bintang dua belas yang didasarkan melalui amalan pelangkah. Rujukan utama yang diperhatikan seperti peredaran waktu, masa, cuaca dan kedudukan bintang. Tafsiran dari tilikan ini memberi jawapan terhadap persoalan mimpi dan menilik sifat seseorang dengan menghubungkan penggunaan abjad nama. Selain itu, penggunaan mata angin juga dikaitkan dengan kedudukan peredaran naga untuk tujuan menilik kehidupan seseorang dalam jangka masa setahun. Perkara-perkara yang diperhatikan termasuklah mengetahui keadaan yang baik atau buruk yang akan berlaku pada diri seseorang. Walau bagaimanapun menurut Baharuddin (2015) ilmu bintang ini memberi manfaat dan alat yang penting ketika itu terutamanya dalam menyelesaikan masalah dan melancarkan urusan kegiatan harian mereka terutamanya ketika mendapatkan panduan kesihatan, panduan ketika menjalankan ternakan, tangkapan ikan, bercucuk tanam, mengembara, berjalan jauh dan memburu dengan merujuk kesesuaian hari dan waktu yang baik. Seperti yang dinyatakan melalui kitab pelbagai catatan MSS 507;

Bintang syamsi,...jika mengunjungi orang sakit ketika itu atau membuang darah atau makan ubat atau menghadap raja tidak baik. Pada satu pendapat menyatakan jika pergi juga maka ada bala atau seteru atau jadi penyakit dan sukar hendak sembuh daripada penyakit itu...

Simbol syamsi atau merujuk matahari yang memberi makna kepanasan yang seterusnya memberi pernyataan terhadap kedudukan kesihatan seseorang sekiranya mengunjungi pesakit akan mengakibatkan kesan terhadap kesihatan pada individu tersebut yang mungkin akan menjejaskan kesihatan seseorang itu menjadi lambat sembuh.

2.3.2 Tingkah laku (Nilai dan Moral)

Peralihan pegangan orang Melayu terhadap kepercayaan magis beralih kepada memahami Islam. Menurut Abdul Kadir (1993) nilai-nilai sosial tradisi yang dipupuk dalam masyarakat Melayu berasaskan kepada ajaran Islam. Keadaan tersebut menyebabkan orang Melayu akan menekankan perlakuan-perlakuan yang baik berlandaskan budi yang sopan. Proses penerimaan dan penyesuaian dalam budaya tidak terbatas kepada keperluan-keperluan masyarakat, ia adalah bersesuaian dengan nilai dan kehendak agama Islam (Abdul Kadir,1993). Dalam kitab pelbagai catatan ini diperhatikan banyak yang berunsurkan nilai-nilai Islam terutamanya dalam pemberian nama bayi selepas lahir. Seperti yang terkandung dari kitab pelbagai catatan MSS 1637 b, nama yang disarankan mengikut kesesuaian waktu dan hari. Sekiranya bayi tersebut dilahirkan pada sebelah siang akan disesuaikan dengan nama;

Hari Ahad; Musa, Ayub, Zakaria,Soleh,Harun, Halimah, Khadijah, Hafsah, Robiah dan Habibah. Isnin; Ahmad, Muhammad, Mahmud, Kasim, Thoha, Nuh. Fatimah, Salmah, Shuibah, Azizah, Robiah, Hamidah dan Toibah. Selasa; Ismail, Ishak, Yaakub, Semiun, Hamzah, Khalid, Jaafar, Yusuf, Khadijah, Salmah dan Afifah. Rabu; Ali, Husin, Hassan dan Aisyah. Khamis; Abdullah, Abdul Rahman dan Umi kalsum. Jumaat; Adam, Yunus, Yusuf,

Hawa dan Hajar. Sabtu; Abdul Kadir, Abdul Rahim, Abdul Razak, Syarifah dan Latifah..

Manakala sekiranya bayi yang di lahirkan sebelah malam pula penjelasan dari kitab pelbagai catatan MSS 1637 b disesuaikan dengan nama;

Hari Ahad; Ismail, Abu Bakar, Umar, Abdullah, Safiah, Hawa dan Zainab. Isnin; Ahmad, Muhammad, Usman, Isa, Fatimah dan Sairah. Selasa; Musa, Harun, Ibrahim, Yaakub, Ismail, Hawa, Aisyah dan Aminah. Rabu; Hasan, Hasni, Ismail, Mumsinah dan Salamah. Khamis; Adam, Idris, Yusof, Solleh, Aisyah, Jamilah dan Hamidah. Jumaat; Muhammad, Jaafar dan Abas. Bayi perempuan Khadijah dan Jamilah. Sabtu; Ali, Yusof, Abdul Rahman, Halimah dan Mariam.

Nama-nama yang disenaraikan ini merujuk nama-nama nabi, sahabat handai nabi dan ahli keluarganya. Tujuannya nama-nama tersebut simbol dalam menerapkan nilai perilaku yang baik, gagah, sihat dan menjadi orang yang beriman. Nama yang tidak serasi pula akan mempengaruhi tingkah laku yang tidak baik. Perbincangan dari kitab Tarbiah al-Aulad (2010) merujuk kepada pemberian nama perlu ada tata tertib yang sesuai dengan menyesaikannya dengan hari, waktu dan sesuai diberikan ketika bayi tersebut berusia tujuh hari yang disertakan dengan akikah mencukur rambut. Petikan dari kitab Tarbiah al-Aulad (2010);

Diberi nama selepas tujuh hari disebabkan waktu tersebut hari yang ganjil dan menjadi sunnah nabi. Bahkan juga tempoh itu, memberi ruang kepada ibu bapa untuk mencari nama yang sesuai. Seeloknya, rujukan nama merujuk kepada orang yang berpengetahuan dalam bidang agama. Dalam pemberian nama, beberapa cara perlu dikenal pasti seperti diberi nama yang terbaik dan cantik dan disarankan oleh nabi contohnya, Abdullah dan Abdul Rahman nama yang terbaik. Kedua melarang meletakkan nama yang buruk contohnya yang memberi makna sakit. Ketiga, dilarang memberi nama yang membawa sifat terhadap perasaan contohnya Hazin yang memberi makna sedih. Keempat, dilarang meletakkan nama khusus bagi Allah. Namun sekiranya berkehendak juga, dimulai dengan Abdul. Kelima, dilarang memberi nama sempena

nama sembah tuhan lain selain Allah. Disunatkan memberi nama dengan nama-nama nabi. Kriteria pada sifat budak yang baru lahir, kemudian selarikan dan mengikut kaedah bahasa Arab

Perspektif orang Melayu dalam pemberian nama mempengaruhi tahap kesihatan seseorang. Akibat dari itu bayi tersebut akan mengalami sakit yang berpanjangan sehingga dewasa.

Nilai-nilai yang baik seperti bersedekah ditekankan yang mengkhususkan dan mempengaruhi kesan kesihatan seseorang. Seperti yang terkandung melalui kitab pelbagai catatan MSS 597 dengan mengamalkan amalan bersedekah. Lima perkara yang akan diterima sekiranya mengamalkan;

Pertama sucikan hartanya, kedua sihatkan tubuh badannya, ketiga menolak bala dan disembuhkan penyakit, keempat memasukan kesukaan ke atas orang miskin dan kelima memasukkan kesukaan ke atas orang mukmin

Sedekah merupakan amalan yang mulia dan sering disarankan dalam Islam. Seperti yang dijelaskan melalui hadis riwayat Baihaqi al-Sunan al-Kubra, telah meriwayatkan bahawa Abdullah berkata Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya;

Ubatilah sakit kamu dengan bersedekah, peliharalah harta kamu dengan berzakat dan hindarilah bala dengan berdo'a.

Khasiat sedekah bukan hanya menumpukan kesan terhadap kesihatan, malah turut memberi kesan di akhirat kelak. Seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 597;

Lima kepujian di akhirat; pertama memayungi bagi empunya pada hari kiamat di mana pada waktu itu yang sangat panas, kedua sedikit hisabnya, ketiga memberatkan neraca timbangan amalannya dan kelima mudah melalui jambatan siratulmustakim

Pegangan orang Melayu ketika itu beralih dengan persoalan di dunia dan akhirat. Pentingnya melakukan perkara-perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang boleh merosakkan iman seseorang. Penerimaan Islam ketika itu dapat di gambarkan melalui penulisan mengenai soal jawab fikah dalam kitab ini.

Penekanan nilai Islam diperhatikan daripada penggunaan simbol-simbol bulan. Diperhatikan pernyataan bulan tersebut, menggunakan bulan Muharam sehingga Zulhijah. Setiap bulan-bulan ini dinyatakan akan berlakunya kejadian. Sepertimana yang dinyatakan dalam petikan kitab pelbagai catatan MSS 2750;

Safar, pada waktu subuh akan berbuat amal raja di negeri titah (pemerintah raja tersebut), Dhuha akan berperang, Zohor penyakit akan datang, Ansar akan berkasih-kasihan sesama manusia dan Maghrib akan berpindah daripada suatu tempat ke negeri itu.

Walau bagaimanapun dari huraian petikan tersebut turut menekankan perhubungan dengan kedudukan kesihatan seseorang. Sekiranya terdapatnya bala yang tidak baik menurut petikan tersebut, digalakkan untuk memakai kain suci dan melakukan ibadat kepada Allah. Simbol kain suci dan melakukan ibadat lebih memaksudkan mengerjakan solat sujud pada Allah meminta dijauhkan bala. Begitu juga dengan simbol waktu solat seperti waktu subuh, dhuha, zohor, ansar dan maghrib diselitkan untuk menunjukkan utuhnya pegangan Islam ketika itu.

2.3.3 Proses Interaksi Manusia dengan Alam dalam Mempengaruhi sistem Pengubatan

Berdasarkan penelitian dari kitab ini, terdapat empat kaedah yang digunakan ketika mengubati penyakit. Empat kaedah yang digunakan seperti azimat, jampi, menggunakan sumber herba dan menggunakan sumber fauna.

2.3.3.1 Hubungan Huruf dengan Ekologi Alam Melalui Sistem Kaedah Azimat

Azimat dinyatakan dalam bentuk huruf seperti ra, kaf, ra fa dal maksudnya huruf saling bercinta. Huruf-huruf ini dianggap memberi kekuatan dan semangat si pemakai atau yang menggunakannya. Dalam situasi perubatan huruf-huruf ini penting dilakukan dengan cara yang berbeza. Seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 597;

م هـ و.... ح و ح و د ل ال و د ا ا
ج ر ت و ... م م ه ه ل ه و ل ه و د ا ا

Cara menghasilkan azimat ini dengan melakar perkataan tersebut pada mangkuk putih. Kemudiannya mangkuk ini digunakan untuk menjadi bekas minuman. Cara ini perlu dilakukan selama tiga hari berturut-turut. Perubatan ini dilakukan bertujuan untuk mengubati batuk. Kegunaan azimat ini diperhatikan dijadikan sebagai cara dalam menyelesaikan masalah pembuangan. Rawatan yang dijalankan dengan menggunakan Alatan utama rawatan dengan menjadikan cawan yang telah dilakarkan ini untuk dijadikan sebagai sandaran bahan-bahan seperti yang dijelaskan lagi dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

jirihmu mata kunyit,lada dan telur ayam, minum
semuanya ditapis dan diminum

Masalah pembuangan ini juga memberi kesan pada perut yang berpotensi akan berlakunya masalah sedu hati atau masalah angin yang berlebihan pada tubuh. Manakala dalam mengubati masalah sakit mata yang berkeadaan berair atau termasuk habuk atau termasuk binatang kecil, caranya dengan menggunakan daun sirih untuk dibuat lakaran seperti yang tertera dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

ع اول و ال و اع اع

Sirih yang siap dilakar ini dipicit, diambil airnya kemudian airnya disapukan atau dititikkan pada bahagian mata yang sakit. Bagi rawatan menahan darah keluar atau memberhentikan darah akibat terkena luka yang besar atau kecil dengan banyak dengan menggunakan serbuk arang kayu atau dipanggil ketuhar pada ketika itu. Rawatannya menggunakan alatan cawan yang berisi serbuk arang dengan melakarkan cawan seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750 yang menggunakan surah al-Imran, ayat 8;

لُؤْهَالِ نَّ كَ اَحَ كَلَّعَ لَه م مَلَبَا وَهْ هُ مَعْبِيَا اَنْ نَدِيْعَ لَوْنَبَاتْغُلُ لَا لَبَّآ

Arang ini sama fungsi dengan dadah yang bertujuan untuk menahan rasa sakit (Risky Candra, 2017). Azimat juga menjadi alat melindungi dari terkena penyakit berjangkit atau kini disebut sebagai virus. Kepercayaan masyarakat ketika itu dapat dilihat ketika menjaga keselamatan diri keluarga terutamanya anak kecil yang bermain di luar kawasan rumah. Dipercayai akan membawa kepada penyakit keteguran, atau jangkitan daripada batuk atau selesema daripada persekitaran mereka. Disebabkan itu, cara untuk menghindari keadaan tersebut, ibu bapa anak-anak kecil mengenakan azimat sebagai melindungi anak mereka dengan cara sepertimana yang terdapat pada karangan kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

ubun merah burung belatuk yang berada di kepala,
diperbuat azimat pada kanak-kanak. Ia diikat pada lengan
supaya sembuh dari semua penyakit

Bagi kalangan orang dewasa dan seisi keluarga azimat perlindungan ini melindungi penyakit dengan melakukan seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

menggunakan bahagian mata burung belatuk digantung
pada pintu rumah

Perlindungan dari terkena racun akibat daripada manusia atau terkena racun daripada binatang, ditawarkan dengan cara melakukan azimat dengan menggunakan peralatan seperti mangkuk untuk dilakarkan bismillah lima. Mangkuk tersebut digunakan untuk mengisi air bagi dibuat basuh dan diminum. Dinyatakan, kesesuaian hari untuk mengubati terkena racun ini seelok-eloknya pada hari Khamis.

Selain daripada mengubati penyakit-penyakit biasa dan menjadi alat perlindungan, azimat sesuai menjadi kaedah pengubatan penjagaan dalaman lelaki dan wanita. Penjagaan dalaman lelaki atau wanita penting dan juga merupakan salah satu daripada amalan petua, yang sering menjadi panduan dalam mengharmonikan hubungan suami isteri. Azimat ini menjadi kaedah yang sesuai bagi menyelesaikan masalah terutamanya yang melibatkan lemah syahwat bagi golongan lelaki. Kesesuaiannya bagi golongan lelaki untuk menguatkan kembali zakar dan menambahkan air mani. Azimat ini dilakukan dengan cara menggunakan tulang untuk dijadikan sebagai pendinding kekuatan seseorang yang dilakukan dengan cara yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

tulang sayap burung belatuk diletak bawah bantal tidur
akan kuat zakarnya

Simbol burung diterapkan dengan menyatukan hubungan manusia dengan alam. Penekanan burung belatuk sejenis spesies burung yang mudah dijumpai, yang berdarah panas serta mempunyai keistimewaan pada paruhnya yang kuat dan keras seperti mata pahat. Lantaran itu, menyebabkan anggota pada burung ini dijadikan sebagai ubat. Burung ini diserasikan dengan simbol lelaki. Golongan lelaki yang sering mengalami masalah 'lemah syahwat' yang disebabkan berpunca daripada kerap tidur pada waktu siang dan juga pengambilan makanan yang berunsurkan asam secara berlebihan (Razak,

2006). Wanita yang mempunyai masalah sukar mendapatkan zuriat, rawatannya dengan membuat azimat. Melalui penjelasan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

Melakar surah Insyiqat ayat 1 hingga 25 pada kertas. Kertas ini diikat pada tubuh wanita itu agar mudah mendapat anak

Azimat ini juga sesuai buat binatang yang sukar beranak peliharaan yang sukar untuk mendapat anak seperti lembu, kambing, ayam dan pokok yang tidak berbuah. Dalam perubatan tradisional, azimat dikategorikan sebagai perubatan yang menggunakan alatan sama ada dari bahan konkrit seperti pinggan, mangkuk, cawan, kertas, tali, batu lesung, kain dan kulit pokok atau binatang. Alat-alat ini dijadikan sebagai medium untuk melakarkan petikan al-Quran, huruf jawi atau simbol. Peralatan yang siap dilakar ini untuk menjadi bekas minum, dipakai pada leher, perut, lengan, tangan dan kaki serta alat penggiling. Azimat alat bagi kegunaan golongan yang buta huruf dan tidak mahir dan sukar hafal dalam bacaan ayat al-Quran. Dengan adanya catatan pada mangkuk, cawan atau pada kertas ini memudahkan rawatan dijalankan.

Jadual 2.1: Teknik, jenis penyakit dan penggunaan bahan yang digunakan dalam kaedah azimat

Teknik	Bahan-bahan digunakan	Bahan sampingan	Jenis Penyakit
Lakaran/ catatan Huruf atau petikan ayat Al-Quran	Mangkuk putih Pinggan Putih Cawan Putih Pen Kertas Tali Kain	Kunyit Lada Telur ayam Tanduk binatang Paruh burung Bulu burung	Masalah Pembuangan Batuk Sakit Mata Elak darah keluar Melindungi diri dari sakit Menguatkan zakar Lemah Syahwat Untuk wanita mandul

Azimat bertujuan menguatkan mental, menguatkan imaginasi si pemakai. Tujuan azimat ini selain untuk merawat penyakit menurut Mahyuddin (2012) menjadi kepentingan dalam melindungi keluarga dan juga harta benda, daripada serangan jin, syaitan dan penyakit, mengelakkan kecelakaan, menjadikan orang gerun atau kasih padanya. Sebahagian pendapat menyatakan azimat ini satu bentuk permohonan untuk mendapatkan pertolongan atau bantuan bagi manfaat diri sendiri atau untuk memudaratkan orang lain dengan menggunakan objek-objek dan ayat-ayat tertentu yang dianggap mempunyai kesaktian dan kuasa ghaib yang melampaui kekuatan semula jadi apabila dijampi atau dipuja (Majlis Fatwa, 2015).

2.3.3.2 Manusia dengan Hubungan Spiritual Melalui Sistem Kaedah Jampi

Jampi dalam masyarakat Melayu tradisional terdiri daripada penggunaan mantera yang dilakukan dengan perkataan serapah atau dengan menggunakan doa dalam terjemahan. Berdasarkan penelitian dalam kaedah perubatan jampi ini digunakan untuk mengubati penyakit angin, membuat majun, mengubati barah, pengubatan dalam keadaan patah, elak daripada gangguan dan dalam penjagaan keharmonian rumah tangga.

Antara rawatan yang dihuraikan melalui kitab pelbagai catatan seperti dalam menyembuhkan masalah angin pada tubuh terutamanya bahagian perut dengan cara makan majun. Cara menghasilkan majun ini seperti yang dijelaskan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

cekur dan jir seberat 5 ketul emas, lengkuas sebanyak 5 ketul emas, pati halia sebanyak 5 ketul emas, buah pala sebanyak 5 ketul emas, bunga lawang sebanyak 5 ketul emas beratnya dan kunyit putih (temu) sebanyak 5 ketul emas beratnya

Bahan-bahan ini digabungkan kemudian akan dijampi. Majun dikategorikan sebagai makanan tambahan atau vitamin yang sesuai untuk mengubati pelbagai penyakit selain dari mengubati masalah angin. Khasiat majun ini pernah diceritakan melalui satu riwayat Rasulullah s.a.w, yang dinyatakan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750 seperti;

Jibrail disuruh akan Rasulullah dijadikan akan majun barang siapa makan dia suatu pun tiada akan penyakit segala tubuhnya dengan majun, insya-Allah segala tiada datang penyakit siang dan malam dan jikalau 10 orang pun semalam sertanya tiada berubah anggotanya. Jika orang tua kembali muda yakni kuat

Selain itu majun ini juga menggunakan bahan lain seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

limau nipis, lengkuas, pati halia, buah pala, bunga lawang dan kunyit putih (temu) kemudian dijampi setelah bahan tersebut telah disatukan

Punca angin dalam badan ini bermula daripada pengambilan makanan yang tidak sesuai dengan darah seseorang. Jalan penyelesaian merawat penyakit ini dengan mengambil majun. Majun juga menjadi penawar bagi batuk yang keluaranya balgham (kahak), lelah atau sesak, sakit perut atau bisa hati, kembung perut atau berbuku dalam perut atau kembung, tiada membawa haid atau senggugut, sakit muntah atau loya, sakit kebas atau sengal-sengal, sakit karang atau kencing menitik, sakit gatal atau pucat muka, jika perempuan lepas beranak makan sampai 40 hari jadi membersihkan darah dan memperbanyakkan susu. Pengambilan majun ini lebih mujarab sekiranya diambil mengikut tertib seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 2492;

adalah sekali makan majun ini kira-kira sebesar jari manis afiat. Jika budak belum baligh hendak diberi setengah afiat

Pengubatan jampi juga dilakukan dalam menyelesaikan masalah gangguan. Gangguan ini melibatkan kesan dari cemburu, dengki dan marah terhadap seseorang. Sifat ini dianggap sebagai sakit emosi disebabkan hati yang tidak tenteram dan tiada perasaan belas kasihan. Menurut Bandura (2001) kebanyakan daripada individu mungkin sedar tentang keburukan amalan gaya hidup mereka, tetapi sikap untuk memperbaiki amalan-amalan tersebut mungkin negatif. Cara yang sesuai untuk mengubati gangguan seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS1637 b;

jampi pada cuka nipah dan secubit garam, kemudian
dibuat minum

Seiring dengan itu juga dalam kitab ini ada menengah jampi bagi menimbulkan perasaan sayang di antara lelaki dan wanita. Terdapat kehidupan suami isteri yang mempunyai masalah rumah tangga atau perceraian. Seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 597;

Surah Al-Qamar ayat 11 dan 12 dibaca kemudian di
hembus pada tapak tangan dan kemudian berjabat tangan,
dengan membaca sebanyak 9 kali bacaan

Ayat pengasih ini selain menjadi ikhtiar terhadap pasangan suami isteri, tetapi juga dengan tujuan mendapatkan seseorang lelaki mahupun perempuan yang diminati. Kaedah ini sesuai digunakan tanpa menggunakan makhluk perantaraan. Selain itu juga mengelak dari mengalami sakit yang berpanjangan dan memudaratkan pinak yang ingin ditujukan. Selain itu, rawatan jampi digunakan untuk mengekalkan kecantikan dan mengekalkan awet muda seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2492;

halia, bunga lawang dan kunyit dijampi dan dimakan pada
waktu pagi dan petang

penggunaan bahan seperti halia yang bertujuan membuang angin manakala kunyit bertindak sebagai melancarkan darah. Gabungan bahan ini sesuai dalam penjagaan tubuh

yang seterusnya dalam menyihatkan luar dan dalaman seseorang. Mujarabnya ubatan ini terletak pada jampi yang dibaca pada bahan-bahan ini.

Jadual 2.2: Kaedah Jampi yang dihubungkan antara teknik, jenis penyakit dengan penggunaan bahan

Teknik	Bahan-bahan digunakan	Bahan sampingan	Jenis Penyakit
1. Jampi 2. Berjabat tangan	1.Cekur 2.Jir 3.Lengkuas 4.Halia 5.Buah pala 6.Bunga lawang 7.Temu 8.Limau Nipis	1.Cuka Nipah 2.Garam	1. Pelbagai penyakit: perut berangin, balgham (kahak), lelah atau sesak, sakit perut atau bisa hati, kembung perut atau berbuku dalam perut atau kembung, tiada membawa haid atau senggugut, sakit muntah atau loya, sakit kebas atau sengal-sengal, sakit karang atau kencing menitik, sakit gatal atau pucat muka, jika perempuan lepas beranak makan sampai 40 hari jadi membersihkan darah dan memperbanyakkan susu 2.Gangguan 3.Pengasih 4.Kecantikan dalaman dan luaran

2.3.3.3 Manusia dengan Alam Tumbuhan Melalui Sistem Kaedah Herba

Azahari (1994) menyenaraikan 200 jenis penyakit yang menggunakan tumbuhan ubatan dan cara penggunaannya. Sistem perubatan tradisional Melayu banyak menggunakan tumbuhan bagi tujuan rawatan, penjagaan kesihatan dan pemakanan. Faktor lain dalam bahan ubatan dikaitkan dengan faktor semula jadi dan sosiobudaya seperti ekologi, musim, sistem saliran dan tingkah laku manusia juga mempengaruhi penggunaan tumbuh-tumbuhan sebagai ubat, makanan dan perhiasan landskap. Aishah dan Aziz (1995), menyatakan tumbuhan dan budaya saling pengaruh mempengaruhi dalam sistem pemakanan dan perubatan orang Melayu. dinyatakan budaya menentukan

jenis tumbuhan dan bahagian mana daripada tumbuhan tersebut boleh dimakan, dibuat hiasan dan dijadikan sebagai ubatan. Bagi Safora (1992), menjelaskan jenis tumbuhan yang sesuai dijadikan sebagai ubatan dan kesesuaian untuk dijadikan sebagai bahan makanan. Pembahagian tumbuhan ini disebabkan bukan semua tumbuhan sesuai dijadikan sebagai ubatan atau dijadikan sebagai bahan makanan. Tujuannya agar dapat memberi panduan semasa pengambilan tumbuhan tersebut dan mengelak dari terkena daripada sebarang penyakit. Contohnya ketika mengalami masalah seperti batuk seperti batuk biasa atau batuk berkahak, terdapat beberapa cara tradisi yang dilakukan seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

Jemuju (ketumbar) digiling bersama air diminum tiga kali pagi. Manakala cara lain dengan memamah daun jemuju

Khasiat jemuju bukan hanya pada buahnya tetapi juga dari daun serta akar pokok jemuju. Masyarakat terdahulu terkenal dengan penyakit muntah berdarah yang disebabkan dari terkena santau atau buatan manusia. Bagi mengenali kesan santau tersebut, seseorang itu akan merasakan tubuh panas, badan berangin, sakit dada dan akhirnya akan muntah darah. Ketika terkena penyakit santau ini, pesakit dilarang untuk mengambil pemakanan yang sejuk. Penawar santau ini seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 507;

beras yang digoreng, kulit kayu manis, air dan dipipis lunak-lunak. Kesesuaian waktu untuk meminum bahan tersebut iaitu pada 3 kali pada waktu pagi. Cara lain menggunakan kulit kayu manis dan madu

Kandungan bahan-bahan yang dijadikan sebagai ubatan ketika itu, disesuaikan dengan menggunakan bermula dari 1, 3 dan 5 jenis bahan, mengikut bahan yang ada di persekitaran mereka ketika itu. Dipercayai masyarakat ketika itu menggunakan bahan mengikut bahan yang ada kemudiannya diserasikan mengikut penyakit yang dialaminya. Begitu juga dengan gabungan bahan diambil mengikut kesesuaian seperti gabungan

antara daun dan buah, atau daun dan akar atau akar sahaja. Bagi menyembuhkan masalah buasir yang sering kali berlaku pada wanita terutamanya selepas bersalin. Salah satu cara yang digunakan pada ketika itu dengan menggunakan bahan sepertiimana yang dijelaskan seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2701;

ibu kunyit dan gula batu, kemudian dibuat minum atau mengamalkan minuman akar kayu sebagai bahan yang asas.

Tujuannya akar kayu ini berfungsi sebagai salah satu cara memanaskan badan dan juga berfungsi sebagai melawas pembuangan air besar. Akar kayu mengikut pengamal tradisi (wawancara, September 18, 2015) yang menjadi kebiasaannya digunakan mengandungi sebanyak 199 daripada jenis pokok. Selain itu juga, madu lebah hutan turut dijadikan sebagai ubatan yang penting sebagai ubat batuk dan penyakit yang melibatkan dalaman (badan). Penyakit buasir ini menjadi kebiasaannya sering kali dihadapi dalam kalangan wanita selepas bersalin. Perkara sedemikian, menurut bidan (wawancara, September 18, 2015) ketika itu wanita yang beranak tidak dijahit. Demikian, masalah buasir ini mudah dihadapi sekiranya tidak berpantang dengan teratur. Menurut perawat (wawancara, Ogos 7, 2014) menyatakan faktor utama masalah buasir sekiranya seseorang mengamalkan mandi selepas makan. Bukan sahaja mengalami buasir tetapi juga akan mengalami masalah pembuangan. Selain merawat dengan kaedah azimat, dengan cara menggunakan herba turut sesuai untuk merawat masalah pembuangan. Masalah pembuangan menjadi salah satu penyakit yang memudaratkan kesihatan.

Tiga jenis akar ini bertujuan untuk memulihkan dan mengembalikan bahagian otot yang lemah. Lumpuh dipengaruhi oleh kesan dari saraf tunjang. Ketiga-tiga jenis akar ini membawa kekuatan seperti akar cili yang membawa sifat kukuh dengan sukarnya untuk ditumbangkan. Akar pokok sirih dan akar kaduk yang bersifat serabut bertujuan untuk menghubungkan kembali otot dan tulang yang lemah. Selain itu, sumber herba juga sesuai

dijadikan bahan rawatan bagi sakit telinga akibat terkeluar nanah atau berdarah, sesuai dilakukan dengan cara seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2694;

daun selampang dan ..(sebesar anak jari), garam (3 anak jari), bawang putih (2 ulas). Air tersebut dibubuh ke dalam telinga. Anak jari sebagai alat mengukur. Menggunakan peralatan batu untuk mengetuk bahan tersebut

Atau juga sesuai menggunakan bahan lain seperti menggunakan seperti yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 2694;

buah bom dan bawang putih dipipis keduanya maka airnya dibubuh pada halkum dan pusat

Bawang putih menjadi bahan yang penting dalam rawatan telinga. Halkum dan pusat salah satu bahagian yang berhubung dengan bahagian telinga. Mujarabnya, bahan yang terkandung pada bawang putih dan buah bom sehinggalah membolehkan pengaliran darah ke bahagian telinga yang bermasalah.

Pengetahuan yang disandarkan adalah bersifat objektif yang dihubungkan dengan penggunaan bahan tumbuhan dan pemilihan daun sebagai cara melegakan dan menghilangkan masalah atau penyakit. Pengamal berpendapat pengamatan orang dahulu kala tentang kehidupan dan persekitaran. Kepercayaan yang disandarkan kepada pengamatan tentang cara berkesan dalam mengatasi sesuatu masalah. Antara penyakit yang sering berlaku dalam masyarakat ketika itu seperti terkena muntah darah. Muntah darah ini sebenarnya sejenis penyakit spiritual yang diakibatkan datang dari terkena santau. Cara merawat dengan menggunakan bahan seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

bertih dan kulit manis dan air mawar maka dipipis lunak-lunak maka diminum 3 pagi

Cara kedua yang terdapat pada karangan kitab pelbagai catatan MSS 2750 dilakukan dengan menggunakan bahan;

pucuk putat 7, kedua jika hitam sesenduk keduanya ditumbuk airnya diberi minum sebagainya lagi pucuk mempalam. 7 pucuk ditumbuk airnya diberi minum

Muntah darah dari perspektif ini dinyatakan sebagai santau angin. Santau ini penyakit yang sukar untuk disembuhkan dan memerlukan rawatan yang dijalankan oleh perawat.

Jadual 2.3: Teknik, jenis penyakit dan penyesuaian bahan yang digunakan dalam kaedah herba

Teknik	Bahan-bahan digunakan	Bahan sampingan	Jenis Penyakit
Digiling Digoreng Dipipis Menumbuk	Jemuju Beras Kulit kayu manis Kunyit Akar Kayu Daun Selepang Bawang Putih Buah bom Bertih Pucuk Putat Pucuk Mepelam	Air Madu Gula Batu Garam Air Mawar	Batuk Santau Sakit Telinga

2.3.3.4 Manusia dengan Alam Haiwan Melalui Sistem Kaedah Fauna

Cara perubatan tradisional dengan menggunakan sumber dari bahan binatang terdiri daripada burung, lebah dan katak. Sumber-sumber dari bahan binatang ini menggunakan dari darah binatang, sayap dan gigi binatang tersebut. Daripada sumber binatang ini juga dilakukan dengan kaedah azimat, sebagai alat mencuci dan untuk digunakan sebagai ubat sapu. Sumber dari paruh burung belatuk dijadikan azimat untuk

menguatkan gigi. Caranya sepertimana yang dinyatakan dalam kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

dengan menggunakan bahan dari paruh burung belatuk sebagai penjagaan gigi, seperti mengambil paruhnya untuk dibuat sugi dengan tujuan, gigi menjadi lebih kuat

Burung belatuk sesuai dijadikan ubatan yang bukan hanya pada paruh tetapi semua pada seluruh bahagian pada burung ini. Simbol burung belatuk membawa kepada kekuatannya pada paruh yang boleh mengetuk pada bahagian yang keras. Begitu juga dengan hempedu burung belatuk ini, sesuai dijadikan sebagai pengubat emosi lelaki dan wanita. Langkah ini sebagai salah satu cara menguatkan kasih sayang di antara suami isteri terutamanya untuk menguatkan rasa kasih perempuan terhadap suaminya dan menguatkan rasa kasih suami terhadap isterinya sepertimana yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

Hempedu burung itu dicampurkan dengan air mani, kemudian diberi perempuan makan, dikatakan perempuan tersebut akan kasih terhadap lelaki tersebut

Manakala pula, lelaki diberi makan biji kemaluan burung, perempuan itu akan mengasihinya kepada lelaki tersebut. Penjelasan terkandung dari kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

Bahagian ekornya burung belatuk, jika dimakan oleh orang perempuan, lelaki akan mengasihinya

Pada bahagian ekor dan leher burung ini sesuai digunakan sepertimana sesuai dijadikan sebagai ubatan seperti yang terkandung dalam kitab pelbagai catatan, MSS1637 b;

bulu burung belatuk di bahagian ekornya dan leher, kemudian dibakar bulu tersebut dan digosokkan pada perempuan yang tidak boleh beranak, insya Allah akan beranak

Burung belatuk juga digunakan sebagai alat untuk wanita dan juga berkhasiat dijadikan sebagai makanan dalam rawatan. Keistimewaan burung ini yang mempunyai

sensor yang tajam. Selain daripada menggunakan azimat dan herba sebagai ubatan, rawatan yang mujarab dalam melawaskan pembuangan dengan mengubati daripada sumber fauna ini.

Jadual 2.4: Teknik, jenis penyakit dan bahan yang digunakan dalam kaedah fauna

Teknik	Bahan-bahan digunakan	Bahan sampingan	Jenis Penyakit
Di sugi Dicampurkan Dibakar	1.Paruh burung 2.Hempedu burung 3.Biji Kemaluan burung 4.Ekor dan leher burung 5.Bulu burung	Air mani	Menguatkan gigi Pengasih

Daripada penelitian pengubatan azimat, jampi, penggunaan herba dan penggunaan fauna ini dapat dihuraikan sebagai teknik perubatan tradisional yang bersistem. Demikian menjelaskan teknik yang dilakukan dalam azimat adalah secara catatan yang disandarkan pada bahan atau menjadikan bahan untuk pemakaian diri. Bagi jampi, teknik yang dilakukan dengan cara menghembus atau meniup yang disandarkan pada bahan dan juga anggota badan. Teknik dalam perubatan herba dilakukan dengan merebus, menumbuk, menggiling, mengetuk, meramas, memasak, mengambungkan, melayurkan, pipis (menghancurkan), menggentel, memamah dan diasah. Penggunaan fauna, teknik yang dilakukan secara kaedah azimat, yang menjadikan anggota pada binatang untuk dijadikan sebagai alat untuk dipakai dan dibuat sapu pada anggota badan seseorang dan juga dilakukan secara merebus. Berstruktur teknik yang berkesan ini memerlukan sistem rawatan yang memberatkan persoalan terhadap cara pengambilan, gabungan bahan dan jenis rawatan yang dijalankan.

Jadual 2.5: Perbezaan teknik yang digunakan dalam kaedah azimat, jampi, herba dan fauna

Azimat	Jampi	Herba	Fauna
1. Menggunakan alatan a) Kertas b) Benang c) Pinggan Putih d) Mangkuk Putih e) Cawan Putih	Dijampi	Merebus Menumbuk Menggiling Mengetuk Meramas Memasak Gabungan Layur Pipis (menghancurkan) Menggentel Memamah Mengasah	Di Bakar

Merujuk jadual 2.5, penggunaan herba ini, menjadi cara yang mudah untuk mengubati pelbagai penyakit. Kesesuaian herba ini, menurut Fatan (2003), disebabkan tumbuh-tumbuhan ini hidup di persekitaran mereka. Namun kesesuaian penyakit tersebut juga diperhatikan melalui kesesuaian jenis herba yang digunakan dengan pengaruh iklim, struktur tanah tanah dan sistem saliran disesuaikan bahan ubatan. Masyarakat ketika itu, menurut Othman et.al. (2011) akan mempelajari sesuatu melalui alam dan begitu juga dalam menyelesaikan sesuatu masalah turut melalui pemerhatian daripada alam. Sehubungan itu, penyelesaian untuk mengubati kesakitan yang dihadapinya akan diperhatikan daripada tindak tanduk dan perilaku binatang. Di sebalik pembelajaran itu, timbulnya kepercayaan yang tinggi terhadap alam, sehinggakan setiap perlakuan memerlukan keizinan dan memerlukan perlindungan sekiranya berlaku sesuatu yang menjejaskan kesihatan. Bagi kesan rawatan yang melibatkan unsur-unsur mistik seperti gangguan mereka melakukan pemujaan agar penyakit tersebut dapat dipulihkan. Kesesuaian pengubatan ini, ketika itu sesuaikan dengan kaedah jampi atau dengan menggunakan azimat.

Jadual 2.6: Penyesuaian kaedah dengan jenis penyakit

Jenis penyakit	Kaedah			
	Azimat	Jampi	Flora	Fauna
Masalah Pembuangan	/		/	
Batuk	/		/	
Menahan darah dari keluar	/			
Sakit Mata				
Batuk	/	/		
Muntah darah/Santau			/	
Perlindungan				
Hindar dari semua jenis Penyakit	/	/		
Lemah Syahwat	/			
Sukar mengandung	/			/
Sakit Perut		/		
Masalah angin		/		
Masalah haid		/		
Sengal Sendi		/		
Batu Karang		/		
Masalah Kencing		/		
Kurang darah		/		
Kurang susu		/		
Gangguan		/		
Pengasih		/		/
Buasir			/	
Sakit Telinga			/	
Masalah gigi dan penjagaan				/

2.3.4 Hubungan Kaedah Azimat, Jampi, Herba dan Fauna dalam Sistem Rawatan

Razak (2006) menjelaskan terdapat tujuh kaedah tradisi yang menjadi kegemaran masyarakat Melayu seperti dengan cara diminum, dimakan, direndam, disemburkan, dibedakkan, ditampal dan disapukan. Oleh itu, kebanyakan doa dan azimat mengandungi ayat-ayat al-Quran yang mempunyai kuasa penawar yang tidak semestinya penawar jasmani kerana tujuan utamanya adalah untuk membentuk dan memelihara iman. Rawatan azimat pesakit digalakkan menulis beberapa ayat al-Quran di atas kertas atau

pada gelas dan sesudah merendamkan tulisan ke dalam air dan air tersebut diminum. Kadangkala penentuan masa adalah penting misalnya sebelum fajar. Disebabkan itu Razak (2006) telah meletakkan pengambilan bahan ini diambil secara berperaturan. Empat cara yang ditetapkan iaitu cara waktu pengambilan ramuan, kekerapan pengambilan ramuan, keadaan dan sifat ramuan dan prasyarat pengambilan ramuan. Waktu pengambilan ramuan ditetapkan pada waktu pagi disebabkan masyarakat ketika itu mempercayai ketika itu perut kosong sesuai memproses ramuan yang dimakan.

2.3.3.1 Jenis Rawatan

Melalui penelitian daripada kaedah tradisi ini, menimbulkan beberapa cara penyelesaiannya dalam merawat kesakitan. Beberapa perkara yang dijelaskan agar pengambilan ubatan tersebut mujarab. Tiga peringkat seperti yang dijelaskan dalam aspek seperti mengetahui kaedah yang digunakan dengan jenis rawatan dilakukan. Antara yang dikenal pasti seperti merawat secara makan, minum, menampal, menyapu, digosok, memasukkan, diikat, dijampi, di sugi, hembusan, disapukan, dituam dan juga menggunakan alat untuk perlindungan diri. Berdasarkan pengubatan azimat dilakukan dengan cara makan, minum dan dipakai pada tubuh badan.

Jadual 2.7 : Sistem rawatan azimat

Jenis Penyakit	Jenis Rawatan	Pengambilan bahan	Gabungan bahan
Masalah Pembuangan	Minum	Sifat bahan panas	Kunyit, lada dan telur
Batuk	Minum	Kekerapan dilakukan selama tiga hari	Air putih
Sakit mata	Titik dan sapu	Bahan bersifat sejuk	Sirih
Memberhentikan darah	Sapu	Bersifat sejuk	Serbuk arang

Sembuhkan semua penyakit	Diikat pada lengan	Pengambilannya berpanjangan Khusus untuk kanak-kanak sahaja	Ubin burung
Melindungi dari penyakit berjangkit	Digantung pada pintu	Pengambilannya berpanjangan Khusus untuk pelbagai golongan	Mata burung
Bagi lelaki yang lemah zakar	Disimpan di bawah bantal	Pengambilannya berpanjangan Khusus untuk golongan lelaki	Tulang sayap burung
Sukar mengandung	Diikat pada tubuh	Pengambilannya berpanjangan	kertas

Jadual 2.8: Sistem rawatan jampi

Jenis Penyakit	Jenis Rawatan	Pengambilan bahan	Gabungan bahan
Masalah angin Batuk Pelbagai penyakit Sesak nafas Sakit perut Bisa hati Senggugut Muntah Loya Kebas-kebas Sengal-sengal Batu karang Kencing tidak lawas Gatal Muka pucat Perempuan berpantang	Dimakan	Pengambilannya sebesar ibu jari manis bagi dewasa Bagi budak diberikan setengah dari sukatan ibu jari manis Perempuan berpantang dimakan selama 40 hari	Cekur, jir, lengkuas, halia, buah pala, bunga lawang, kunyit putih
Gangguan	Diminum		Cuka nipah dan garam
Pengasih	Hembusan pada tapak tangan	Pantang larang: perlu berjabat tangan Dibaca sebanyak 9 kali	Surah Al-Qamar
Kelihatan muda	Dimakan	Waktu pada pagi dan petang	Halia, bunga lawang dan kunyit

Jadual 2.9: Sistem rawatan herba

Jenis Penyakit	Jenis Rawatan	Pengambilan bahan	Gabungan bahan
Batuk /batuk berkahak	Diminum	Tiga kali (Setiap pagi selama tiga hari)	Jemuju dan air
Batuk/ Batuk Berkahak	Memamah		Daun jemuju
Santau	Diminum	Tiga kali (Setiap pagi selama tiga hari)	Beras, kayu manis dan air
Santau	Diminum	Tiga kali (Setiap pagi selama tiga hari)	Kulit kayu manis dan madu
Buasir	Diminum	Bersifat panas	Kunyit dan gula batu
Buasir	Diminum	Bersifat panas	Akar kayu
Sakit telinga	Bubuh dalam telinga	Perlu mengukur bahan dengan anak jari	Daun selepang, garam, bawang putih dan air
Sakit telinga	Dibubuh pada halkum dan pusat		Buah bom dan bawang putih
Muntah darah	Diminum	Dilakukan selama tiga hari (setiap pagi)	Bertih, kulit manis dan air mawar
Muntah darah	Diminum	Menggunakan bilangan 7 helai dalam pengambilan pucuk	Pucuk putat, dan pucuk mempelam

Jadual 2.10 : Sistem rawatan dalam sumber fauna

Jenis Penyakit	Jenis Rawatan	Pengambilan bahan	Gabungan bahan
Penjagaan gigi	Di sugi	Pengambilan tiada had	Paruh burung
Menguatkan kasih sayang	Dimakan	Diberi kepada orang perempuan sahaja	Hempedu burung dan air mani
Menguatkan rasa kasih	Dimakan	Diberikan kepada orang perempuan sahaja	Ekor burung
Perempuan yang tidak boleh beranak	Digosokkan	Diberikan kepada orang perempuan yang tidak boleh beranak	Bulu burung yang terdapat pada leher dan bahagian ekor

2.3.4.1.1 Makan

Makanan pula tidak terlalu berlebihan dalam pengambilan garam, cuka, pedas dan bergula (Ethel, 1996). Selain itu mengamalkan minuman madu yang dicampurkan bersama air digalakkan ketika pagi sebelum menjamah makanan (Idrus, 1995). Tumbuhan juga pemberi antibiotik dan vitamin. Disebabkan pada tumbuhan mempunyai serat dan tonik. Muhamad dan Mustafa (1994), menyatakan asal perubatan tradisional Malaysia adalah berdasarkan penerapan perubatan tradisional dari Indonesia dan telah diubah mengikut keadaan dan kesesuaian tempatan. Begitu juga dalam menentukan penyakit seseorang berdasarkan daripada pemerhatian fizikal badan seseorang, yang bersifat panas (bermula dari hempedu), bersifat sejuk (bermula dari limpa), berunsurkan angin (keadaan badan panas dan basah) dan keadaan badan sejuk dan basah (bermula dari peparu). Kedua melalui denyutan nadi. Setelah mendapat tahu dari dua perkara tersebut, barulah disesuaikan dengan jenis ubat. Sifat ubatan seharusnya bertentangan dengan sifat penyakit. Seperti penyakit yang panas disesuaikan dengan ubat yang bersifat sejuk. Bahagian yang menjadi kebiasaannya diambil pada bahagian akar.

Begitu juga dengan pengambilan majun yang mempunyai ukuran tertentu ketika mengamalkannya. Ukuran pengambilan, bergantung terhadap ukuran pada jari manis pengamal. Rawatan secara makan ini, akan dilakukan sekiranya bancuhan berbentuk giling, dihancurkan atau dicampurkan dengan kandungan herba yang melebihi dari tiga percampuran bahan. Terutamanya yang diteliti semasa menghasilkan majun, dengan penggunaan bahan seberat 5 ketul emas, bagi memastikan sukatan bancuhan bahan sekata dan bersesuaian dengan penyakit, seperti yang dijelaskan melalui timbangan dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750,

cekur dan jir seberat 5 ketul emas, lengkuas sebanyak 5 ketul emas beratnya, pati halia sebanyak 5 ketul emas beratnya dan

buah pala sebanyak 5 ketul emas beratnya dan bunga lawang sebanyak 5 ketul emas beratnya dan kunyit putih sebanyak 5 ketul emas beratnya.....

Setelah bahan-bahan tersebut dilakukan jampi, dicampurkan semuanya untuk digiling dibuat majun. Majun ini juga tidak sesuai diambil hari-hari tetapi akan diambil ketika mengalami masalah angin atau semasa diperlukan.

Dalam Islam, Rasulullah s.a.w mengajar adab-adab sebelum makan dan selesai makan dengan berhenti makan sebelum kenyang, menjilat jari, mencuci tangan, berdoa, berkumur, bersyukur dan beristighfar, seperti yang dijelaskan oleh Imam Ghazali. Perkara sedemikian disebabkan penyakit tidak dapat dipisahkan daripada pemakanan. Penjagaan makanan penting dalam menentukan keselamatan, mengelakkan penyakit dan dapat mengurangkan bebanan kesakitan. Selain penjagaan makanan menurut Hamidah (2014) pencegahan dan rawatan dibahagikan kepada dua iaitu merawat hati dan jiwa yang bersumberkan syarak dan daripada pengalaman manusia. Kaedah yang bersumberkan syarak dan pengalaman manusia terbahagi kepada dua iaitu pertama makan ketika lapar dan minum ketika dahaga. Merawat penyakit ketika sakit bersama orang yang berpengalaman dan mendapatkan rawatan dari orang yang mahir perubatan.

2.3.4.1.2 Minum

Pengambilan air secara berlebihan turut mengundang penyakit, terutamanya mengambil berair secara berlebihan. Air dianggap membawa sumber antibiotik dan mengawal suhu badan yang panas (Ethel,1996). Bahkan air menjadi sumber mengurangkan pening kepala. Disebabkan keadaan tersebut Rasulullah tidak meninggalkan kaedah-kaedah yang penting dalam perubatan (Danial,1988). Minum, bertujuan untuk mempercepatkan proses hadamkan dalam perut dan seterusnya mengalir

ke seluruh sistem peredaran darah. Berdasarkan kaedah azimat, beberapa cara yang dilakukan secara minum iaitu semasa menggunakan perubatan yang menggunakan cawan atau mangkuk yang dijelaskan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

disuratkan pada mangkuk sabun berwarna putih..
kemudian mangkuk tersebut dibuat minum....

Dalam rawatan, tiga perkara yang ditekankan seperti merawat dengan mengambil manisan lebah, berbekam dan berdiang di api (Ismail,1992). Begitu juga dalam situasi demam dirawat hanya dengan minum air. Bahkan, dalam penjagaan kesihatan juga melibatkan penjagaan kerohanian atau pengawalan daripada tekanan. Penyerapan ubat pada lakaran ayat yang tertera dalam cawan. Bagi rawatan yang dijampi, proses minum dijalankan ketika bahan jampi menggunakan air atau cuka sebagai sandaran yang di dapati dari penjelasan kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

jampi pada cuka nipah dan secubit garam, kemudian
dibuat minum....

Rawatan yang menggunakan kaedah herba, menjadi lebih mujarab menggunakan cara minum, yang disesuaikan dengan herba yang dilakukan secara rebusan. Herba yang memerlukan rawatan dalaman lebih serasi dengan cara merebus, yang bertujuan, agar khasiat yang terkandung dari herba tersebut dapat dinikmati berbanding dengan cara memakan seperti mana dijelaskan dari kitab pelbagai catatan MSS 2701;

..ibu kunyit dan gula batu, kemudian dibuat minum...

2.3.4.1.3 Diikat, di sugi dan Menggunakan Alatan

Jenis rawatan yang berasaskan cara diikat, di sugi dan menggunakan bahan sebagai kaedah dalam perubatan azimat. Bahan yang diikat ini kebiasaannya ketika

coretan ayat atau perkataan atau simbol dilakarkan pada kertas atau pada kulit pokok, atau kulit binatang atau pada kain. Ikatan ini akan digantung pada bahagian anggota tubuh manusia sama ada bahagian tangan, kaki, pinggang atau pada lengan seperti yang dijelaskan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

...menulis pada kertas surah Insiyiqat kemudian ikat pada perempuan yang tidak boleh mengandung..

Selain diikat pada anggota tubuh manusia, azimat juga diikat pada pintu rumah, bagi tujuan mengelak seluruh ahli keluarga atau tetamu yang datang ke rumah tidak membawa pulang penyakit atau benda-benda halus yang diperhatikan dari kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

..tulang sayap burung belatuk diletak bawah bantal tidur akan kuat zakarnya...

Jenis rawatan yang menggunakan bahan dalam rawatan seperti melakarkan ayat, atau simbol seperti yang dilakarkan pada batu lesung, mangkuk, cawan dan pinggan seperti dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

...melakarkan surah Al-Imran, dengan menggunakan arang..

Cara lain dalam merawat menjadikan bahan sebagai alat rawatan dengan menggunakan bahan dari haiwan seperti dari petikan kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

...dengan menggunakan bahan daripada burung belatuk sebagai penjagaan gigi, seperti mengambil paruhnya untuk dibuat sugi dengan tujuan, gigi menjadi lebih kuat...

Bahagian paruh burung belatuk ini dijadikan sebagai sugi gigi memberi satu simbol kekuatan disebabkan paruh burung belatuk ini digunakan ketika membuat lubang atau mematuk bahan yang keras.

2.3.4.1.4 Dijampi dan Melalui Hembusan

Rawatan yang menggunakan hembusan lebih mujarab dengan menggunakan tapak tangan atau bahagian seperti luka yang bertujuan untuk rawatan tersebut lebih berkesan. Menurut perawat (wawancara, September 18, 2015), hembusan salah satu rawatan yang mujarab disebabkan mujarabnya ubat terletak pada ayat yang dibaca dan kekerapannya kemudian dihembus sama ada pada air atau pada minuman atau pada bahagian yang sakit dari petikan kitab pelbagai catatan MSS 597;

....bacaan surah Al-Qamar ayat 11 dan 12, sebanyak 9 kali...hembus pada tapak tangan dan...berjabat tangan, dengan membaca sebanyak..

Rawatan yang dilakukan secara jampi, untuk memujaradkan ubat yang dijampi, perbuatan dalam rawatan secara meludah. Rembesan air liur meresap secara cairan kental, tidak berwarna dan mengilap serta terdiri dari sekitar 98 peratus sampai 99 peratus banyaknya air. Air liur juga mengandung asid, enzim dan protein lain, serta garam dan agen penyangga untuk menjaga pH pada tingkat yang tepat yang sesuai untuk dimujarabkan hembusan pada tangan ketika bersalam.

2.3.4.1.5 Menampal, disapukan, dituam, Cara Memasukkan dan digosok

Rawatan yang dilakukan secara disapu, sekiranya bahan tersebut berbentuk air yang keluar dari daun atau yang dilakukan bulat-bulat (di gentel) atau dipicit. Antara cara yang dilakukan secara disapu, semasa menggunakan kaedah azimat sepertimana yang dijelaskan dalam kitab pelbagai catatan MSS 2750;

..azimat sakit mata disuratkan pada sirih bertemu urat mata seperti rajah di bawah ini maka air sirih itu disapukan pada mata-mata yang sakit...

Cara yang dilakukan secara memasukan sekiannya rawatan tersebut berada pada paras yang dalam seperti lubang telinga, lubang pusat atau lubang hidung sepertimana yang terdapat dalam kitab pelbagai catatan MSS 2694;

daun selapang dan ..(sebesar anak jari), garam (3 anak jari), bawang putih (2 ulas)...kemudian air tersebut dibubuh ke dalam telinga.....

Dalam menjalani rawatan patah ini, perlu disusuli dengan urutan pada bahagian yang sakit. menggosok sekiranya jalan rawatan tersebut dilakukan secara mengurut. Bahan yang sesuai dijadikan sebagai minyak urut seperti menggunakan cuka, air buah gambir dan garam (kitab pelbagai catatan MSS 3339) dan kedua dengan menggunakan air gambir, tiga cubit garam. Air ini turut dibuat minum (kitab pelbagai catatan MSS 2750).

2.3.4.2 Pengambilan Bahan

Kaedah perubatan tradisional lebih mujarab dengan adanya tatatertib tertentu yang bertujuan untuk memujaradikan ubat yang dilakukan. Antara perkara penting ditekankan mengenai persoalan waktu, tempoh, sifat dan pantang larang semasa menjalankan rawatan tersebut. Petua dalam masyarakat Melayu menjadi amalan yang penting dan telah sebatik dalam kalangan masyarakat Melayu, malah menjadi kata sakti. Secara spesifiknya penggunaan tumbuh-tumbuhan yang digunakan oleh masyarakat ketika itu Aishah & Aziz (2010) berdasarkan pemilihan warna, rasa, bau, kandungan air dan kandungan getah. Menerusi kajian ini juga, ditegaskan lagi, dipercayai pemilihan tumbuhan juga diasaskan daripada aliran pemikiran magis iaitu disifatkan sebagai homeopati dan magis berjangkit. Dasar pemikiran ini berlaku disebabkan wujudnya korelasi antara tindakan fizikal dan mental. Pemilihan tumbuhan bercirikan hidup subur, mempunyai akar yang banyak dan berbuah lebat sepanjang masa. Bagi tumbuhan yang menjeniskan bergetah atau mengeluarkan cecair turut sesuai untuk dijadikan ubatan.

Dikatakan juga tumbuhan yang hidup sepasang-sepasang memiliki ciri-ciri seperti melekat, cantik dan getah berwarna kemerahan yang dipercayai menjadi ubat pengasih. Khasiat tumbuh-tumbuhan menurut Razak (2006) dengan mengklasifikasikan penggunaan herba mengikut kesesuaiannya dengan jenis penyakit mengikut jantina dengan kaedah rawatannya.

2.3.4.2.1 Waktu dan Keekerapan

Kadir (1993) menjelaskan, proses perkembangan masyarakat disesuaikan dengan hidup mereka dengan alam sekeliling. Masyarakat ketika itu dipercayai sering mempelajari dan memahami perubahan yang berlaku di persekitaran, terutamanya apabila dikaitkan dengan pekerjaan yang dijalankan, dan juga semasa melakukan aktiviti-aktiviti harian (Zainal, 1977). Dari situ, mereka mengenal pasti keadaan tersebut sebagai suatu kepercayaan dan seterusnya menjadi ilmu yang seharusnya dipegang. Dipastikan juga panduan yang didapati itu terhasil dengan cara menghubungkan keadaan tersebut dengan jarak, masa dan waktu (Yusmilayati, 2015).

Penetapan waktu dalam perubatan tradisional ini ditetapkan pengambilannya pada waktu pagi atau tengah hari atau pada waktu malam. Pengambilan ini ditetapkan mengikut kesesuaian bahan dan jenis rawatan. Seperti diminum dan dibuat makan, dengan kadar tiga kali sahaja sama ada pada setiap hari pada waktu pagi atau tiga kali pada setiap waktu pagi, tengah hari dan malam. Seperti dalam kaedah azimat kitab pelbagai catatan MSS 2750;

di disuratkan pada mangkuk sabundibuat minum
selama 3 kali pada waktu pagi....

Terdapat penyakit tertentu menggunakan waktu pengambilan setiap waktu dalam sehari, seperti yang melibatkan pengambilan secara makan majun yang dikesan dalam rawatan angin seperti dalam penjelasan dari kitab pelbagai catatan MSS 2750;

buah pala, .. ditelan sebiji sekali pada setiap pagi, tengah hari dan malam

Ada penyakit tertentu mujarab dengan cara merawat dua kali waktu seperti waktu pagi dan petang. Penetapan waktu disebabkan mengikut ramuan yang menggunakan bahan herba, memerlukan penelitian dan penetapan waktu yang sesuai. Herba mempunyai sifat yang panas dan sejuk yang ada kalanya sesuai diamalkan ketika perut sudah berisi dengan makanan atau sesuai ketika perut masih kosong, seperti yang ditekankan melalui catatan kitab ketika sebelum waktu subuh atau sebelum lalat terbang. Bagi perawat yang berkehendak menjalankan proses rawatan, waktu pengambilan sangat dipentingkan. Sebahagian perawat, menggunakan cara pelangkah bagi proses pengambilan bahan atau dalam proses menghasilkan ubat. Tujuan pelangkah ini digunakan sebagai panduan mereka melihat arah, waktu, masa dan arah angin. Waktu pengambilan ramuan ditetapkan pada waktu pagi disebabkan masyarakat ketika itu mempercayai ketika itu perut kosong sesuai memproses ramuan yang dimakan (Razak, 2006). Bagi keadaan tertentu, seperti menggunakan kaedah azimat waktu menjadi keutamaan untuk kemujaraban ubat sepertimana yang terdapat dalam kitab pelbagai catatan MSS 1637 b;

.....bismillah lima pada mangkuk sabun ketika hari Khamis....

Hari Khamis merupakan hari yang baik dalam rawatan, terutamanya yang berunsurkan rawatan spiritual terutamanya dalam rawatan membuang racun. Racun boleh dikategorikan sebagai santau, bahan makanan yang tercemar, racun yang berbisa dan boleh mati sekiranya tidak dikeluarkan atau salah satu sihir seseorang. Disebabkan itu,

hari menjadi waktu yang penting dalam proses rawatan tradisional ini. Bagi perawat syifa Ustaz Salahuddin (wawancara, September 18, 2015) rawatan yang sering kali dijalankan mengikut kesesuaian hari yang lebih mengutamakan pada hari Isnin, Khamis dan Jumaat.

2.3.4.2.2 Sifat

Penjenisan ini dinyatakan sebagai etiologi atau penjenisan sakit demam yang berbentuk naturalisme iaitu gangguan alam seperti panas, sejuk, angin dan *personalistik* iaitu gangguan daripada manusia, ahli sihir dan makhluk halus (Koharuddin, 2014). Ubatan seperti herba atau akar kayu, akan dipastikan pada bau, warna, dan pada batang pokok tersebut. Sifat yang ada pada pokok tersebut yang tidak bergetah dan berbau wangi. Begitu juga dengan herba-herba yang lain, mempunyai sifat-sifat tertentu yang boleh mendatangkan sama ada panas dan sejuk bagi kesesuaian terhadap tubuh seseorang. Antara bahagian herba yang digunakan seperti daun (menjadi kebiasaannya bukan yang bersifat menjalar dan dari pokok yang mempunyai dahan), batang (dari pohon berjenis daun halus-halus) dan akar (daripada pokok yang kenit) (Mariah, wawancara, Mac 18, 2017). Mengikut pandangan pakar herba tradisional Norazrin (wawancara, Mei 15, 2015) bahan yang sesuai dijadikan ubatan untuk seseorang itu bergantung terhadap herba yang ada pada persekitarannya terutamanya kawasan tempat tinggal. Herba tersebut dianggap sesuai untuk dijadikan ubat. Tubuh manusia ini berbeza-beza dan bergantung kepada tiga peringkat iaitu panas, sederhana dan sejuk. Kesesuaian herba di antara tubuh seseorang tidak sama di antara satu dengan yang lain. Disebabkan itu terdapat pelbagai kaedah yang berbeza dalam rawatan tradisional ini.

Abdul Latif (1996), menyifatkan pemakanan herba ini dikelaskan dalam empat peringkat seperti panas pada suhu pertama atau sejuk pada suhu pertama yang akan membawa kesan terhadap metabolisme. Gerak kerja tubuh pada saat ini sangat rendah.

Kedua, panas pada suhu kedua atau sejuk pada suhu kedua yang mana tindak balas terhadap metabolisme yang distabilkan oleh tubuh badan. Ketika ini semua zat akan bertindak menyebabkan rongga akan terbuka, berpeluh dan rangsangan pada penghadaman. Ketiga, panas pada suhu ketiga atau sejuk pada suhu ketiga. Tindakan terhadap tubuh berlaku secara menyeluruh. Keempat, panas pada suhu keempat, atau sejuk pada suhu keempat, menyebabkan terhentinya fungsi-fungsi metabolik, dan menjadi racun pada peringkat ini. Keadaan tersebut menyebabkan penggunaan salah satu cara merawat dengan kaedah herba merawat sebanyak tiga kali dan tidak lebih dari itu seperti dalam kandungan kitab pelbagai catatan MSS 2750 dan MSS 507.

...ketumbar digiling dengan air diminum tiga kali pagi..

....satu tahl emas. Kemudian bahan tersebut dibuat bulat-bulat tiga bahagian dan ditelan sebiji sekali pada setiap pagi, tengah hari dan malam...

....beras yang digoreng, kulit kayu manis, air dan dipipis lunak-lunak. Kesesuaian waktu untuk meminum bahan tersebut iaitu pada 3 kali pada waktu pagi....

Begitu juga dengan kesesuaian penyakit dengan ubat dan campuran ubat perlu disesuaikan. Bagi penggunaan buah-buahan sebagai ubatan, kandungannya yang mengandungi gula, tidak sesuai dijadikan sebagai ubatan yang berunsurkan ‘kencing manis. Salah satu cara dengan memerhatikan perilaku pada haiwan dengan memerhati jenis herba beracun atau tidak. Proses pengalaman ini kemudiannya dihubungkan dengan jenis penyakit yang dialaminya.

2.3.4.2.3 Pantang Larang

Menjadi kebiasaan masyarakat Melayu tradisi mengenakan pantang larang semasa merawat. Penekanan yang diberikan terutamanya ketika makan ubatan, akan

dipastikan tidak bercampur dengan makanan yang memberi kesan sama ada gatal, sejuk dan terlampau panas. Tujuan pantang larang ini adalah untuk menyembuhkan penyakit semasa sedang dirawat. Dalam merawat penyakit dalaman lelaki, terutamanya yang mengalami sakit pinggang, ditegah daripada kerap tidur pada waktu siang dan mengurangkan pengambilan makanan yang berunsurkan masam.

2.3.4.3 Gabungan Bahan

Rasulullah s.a.w menyarankan agar tidak memaksa makan terutamanya ketika sakit. Sekiranya seseorang itu hilang selera makan (Abdul Latif, 1996). Begitu juga dalam pengambilan yang ditetapkan dalam rawatan masyarakat Melayu tradisi seperti secara tiga kali yang berturut-turut. Sekiranya rawatan itu digunakan secara berlebihan mungkin akan memudaratkan terhadap tubuh badan. Sifat herba panas, yang sesuai digunakan dalam tempoh seketika, yang sekurang-kurangnya tidak melebihi dari tiga kali. Kesan yang akan dapat sekiranya digunakan secara berlebihan, akan mendatangkan penyakit lain atau jika kerap menggunakan kaedah tersebut, penyakit yang di alaminya tidak sembuh. Pengambilan ini merupakan petua yang ditetapkan oleh masyarakat Melayu tradisi. Bahkan juga, pengambilan herba ini adanya pantang larang tertentu. Jika pengambilan dan pantang larang ini tidak diselarikan rawatan yang dilakukan tidak berjaya atau tidak memberi apa-apa kesan. Contohnya melalui petikan kitab pelbagai catatan MSS 2750, bahan-bahan dicampurkan ke dalam cawan yang telah dilukis simbol;

ع ع ال و ا ل و ع

Kaedah dan pengukuran bahan pengubatan Melayu juga dijelaskan secara teliti melalui pemerhatian Haron (2006) daripada simbol-simbol bait-bait puisi. Melalui penulisan puisi ini jelas melambangkan masyarakat ketika itu halus dalam membicarakan mengenai

persoalan kesihatan. Penerangan dalam bait itu, menerangkan cara pengambilan ubat tradisional ini, diambil pada tiga waktu yang mengikut kondisi pada kandungan bahan ubat tersebut. Jika pengambilan ubat tersebut pada waktu sebelum makan, perlunya ketahui kandungan pada ubatan tersebut tidak memberi kesan terhadap perut. Kedua, jika pengambilan selepas makan, ubat tersebut mengandungi bahan yang menyegarkan tubuh. Ketiga, jika pengambilan sebelum tidur, bahan ubatan tersebut mestilah bersifat menenangkan. Bagi kumpulan yang mengalami penyakit kronik, digalakkan mengambil ubatan tersebut secara teratur dan berdisiplin. Bagi jenis minuman, bahan tersebut sesuai diminum seumpama minuman teh (Agromedia, 2008). Seperti yang dijelaskan melalui kitab pelbagai catatan MSS 2750;

Jemuju (ketumbar) digiling bersama air diminum tiga kali pagi....

Berlainan dengan jenis rawatan secara makan banyak dilakukan dalam kaedah herba, jampi dan fauna ketika bahan digabungkan melebihi dari tiga jenis bahan seperti mengabung satu jenis bahan daripada jenis daun, sayur-sayuran atau herba dan dari buah.

Pengambilan air secara berlebihan turut mengundang penyakit, terutamanya mengambil berair secara berlebihan. Air dianggap membawa sumber antibiotik dan mengawal suhu badan yang panas (Ethel,1996). Bahkan air menjadi sumber mengurangkan pening kepala. Disebabkan keadaan tersebut Rasulullah tidak meninggalkan kaedah-kaedah yang penting dalam perubatan (Danial,1988). Dalam Islam, Rasulullah s.a.w mengajar adab-adab sebelum makan dan selesai makan dengan berhenti makan sebelum kenyang, menjilat jari, mencuci tangan, berdoa, berkumur, bersyukur dan beristighfar, seperti yang dijelaskan oleh Imam Ghazali. Perkara sedemikian disebabkan penyakit tidak dapat dipisahkan daripada pemakanan. Penjagaan makanan penting dalam menentukan keselamatan, mengelakkan penyakit dan dapat

mengurangkan bebanan kesakitan. Selain penjagaan makanan menurut Hamidah (2014) pencegahan dan rawatan dibahagikan kepada dua iaitu merawat hati dan jiwa yang bersumberkan syarak dan daripada pengalaman manusia. Kaedah yang bersumberkan syarak dan pengalaman manusia terbahagi kepada dua iaitu pertama makan ketika lapar dan minum ketika dahaga. Merawat penyakit ketika sakit bersama orang yang berpengalaman dan mendapatkan rawatan dari orang yang mahir perubatan.

Danial (1988), menekankan dua belas perkara yang seharusnya dilakukan dan dijadikan amalan untuk penjagaan kesihatan atau untuk melegakan hati seseorang yang dalam masalah kesihatan seperti sentiasa mendampingi dengan Allah dengan mengingati Allah dengan berdoa dan bersabar, sentiasa berehat untuk mengembalikan kekuatan, dengan cara jampi atau menggunakan tangkal, memberi kegembiraan terhadap pesakit, pengubatan kejiwaan (terutamanya pesakit-pesakit jiwa), pengasingan, memastikan punca penyakit, berpantang ketika sakit, memakan ubat, memasukkan ubat ke dalam rongga-rongga badan, menyapu ubat di atas kulit dan pembedahan.

Razak (2006), menyatakan kaedah yang digunakan bergantung pada jenis penyakit, bahan yang digunakan serta penyediaan bahan untuk rawatan. Rawatan penyakit terdiri daripada penyakit fizikal yang dapat dirasai dan dapat dikesan. Manakala penyakit rohani dapat dirasai kesakitan namun tidak dapat dikesan. Penyakit fizikal dapat diubati dengan memilih kaedah yang dirasakan serasi dengan seseorang. Namun penyakit rohani perlu diubati dengan kaedah spritual seperti jampi. Unsur-unsur penyakit ini dipercayai berlaku disebabkan adanya pengaruh gangguan dari makhluk halus.

2.4 Kesimpulan

Sistem penjagaan kesihatan masyarakat ketika itu diperhatikan berpegang kepada penjagaan secara nyata dan tidak nyata. Penjagaan nyata melalui kaedah dan rawatan azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna. Konteks kaedah dan rawatan ini bersifat mengubati dan mencegah. Sifat mengubati dikesan dari merawat batuk, selesema, sakit perut, sawan, pitam, sukar membuang atau sembelit dan muntah darah. Proses mengubati diperhatikan lebih mujarab sekiranya memahami cara rawatannya. Konteks mencegah pula dengan menjadikan majun sebagai vitamin yang patut diamalkan selalu, mengamalkan surah untuk mengharmonikan rumahtangga, menggunakan alatan sebagai cara mengelak dari terkena penyakit.

Penjagaan tidak nyata adalah melalui ramalan, firasat, mimpi, penggunaan nama dan ilmu bintang. Konsep penjagaan ini bergantung terhadap fenomena alam yang terkesan dari pengamatan mereka. Setiap perubahan yang berlaku pada alam dihubungkan dengan tarikh, hari dan bulan. Begitu juga dengan kesan mimpi yang dianggap memberi petunjuk agar sentiasa beringat. Secara tidak langsung kaedah ini dianggap sebagai salah satu sistem pencegahan dalam penjagaan kesihatan mereka ketika itu.

BAB 3: AMALAN DAN BUDAYA PENJAGAAN KESIHATAN DI LIPIS: KECHAU, TANJUNG BESAR, CHEKA DAN BUDU

3.1 Pendahuluan

Bab ini menulis mengenai daerah Lipis dan latar belakang empat buah mukim terpilih di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Empat buah mukim ini mempunyai keistimewaan dan majoriti penduduk dalam kalangan orang Melayu. Lipis dilihat sebagai daerah yang mengalami pembangunan yang perlahan. Kesan dari itu telah mempengaruhi amalan dan budaya penjagaan kesihatan penduduk. Seterusnya penjelasan secara terperinci dibahas dalam bab ini.

3.2 Sejarah Daerah Lipis dan Mukim

Daerah Lipis terletak di bahagian utara negeri Pahang yang juga menjadi ibu negeri sejak tahun 1898 sehingga 1954, sebelum bertapak di Kuantan. Lipis terdiri daripada dua belas buah mukim yang terdiri dari Ulu Jelai, Kuala Lipis, Batu Yon (Bukit Betong), Batu Yon (Merapoh), Penjom, Kechau, Telang, Cheka (1 dan Cheka 11), Budu, Gua dan Tanjung Besar. Lipis mempunyai dua bahagian parlimen yang terdiri dari Lipis dan Cameron Highlands dengan pecahan empat buah kawasan DUN iaitu Cheka, Benta, Padang Tengku dan Ulu Jelai. Keluasan daerah ini seluas 5,198.28 km persegi dengan jumlah penduduk seramai 93,300 orang penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Kumpulan etnik yang ada terdiri dalam kalangan Melayu, Cina, India, Orang Asli (Batik dan Sekai) dan pendatang luar datang bekerja seperti Indonesia dan Bangladesh. Lipis ketika dahulu pernah menjadi kawasan tumpuan pedagang luar disebabkan kedudukannya yang strategik antara laluan pertembungan dua buah sungai Lipis dan Jelai. Di samping itu juga, Lipis kaya dengan hasil bumi seperti emas dan besi. Pengaruh

melalui sumber ini telah menggalakkan pedagang luar datang memonopoli dan seterusnya menetap di beberapa buah kawasan tumpuan. Sehingga kini perlombongan emas masih giat dijalankan sama ada secara komersil oleh syarikat besar dari luar di Penjom dan secara kecil-kecilan yang dijalankan oleh penduduk setempat.

Sejarah penempatan dan perkembangan mukim-mukim daerah Lipis seterusnya memperincikan di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Secara keseluruhan di empat buah mukim ini kurang membangun dan rata-ratanya terdiri dalam kawasan perkampungan, disebabkan kedudukan kawasan terletak di tengah-tengah kawasan berbukit yang menyebabkan jalan tidak sekata dan berhampiran sungai.

3.2.1 Kechau

Kechau merupakan mukim ketiga terbesar di Lipis selepas Batu Yon dengan keluasannya 44,730 hektar dengan jumlah bilangan penduduknya seramai 8,200 orang (Jabatan Statistik Malaysia, 2013). Kawasan yang luas ini menjadi tumpuan bagi tanaman kelapa sawit yang dikendalikan di bawah FELDA. Kechau mempunyai enam buah kampung iaitu Melaka, Dusun, Sungai Mun, Pagar Sasak, Petola dan Dada Kering. Selain itu, terdapat juga sebuah penempatan FELDA dan sebuah penempatan orang asli (kaum Batek) dengan jumlah bilangan seramai 63 orang. Setiap kampung mempunyai seorang JKKK atau dengan panggilan Tok 4. Pusat pentadbiran utama Kechau bertempat di Pagar Sasak dengan terdapatnya kemudahan seperti sekolah (taska, rendah dan menengah), pasar, kedai, bengkel, masjid, pusat Internet, dewan serba guna, klinik, bas awam, balai polis dan pusat riadah. Kemudahan yang disediakan ini memudahkan bagi seluruh penduduk mukim, yang selari dengan konsep penempatan berjajar. Disebabkan itu juga kesesuaian kawasan menjadi tumpuan laluan kenderaan dari Raub ke Gua Musang.

Sejarah awal kependudukan mukim Kechau bermula sejak pembukaan kampung Dusun atau disebut sebagai do u son. Nama kampung ini diberikan sempena dari tiga orang pedagang yang berasal dari China. Mereka datang ke kampung ini untuk tujuan berdagang di samping mendapat tahu mempunyai hasil emas yang banyak. Seterusnya menetap di sini dan berkahwin dengan orang tempatan sehingga kini menjadi anak jati kampung Dusun yang bentuk wajah kacukan Cina - Melayu. Namun setelah hasil emas makin berkurangan, pedagang cina ini kemudiannya berpindah ke kawasan baru dan meninggalkan warisnya sehingga kini. Menurut sumber penduduk, ramai dalam kalangan anak jati di Kechau terdiri dari pendekar yang handal.



Gambar 3.1: Kampung Dusun antara penempatan terawal penduduk di Kechau (kajian lapangan, Ogos 15, 2017)

Kegiatan ekonomi penduduk bergantung terhadap hasil tanaman seperti getah, kelapa sawit, tanaman sara diri seperti sayuran dan buah-buahan. Namun, kini penduduk sukar untuk menjalankan aktiviti pertanian akibat berlakunya konflik gangguan binatang

buas seperti monyet dan gajah. Punca pendapatan penduduk turut terjejas dan disebabkan itu mereka mengalih kegiatan dengan mengusahakan keropok, kerepek, mi kuning, cendawan dan ternakan. Kekangan ini juga diperhatikan masyarakat setempat beralih dengan bidang perusahaan seperti cendawan, mi kuning dan kerepek.

3.2.2 Tanjung Besar

Tanjung Besar antara mukim yang tertua selepas Ulu Jelai. Mukim ini terletak di tengah-tengah laluan antara jalan dari mukim Budu ke daerah Jerantut. Sejarah awal pembukaan mukim ini bermula daripada penemuan ular tedung yang besar yang duduk di atas sepanjang tanjung. Menurut sumber penduduk (wawancara, Mei 22, 2016), pembukaan kampung ini sejak tahun 1,700 oleh Tok Pandak Sapa yang berasal dari Minang. Tok Pandak Sapa telah berkahwin dengan orang tempatan sehingga melahirkan generasi yang ramai. Penempatan awal penduduk Tanjung besar bermula di kampung Perlung. Tanjung Besar ini dianggap sesuai dijadikan sebagai penempatan disebabkan kedudukannya strategik menjadi laluan perhubungan sungai dari Kuala Lipis ke Batu Malim dan Sungai Rengai ke Perlung.

Kawasan Mukim Tanjung Besar, terdiri daripada tiga bahagian kampung utama iaitu kampung Tanjung Besar, kampung Kemahang dan kampung Jerang sang. Tanjung Besar terdiri daripada empat buah kampung iaitu Tanjung Besar Hulu, Tanjung Besar Tengah, Bukit Belau dan Rengai Kaduk. Bahagian Kemahang pula terdiri daripada dua buah kampung iaitu Kemahang Hulu dan kemahang Hilir. Manakala Jerang sang terdapat dua buah kampung iaitu Jerang sang Hulu dan Jerang sang Hilir. Penduduk di Tanjung Besar ini mempunyai bilangan penduduk yang terkecil bagi seluruh mukim di Lipis. Mengikut cerita daripada penduduk kampung, Tanjung Besar ini antara kawasan yang

terkenal sejak awal pembukaan kampung ini dengan bilangan penduduk yang ramai. Sehingga ada perkhabaran penduduk menyatakan seorang pawang dari kampung ini telah



Gambar 3.2: Suasana perkampungan Tanjung Besar di waktu pagi
(kajian lapangan, Jun 2, 2017)

jampi dengan tujuan menutup mata orang luar dari terus berhijrah dan tinggal di Tanjung Besar ini. Keadaan ini adalah bertujuan untuk mengelak dari ada pihak yang menjalankan perlombongan emas secara berleluasa dan telah mengakibatkan berlakunya masalah pencemaran dan tanah runtuh. Kesan dari itu menyebabkan ramai dalam kalangan penduduk berhijrah dan mencari penempatan baru seperti di FELDA dan kota. Semenjak perpindahan tersebut, perusahaan perlombongan emas dan padi semakin berkurangan, begitu juga dengan jumlah bilangan penduduk semakin berkurangan. Sehingga kini bilangan penduduk makin berkurangan, tambahan dengan peluang pekerjaan yang terhad. Penduduk tempatan rata-ratanya bergantung terhadap hasil getah dan sawit.

Memandangkan kawasan penempatan masyarakat berada di tengah-tengah kawasan yang sesuai dengan penanaman kelapa sawit dan getah, menyebabkan pendapatan utama masyarakat bergantung terhadap hasil getah dan kelapa sawit.

Daripada sumber ketua kampung, kini kepelbagaian perusahaan telah dijalankan seperti perusahaan ikan sangkar (patin dan keli), perusahaan sambal belimbing hitam dan perusahaan kuih muih sejuk beku. Begitu juga dengan tanaman yang dijalankan secara besar-besaran seperti tanaman, buah-buahan, sayuran dan lain-lain.



Gambar 3.3: Rebung yang tumbuh secara meliar sekitar kampung Kemahang, Tanjung Besar (kajian lapangan, Mei 29, 2017)

Di samping itu, terdapat perusahaan seperti kelulut dan kraf tangan (sarung keris). Salah satu keunikan di kampung Tanjung Besar ini, mempunyai tanaman rebung yang hidup meliar di sekitar kampung Kemahang. Rebung menjadi makanan utama penduduk setempat dan telah terkenal dengan masakan gulai asam rebung. Menurut penduduk, rebung ini tidak gatal seperti rebung lain disebabkan seluruh kawasan ini telah dijampi oleh pawang suatu ketika dahulu. Kawasan Tanjung Besar seperti kampung Jerang sang Hilir yang berdekatan dengan hutan simpan menemui tumbuhan bunga *rafflesia* yang dipercayai mempunyai khasiatnya tersendiri dan dapat mengubati pelbagai jenis penyakit. Baily et al.(1989) pernah menjelaskan bunga ini menjadi bahan utama dalam perubatan tradisional sejak turun-temurun dalam kalangan orang asli. Pucuknya mempunyai khasiat

untuk tujuan memberhentikan pendarahan dalaman dan pengecutan rahim selepas bersalin oleh kaum ibu dan juga sesuai untuk menguatkan tenaga batin lelaki (Kanchanapoom et al., 2007).

3.2.3 Cheka

Cheka terdiri daripada dua buah mukim iaitu mukim Cheka 1 dan mukim Cheka 11 dengan terdapatnya 17 buah kampung. Cheka 1 terdiri dari kampung Limau Purut, Redan, Talus dan Dala, Tanjung Bunga dan Serdang, Samak dan Jani, Mela, Gemunchur dan Ganding. Manakala Cheka 11 terdiri dari kampung Jeram landak, Tanjung Buluh, Kerambit, Relai, Putu atau Pasu, Lentang, Batu Sembilan, Kuala Kenong dan Jeram Bungor. Kajian ini lebih memfokuskan kawasan Cheka 11. Kedudukan Cheka 11 ini terletak di tengah-tengah sungai Lipis dan sungai Pahang Bilangan penduduk seramai 2538 orang dengan keluasan kawasan 129.5 km persegi (Pejabat Penghulu Mukim, 2016). Mukim ini telah wujud sejak tahun 1972 dengan pentadbiran seorang penghulu.

Mukim ini antara kawasan yang kerap mengalami masalah banjir. Menurut sumber penduduk, pernah berlaku banjir besar tahun 1923 yang melibatkan banyak kawasan tenggelam air sekitar kawasan yang berhampiran sungai. Terutamanya di Kuala Lipis sehingga kawasan Cheka. Peristiwa ini telah mengakibatkan tenggelamnya beberapa buah kampung dan telah memusnahkan tanaman padi. Pada sekian kalinya banjir besar berlaku kembali pada tahun 2014. Sejak peristiwa tersebut tanaman padi tidak lagi dijalankan namun digantikan dengan tanaman kelapa sawit dan getah. Selain itu juga, penduduk giat menjalankan tanaman nenas dan pisang secara besar-besaran. Begitu juga dengan perusahaan ikan sangkar keli dan patin turut di giatkan. Penduduk juga diberi bantuan untuk menjalankan perusahaan kecil sederhana dengan menghasilkan produk kerepek, keropok (kering dan basah) dan makanan sejuk beku. Sebahagian yang lain pula

giat mengusahakan cendawan yang kini perusahaannya masih dipantau. Secara puratanya, pendapatan bulanan penduduk sekitar RM700 sehingga RM 1000.



Gambar 3.4: Kawasan Cheka yang menjadi laluan antara Kuala Lipis Ke Jerantut (kajian lapangan, Oktober 11, 2017)

Kemudahan yang disediakan lengkap dengan adanya jalan raya, masjid, sekolah (taska, rendah dan menengah), dewan serba guna, elektrik, air dan pusat Internet. Lain-lain kemudahan seperti perkhidmatan pengangkutan bas dan kereta api. Begitu juga dengan adanya pekan kecil di Kerambit yang mempunyai menyediakan pusat jualan dan perkhidmatan untuk memudahkan penduduk setempat mendapatkan bekalan. Namun, penduduk masih mengalami masalah mendapatkan bekalan air yang sering kali terputus terutamanya sekitar kampung Lentang dan kawasan berhampiran.

3.2.4 Budu

Budu antara kawasan mukim yang kecil dengan keluasan seluas 7,074 hektar dengan bilangan penduduk seramai 5,906 orang penduduk (Pejabat Penghulu Mukim

Budu, 2016). Budu terdiri daripada enam buah kampung seperti Chat, Peruang, Terap, Benta, Budu dan Tualang Padang. Setiap kampung mempunyai seorang JKKK kawasan yang dikenali sebagai Tok 4. Sejarah awal pembukaan mukim ini bermula sejak kisah yang berlaku di kampung Sungai Teka. Kampung ini pernah ini didiami oleh orang Asli yang diketuai oleh Tok batin yang bernama Budu. Kisah pemberian nama Budu bermula daripada pergaduhan antara Tok Batin dengan panglima orang Melayu. Tok Batin telah dibunuh dan orang-orang tok Batin berundur dari kawasan tersebut. Kesan peristiwa itu, kampung itu telah diberi nama Budu sempena nama Tok Batin. Selain itu juga, di Budu banyak menyimpan banyak kesan sejarah terutamanya tapak peninggalan kubu yang masih dijaga rapi. Kubu ini merupakan kawasan tapak pertempuran antara pihak Inggeris dan Orang Melayu zaman pahlawan Mat Kilau dan Tok Gajah.

Mukim ini dilengkapi dengan kemudahan seperti elektrik, air, masjid, balai raya, pusat mini sukan, perpustakaan, klinik, pusat Internet dan sekolah (taska, sekolah rendah dan menengah). Selain itu mukim ini mempunyai pekan kecil yang terletak di Benta untuk memudahkan penduduk mendapatkan bekalan makanan, keperluan harian dan menyelesaikan urusan pejabat. Pendapatan penduduk bergantung dengan hasil getah, kelapa sawit, ternakan dan perusahaan dodol. Salah satu keistimewaan Budu mempunyai habitat pokok kabung yang hidupnya tumbuh liar di merata-rata kawasan terutamanya derahan kampung Tualang Padang, Peruang dan Chat. Menurut sumber penduduk setempat, pokok rebung tidak dapat menjalankan tanaman semula. Walau bagaimanapun hasil pengeluaran dari pokok kabung menjana pendapatan penduduk dengan adanya perusahaan gula kabung, buah kabung dan dodol. Uniknyanya, gula kabung ini menjadi santapan penduduk terutamanya yang menjalankan aktiviti tanaman. Menurut sumber penduduk lagi, gula ini sesuai untuk menambahkan tenaga serta mengenyangkan.



Gambar 3.5: Tapak kubu Mat Kilau dan Tok Gajah pada saat berlakunya pertempuran dengan pihak Inggeris (kajian lapangan, September 26, 2017)

3.3 Tinjauan Amalan Penjagaan Kesihatan Masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu

Perkembangan kesihatan penduduk di mukim ini berada pada kedudukan yang baik. Di Mukim-mukim ini telah disediakan kemudahan pusat rawatan seperti klinik desa, klinik bergerak satu Malaysia dan hospital besar di Kuala Lipis. Penjaga kesihatan ini penting yang menyebabkan ketua kampung yang bekerjasama dengan jabatan kesihatan menubuhkan persatuan KOSPEN. Penubuhan badan ini bertujuan untuk menjaga kepentingan dan menyelesaikan masalah kesihatan penduduk. Aktiviti-aktiviti sering kali dijalankan seperti senam aerobik, ceramah, mengadakan rawatan percuma untuk seluruh kampung yang sedang dilawati. Menjadi kebiasaannya aktiviti yang dijalankan oleh KOSPEN ini setiap dua kali dalam sebulan. Di samping itu juga, perkhidmatan klinik bergerak 1 Malaysia juga sering melawat kampung-kampung untuk tujuan merawat penduduk termasuk menjalankan rawatan gigi. Perkhidmatan yang disediakan ini telah

memberi kemudahan untuk penduduk terutamanya dalam kalangan warga tua dan golongan yang tidak berkemampuan. Selain itu juga, perkhidmatan rawatan tradisional ada di setiap mukim ini. Sambutan masyarakat terhadap rawatan tradisional ini diperhatikan memberangsang. Namun penerimaan rawatan tradisional bukan diterima oleh penduduk setempat tetapi perkhidmatan ini menjadi perhatian oleh masyarakat luar kawasan kampung atau daerah atau negeri. Menurut Abdul Kadir (1992) amalan dalam kelompok masyarakat dapat diperhatikan melalui kegiatan rutin yang dilakukan sepanjang hari, melalui pengalaman, pengamatan dan pemikiran. Untuk memahami situasi ini pengkaji mendapatkan reaksi masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu dengan memerhati melalui pemilihan makanan, ketika berpantang, pemilihan masyarakat ketika berhadapan dengan sesuatu penyakit dan pandangan pengubatan dan pencegahan tradisional. Penjelasan ini bertujuan melihat penerimaan masyarakat untuk memperlihatkan pandangan dan kepercayaan masyarakat terhadap amalan tradisional.

3.3.1 Budaya Penjagaan Makanan

3.3.1.1 Menambahkan Tenaga

Kegiatan harian masyarakat rata-ratanya terdiri dalam kelompok yang sederhana dengan menjalani aktiviti pertanian yang melibatkan penanaman sawit dan getah. Perjalanan aktiviti ini telah mempengaruhi pengambilan menu harian mereka. Menurut informan Minah Mahmood (wawancara, Mac 18, 2017) penduduk kampung sembilan di Cheka yang masih mengusahakan pekerjaan sebagai penoreh getah. Menurut informan, nasi menjadi menu utama untuk menambahkan tenaga ketika bekerja. Bagi Yusof (wawancara, September 18, 2017) untuk menambahkan tenaga dengan mengamalkan pengambilan manisan. Manisan ini dihasilkan dari pokok kabung yang habitatnya tumbuh meliar. Di samping itu gula kabung ini menjadi perusahaan utama penduduk di Tualang

Padang, Budu. Bagi Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) amalan yang sering dilakukan untuk menambahkan tenaga dan tahan perut dari lapar dengan;

Satu biji apple hijau, lima biji kurma, dua puluh biji kismis di mesin dan diminum

3.3.1.2 Menghilangkan Rasa Sakit Sendi

Amalan tradisi masyarakat di empat-empat mukim ini mengamalkan air akar kayu. Akar kayu ini seumpama vitamin atau makanan tambahan yang tujuannya memberi khasiat serta menambahkan stamina serta menghilangkan rasa lenguh-lenguh sendi.

Menurut Abdullah (wawancara, Mac18 , 2017) yang sentiasa mengamalkan air ini;

telah mengamalkan minuman rempah gunung sejak muda. Tujuan rempah gunung untuk mempertingkatkan ketahanan badan dan untuk memanaskan badan. Begitu juga dengan cara pemakanan harian terdiri daripada sayuran jenis berpucuk

Antara jenis akar kayu yang sering kali digunakan oleh penduduk seperti rempah gunung.

Menurut Mariam Jusoh, Khadijah Omar dan Siti Rokiah (wawancara, Mac 18, 2017) air akar kayu ini sesuai diminum ketika dalam berpantang yang seeloknya setelah berlalu dua hingga tiga hari beranak.

Jenis akar kayu yang terbaik dari pokok rempah gunung yang banyak ditemui di dalam hutan. Dahulu rempah gunung mudah untuk didapati, memandangkan ketika itu, arwah ayah responden kerap kali ke hutan. Jadi rempah gunung menjadi minuman tradisi dijadikan sebagai minuman utama yang turut diminum bersama susu pekat seumpama teh. Kini air rempah gunung tidak lagi diamalkan disebabkan kesukaran untuk mendapatkan bahan tersebut. Selain itu, tiada ilmu untuk mengambil rempah gunung serta tenaga untuk ke hutan sudah berkurangan disebabkan usia.

Amalan minuman ini juga sebagai minuman yang penting ketika berpantang. Tujuannya untuk mengecut semula rahim dan bertindak menghalang daripada penyakit meroyan. Menurut Ishak (wawancara, Ogos 23, 2017) meroyan ini dibahagikan kepada tiga jenis iaitu meroyan bangkai bentuknya seumpama busut, meroyan kabut pada mata dan meroyan mesin seperti hendak menjadi batu karang. Potensi penyakit meroyan ini akan terjadi sekiranya tidak dijaga ketika berpantang. Penyakit ini akibat kesan darah yang tidak habis keluar. Antara jenis akar kayu yang sesuai Abdul Talib (wawancara, Oktober 17, 2017) menyenaraikan seperti tongkat ali, kacip fatimah (merangkak), bunga patma, mengkudu hutan dan pokok sungkai. Khasiat akar kayu ini juga sesuai diamalkan untuk tujuan sakit darah tinggi dan demam (Hashim, wawancara, Oktober 4, 2017). Begitu juga dengan rawatan barah buah dada yang dijalankan oleh Shaari (wawancara, Mei 30, 2017) menjadikan akar kayu sebagai ubat yang mujarab.

Di samping itu, seperti di kampung Pagar Sasak, Kechau masyarakat setempat mengamalkan air ketum yang juga mempunyai khasiat sama seperti air rempah gunung. Zaimah (wawancara, April 5, 2017) berpendapat air ketum boleh dijadikan sebagai pengganti akar kayu atau rempah gunung dengan merebus sebanyak tiga helai. Khasiat daun ketum sama seperti khasiat rempah gunung. Menurut Muhamad (wawancara, Julai 27, 2017);

Golongan muda dan pertengahan akan mengambil daun ini ketika menjalankan gotong royong atau mengadakan kenduri. Khasiat daun ini untuk memberi tenaga dan elak daripada mengantuk disebabkan mereka terpaksa berjaga malam untuk memastikan keadaan barang-barang terjaga.

Kesan dari itu pemilihan untuk menggantikan pengambilan rempah gunung kepada air ketum atau sesuai juga digantikan dengan minuman tonik yang juga berupaya menghilangkan rasa panas dalam. Bagi Razak (wawancara, Jun 5, 2017) berpendapat akar

kayu sukar untuk didapati kerana perlu masuk hutan untuk mencarinya dan juga perlu direbus. Kebanyakan orang zaman sekarang tidak lagi menjadikan akar kayu sebagai ubat tetapi mereka lebih senang mengambil minuman segera misalnya kopi 3 in 1 kerana senang dibuat. Tidak seperti akar kayu yang mesti direbus untuk mendapatkan khasiat air kayunya.

3.3.1.3 Meningkatkan Imun Dalaman dan Sebagai Vitamin

Amalan pengambilan makanan rutin masyarakat diperhatikan dengan mengamalkan ulam-ulam kayu, pegaga dan pucuk ubi (Khadijah Omar ,wawancara Mac 18, 2017). Menurut informan amalan ini telah dilakukan sejak muda sehingga kini. Begitu juga Abdullah (wawancara, Mac 19, 2017) akan mengambil sayuran jenis berpucuk sebagai tambahan semasa makan nasi. Yusof (wawancara September 18, 2017) menekankan dengan mengamalkan pengambilan ulam ini akan mendapatkan kesihatan yang baik untuk tubuh badan di samping mengelak daripada penyakit.

3.3.2 Amalan Berpantang Selepas Bersalin

Amalan tradisional dalam berpantang Nazri (wawancara, Mac 17, 2017) pernah melihat peristiwa lenggang perut yang dilakukan kepada si ibu yang bakal melahirkan anak. Tujuan amalan ini untuk membetulkan kandungan sekiranya bayi tersebut berkedudukan songsang. Begitu juga dengan upacara pecahkan 'uah', dengan menggunakan kelapa kemudian dibelah atas perut ibu. Acara ini untuk melihat jantina dalam kandungan. Namun amalan ini tidak lagi dijalankan memandangkan kuasa bidan semakin terhad. Bidan diperlukan untuk tujuan mengurut.

Penekanan penjagaan kesihatan diperhatikan melalui kaedah berpantang bersalin. Kepentingan berpantang dijelaskan oleh perawat Zaimah (wawancara, April 5, 2017) bukan hanya untuk jangka masa yang singkat tetapi kesan sihatnya berpanjangan. Mereka percaya sekiranya berpantang dipandang remeh akan memberi kesan yang buruk pada tubuh. Berpantang juga melibatkan penjagaan dalaman dan seterusnya penjagaan di luar juga. Menurut informan, tempoh berpantang selama 44 hari, 60 hari, 100 hari dan setahun. Amalan-amalan ini dikongsi dan pernah menjadi amalan ketika berpantang. Seperti Minah (wawancara, Mac 18, 2017) menjelaskan kepentingan mandi semasa berpantang;

mandi dengan air rebusan daun kayu dalam hutan, daun serangan, daun pahit maung, daun cemumur, serai wangi, daun sembung dan daun bolai yang dilakukan selama tiga hari berturut-turut. kedua bertangas dengan gulung badan dalam tikar kemudian panaskan badan

Rokiah (wawancara, 18 Mac 2017) menerangkan tambahan jenis herba yang lain seperti daun gelugur dan sirih yang seeloknya dicampurkan sebanyak tujuh jenis daun yang pelbagai. Tujuan mandi campuran daun ini untuk sihatkan tubuh badan dan juga sesuai untuk mengurangkan sengal-sengal badan. Amalan mandi ini sebolehnya dilakukan seawal waktu berpantang sehingga 44 hari. Fauziah Adam (wawancara, September 28, 2017) berpendapat mandi air serung selain menggunakan serai wangi sesuai menggunakan kunyit, inai, belimbing buluh dan daun serangkai yang dilakukan selama 3 hari sehingga 7 hari. Mandi air serung ini berupaya memberi kesegaran dan badan menjadi ringan. Sebelum mandi dipastikan mengambil minuman. Menurut informan lagi, minuman air kunyit sesuai menjadi amalan ketika berpantang ini. Bagi Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) semasa berpantang dahulu informan sering mengamalkan campuran manjakani, halia dan lada hitam. Tujuan minuman ini sebagai salah satu cara melancarkan darah dan membuang lemak-lemak dalam tubuh. Begitu juga dengan senaman setelah selesai berpantang 44 hari berpantang untuk meregangkan kembali urat-urat dan melancarkan perjalanan darah. Selain itu juga, Hashim (wawancara,

Oktober 4, 2017) menyatakan minuman rebusan akar jinjang bumi juga sesuai diamalkan untuk tujuan memulihkan kembali tenaga dan merawat luka dalaman.

Selain menekankan aspek mandi, penekanan juga ditekankan melalui penjagaan makanan yang mana Minah (wawancara, Mac 18, 2017) menerangkan kesesuaian jenis makanan ketika berpantang seperti;

ikan selar, ikan talam atau ikan bawal, sayur seperti kubis atau bukan sayur yang sejuk dan lada hitam. Tetapi ketika makan tidak dibenarkan menambah. Pantang larang yang utama tidak makan atau minum yang sejuk dan tidak berada di suasana yang sejuk. Tujuannya mengelak dari sakit tulang dan urat. Kelima mengamalkan pengambilan air akar kayu sahaja tanpa ada campuran dengan air yang lain

Terdapat lain-lain perkara yang perlu dijaga seperti yang dijelaskan lagi oleh Minah (wawancara, Mac 18, 2017);

berpantang bersama dengan suami antara 44 hari sehingga 100 hari. Beberapa perkara yang lain tidak dibenarkan seperti duduk dalam keadaan bertinggung tidak dibenarkan, tidak membenarkan berjalan-jalan

Selain itu menurut informan lagi, ada perkara yang jarang-jarang dilakukan kini seperti memalit kunyit yang digiling pada bahagian dahi. Perkara yang mesti diutamakan menurut Zaimah (wawancara, April 5, 2017) yang berpendapat selepas bersalin perlu mengutamakan rawatan urutan;

selama tiga kali berturut-turut secara perlahan untuk mempercepatkan proses darah kotor keluar dan mengawal batu meroyan. Selain itu, dengan menggunakan tungku dengan tujuan mengecutkan bahagian peranakan

Informan juga merupakan bidan sejak 65 tahun yang lepas, sangat berpengalaman tentang ilmu perbidanan dan menjadi rujukan orang-orang sekitar. Menurut Informan rawatan urutan ini bukan sahaja dilakukan selepas bersalin, tetapi juga dilakukan ketika sebelum

bersalin lagi. Namun setelah usia kandungan sudah sampai sembilan bulan dan mula merasa sakit-sakit membuat air selusuh untuk diminum. Air selusuh ini merupakan air yang dijampi dengan bacaan doa nabi Noh dengan tujuan proses melahirkan mudah, dalam petikan surah Al-Anbiya, ayat 87;

لِإِلَهِهِ إِذْ لَأْتِ، سُبْحَانَكَ رَبِّيَ لَعْنَةُ مَنْ لَظَلَّاهِينَ

Ertinya: Tiada Tuhan melainkan Engkau (ya Allah)! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya, tolongkanlah daku) Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri.

Pantang larang sepanjang tempoh berpantang perlunya mengelak dari makan pisang, nanas dan air kelapa (Jamilah Abdullah, wawancara, September 7, 2017). Namun minum air kelapa lebih disarankan untuk diamalkan ketika sedang mengandung ketika usia sebulan sehingga lapan bulan dengan cara mengambil segelas sehari. Tujuannya sekiranya ibu yang sedang mengandung dielakkan daripada mengambil ubat. Salah satu caranya dengan mengambil air kelapa ini sebagai pengganti ubat tersebut (Norlaila, wawancara, September 30, 2017). Menurut Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) setelah habis berpantang menyarankan agar mengamalkan setiap pagi dengan tujuannya untuk menyihatkan tubuh, kempiskan perut dan membuang lemak dengan cara; manjakani, halia dan lada hitam direbus dan dibuat minum

Minah (wawancara, Mac 18, 2017) berpandangan amalan berpantang ini semakin hari semakin kurang diberi penekanan. Generasi muda menganggap amalan berpantang secara tradisi ini remeh dan memerlukan ketetapan masa untuk melakukannya. Melainkan sekiranya ketika berpantang masih dijaga oleh orang-orang tua yang berpengalaman, golongan ini tiada pilihan dan terpaksa menerima. Sepertimana yang diperhatikan dalam keluarga Norain di kampung Melaka Kechau. Norain menekankan proses bertangas, salai, bertungku untuk anaknya setiap hari sepanjang tempoh 44 hari berpantang. Begitu

juga dengan pemakanan, mandi dan tidak membenarkan anaknya melakukan kerja-kerja berat. Menurutnya proses berpantang ini bertujuan mencantikan semula dalaman wanita. Terutamanya dalam mengekalkan hubungan kelamin suami isteri. Selain itu juga kepentingan berpantang untuk mengekalkan kedudukan kesihatan seseorang wanita dari cepat terkena masalah sakit sendi, sakit lutut dan lemah-lemah tubuh.

3.3.3 Menghidupkan Amalan yang Positif

Mendapatkan kesejahteraan kampung, sebagai ketua kampung di Kemahang, Tanjung Besar menekankan nilai-nilai yang positif dalam kalangan penduduknya. Penerapan nilai-nilai yang murni terutamanya dalam mengekalkan keharmonian dan kesejahteraan kampung Rozaha Sudan (wawancara, Mei 27, 2017);

mengamalkan bacaan al-Fatihah 3 kali diikuti selawat nabi disertakan niat 'Sahaja aku mandi zahir dan batin kerana Allah s. w. t' sebelum mandi. Begitu juga dengan sering amalkan fikiran yang positif tanpa menaruh perasaan buruk sangka terhadap orang lain. Selain itu mengamalkan senyuman. Begitu juga dalam penjagaan fizikal, beliau sering berjoging dan melakukan aktiviti *jungle tracking*. Penjagaan spiritual, beliau beramal solat dengan ikhlas.

Sebagai ketua kampung, amalan ini cuba diterapkan setiap penduduk terutamanya dalam kalangan golongan muda. Menurut informan, golongan muda mudah menerima saranan ini dalam membentuk jati diri yang baik. Golongan muda dianggap pemangkin akan datang dan perlu untuk dijaga dan dibentuk dengan nilai-nilai yang baik.

Bagi Ishak (wawancara, Jun 4, 2017) sebagai perawat dan imam di Masjid Sungai Mun Kechau turut menekankan budaya positif melalui amalan berzanji. Amalan ini diterapkan dalam kalangan jemaah masjid selepas selesai mengerjakan solat fardu. Selain itu juga untuk tujuan memberi nasihat tanpa bercakap dan disalurkan melalui pendengaran. Rangsangan motivasi ini juga sesuai dalam keadaan jiwa kusut dan

tertekan. Beliau juga akan memasang lagu berzanji masjid agar masyarakat setempat dapat mendengar lagu tersebut. Selain itu amalan zanji ini juga dapat mengurangkan rasa sakit terutamanya yang melibatkan sakit yang berat seperti kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung.

3.3.4 Amalan-amalan petua

Penekanan terhadap petua-petua tertentu masih menjadi amalan masyarakat seperti menurut Shaari (wawancara, Mei 30, 2017) mengelak sakit kepala, informan menjelaskan yang ditekankan semasa mandi;

perlu menyiram di bahagian kaki terlebih dahulu
seterusnya menjirus air sehingga ke kepala

Di samping itu, informan juga menyarankan madu pada setiap hari untuk mengurangkan lenguh lutut dan sendi serta untuk mengembalikan kekuatan tenaga mengamalkan makan. Begitu juga dengan petua mengelak dari mendapat kolesterol, Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) berkongsi pengetahuannya dengan mengamalkan minum air masak selepas bangun tidur. Selain itu juga menurut Yusof (wawancara, September 18, 2017) untuk elakkan kolesterol perlu mandi sebelum subuh. Informan berkongsi lain-lain petua seperti tidak membuka buca mulut ketika membuang air besar disebabkan akan memberi kesan pada gigi yang akan menjadi kuat dan tidak dimakan ulat sekiranya diamalkan. Basuh tangan sesudah makan nasi kemudian sapu tangan kanan pada rambut untuk mengurangkan uban.

Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) akan mengambil garam seketul yang kecil untuk dimamam setiap pagi selama 3 hari dengan tujuan mengeluarkan tosid dalam badan. Pengambilan garam ini juga boleh dibuat mandi selain dari kemam dengan tujuan

yang sama. Menurut informan lagi, salah satu amalan yang harus dilakukan seperti mengamalkan minuma air suam segelas sejam sebelum makan.

3.4 Pengamatan dalam Pengobatan dan Pencegahan

Penggunaan-penggunaan kaedah dan rawatan tradisional diperhatikan dijalankan oleh perawat (bomoh dan bidan) dalam rawatannya dan masyarakat setempat. Melalui pemerhatian perawat menggunakan kaedah jampi dan berasaskan sumber herba dalam rawatannya. Setiap mukim ini mempunyai perawatnya yang mempunyai kemahiran tertentu. Di Kechau kebolehan perawat seperti merawat penyakit kronik (barah, kencing manis, darah tinggi), biasa (demam, batuk, sakit mata, gatal), berkeadaan patah atau terseliuh, strok dan tercekik tulang. Di Tanjung Besar juga mempunyai perawat yang berkemahiran merawat kayap, keteguran, biasa (senggugut, keguguran, demam kuning, batuk dan lain-lain), kronik (kencing manis dan darah tinggi) dan perbidanan. Di Cheka perawat yang berkebolehan dalam perbidanan, patah atau terseliuh, resdung dan darah tinggi. Di Budu mempunyai kemahiran patah atau terseliuh, kronik (kencing manis, darah tinggi, barah), ketagih dadah, kayap, penyakit biasa dan batu karang. Penggunaan kaedah tradisional yang masih dikekalkan dengan menggunakan jampi dan sumber herba.

3.4.1 Jampi dalam Mengubati Pelbagai Jenis Penyakit

Penggunaan jampi dilakukan Haji Ishak (wawancara, Jun 4, 2017) melalui rawatannya menormalkan urat saraf, sakit batu karang, angin, batuk, kayap, barah dalam perut, buasir dan senggugut. Bagi rawatan Johari (wawancara, Mei 24, 2017) rawatannya menumpukan bahan dari kulit pokok ketapi (stor) untuk menjalani rawatan buasir, berak berdarah, kencing berdarah dan cirit birit. Kulit pokok ini juga dikategorikan sebagai akar kayu yang hanya menggunakan satu jenis sahaja. Penekanan untuk pesakitnya ketika

sedang berubat menggunakan kaedah ini dipastikan tidak memakan makanan yang berunsurkan panas seperti rempah, cili atau pedas, halia, kunyit, serai dan lengkuas. Kaedah jampi juga sesuai bagi rawatan resdung seperti mana dalam Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) dengan menjadikan kain putih (digulung) dan lilin lebah sebagai bahan sandaran untuk dijampi. Pesakit ini akan dikenakan pantang makan cili burung. Menurut informan, resdung ini mempunyai lima peringkat dari peringkat biasa hingga peringkat teruk. Kesan peringkat ini didapati dari hasil rawatan yang dilakukan samaada warna putih, kuning, merah, hitam dan paling teruk akan keluar ulat.

3.4.1.1 Jampi dalam Rawatan Kayap

Seperti penyakit kayap yang diperhatikan telah menjadi penyakit waris memandangkan melalui penjelasan Rozlan (wawancara, Mei 23, 2017) ketua kampung Tanjung Besar menyatakan penyakit ini sentiasa berlaku dalam masyarakat di kampungnya sekurang-kurangnya sebulan dua orang. Dengan kemahiran Yusof Yap (wawancara, Mei 24, 2017);

menjalankan rawatan kayap ini secara jampi dengan menggunakan sirih sebanyak 10 helai, kapur, gambir, pinang dan air sebotol. Cara rawatan dengan mencampurkan bahan-bahan diramas bersama air yang telah dibuat jampi. Sirih yang dijampi akan dibuat sapu manakala air akan dibuat minum.

Kayap ini mempunyai kategorinya seperti kayap ular, kayap air, kayap besar (macam terkena api), kayap kecil, kayap tapak anjing dan kayap bunga. Tanda-tanda terkena kayap kebiasaannya seseorang akan merasa seperti perit, panas dan gatal, seperti terkena kudis api. Beberapa pantang larang yang dikenakan untuk pesakit seperti melarang makan makanan yang mengandungi gula pasir, makanan yang goreng, berbakar, makanan yang memberi kesan gatal seperti ayam dan daging dan sardin. Namun dalam rawatan kayap ini pesakit masih dikenakan syarat membawa pulut, RM0.25 (pengeras untuk jampi), air,

daging dan ayam, setelah pesakit sembuh. Melalui perkongsian Rozlan (wawancara, Mei 23, 2017) yang pernah dilalui pesakit kayap ular dan mendapatkan rawatan dengan Yusof Yap;

Pertama kali terkena mendapatkan rawatan ke hospital. Namun, sakitnya tidak sembuh setelah dua minggu merawat. Kemudiannya informan tekad untuk menjalani perubatan kampung dengan pakar perawat kayap Yusof. Sepanjang tempoh perubatan itu, informan berpantang dengan tidak dibenarkan makan sardin, gula dan daging. Selain itu, informan berpantang, kedengaran memasak atau bau masakan juga akan menyebabkan sakit yang dialami itu bertambah sakit. Setelah berpantang 44 hari, informan memutus ubat, dengan membawa ayam bakar 4 ketul untuk diberi kepada perawat.

Informan berpendapat penyakit kayap ini turut dikenali sebagai barah iaitu barah luaran dan dalaman. Pengalaman semasa mengalami penyakit kayap juga pernah dialami oleh Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017);

pernah terkena kayap dua tahun lepas. Kemudian telah bertemu dengan pakar kulit di Kuala Lumpur. Mengikut saintifik kayap dipanggil *chicken pork* dan diberi antibiotik. Namun setelah makan antibiotik tersebut, penyakit kayap tetap juga tidak sembuh. Disebabkan dua minggu masih tidak baik kemudian mendapatkan rawatan pakar kayap. Jampi kemudian selepas dua minggu sihat. Rawatan yang dijalankan adalah dengan menggunakan sirih.

Hashim (wawancara, Oktober 4, 2017) yang juga perawat kayap, menerangkan kayap juga sesuai dirawat dengan menggunakan air sirih;

menggunakan air sirih yang telah dijampi. Pesakit dikenakan pantang dengan tidak membenarkan makan telur dan daging.

Syarat rawatannya dikenakan pantang larang bagi diri perawat dan pesakit. Kadar upah tidak boleh dikenakan bagi perawat kepada pesakit. Sekiranya dilakukan juga akan mengalami kecelakaan pada dirinya. Syarat untuk pesakit setelah sembuh perlu

menghantar kepada perawat daging yang dibakar atau digoreng dan pulut untuk dijamu dan dibuat makan bersama perawat. Tujuan peraturan ini dikenakan disebabkan percaya keadaan ini dapat mengelak dari terkena penyakit pesakit tersebut.

3.4.1.2 Jampi dalam Mengubati Barah

Dalam rawatan barah Shaari Jusoh (wawancara, Mei 30, 2017) menggunakan akar kayu sebagai bahan utama dilakukan jampi. Rawatannya memberi penekanan ketika mengambil akar kayu tersebut dan selepas pesakit sembuh daripada penyakit. Terdapat beberapa perkara yang ditekankan seperti hari, waktu dan arah angin. Waktu dan masa yang dipastikan adalah selain dari hari Selasa (hari Selasa dianggap hari yang tidak sesuai untuk menjalankan perubatan). Waktu yang sesuai ketika subuh atau selepas asar yang pada waktu itu tiada berlakunya kematian. Sekiranya berlaku kematian, pencarian akar kayu untuk merawat pesakit tidak akan dijalankan. Arah mata angin menghadap ke arah kiblat dan tidak membelakangkan cahaya matahari. Tujuan mementingkan arah mata angin disebabkan salah satu daripada ilmu pelangkah untuk perawat bagi mengelak dari bahaya yang datang semasa mengambil bahan ubatan. Semasa mengambil akar kayu tersebut perlu niat atas nama pesakit. Selepas pesakit sembuh, informan menetapkan syarat untuk membawa ayam seekor dan pengeras sebanyak RM0.25 sen.

3.4.1.3 Jampi untuk mengubati Senggugut

Perubatan Abdul Talib (wawancara Oktober 21, 2017) merawat khusus bagi perempuan yang mengalami senggugut, lelah dan darah tinggi. Rawatan senggugut dilakukan jampi dengan menggunakan bahan seperti sirih, kapur, pinang dan gambir. Penekanan terhadap pesakit, tidak dibenarkan makan nenas, air batu dan air kelapa. Bagi merawat penyakit lelah dengan jampi pada bahan seperti aling tepung dan air. Menjadi

tradisi dalam rawatan tradisional ini, pesakit yang datang berubat akan memutus ubat dan dikenakan RM0.25 serta bahan makanan seperti ayam dan pulut sepotong.

3.4.2 Kepentingan Herba dalam Mengubati Pelbagai Jenis Penyakit

Menurut Yusof (wawancara, September 18, 2017) rawatan yang berasakan herba sering digunakan oleh informan dan penduduk setempat. Informan menyatakan kaedah ini relevan dan mudah untuk sediakan. Sebagai contohnya ketika menyediakan herba yang digabungkan dengan sumber fauna dalam mengubati batuk dengan cara;

satu sudu madu lebah dan dicampurkan tiga titik air limau nipis atau kasturi untuk.

Kaedah herba penting dan mudah untuk didapati sumbernya. Memandangkan hal tersebut golongan perawat khususnya telah komersialkan herba ini bagi tujuan mudah digunakan oleh penduduk setempat. Seperti Norlaila (wawancara, September 30, 2017) telah memasarkan herba yang telah dikeringkan khususnya untuk golongan yang mempunyai masalah kencing manis, darah tinggi dan untuk melancarkan darah. Informan menjelaskan penyesuaian jenis herba yang perlu diambil mengikut kesesuaian peringkat umur, jenis tubuh (panas atau sejuk) dan penyakit yang dihadapinya. Bagi penyakit yang melibatkan urat, penekanan yang diperlukan pada bahan herba tersebut dapat melancarkan darah, membuang angin dan memperbanyakkan air dalam tubuh. Contohnya gabungan akar tongkat ali, halia bara dan kunyit putih (temu). Penggunaan herba bagi rawatan darah tinggi informan telah menggunakan bahan seperti;

tiga helai daun bismillah, bawang merah (dibakar),
bawang putih (dibakar, ditumbuk dan dicampurkan
dengan air beras)

Selain itu informan turut menjual minyak yang dihasilkan daripada sumber herba bagi tujuan menjadi ubat urut dan luka. Keadaan yang sama turut dilakukan Ishak Ibrahim

(wawancara, Ogos 3, 2017) yang kini memasarkan pil pasak bumi dan herba dari akar kayu. Pil pasak bumi ini sebagai vitamin melancarkan darah dan memberi tenaga. Jualan pil ini mendapat sambutan dari penduduk setempat dan juga dari luar mukim. Informan juga memasarkan herba akar kayu secara keringkan akar tersebut dan dibungkus mengikut sukatan yang sesuai. Akar kayu ini menjadi kebiasaannya khusus untuk wanita selepas bersalin dan untuk tujuan melancarkan darah.

3.4.2.1 Herba dalam Mengurangkan Penyakit Kencing Manis dan Darah tinggi

Pelbagai jenis penyakit yang sesuai dirawat dengan menggunakan sumber herba. Antara yang menjadi kebiasaan dan keutamaan penggunaan herba dalam merawat penyakit kencing manis. Pelbagai sumber yang di kongsi oleh masyarakat setempat seperti Jamilah Abdullah (wawancara, September 7, 2017);

mengamalkan air rebusan gambir. Air rebusan itu diambil dengan kadar sesudu selama tiga hari berturut-turut bagi tempoh seminggu. kemudian air rebusan tersebut ditinggalkan sebanyak sesudu untuk diambil sebanyak tiga hari dalam seminggu disertakan dengan selawat dan niat.

Menurut informan lagi bagi penyakit darah tinggi pula sesuai dilakukan dengan cara;

merebus dengan mengambil rebung buluh (anak) disagat dan dibersihkan kemudian direbus sehingga seruas air. Air rebusan diminum selama tiga hari dalam tempoh seminggu.

Hashim (wawancara, Oktober 4, 2017) berkongsi fahaman mengenai cara menurunkan kencing manis. Informan pernah mengalami sakit kencing manis yang menderitanya selama dua tahun. Sebelum kakinya dipotong, informan telah ikhtiar dengan minum air rebusan daun ceri selama sebulan sehingga sembuh. Menurut informan lagi, khasiat daun ceri juga khusus untuk lain-lain penyakit seperti ghaut, darah tinggi dan kolesterol. Informan menjelaskan rawatan yang menggunakan daun ceri dengan cara;

daun ceri tersebut dibuat rebus, kemudian dibuat minum sehingga sembuh. Pengambilan minuman tersebut setiap tiga kali pada waktu pagi ketika waktu perut masih kosong, tengah hari sebelum makan dan pada waktu malam sebelum makan.

Selain itu, sumber lain mengurangkan mengubati kencing manis dan darah tinggi menurut Shaari (wawancara, Mei 30, 2017);

campuran sirih cina, misai kucing dan tebu gajah direbus untuk dibuat minum. Manakala untuk melancarkan darah, merawat batuk dan membuang angin dalam badan, sesuai mengambil pokok teja (diambil bahagian akar), daun lawang dan daun akar manis untuk direbus dan dibuat minum

Berbeza bahan yang digunakan oleh Johari Rashid (wawancara, Mei 24, 2017) dalam mengurangkan penyakit ini dengan melakukan sepertimana yang dijelaskan;

rawatan lain dengan menggunakan daun belimbing buluh yang telah dikeringkan secara dijemur dan dihancurkan. Kemudian direbus serta diminum. Rawatan ini diteruskan selama tiga hari berturut-turut.

Menurut informan rawatan yang menggunakan sumber dari herba ini perlu menggunakan sukatan. Sukatan yang perlu ditekankan dari persoalan timbangan dan bilangan yang sesuai untuk direbus, sukatan air yang diambil dan kekerapan pengambilan untuk diminum. Mujarabnya ubat terletak pada ketiga-tiga peringkat ini.

3.4.2.2 Herba dalam mengubati Lelah

Hashim (wawancara, Oktober 4, 2017) menyatakan cara yang sesuai merawat penyakit lelah dengan menggunakan bahan-bahan seperti;

pucuk sungkai, dengan menggunakan lima helai daun. Daun tersebut di kisar dan ditapis airnya kemudian diminum selama tiga kali pada waktu pagi.

Informan juga mempunyai kemahiran dalam merawat pesakit yang ketagih dadah.

Menurutnya rawatan untuk penagih dadah ini dilakukan dengan cara;

akar senduduk direbus kemudian diberi minum setiap pagi selama tiga hari.

Kesan rawatan tersebut informan menjelaskan pesakit tersebut akan muntah dan tidak lagi berkehendak untuk menagih dadah semula. Sebagai seorang perawat, informan telah menegaskan pendekatannya dalam rawatan menggunakan herba ini diberi perhatian ketika mengambil bahan, semasa merawat pesakit dan pantang larang yang dikenakan terhadap pesakit. Ketika bahan-bahan diambil informan akan berpakaian bersih dan kemas sebelum melangkah keluar rumah dan akan membaca bismillah. Ketika mengambil sumber tersebut, informan akan menghala tubuhnya menghadap ke arah kiblat. Pantang larang semasa mengambil bahan, tidak dikenakan pada hari tertentu tetapi tidak akan mengambil bahan selepas waktu maghrib. Semasa mengubati pesakit informan akan duduk di atas tikar sembahyang.

3.4.3 Urutan

Urutan menjadi salah satu teknik pengubatan yang digunakan kebanyakan perawat tradisional. Teknik urut ini disertakan dengan jampi untuk tujuan mujarab rawatan tersebut. Rawatan urut ini diperhatikan digunakan ketika berkeadaan patah, terseliuh, melancarkan darah dan sebagainya. Pak Chu atau Hadi (wawancara, Oktober 1, 2017) salah seorang dari perawat menyatakan rawatan urutannya;

informan mementingkan urutan yang berasaskan terhadap teknik spiritual yang difokuskan terhadap lima titik seperti bahagian tapak kaki, sendi, angin darah dan kawasan rahsia. Lima titik ini akan dijalankan *scan* pada bahagian tulang belakang, mata, kaki dan telinga. Melalui lima titik ini mempunyai tujuan yang tertentu seperti pada bahagian tapak kaki, dinyatakan mempunyai denyutan tubuh secara keseluruhan, pada sendi akan ditumpukan pada bahagian

tengkuk, titik angin difokuskan pada bahagian pusat, darah akan ditumpukan pada bahagian lubang punggung dan bagian titik terakhir pada bahagian rahsia bagi tujuan melihat tubuh badan seseorang sekiranya ada gangguan. Informan juga menyatakan jika seseorang mengalami masalah angin sekiranya mengalami penyakit sakit buah pinggang dan pernafasan. Selain itu, informan juga menjelaskan dalam menghasilkan ubatan perlu menyesuaikan dengan gabungan daun, akar dan rumput untuk menyesaikannya dengan darah dan angin. Rawatan urutan informan menggunakan bahan minyak kelapa dengan tujuan melicinkan pergerakan tangan dan untuk mengurangkan rasa sakit pada tubuh pesakit.

berdasarkan rawatan urutan ini terdapat pelbagai jenis teknik yang digunakan seperti menekankan titik-titik tertentu atau menurut Norlaila (wawancara, September 30, 2017) yang menggunakan penekanan pada urat-urat halus sepertimana yang dijelaskan;

memfokuskan pada urat-urat halus. Tujuannya untuk melancarkan perjalanan darah agar dapat mengalir secara sekata. Informan menyatakan penyakit terjadi disebabkan darah tidak lancar, kekurangan air dalam tubuh dan tubuh yang terlampau banyak angin.

Faktor utama penyebab sakit berpunca daripada pengambilan makanan, kurangnya mengambil berat perihal rehat dan tidur tidak secara konsisten. Menurut informan, rawatan urutan ini juga sesuai dalam mengubati penyakit darah tinggi, kencing manis dan terkena gangguan. Kaedah urutan ini memerlukan jampi yang disandarkan pada penggunaan minyak dan air yang diberi kepada pesakit. Dijelaskan Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) penggunaan minyak tersebut lebih mujarab disertakan dengan mengorek pada bahagian urat bahagian yang sakit.

Mohd Yunus (wawancara, September 17, 2017) merupakan seorang bomoh yang mengkhususkan pesakit yang mengalami tulang atau sendi patah dan strok. Dalam rawatannya menggunakan kaedah mengurut dan berjampi;

Rawatannya menggunakan 3 biji telur dan air sebagai rawatan intensif. Budaya amalan tradisi masih menular dengan adanya amalan memutus ubat. Bezanya pemutus ubat tidak lagi mengenakan seekor ayam hidup tetapi dikenakan dengan pemberian telekung, al-Quran dan kain batik bagi pihak perempuan, manakala lelaki dikenakan sehelai baju Melayu, Al-Quran dan sehelai kain pelekat. Perawat juga berkongsi fahaman mengenai sakit kayap yang sesuainya menggunakan buah nering yang diasah kemudian dibuat sapu bada bahagian kulit yang terkena kayap. Namun petua kemujaraban ubat dengan tidak makan gula mentah, ayam dan telur. Penggunaan alatanurut hanya menggunakan minyak buatan sendiri yang terdiri daripada ramuan 199 jenis akar kayu dan juga dhab (biawak gurun). Perawat juga menyatakan binatang seperti tok ket boleh menyembuhkan barah, strok dan sakit dalaman, manakala bagi hempedu landak bagi rawatan kanser.

Menurut Johari (wawancara, Mei 24, 2017) urutan juga sesuai merawat penyakit barah buah dada dan kayap.

3.4.3 Temas

Seperti rawatan Jaafar (wawancara, Mei 23, 2017) menggunakan kaedah jampi dalam rawatan temas. Temas, penyakit yang diramal melalui kunyit yang dibelah dua. Kedua-dua belah kunyit ini dijampi yang sekiranya satu terlungkup satu terbuka sesuai pesakit tersebut merawat dengan informan. Namun sekiranya kedua-duanya telangkup atau keduanya terlentang tidak boleh diubati penyakitnya. Percubaan akan dilakukan sebanyak 3 kali. Sekiranya kali ketiga itu tetap telangkup maka dilarang sama sekali untuk berubat kerana itu menandakan bahawa perubatan temas tidak sesuai atau serasi kepada pesakit. Perubatan temas ini lebih kepada penyakit keteguran semada sebelah ibu atau sebelah bapa. Sebelum perubatan ini dilakukan perlulah dijampi terlebih dahulu. Rawatan ini tujuannya untuk mengetahui punca penyakit (apa-apa sahaja penyakit). Kaedah jampi ini juga dilakukan untuk pesakit yang mengalami masalah tercekik tulang

dengan menggunakan air untuk dibuat minum. Informan juga menggunakan minyak untuk dibuat jampi bagi pesakit yang mengalami masalah gatal-gatal.

3.5 Perbincangan

Pengalaman dan penerimaan kaedah tradisional ini dibincangkan dengan penduduk melalui perbincangan secara berkumpulan. Perbincangan ini untuk mengetahui sistem amalan perubatan masyarakat tempatan. Perbincangan ini antara pengkaji, penduduk Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017) dan ketua kampung Rozlan Abdullah (wawancara, Mei 23, 2017);

Pengkaji: Pandangan dan pengalaman menggunakan kaedah tradisional

En Abdul Razak: Pernah saya berada di hutan, ketika mengalami luka akan mengambil daun kapal terbang, daun senduduk, atau minyak dari pokok sepetir ditumbuk dan ambil getahnya kemudian sapu bahagian luka.

Tok 4: Bagi saya, saya mengamalkan petua awet muda, dengan sering mengelak dari minum sambil makan. Penekanan ini saya lakukan dalam keluarga dengan cara tidak menyediakan air atas meja. Sehingga sekarang mereka dewasa masih amalkan cara tersebut. Sebenarnya dari segi aspek sains, kaedah ini salah satu cara mengelak agar tidak mengah atau penat. Selain itu juga mengamalkan ketika bangun pagi terus berkumur dengan air segala dan membuang air besar pada setiap pagi. Amalan lain, saya tidak amalkan minum ais.

En Abdul Razak: Petua lain yang diketahui seperti ketika tersangkut nasi atau terlekat nasi, cara menyelesaikannya dengan memusingkan pinggan.

Tok 4: Untuk ubat sakit pinggang sesuai mengamalkan makan belimbing tanah dan minum kacip fatimah

En Abdul Razak: Penyakit batu karang ubatnya menggunakan akar semalu untuk merawat.

Tok 4: bagi penyakit darah tinggi herba yang sesuai seperti ketumbar padang manakala untuk sakit kencing manis jenis herba yang sesuai daun ketum, pucuk betik dan akar senduduk. Penyakit ghaut pula dengan meminum air rebusan daun kari yang diambil bahagian ranting (tujuh batang) dibuat minum selama tiga kali setiap hari.

En Abdul Razak : Sekiranya melihat mayat, hendak elak badi mayat, selain dari berdoa, kena melihat jenazah dari bahagian kaki baru lah diikuti seluruh badan

En Abdul Razak: Pernah dahulu masalah merawat penyakit akan merujuk pawang. Bidang kuasa pawang ketika itu bukan hanya merawat tetapi juga mengawal keadaan ketika dalam majlis seperti perkahwinan. Pawang akan jampi seluruh rumah untuk tujuan menjaga keselamatan semasa kenduri dijalankan. Begitu juga sekiranya berlaku hujan, lebat atau angin, kain pengantin akan diambil dan dicampak di atas atap rumah.

En Abdul Razak: Selain itu, perkhidmatan pawang juga membantu penduduk yang pernah dahulu susah mendapatkan sumber makanan. Demikian, pawang telah menjampi air yang mengalir pada tanaman sehinggalah terkena pada keladi yang tumbuh meliar. Sifat keladi gatal namun keladi yang tumbuh di Kemahang ini tidak gatal dan boleh dibuat makan. Sehingga kini keladi di Kemahang menjadi tumpuan penduduk setempat untuk mendapatkan bekalan.

Bidang kuasa pawang luas dari menjaga kesihatan penduduk sehinggalah menjaga keselamatan kampung. Namun amalan pawang ini telah terhapus sejak 5 tahun yang lepas. Kini bidang kuasa pawang sudah tiada kesan dari tidak ada pewaris. Begitu juga dengan perkhidmatan Tok Mudin yang bertindak untuk budak-budak bersunat turut terhapus, dengan adanya perkhidmatan hospital. Pendapat Abdul Razak tumpuan bidang rawatan tradisional ini juga diperhatikan sekiranya penduduk menerima rawatan dari perawat luar kawasan kampung;

Sekiranya ada perawat dari luar datang ke kampung, rawatannya tidak menjadi disebabkan kepercayaan penduduk terhadap perawat luar menyebabkan tiadanya keserasian rawatan tersebut.

Pandangan terhadap rawatan tradisional juga dikongsikan oleh Tok 4 Halimi dan pengkaji. Pernyataan ini melalui berpengalaman semasa mengalami sakit kencing manis dan darah tinggi;

Tok 4: saya pernah mengalami sakit kencing manis dan darah tinggi. pada awalnya saya telah menolak rawatan

moden dengan mengusahakan pelbagai cara untuk sembuhkan penyakit ini. Antaranya mencuba sirih cina untuk merawat kencing manis manakala darah tinggi sirih cina dicampurkan bersama misai kucing dan tebu gajah. Namun setelah melakukan pelbagai kaedah herba ini tidak mendatangkan apa-apa tindak balas pada tubuh. Kesannya membuat keputusan untuk mengambil ubat klinik.

Pengkaji: Sekiranya pengambilan ubat tradisi perlu ada ukuran tertentu, seperti mana yang boleh dirujuk seperti manuskrip. Berdasarkan rujukan tersebut mengandungi cara dan peraturan pengambilan dan bukan diambil berdasarkan terhadap nafsu atau keinginan untuk merawat penyakit dengan segera. Sebagai contoh, dalam kaedah herba, pengambilan secara sebesar ibu jari, seberat satu tahlil emas dan seterusnya langkah untuk merebus bahan atau herba tersebut. Pada pandangan responden,

Tok 4: ya, namun sukatan yang digunakan tiada panduan dan hanya minum mengikut cara sendiri tanpa rujukan dari mana-mana. Lagipula dahulu kita tengok orang dahulu mana ada dengar doktor sangat pun kan. Terutamanya penyakit kencing manis atau darah tinggi masih belum ada lagi didengar. Disebabkan itu mungkin masih belum ada ubatan atau nama saintifik yang diberikan pada ketika itu dan kesesuaiannya. Demikian dalam mengubati ini saya hanya dengar-dengar dari mulut ke mulut tanpa merujuk dari orang-orang dahulu.

Walaupun sumber herba sesuai mengubati penyakit darah tinggi dan kencing manis, namun dengan kurangnya pengetahuan menyebabkan rawatannya gagal. Kekurangan dari pengubatan tersebut menyebabkan pihak-pihak tertentu mengambil jalan mudah untuk menerima rawatan moden. Keadaan ini sama seperti menggunakan kaedah jampi memerlukan seseorang itu yakin terhadap perawat yang mengubatinya. Sekiranya tahap keyakinan seseorang itu rendah menyebabkan rawatan yang dilakukan tidak berjaya dilakukan dan menyebabkan pandangan masyarakat terhadap rawatan tradisional ini bersifat negatif.

3.5.1 Kepentingan Jampi dalam Pengobatan dan Pencegahan

Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) menyatakan beberapa jenis jampi yang sesuai seperti jampi barah, resdung, campak. Jampi menjadi perubatan yang perlu bagi penyakit yang tidak dapat di ubati dengan cara yang moden. Menurut informan perubatan kampung seperti jampi-jampi, doa-doa dan sebagainya biasanya masih diamalkan oleh orang-orang tua di kampung khususnya berbanding perubatan moden. Antara jenis jampi menyatakan beberapa jenis jampi yang sesuai seperti jampi barah, resdung, campak. Jampi menjadi perubatan yang perlu bagi penyakit yang tidak dapat di ubati dengan cara yang moden. Perubatan kampung, pengamal perubatan atau dikenali sebagai ustaz atau bomoh atau dukun atau tukang urut akan menggunakan jampi serapah dalam perubatan mereka. Kebiasaan orang-orang dahulu menggunakan serapah yang mempunyai bacaan atau juga dipanggil pantun manakala sesetengah daripada mereka menggunakan doa-doa tertentu. Salah satu punca pupusnya ilmu jampi ini melalui bacaan dan penyeruan semangat luar iaitu jin dan syaitan kerana kebanyakan golongan muda tidak lagi mempercayai bacaan jampi serapah atau bacaan yang berbentuk pantun ini sebagai tujuan perubatan bahkan hanya menyimpannya sahaja tetapi tidak digunakannya. Mengikut orang dahulu jampi atau pantun ini lebih kepada doa-doa Melayu kerana kebanyakan mereka tidak tahu berbahasa Arab. Contohnya daun secapar iaitu daun syurga dipercayai dapat mengubati penyakit demam campak. Berkat daun atau hikmat daun itu sendirilah yang menyembuhkan tetapi syaratnya wajiblah menyebut nama Allah dan berselawat ke atas nabinya.

Johari (wawancara, 2017:23 mei) menerangkan jenis jampi merupakan kata-kata atau pantun 4 kerat turun-temurun dan tidak boleh diambil dan dituntut selain daripada waris itu sendiri atau jampi itu boleh diturunkan kepada sesiapa sahaja dengan syarat dipakai dahulu oleh si pemakai dalam tempoh dua atau tiga tahun.

3.5.2 Kepentingan Sumber Herba dalam Pengubatan dan Pencegahan

Pemilihan rawatan yang menggunakan herba menurut Norlaila (wawancara, September 30, 2017) perlu mengambil penekanan terhadap umur, jenis bentuk tubuh dan jenis penyakit yang dihadapinya. Penggunaan herba ini dianggap sebagai sandaran setelah rawatan urutan dilakukan terhadap pesakit. Informan turut menyatakan petua bagi pemilihan herba yang sesuai bagi melancarkan perjalanan darah dengan berpandukan kepada tiga jenis bahan. Contohnya dengan pengambilan serai wangi, halia bara dan urat. Penggunaan herba dikatakan lebih mujarab sekiranya diambil dengan kaedah yang konsisten dan mempelajari percampuran yang sesuai. Herba yang terbaik sebenarnya terdapat di sekeliling kita. Hal ini bermaksud bahawa tumbuhan yang dijadikan herba serasi dengan penyakit yang kita hidapi dan penyembuhan penyakit itu akan lebih berkesan.

Menurut Shaari (wawancara, Mei 30, 2017) herba seperti sirih cina, misai kucing dan tebu gajah sesuai untuk mengurangkan sakit kencing manis dan darah tinggi. Manakala untuk melancarkan darah, merawat batuk dan membuang angin dalam badan,

pokok teja yang diambil pada bahagian akar, daun lawang dan daun akar manis direbus dan dibuat minum.

Bagi khasiat daun secapar dan malim bunting sesuai dijadikan sebagai minyak panas untuk mengubati penyakit resdung dan ghaut (Muhammad, wawancara, Julai 28, 2017). Dalam rawatan darah tinggi menurut Abdul Talib (wawancara 2017) dengan memakan limau kasturi manakala pencegahan kencing manis dengan minum air rebusan pucuk sungkai. Seperti belimbing tanah, daun durian Belanda, setawar dan bunga raya dapat mengubati demam dan menyejukkan badan yang panas.

Caranya seperti mengambil daun pokok durian Belanda dan kemudian meramas daun tersebut di dalam air.

Seterusnya, air yang diramas daunnya itu dibuat mandi.
Boleh juga pengisar daun itu lalu diletakkan dalam air.

Razak (wawancara, September 13, 2017) berpendapat kaedah meramas lebih mujarab daripada menggunakan pengisar atau menurut Minah (wawancara, Mac 18, 2017) boleh juga dengan kaedah merebus durian Belanda untuk dijadikan air mandi.

Selain itu, sumber herba menurut Mariam (wawancara, Mac 18, 2017) sesuai dalam mengubati dan menyembuhkan batuk dan darah tinggi;

‘perahan air limau nipis bersama air bagi menghilangkan batuk, manakala darah tinggi sesuai menjadikan cuka nipah sebagai minuman harian’

Menurut Siti Rokiah (wawancara, Mac 18, 2017) daun tembayu yang menjadi ditemui di tepi sungai juga sesuai dibuat sebagai ubat batuk. Informan juga menyatakan daun langsung berkhasiat dijadikan sebagai ubat demam yang diminum selepas makan. Daun pucuk bunga melur diramas dan digosok pada bahagian hidung sebagai ubat resdung. Air rebusan daun sirih dijadikan sebagai ubat gatal yang dibuat mandi. Johari (wawancara 2017) kesan gatal-gatal juga sesuai diselesaikan dengan menggunakan cara

Sirih berserta gambir dan pinang juga digunakan ketika mengubati masalah gatal-gatal. Caranya pesakit perlu meramas sirih, kapur, gambir dan pinang diramas dalam air. Kemudiannya disapu tempat yang gatal itu.

Yusof (wawancara, 2017) menyatakan, khasiat-khasiat dari sumber herba seperti kulit pokok langsung sesuai sebagai mengubati demam kura-kura dan demam kepialu. Manakala demam campak dengan menggunakan pucuk jering atau membaringkan pesakit atas daun pisang. Untuk mengurangkan darah tinggi dirawat dengan mengambil tiga hingga empat pucuk mengkudu buat ulam. Menghilangkan angin dalam perut dengan menjadikan pucuk kaduk sebagai ulam. Ubat penyakit kurap sesuai menggunakan daun gelenggang. Kepentingan sumber herba menurut Johari Rashid (wawancara, 2017) sesuai mengubati penyakit buasir, berak berdarah, kencing berdarah dan cirit birit diubati dengan cara;

dengan menggunakan kulit pokok ketapi (stor). Dalam perubatan menggunakan kulit pokok ini, dilarang atau berpantang selama satu minggu dari makan makanan yang berunsurkan panas seperti rempah, cili atau pedas, halia, kunyit, serai dan lengkuas. Melalui kaedah cara rebusan air akar kayu yang sesuai dengan penyakit tersebut.

Norlaila (wawancara, 2017) menyatakan penggunaan herba perlu diketahui tentang sifatnya disebabkan kebanyakan herba adalah panas. Jika dicampurkan dua atau lebih herba dalam satu amalan pemakanan atau minuman akan menyebabkan badan akan lebih merasa panas dan panas yang keterlaluan tidak elok untuk kesihatan tubuh sehinggakan munculnya kesan atau penyakit sampingan. Misai kucing atau lebih dikenali sebagai *stevia* mampu merawat kencing manis. Misai kucing perlu direbus dan diminum serta diamalkan oleh si peminum. Ramai di antara mereka tidak mengamalkannya dan itulah menjadi penyebab kepada kesihatan tubuh yang tidak stabil dan juga tidak berkesan ke atas peminumnya. Peminum mestilah mengikut kaedah dan caranya bukan hanya minum sembarangan. Sepertimana yang terjadi daripada pengalaman Halimi (wawancara, Jun 26, 2017) sedang mengalami darah tinggi dan sedang ikhtiar merawat penyakitnya.

Memilih kaedah herba sebelum mencuba rawatan dengan menggunakan daun batang belimbing tanah. Terdapat cara yang ditetapkan semasa menjalankan rawatan iaitu kali pertama mengambil tujuh batang belimbing tanah direbus. Hari kedua direbus batang belimbing tanah sebanyak lima batang. Hari seterusnya merebus batang belimbing tanah dengan 3 batang. Pada awal rawatan tersebut, informan berjaya merawat darah tinggi, namun tidak lama kemudian, penyakit informan kembali seperti biasa kembali. Setelah itu memberi kesan terhadap informan untuk tidak lagi menggunakan rawatan secara tradisi dan beralih kepada rawatan moden dengan menggunakan ubat dari hospital. Sehingga kini rawatan tradisi untuk mengubat penyakit darah tinggi, menjadi keraguan untuk dilakukan terhadap dirinya. Namun, informan berpendapat mungkin hanya sesetengah penyakit yang sesuai dirawat secara tradisi, selebihnya memerlukan rawatan di hospital.

3.5.3 Kepentingan Sumber Fauna dalam Pengubatan dan Pencegahan

Sumber fauna seperti minyak hasil dari sarang but-but diperhatikan menjadi perhatian masyarakat di sekitar kampung Pagar Sasak, Kechau. Menurut Muhammad (wawancara, Julai 28,2017) yang juga ketua kampung tersebut sering memberi galakan penduduk kawasannya untuk menghasilkan minyak secara sendiri melalui sarang burung but-but. Tujuannya untuk digunakan bila-bila diperlukan. Hasil minyak burung but-but ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dan mujarab. Perbincangan penghasilan minyak dari burung but-but ini dikongsi oleh informan;

Penghasilan minyak ini dari sarang burung yang dipanggil sebagai buntat yang perlu diuji khasiatnya dengan meletakkan sarang tersebut di atas air sungai untuk melihat pengalirannya sama ada akan ke hulu atau ke hilir. Sekiranya sarang itu dibawa oleh air sungai yang mengalir, sarangnya akan dibuang tidak sesuai dibuat ubat. Namun, jika daun pada sarang mempunyai bulu-bulunya yang tidak dialirkan dan dihanyutkan oleh air sungai sesuai dijadikan ubat. Sarang burung ini lebih sesuai dibuat minyak berbanding direbus. Sebelum proses bermula, sarangnya dibersihkan dan dicuci kotoran seperti tahi burung dapat dibuang. Mengikut petua zaman dahulu, ada sejenis kayu akar yang terdapat pada sarang but-but ini mempunyai penawar bagi memulihkan tulang yang patah. Sarang but-but itu sendiri terdapat pelbagai jenis daun-daun kayu yang sesuai dijadikan ubatan asalkan sarang tersebut masih menjadi tempat tinggal ibu dan anak-anak burung but-but. Sarang burung yang ditinggalkan tidak lagi berfaedah dibuat ubat. Terdapat dua jenis burung but-but iaitu saiz yang kecil dan saiz yang besar. Saiz burung but-but yang besar dapat mencapai saiz ayam dan jenis inilah sarangnya dibuat ubat tetapi amat sukar dan jarang ditemui manakala saiz but-but yang kecil tidak dibuat ubat. Penghasilan minyak tersebut juga diselitkan dengan doa atau ayat-ayat Al-Quran sebagai penawar. Harus diingatkan bahawa khasiat minyak sarang but-but ini hanya untuk individu itu sendiri sahaja dan tidak boleh dijual kerana dikhuatiri kurang mujarab bagi penggunaanya mengikut amalan petua zaman dahulu.

Minyak but-but ini sesuai digunakan ubat urutan urat, sakit sendi dan sebagainya. Seperti sarang but-but juga digunakan dalam mengubati penyakit dan ini merupakan petuanya.

Sumber fauna yang diketahui menurut Fauziah Adam (wawancara, Oktober 13, 2017) dalam mengubati sakit beguk dengan mengambil sarang angkut-angkut diasah dan dibuat sapu pada bahagian yang sakit selain menggunakan cuka dan nila. Bagi budak yang terkena penyakit kuning pula, sesuai mengambil air susu kambing sebagai rawatannya. Informan berkongsi pendapat untuk dimujarabkan ubat harus berpadanan dengan bacaan selawat dan niat diminum, dimakan atau disapu.

Salah satu khasiat penggunaan minyak gamat menurut Jamilah Abdullah atau Mak Ngah Johor (wawancara, September 7, 2017) berkongsi pengalamannya yang pernah jatuh dan mengalami patah pada bahagian kaki. Rawatan yang diambil, hanya menggunakan air gamat diminum dan disapukan pada bahagian patah. Proses kaki yang patah tersebut tidak lama hanya sebulan sudah pulih. Kemudiannya berlaku kembali perkara yang sama namun berlaku pada anak lelakinya yang juga patah akibat kemalangan. Mak Ngah juga menggunakan kaedah yang sama dengan memberi air gamat untuk diminum dan disapu. Mak Ngah bersyukur kerana setelah sebulan keadaan anaknya pulih seperti biasa. Selain itu juga sumber fauna seperti madu berkhasiat sebagai ubat menyembuhkan mata, jerawat dan menyembuhkan batuk.

3.5.4 Pengetahuan Azimat sebagai Pengubatan dan Pencegahan

Penggunaan azimat menurut Fauziah Adam (wawancara, Oktober 13, 2017) pernah digunakan ketika informan melahirkan empat orang anaknya. Rawatan azimat ini bertujuan untuk menghindari gangguan, agar bayi dapat tidur dengan lena. Caranya dengan memunjut kain yang diisi dengan lada hitam. Kemudian punjut tersebut diletakan di bawah bantal bayi. Cara kedua dengan menggunakan parang atau pisau yang dibalut kemudian diletakan di bawah bantal bayi agar terlindung dari gangguan. Informan

menjelaskan di sebalik perlakuan ini dipercayai besi membawa simbol semangat yang gitu terhadap bayi tersebut.

3.6 Kesimpulan

Secara keseluruhannya memerhatikan amalan dan budaya penjagaan kesihatan masyarakat dalam mengubati penyakit menggunakan penjagaan secara nyata seperti kaedah sumber herba, jampi dan sumber fauna. Bezanya dengan cara terdahulu kaedah sumber herba telah dikembangkan cara rawatannya kepada teknik mudah dan cepat yang sesuai pada masa ini. Begitu juga dengan jampi diperluaskan rawatannya dengan menggunakan urutan dan rawatan temas. Begitu juga dengan kaedah jampi yang dilakukan pada bahan-bahan majun yang bertindak sebagai vitamin ketika dahulu, berubah situasi penerimaan masyarakat hari ini menjadikan air akar kayu sebagai sumber vitamin yang utama. Bahkan juga air akar kayu ini turut menjadi bahan utama dalam rawatan jampi ketika mengubati penyakit kronik. Kaedah sumber fauna yang sejak tradisi menggunakan bahan seperti manisan dalam rawatan juga dikembangkan dengan menjadikan manisan (madu) sebagai vitamin atau makanan tambahan.

Tanggapan masyarakat terhadap kaedah tradisi ini masih utuh walaupun telah banyak perubahan yang dilakukan terutamanya cara rawatannya. Masyarakat memahami kaedah tradisi ini membantu dalam pengubatan penyakit-penyakit yang kronik seperti kencing manis, darah tinggi dan ghaut. Begitu juga dalam mengubati penyakit-penyakit yang biasa seperti batuk, selesema dan demam. Demikian, bagi kaedah dan rawatan azimat kurang digunakan pada masa ini. Hanya dalam situasi tertentu azimat menjadi pilihan pada segelintir masyarakat yang faham penggunaannya.

BAB 4: TAHAP PENERIMAAN AMALAN TRADISIONAL: AZIMAT, JAMPI, SUMBER HERBA DAN SUMBER FAUNA

4.1 Pendahuluan

Bab ini, menganalisis penjagaan kesihatan Masyarakat Melayu di Lipis dengan menghadkan pada empat buah mukim seperti Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Penelitian kajian ini melihat kesinambungan pengamalan tradisi yang menggunakan kaedah dan rawatan azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna dalam penerimaan masyarakat hari ini.

4.2 Latar Belakang Responden

Responden yang terlibat seramai 160 orang penduduk yang terdiri daripada penduduk di mukim Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Setiap mukim hanya 40 orang sahaja yang terlibat dengan menumpukan kumpulan jantina dan peringkat umur. Perkara yang menjadi tumpuan dalam kajian servei adalah untuk mengenal pasti kedudukan dan tahap penerimaan dan pemahaman penduduk terhadap kaedah dan rawatan tradisi yang berteraskan penggunaan azimat, jampi, bersumberkan herba dan kaedah yang menggunakan sumber fauna. Dalam soal selidik tersebut, terdapat dua bahagian soalan yang dikemukakan. Bahagian pertama, adalah untuk melihat tahap kesihatan responden, amalan penjagaan makanan responden, amalan ketika berpantang selepas bersalin (tumpuan terhadap golongan wanita) dan kaedah perubatan ketika mengalami penyakit. Bahagian kedua, untuk melihat sejauh mana pengetahuan, pengalaman dan pandangan responden dengan penggunaan kaedah dan rawatan azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna. Soalan yang diberi berbentuk terbuka untuk memberi kebebasan menjawab soalan yang dikemukakan mengikut pendapat dan pandangan responden.


4.3 Tahap Kesihatan, Amalan dan Penerimaan Rawatan Tradisional

Tahap kesihatan penduduk diperhatikan melalui peratusan responden yang mengalami penyakit dan gaya pengambilan makanan. Terdapat sebelas jenis penyakit yang dikemukakan seperti darah tinggi, kencing manis, kanser, sakit jantung, buah pinggang, asma, penyakit berjangkit, HIV, obesiti, Insomnia dan gastrik. Peringkat kedua melihat peratusan responden dalam memilih makanan harian. Selain itu pemerhatian responden menumpukan amalan ketika berpantang bagi golongan wanita. Seterusnya pengujian peratusan responden diperhatikan melalui penerimaan rawatan ketika mengalami sakit. Dalam pengujian ini, peratusan responden diperhatikan melalui perbandingan menggunakan rawatan tradisional dengan rawatan moden.

4.3.1 Tahap Kesihatan

4.3.1.1 Perkembangan Kesihatan

Berdasarkan hasil responden di empat-empat buah mukim (rujuk carta 4.1) menunjukkan peratusan rendah yang memperoleh penyakit. Secara keseluruhannya berada pada paras bawah dari 20 peratus. Melalui jumlah peratusan tersebut yang diperhatikan mempunyai peratusan yang tinggi adalah di Tanjung Besar dan Cheka. Manakala Kechau berada pada peratusan terendah mendapat penyakit. Perincian peratusan tersebut, diperhatikan rata-rata responden mengalami masalah penyakit darah tinggi dan kencing manis. Seperti di Tanjung Besar (rujuk rajah 4.2) diperhatikan paling ramai mengalami penyakit ini dengan 65 peratus darah tinggi dan 35 peratus mengalami penyakit kencing manis. Bahkan juga melihat secara keseluruhan jenis penyakit jelas memperlihatkan ramai yang mengalami penyakit ini. Tumpuan peratusan kelihatan pada kedua-dua penyakit ini berbanding jenis penyakit yang lain. Fenomena penyakit darah tinggi ini menurut Hashim (1990), akan menyerang semua tidak mengira daripada aspek kelas, umur, jantina, bangsa dan masyarakat.




Rajah 4.1: Peratusan pencapaian kesihatan penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Budu dan Cheka (soal selidik, 2017)

Penyakit darah tinggi dan kencing manis ini disebabkan faktor keturunan, pemakanan, aktiviti dan cara hidup yang menjadi aktiviti penduduk. Menurut Febrega (1971) & Calson & Selby (1974), juga menjelaskan aspek umur mempengaruhi penyakit terutamanya penyakit darah tinggi yang rata-ratanya menjadi tumpuan penyakit utama penduduk. Peringkat umur yang dikesan memperoleh penyakit ini sekitar 60 hingga 69 tahun. Penelitian bagi bilangan penghidap darah tinggi, mempunyai peratusan yang tertinggi itu, ramai dalam kalangan perempuan jika dibandingkan dengan lelaki. Punca penyakit juga dipengaruhi kesan persekitaran dan cara pengambilan ubatan. Peringkat usia ini diperhatikan sudah kurang aktif, disebabkan faktor anak-anak bekerja dan melarang aktiviti harian ibu bapa dari bertani, berkebun dan menoreh. Kedua, ramai dalam kalangan peringkat usia ini dari bandar berhijrah ke kampung setelah berpencen, dalam bidang askar atau kerajaan. Ketiga, penjagaan tidur tidak diambil berat, hasil daripada tinjauan penduduk rata-ratanya tidur pada jam 12 hingga jam 2 dan mengamalkan bangun pada awal pagi. Keadaan-keadaan ini berpengaruh dan berpotensi

dalam berhadapan penyakit darah tinggi. Begitu juga dengan masalah kencing manis yang rata-ratanya juga penghidap darah tinggi.


Lingkungan usia 60 hingga 69 tahun ini diperhatikan mempunyai peratusan tertinggi mengalami penyakit lain seperti kanser, jantung, asma, batu karang, kolesterol, insomnia dan gastrik. Manakala penyakit pundi kencing tidak dialami oleh golongan peringkat umur ini. Hanya peratusan kecil penyakit pundi kencing ini dialami oleh golongan usia antara 30 hingga 39 tahun responden dari mukim Cheka.



Rajah 4.2: Peratusan jenis penyakit yang dihadapi penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Budu dan Cheka (soal selidik, 2017)

Begitu juga dengan penyakit gastrik antara peratusannya sederhana. Melalui pendapat informan, Minah (wawancara, Mac 18, 2017) yang juga mengidap gastrik menyatakan faktor penyakit disebabkan kurangnya mengamalkan sarapan pagi. Berlandaskan pekerjaan yang dilakukan seperti menoreh getah, penduduk terpaksa keluar pada awal pagi dan akan balik pada waktu tengah hari dan keadaan tersebut ada kalanya

tiada kesempatan untuk mengambil makanan pada waktu pagi. Faktor kedua, kedudukan ekonomi yang tidak stabil, menyebabkan ada di antara penduduk yang terpaksa mengikat perut dari makan.



Rajah 4.3: Peratusan jenis penyakit mengikut peringkat umur (soal selidik, Oktober, 2017)

Kedudukan kesihatan bagi golongan berusia 80 tahun ke atas peratusan rendah mendapat penyakit. Antara jenis penyakit yang dihadapi seperti darah tinggi, kencing manis, jantung, asma dan gastrik. Melalui pemerhatian golongan berusia ini masih aktif dengan menjalankan aktiviti yang dianjurkan oleh KOSPEN dan sering mendapat rawatan dari klinik kerajaan. Begitu juga tekanan hidup tidak berlaku dalam kehidupan malah mereka mendapat penjagaan yang baik daripada anak dan cucu. Kedudukan peratusan umur antara 20 hingga 29 menunjukkan kedudukan kesihatan yang baik, berikutan dengan peratusan yang terendah mendapat penyakit batu karang dan gastrik.

4.3.1.2 Amalan Penjagaan Makanan

Jadual 4.1: Amalan pemakanan penduduk di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu (soal selidik, Oktober, 2017)

Jenis Makanan	Peratusan (%)
Amalan Makan Seimbang	100
Makanan Ringan	16.25
Makanan Segera	18.75
Lain-lain	2.5

Corak penjagaan kesihatan ini bergantung dengan cara penjagaan makanan. Menegaskan penjagaan pemakanan, Rasulullah s.a.w menyeru umatnya agar menjaga makanan. Perkara sedemikian disebabkan bermula pengambilan makanan yang tidak teratur atau tidak berpantang akan memudaratkan kesihatan (Idrus, 1995). Hasil penelitian penduduk di empat buah mukim ini mendapati secara keseluruhannya mengambil makanan yang seimbang. Rata-ratanya diperhatikan mengamalkan pengambilan nasi. Bagi pengambilan lauk pauk bergantung dengan kedudukan ekonomi keluarga. Golongan penduduk majoritinya mempunyai pendapatan yang rendah. Kesannya mereka hanya mampu memilih lauk yang bersumberkan ikan sangkar dan sayur hasil tanaman di persekitaran mereka.

Pengambilan makanan ringan dan segera kurang diambil oleh penduduk. Demikian kesan dari sukar mendapatkan sumber makanan tersebut dengan kedudukan kawasan kampung yang jauh dari bandar. Peniaga-peniaga di kawasan setempat jarang-jarang menjual jenis makanan tersebut. Melihat daripada aktiviti harian penduduk menyebabkan pengambilan nasi menjadi makanan keperluan untuk mendapatkan tenaga yang mencukupi. Selari dengan itu juga ramai dalam kalangan penduduk yang bekerja sebagai peladang dan pekebun yang memerlukan bekalkan tenaga yang mencukupi. Menurut Haliza (2000), makanan yang sesuai dapat memberi faedah dengan keperluan

tubuh dan mental (Haliza 2000). Tujuan pemilihan makanan adalah untuk menyesuaikan tubuh dengan menambahkan darah dan menambahkan tenaga (Luqman Hakim,2002). Disebabkan itu penduduk menjadikan nasi sebagai pilihan menu utama selain bertindak sebagai kaedah untuk mengurangkan sakit gastrik. Kandungan gula dalam nasi dengan timbangan satu cawan beras bersamaan dengan tiga perempat gelas atau 100 gram, kandungan kalori sebanyak 175, 4 gram protein dan 40 gram karbohidrat (Norlaili & Atoillah, 2013). Dalam menitik berat mengenai persoalan pengambilan makanan, Hafiz (soal selidik, Oktober 17, 2017) berpendapat;

menyatakan petua sebagai amalan dan pantang larang dalam perubatan. Antara yang diingatkan mengenai penjagaan makanan dengan mengamalkan makan ulam dan sayuran dan mengelakkan dari pengambilan makanan yang masin dan manis,...

Begitu juga dalam proses mengurangkan berat badan seperti yang dikongsi oleh Siti Fatimah (Soal selidik, Oktober 12, 2017);

petua merupakan amalan masyarakat kampung yang diamalkan sejak dahulu lagi. Antara yang dinyatakan mengenai petua ialah tidak mengamalkan makan malam bagi mengelak dari penambahan berat badan.

Selain itu, pemakanan juga boleh mengakibatkan penyakit menurut pandangan Abdul Salam (soal selidik, Oktober 18, 2017) dan Siti Fatimah (soal selidik, Oktober 12, 2017);


petua tidak boleh minum tengah makan, nanti bengkak urat perut

petua dalam mengelak darah tinggi dengan tidak makan pada waktu malam

Penjagaan makanan di mukim-mukim ini diperhatikan teratur dan besar kemungkinan tidak memberi faktor kepada penyakit darah tinggi. Namun dengan pengambilan nasi

yang berlebihan berpotensi menjejaskan kesihatan terutamanya memberi kepada kesan penyakit kencing manis.

4.3.2 Amalan Berpantang Selepas Bersalin



Rajah 4.4: Peratusan semasa berpantang kaum wanita di mukim Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu (soal selidik, Oktober, 2017)


Secara keseluruhan, diperhatikan peratusan responden dalam mengekalkan amalan berpantang ketika selepas melahirkan ini berkedudukan sederhana dengan purata 40 peratus. Bilangan peratusan yang tinggi tertumpu pada amalan bertungku dan berbarut di Kechau dengan bilangan 47.5 peratus. Amalan bertungku ini menurut Esah & Aziz (2012) perlu diambil berat, memandangkan ketika mengandung darah kotor terkumpul di bahagian uri. Darah kotor ini perlu dikeluarkan sehabisnya. Tujuan bertungku ini adalah untuk mengeluarkan darah tersebut. Sekiranya darah tersebut tidak keluar habis akan mengakibatkan seseorang akan mengalami penyakit lain atau kadang-kadang boleh membawa kepada kematian.

Situasi seperti berpantang ketika mandi diperhatikan mempunyai peratusan yang rendah dari responden. Penekanan terhadap amalan ini mempunyai peratusan yang tinggi oleh masyarakat di Cheka. Responden masyarakat di Cheka juga secara keseluruhannya berkedudukan sederhana dan *maintain* dengan penjagaan makan, minum, mandi, menjaga cara berjalan, duduk, memakai stoking, bertungku dan berbarut. Rata-rata responden masyarakat di Cheka ini berpantang menjalankan tempoh berpantang selama 44 hari. Disebalik penekanan amalan berpantang ini dikesan dari pengaruh perawat yang merupakan bidan. Ilmu perbidanan ini cuba diterapkan melalui amalan mandi ketika berpantang atau dikenali mandi serung. Mandi serung ini akan menggunakan bahan seperti herba dengan jumlah tiga, lima, tujuh atau sembilan jenis mengikut sumber yang ada di persekitaran mereka. Tujuan mandi ini, sebagai memberi semangat dan kesegaran badan akibat dan mengurangkan rasa sengal-sengal badan. Mandian ini diamalkan setiap tiga hari berturut-turut ketika berpantang pada hari kedua.

Selain mengekalkan amalan bertungku dan berbarut, diperhatikan responden turut menekankan penjagaan makanan. Merujuk rajah 4.4 ini empat-empat mukim ini menunjukkan peratusan yang sederhana tinggi. Responden di Tanjung Besar diperhatikan mengutamakan penjagaan daripada aspek pemakanan, pemakaian stoking dan mengamalkan bertungku. Manakala bagi penjagaan mandi, ketika duduk, ketika minum dan juga semasa berjalan kurang ditekankan. Di Budu pula, responden kurang menjaga amalan mandi, berjalan dan pemakaian stoking.


Menurut sumber penduduk, ketika dahulu rawatan berpantang ini akan dijaga oleh seorang bidan. Bidan yang akan menjaga dari awal berpantang sehingga tamat tempoh berpantang. Namun sejak tubuhnya klinik desa, perkhidmatan bidan ini dimansuhkan, pihak kementerian tidak membenarkan perkhidmatan bidan digunakan ketika kaum ibu bersalin atau selepas bersalin disebabkan kluatir dengan risiko.

4.3.3 Kedudukan Penerimaan Rawatan Tradisional Berbanding Moden



Rajah 4.5: Kedudukan penggunaan pengubatan tradisional berbanding perubatan moden di empat buah mukim terpilih (soal selidik, Oktober, 2017)

Kedudukan penggunaan pengubatan dan pencegahan secara tradisional dan moden dapat diperhatikan melalui rajah 4.5. Berdasarkan rajah tersebut diperhatikan penggunaan kaedah moden lebih tinggi 7 peratus berbanding rawatan tradisional. Peratusan tersebut telah membuktikan penerimaan moden berbanding tradisional tidak jauh beza. Melihatkan keadaan tersebut membuktikan masyarakat masih menjadikan pengubatan tradisional dalam menyelesaikan masalah rawatan. Berikutan dari gambar rajah 4.5, rawatan yang digunakan dalam mengubati penyakit seperti sakit mata, sakit kulit, gatal-gatal, sakit mulut penduduk akan ikhtiar dengan rawatan moden. Manakala penyakit seperti sakit sendi, sukar tidur, resdung dan kayap penduduk lebih memilih rawatan tradisional untuk mengubati. Namun bagi penyakit yang bersifat kronik seperti kencing manis, diperhatikan penduduk menggunakan rawatan moden berbanding tradisional. Berbeza pula dengan penyakit darah tinggi, rawatan yang dipilih dengan merawat secara tradisional.




Rajah 4.6: Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden di empat buah mukim (soal selidik, Oktober, 2017)

Jenis penyakit jantung dan kolesterol, penduduk lebih menerima rawatan moden sebagai jalan penyelesaian yang terbaik. Seperti yang dikongsi oleh seorang responden yang menghidap penyakit jantung, Norain (wawancara, Oktober 12, 2017) menyatakan pendapatnya;

makcik sudah 3 tahun menjalankan rawatan di Institut Jantung Negara (IJN), dan mendapat rawatan yang bersistem dan ubatan yang diberikan bermutu dan sukar untuk dicari di mana-mana farmasi atau klinik


Begitu juga dengan rawatan yang menghubungkan penyakit spiritual seperti terkena buatan manusia, cara yang efektif dalam mengubati penyakit tersebut dengan menggunakan cara tradisional iaitu secara jampi. Terdapat jenis penyakit seperti luka dan ghaut responden memilih kedua-dua jenis rawatan. Memandangkan sumber ubatan mengubati penyakit mudah untuk didapati. Penerimaan rawatan moden dan tradisional ini diperhatikan secara terperinci melalui rujukan dari rajah 4.7, 4.9, 4.11 dan 4.13.



Rajah 4.7: Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Kechau (soal selidik, Oktober, 2017)

Berdasarkan rujukan dari rajah 4.7, seramai 47.3 peratus orang penduduk yang menerima rawatan tradisional manakala 67 peratus menggunakan rawatan hospital dan klinik. Peratusan ini, telah memberi penilaian terhadap rawatan tradisional yang masih dianggap penting. Bagaimanapun melalui penelitian daripada tahap kesihatan penduduk di Kechau yang paling rendah salah satu faktor daripada kesungguhan masyarakat untuk berubat. Perubatan tidak menjadi pilihan utama penduduk tetapi bagaimana untuk menyelesaikan masalah ketika sakit kurang berhadapan dengan masalah kesihatan jika dibandingkan dengan mukim yang lain, disebabkan masyarakat sentiasa berikhtiar menyelesaikan masalah kesihatan dengan menggunakan kedua-dua kaedah tradisional dan moden. Penerimaan rawatan tradisional ini diteliti ramai dalam kalangan peringkat usia di antara 50 sehingga 79 tahun.

Di Kechau, antara tertinggi peratusan yang menerima kaedah rawatan tradisional jika dibandingkan dengan lain-lain mukim. Tumpuan pengguna dengan menggunakan rawatan tradisional seperti jenis-jenis penyakit biasa seperti kayap, lemah sendi, masalah jerawat, resdung, sukar tidur, terkena buatan dan barah.



Rajah 4.8: Perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut penyakit di Kechau (soal selidik, Oktober, 2017)


Penyakit-penyakit ini dianggap sukar untuk diselesaikan tanpa menggunakan cara moden. Abdul Kadir (2000) menjelaskan keadaan sedemikian disebabkan masyarakat akan menggunakan kaedah tradisi, sekiranya penyakit tersebut tidak dapat diselesaikan dengan cara rawatan moden. Jelasnya masyarakat baru akan menggunakan ikhtiar rawatan moden sebelum menggunakan rawatan tradisional. Penelitian (rujuk rajah 4.8) yang dijalankan mendapati kaedah herba antara rawatan tradisional yang lebih tinggi digunakan berbanding dengan kaedah lain jampi, fauna dan azimat. Hasil daripada sumber penduduk, kaedah herba menjadi cabang yang sesuai dalam menyelesaikan pelbagai penyakit.

Sumber-sumber herba ini mudah dijumpai disebabkan habitat herba ini hidup liar dan tidak terbatas pada sesuatu kawasan. Begitu juga dengan kebanyakan penyakit-penyakit diselesaikan dengan menggunakan herba. Herba yang bersifat panas sesuai dengan penyakit-penyakit yang berhubung dengan darah. Rawatan resdung yang

digunakan seperti yang dikongsi oleh responden, menurut Muhammad (Wawancara, Julai 28, 2017) menggunakan meriyah panas.

Peratusan yang sama diperhatikan penerimaan responden mendapatkan rawatan tradisional dan moden untuk merawat sakit barah sebanyak 62.5 peratus. Rawatan barah secara tradisional ini dikongsi Zalwani (soal selidik, Oktober 17, 2017) melalui pengalamannya menjalankan rawatan ke atas dirinya;


menceritakan pengalaman ketika sakit barah pada peringkat 4 kanser hati dan darah, tetapi setelah menerima rawatan secara air doa dalam masa sebulan saya boleh berjalan. Dalam masa dua bulan saya sihat 75 peratus alhamdulillah. Zalwani berkongsi petua batuk dan selesema, dengan minum kicap bercampur limau nipis untuk rawatan batuk, manakala mata kunyit bagi selesema.



Rajah 4.9 : Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Tanjung Besar (soal selidik, Oktober, 2017)

Masyarakat di Tanjung Besar menolak azimat sebagai rawatan dalam perubatan, berikutan daripada penelitian dari rajah 4.10. Penduduk lebih memilih rawatan dengan menggunakan sumber herba, jampi dan sumber fauna berbanding azimat sebagai cara yang berkesan terutamanya dalam menyelesaikan masalah. Melihat penggunaan kaedah


fauna, responden diperhatikan memilih madu sebagai bahan untuk merawat penyakit yang dinyatakan mengandung banyak khasiat. Khasiat madu ini diperakui lantaran itu beberapa orang penduduk setempat seperti di Tanjung Besar telah mengusahakan madu kelulut. Pengusahaan madu kelulut berpandangan perlunya melihat kawasan yang sesuai untuk mendapatkan hasil madu yang banyak terutamanya kedudukan laluan utama kelulut yang mempunyai jenis bunga tertentu. Jenis bunga tersebut didapati banyak tumbuh di merata-rata kawasan kampung Jerangsang. Seterusnya menjadi laluan utama kelulut bertapak mendapatkan sumber makanan.



Rajah 4.10: Penggunaan Perubatan Tradisional dan Perubatan Moden di Tanjung Besar (soal selidik, Oktober, 2017)

Merujuk rajah 4.10, pengubatan moden menjadi pilihan responden untuk mengubati penyakit kecuali penyakit tertentu seperti sakit sendi, terkena buatan, gatal-gatal dan kayap memilih kaedah tradisional untuk mengubati penyakit ini. Penyakit ini mempunyai unsur-unsur spiritual yang lebih disebabkan oleh gangguan makhluk halus. Disebabkan itu, responden bertindak untuk memilih kaedah jampi untuk mengubatinnya.

Bilangan peratusan sakit sendi ini sebanyak 91.5 peratus berbanding terkena gangguan 70 peratus menunjukkan masyarakat bergantung sepenuhnya penggunaan kaedah tradisional sebagai rawatan yang mujarab. Kedudukan penerimaan kedua-dua kaedah moden dan tradisional diperhatikan digunakan ketika mengalami penyakit sukar tidur berikutan dari keseimbangan sebanyak 32.5 peratus. Peratusan menggunakan kaedah moden seperti dalam rawatan untuk sakit-sakit ringan seperti demam, sakit mulut, sakit telinga, sakit mata dan selesema. Walaupun diperhatikan sumber herba banyak didapati pada sekitar kampung, namun masyarakat tetap bertindak dengan melakukan jalan yang mudah misalnya dengan mengambil panadol sebagai ubatan yang mujarab.



Rajah 4.11: Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Cheka (soal selidik, Oktober, 2017)


Berdasarkan penelitian responden di Cheka, penggunaan perubatan moden diperhatikan bilangan peratusan paling tinggi menerima rawatan moden berbanding tradisional iaitu 81.8 peratus dan 42.4 peratus.

Menurut pemerhatian masyarakat di Cheka, rata-ratanya mempunyai pengetahuan yang mendalam dengan kaedah dan rawata tradisional. Terutamanya perkongsian dari

kumpulan warga tua. Namun, disebabkan responden di Cheka mengalami pelbagai jenis penyakit memberi kemungkinan pemilihan untuk mengubati penyakit tertumpu pada teknik moden yang dirasakan selamat dan mudah. Begitu juga dengan kemudahan yang disediakan lengkap melenyapkan iktiar secara tradisional ini diabaikan. Namun diperhatikan penduduk lebih mengutamakan khidmat dan sistem tradisional semasa berpantang bersalin. Penekanan keadaan tersebut sepertimana yang jelas membuktikan melalui rajah 4.4, kaedah tradisional ditekankan dalam semua aspek penjagaan. Menurut responden di Cheka mengenai amalannya ketika berpantang Mariam (wawancara, Mac 20, 2017) menjelaskan;


penjagaan yang paling diutamakan ketika selepas bersalin dengan mengamalkan minuman air akar kayu dan mengamalkan berpantang selama 100 hari. Antara perkara yang penting dilakukan ketika itu seperti bertangas dan berdiang. Selain itu juga, kini sering kali mengamalkan minuman madu tualang sebagai ubatan yang dijadikan amalan harian ketika berpantang.

Begitu juga dengan perkhidmatan bidan masih berfungsi secara meluas di kawasan ini. Terutamanya urutan dan dalam mendapatkan sumber akar kayu. Bahkan juga golongan lelaki turut berilmu dan berpengetahuan dalam ilmu perbidanan. Perhubungan ini dapat diklasifikasikan penggunaan kaedah dan rawatan tradisional di Cheka lebih mengutamakan ketika dalam situasi berpantang. Seperti penyesuaian penyakit yang menggunakan cara tradisional ditekankan ketika mengubati masalah sakit sendi dan merawat ketika terkena buatan. Melalui pemerhatian, sakit sendi kebiasaannya akan dirawat dengan minyak atau dengan mengamalkan air akar kayu. Mengalami penyakit terkena buatan, dikenalpasti di Cheka mempunyai peratusan yang paling rendah.



Rajah 4.12: Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut jenis penyakit di Cheka (soal selidik, Oktober, 2017)

Penerimaan rawatan moden diperhatikan melalui rajah 4.12 penyakit demam dengan 77.5 peratus berbanding rawatan tradisional yang 50 peratus. Walau bagaimanapun dalam rawatan sakit sendi dan terkena buatan orang responden tetap menggunakan cara tradisional sebagai rawatan yang utama. Setelah meneliti pandangan daripada penduduk setempat, sebenarnya dalam kalangan penduduk mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam menjaga kesihatan dengan menggunakan perubatan tradisional. Namun dengan situasi yang selesa dengan kemudahan seperti perkhidmatan klinik lebih memudahkan penduduk mendapatkan rawatan segera. Perubatan tradisional ini bersifat remeh dan memerlukan masa yang lama menyebabkan sesetengahnya berpendapat untuk mencari alternatif lain yang lebih mudah.




Rajah 4.13: Penggunaan pengubatan tradisional berbanding dan moden di Budu (soal selidik, Oktober, 2017)

Menurut perawat, penerimaan rawatan tradisional ini memerlukan kesabaran yang tinggi disebabkan semasa rawatan adanya petua dan pantang larang yang tersendiri. Petua dan pantang larang ini, sekiranya tidak diambil berat, akan mendatangkan kesakitan yang berpanjangan. Di samping itu juga, cara penghasilan ubat terutamanya kaedah herba, mementingkan pengetahuan dalam sukatan, kekerapan pengambilan, dan waktu yang sesuai. Begitu juga dengan kedudukan pantang larang.

Melihat dari rajah 4.14 mendapati kaedah herba lebih tinggi dari lain-lain kaedah. Hanya kaedah azimat telah ditinggalkan dan tidak lagi digunakan dalam perubatan di Budu. Begitu juga dengan melihat kaedah jampi sebagai rawatan, responden berpendapat sekiranya menggunakan ayat Al-Quran dibenarkan syarak. Hanya jampi yang menggunakan mantera atau lain-lain dan tidak menggunakan ayat al-Quran adalah haram. Responden berpandangan kaedah yang menggunakan sumber dari herba pada masa ini sesuai dijadikan sebagai *suplemen* atau makanan tambahan. Begitu juga kaedah yang

bersumberkan fauna yang lebih sesuai pada masa ini seperti madu yang berkeupayaan menyembuhkan gastrik.




Rajah 4.14: Penggunaan perubatan tradisional dan perubatan moden mengikut penyakit di Budu (soal selidik, Oktober, 2017)

Manakala bahagian akar seperti akar teja, akar setua, tebu gajah, tongkat ali hitam, dan rempah gunung sebagai khasiat dalam mengembalikan tenaga, kecergasan, melancarkan darah, untuk kolesterol dan semput. Jenis penggunaan herba yang lain diketahui dan turut menjadikan herba sebagai minuman harian. Herba-herba yang menggunakan bahagian akar sukar untuk didapati di kawasan mendatar, tetapi mudah didapati di bahagian kawasan yang bertanah tinggi seperti di lereng bukit atau pada bahagian atas bukit. Dinyatakan akar yang berkhasiat terletak pada kawasan yang paling tinggi terutamanya tongkat ali hitam.

Di Budu terkenal dengan pengusahaan gula kabung yang rata-ratanya mengusahakan gula kabung atau dodol yang berasaskan gula kabung. Gula kabung ini dikatakan berkhasiat dalam mencegah dari terkena kencing manis. Selain itu juga gula

kabung turut berkhasiat dalam memberikan lebih tenaga terutamanya yang mengerjakan kebun atau menoreh getah.

4.4 Pemikiran Penduduk Terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional



Rajah 4.15 : Kaedah perubatan tradisional yang digunakan di Kechau (soal selidik, Oktober, 2017)

Berdasarkan dari rajah 4.8, mendapati peratusan penggunaan herba lebih tinggi berbanding penggunaan lain-lain kaedah. Keadaan tersebut telah meletakkan penggunaan herba masih dominan dan sesuai dengan penduduk setempat. Pelbagai pandangan yang dinyatakan responden dengan penggunaan kaedah herba ini sesuai sebagai bahan dalam yang digunakan bagi wanita selepas bersalin seperti menurut Fatimah (soal selidik, Oktober 12, 2017);

bahan herba, seperti halia, pokok senduduk dan serai wangi mempunyai khasiat yang banyak terutamanya perempuan selepas bersalin

Herba juga mengandungi khasiat-khasiat yang tertentu dalam perubatan. Antara jenis-jenis yang mengandungi khasiat seperti yang dinyatakan oleh tiga orang responden Nazizan (soal selidik, Oktober 21, 2017);

Herba yang sesuai dijadikan sebagai ubatan seperti herba kayu manis, bunga lawang, bunga cengkih, jintan, tongkat ali, pucuk pegaga, pucuk gajus dan pucuk samak, petai dan jering

Bagi pandangan orang-orang Melayu terdahulu sumber seperti kayu manis, bunga lawang, bunga cengkih ini menjadi bahan-bahan utama dalam menghasilkan majun (kitab pelbagai catatan, MSS 2750). Pandangan Jaafar (soal selidik, Oktober 20, 2017) pula menyatakan jenis-jenis yang diketahui mempunyai khasiat seperti;

Jenis herba yang lain mengandungi khasiat dukung anak, sirih cina dan kunyit

Halimi (wawancara, Jun 26, 2017), berkongsi pengalamannya ketika mengubati penyakit darah tinggi dan kencing manis. Informan menyatakan sirih cina menjadi salah satu cara sumber alternatif yang dilakukan ketika ingin mengurangkan sakit darah tinggi dan kencing manisnya. Begitu juga dengan khasiat kunyit yang sesuai untuk dijadikan sebagai makanan tambahan bagi melancarkan darah. Menurut dari fahaman Abdul Salam (soal selidik, Oktober 20, 2017) menyatakan fahamannya tentang jenis herba yang sesuai dijadikan sebagai ubatan seperti;

halia, kunyit bonglai, daun gelenggang, pucuk kapal terbang dan daun senduduk


Daun gelenggang menurut sumber penduduk akan menggunakan ketika merawat kulit yang mempunyai masalah gatal, manakala pucuk kapal terbang bagi menyembuhkan luka-luka ringan dan teruk. Herba-herba ini menurut sumber penduduk, senang untuk didapati sekitar mereka terutamanya daun gelenggang yang tumbuhnya di merata-rata sekitar sungai atau kawasan yang lembap.

Penerimaan kaedah herba ini bukan hanya di mukim Kechau, namun turut menjadi rawatan yang serasi di mukim-mukim yang lain, seperti di Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Peratusan tersebut nilai peratusan di Kechau lebih tinggi berbanding di mukim

yang lain sebanyak 51.6 peratus. Diperhatikan herba-herba mudah tumbuh merata-rata persekitaran halaman dan kawasan yang berdekatan. Berikutan pula kedudukan mukim-mukim ini berhampiran hutan dan sungai. Perbezaan yang ketara penerimaan responden terhadap azimat yang hanya 0.2 peratus di Kechau, manakala di lain-lain mukim 0 peratus. Penilaian azimat dalam bidang perubatan ini dapat diperhatikan melalui pandangan responden Zarmizi (soal selidik, Oktober 17, 2017);

azimat dan tangkal merupakan benda yang khurafat. Haram hukumnya mengamalkan azimat dan tangkal. Begitu juga dengan kaedah perubatan pada masa ini tidak lagi sesuai disebabkan akan menjatuhkan akidah seseorang

Kepercayaan mengenai khasiat herba turut dikongsi Harwa (Soal selidik, Oktober 17, 2017) terutamanya ketika dalam berpantang, jenis herba yang berkhasiat dan sesuai seperti kunyit bolai dan serai wangi.




Rajah 4.16 : Kaedah perubatan tradisional di mukim Tanjung Besar (soal selidik, Oktober, 2017)

Pandangan azimat sebagai bidang perubatan diterima negatif kebanyakan penduduk. Pemikiran yang negatif ini menyebabkan azimat tidak lagi menjadi perubatan yang penting malah telah ditolak sebagai kaedah dan rawatan tradisional. Bagaimanapun

ada sebilangan kecil penduduk yang tidak menggunakan azimat tetapi berpendapat azimat masih relevan terutamanya digunakan untuk bayi yang baru lahir. Menurut Fauziah (wawancara, Oktober 13, 2017) berpendapat azimat sebagai kaedah menghindari bayi dari terkena gangguan halus, agar mendapat tidur yang lena. Perkongsian cara yang sesuai rawatan azimat dengan melakukan kain dipunjut bersama lada hitam kemudian diletak bawah bantal bayi. Cara kedua dengan membalut parang atau pisau kemudian juga diletak bawah bantal bayi. Kaedah ini bertujuan menguatkan semangat yang begitu bayi tersebut. Informan juga pernah melakukan proses rawatan tersebut ketika dalam pantang lima belas tahun yang lepas. Namun kaedah ini tidak lagi diturunkan untuk warisan golongan muda.

Di Tanjung Besar, masyarakat lebih memilih kaedah dan rawatan sumber herba dan jampi berbanding sumber fauna untuk mengubati penyakit. Azimat sebagai kaedah dan rawatan tidak lagi digunakan sebagai bidang perubatan. Melihat dari perkembangan kedudukan kesihatan masyarakat di Tanjung Besar ini ramai yang menghadapi dengan masalah sakit darah tinggi dan kencing manis. Salah satu iktiar yang dilakukan dengan cara menyelesaikan masalah secara rawatan tradisi ini.


Seperti di Cheka, penggunaan jampi mengalami kedudukan peratusan yang paling rendah dengan 6.6 peratus berbanding lain-lain mukim. Mengikut pemerhatian masyarakat di Cheka rawatan jampi hanya digunakan ketika dalam proses merawat barah dan ketika mengurut. Menurut pandangan Timah (soal selidik, Oktober 12, 2017), kaedah jampi sesuai dijadikan rawatan awal sebelum ke hospital.



Rajah 4.17: Penggunaan kaedah perubatan tradisional di Cheka (soal selidik, Oktober, 2017)

Begitu juga dengan peratusan yang mengalami gangguan masalah terkena buatan orang melihatkan peratusan yang kecil sebanyak 30 peratus berbanding di Kechau dan Tanjung Besar yang bilangan peratusannya tinggi. Perbezaan penggunaan herba lebih dominan dan menjadi rawatan yang mujarab. Rata-ratanya penggunaan herba ini diketahui khasiatnya dan masyarakat mudah menggunakan ketika mengalami sakit-sakit terutamanya yang ringan seperti luka dan gatal-gatal. Kegunaan sumber fauna di Cheka diperhatikan kecil bilangan peratusannya iaitu sebanyak 6.2 peratus.

Di Budu penerimaan penggunaan rawatan tradisional ini berada pada kedudukan sederhana dengan 32 peratus pengguna herba, 10.4 peratus penggunaan jampi dan 5.9 peratus sumber fauna. Seperti di Budu, pencapaian dalam penjagaan kesihatan diperhatikan berada pada kedudukan yang baik. Penggunaan rawatan tradisional tertumpu pada luka ringan dan sakit-sakit sendi yang memerlukan jampi atau dengan menggunakan sumber herba. Masyarakat selesa dengan mengamalkan minuman air rebusan rempah gunung. Begitu juga dengan jenis akar kayu yang lain sepertimana yang dinyatakan oleh responden Ya Hod (soal selidik, Oktober 17, 2017):




Rajah 4.18: Kedudukan perubatan tradisional di Budu (soal selidik, Oktober, 2017)

bahagian akar seperti akar teja, akar setua, tebu gajah, tongkat ali hitam, dan rempah gunung sebagai khasiat dalam mengembalikan tenaga, kecergasan, melancarkan darah, untuk kolesterol dan sempit. Jenis penggunaan herba yang lain diketahui dan turut menjadikan herba sebagai minuman harian. Herba-herba yang menggunakan bahagian akar sukar untuk didapati di kawasan mendatar, tetapi mudah didapati di bahagian kawasan yang bertanah tinggi seperti di lereng bukit atau pada bahagian atas bukit. Dinyatakan akar yang berkhasiat terletak pada kawasan yang paling tinggi terutamanya tongkat ali hitam.

Menurut sumber, akar kayu ini menjadi vitamin bagi golongan lelaki dan wanita untuk tujuan mencegah dari berhadapan dengan sakit sendi atau urat. Walau bagaimanapun akar kayu ini sukar untuk didapati terutamanya yang mempunyai khasiat yang tinggi.

Sumber herba menjadi kaedah dan rawatan yang dominan bagi keempat-empat buah mukim ini. Penerimaan herba dianggap sesuai digunakan di semua peringkat umur antara 20 hingga 80 tahun. Peringkat umur yang paling tinggi peratusannya diperhatikan antara 60 hingga 69 tahun dan 40 hingga 49 tahun. Begitu juga dengan penggunaan jampi yang diperhatikan masih penting dalam kalangan masyarakat setempat. Peringkat umur


yang tertinggi memilih kaedah ini antara 40 hingga 49 tahun. Walau bagaimanapun peratusan penggunaan jampi agak rendah peratusannya di Cheka.



Rajah 4.19: Peratusan kesesuaian kegunaan kaedah dan rawatan tradisional pada masa ini mengikut jantina (kajian lapangan, Oktober, 2017)

Merujuk rajah 4.19, kumpulan perempuan diperhatikan lebih memilih azimat sebagai kaedah dan rawatan berbanding menggunakan sumber fauna. Bagi kumpulan lelaki lebih memilih penggunaan sumber fauna berbanding menggunakan azimat. Bilangan peratusan kumpulan lelaki ini terdiri daripada lingkungan umur 50 hingga 59 tahun. Manakala kumpulan wanita yang menerima azimat terdiri daripada lingkungan umur antara 40 hingga 49 tahun. Peringkat kumpulan ini dianggap memahami konsep dan jenis rawatan azimat yang dinyatakan sesuai digunakan ketika dalam tempoh berpantang dan sesuai untuk bayi bagi elak gangguan (Fauziah, wawancara, Oktober 13, 2017). Bagi kumpulan lelaki memilih penggunaan fauna disebabkan pemahaman tentang penggunaannya dan berpengalaman. Menurut Hafiz (soal selidik, Oktober 12, 2017) berkongsi pengalaman semasa menggunakan kaedah ini;

Salah satu kaedah yang diketahui dengan menggunakan bahan fauna, iaitu kulit kijang sebagai ubat buasir dan ghaut




Rajah 4.20: Peratusan mengikut peringkat umur (kajian lapangan, Oktober 2017)

Selain itu, Siti fatimah (soal selidik, Oktober 12, 2017) juga berkongsi pengalaman ketika mengubati dirinya;

Khasiat kambing gurun dan gamat sebagai bahan dalam ubatan


Responden dalam kumpulan umur antara 20 hingga 29 tahun dan 80 ke atas diperhatikan mempunyai peratusan yang sangat rendah menerima kaedah dan rawatan tradisional ini. Antara faktor-faktor yang diperhatikan, peringkat umur ini lebih berminat memilih pengubatan moden berbanding tradisional. Seperti yang diperhatikan dalam kumpulan umur 80 tahun ke atas memilih pengubatan tradisional ketika demam. Bagi kumpulan antara 20 hingga 29 menggunakan perawatan tradisional ketika mengubati sakit-sakit biasa.



Rajah 4.21: Peratusan mengubati penyakit dengan cara tradisional mengikut peringkat umur (kajian lapangan, Oktober 2017)


Pengubatan kaedah tradisional ini lebih memfokuskan ketika mengalami sakit sendi yang majoritinya digunakan oleh kumpulan umur 60 hingga 69 tahun. Responden kumpulan ini dilihat menggunakan kaedah tradisional bagi semua jenis penyakit kecuali penyakit jantung. Penyakit jantung dalam kalangan kumpulan ini memiliki peratusan yang tinggi. Namun kaedah rawatan yang pemilihan kumpulan ini dengan kaedah moden yang sesuai penyakit dengan kaedah tradisional kecuali sakit jantung. Keadaan yang sama diperhatikan dalam kumpulan 50 hingga 59 tahun turut menggunakan kaedah tradisional untuk semua jenis penyakit kecuali sakit mulut. Kumpulan umur ini diperhatikan antara peratusan yang tertinggi mengalami sakit darah tinggi. Lingkungan peringkat umur ini diperhatikan masih rancak menyara keluarga. Sebilangan dari responden mempunyai bilangan ahli keluarga yang ramai dan rata-ratanya bekerja sebagai petani. Merujuk rajah 4.2 dengan rajah 4.21 jelas menunjukkan perspektif kumpulan ini lebih yakin menggunakan rawatan tradisional berbanding menggunakan rawatan moden.

4.5 Pengamatan Penduduk Terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional



Rajah 4.22: Peratusan kepentingan herba pada masa ini (kajian lapangan, Oktober 2017)


Pengamatan responden terhadap penggunaan kaedah tradisional ini memperlihatkan dipersetujui dan secara keseluruhan peratusan menyatakan sesuai tinggi berbanding tidak sesuai. Mengikut responden dari kumpulan mukim mendapati di Tanjung Besar lebih tinggi dari lain-lain mukim dengan 75 peratus diikuti budu 67.5 peratus, Cheka 57.5 peratus dan paling rendah di Kechau 45 peratus. Keadaan ini menjelaskan penggunaan cara tradisional ini masih menjadi keperluan. Walau bagaimanapun ada dalam kalangan masyarakat yang tidak faham dengan kepentingan cara tradisional. Seperti mana yang diperhatikan dalam kalangan masyarakat di Kechau. Salah satu pemerhatian dalam kalangan masyarakat di Kechau terdiri daripada golongan muda yang ramai. Golongan muda ini mungkin kurang berpengetahuan tentang khasiat dan penggunaan cara tradisional ini. Pemikiran ini telah merakamkan pandangan terhadap kaedah dan rawatan tradisional ini digunakan ketika perlu. Berbeza bagi pandangan masyarakat di Cheka pula tidak bersetuju dengan ideologi menggunakan kaedah tradisional ini ketika perlu.



Rajah 4.23: Peratusan kepentingan jampi pada masa ini (kajian lapangan, Oktober 2017)

Bagi penerimaan jampi sebagai rawatan mujarab diperhatikan responden tidak bersetuju terutamanya diperhatikan dalam kalangan penduduk di Kechau dengan peratusannya 67.5 peratus. Namun penerimaan terhadap rawatan jampi hanya dipersetujui dalam kumpulan responden yang sangat kecil peratusannya. Penggunaan kaedah ini menunjukkan peratusan tertinggi di Cheka yang menyatakan penyesuaiannya pada masa ini. Bagaimana pun peratusan kecil diperhatikan dalam kumpulan responden yang menyatakan jampi sebagai syirik di Tanjung Besar dengan peratusannya 2.5 peratus.


Rujuk rajah 4.24, membuktikan azimat tidak lagi digunakan sebagai rawatan pada masa ini. Peratusan yang menggunakannya menunjukkan peratusan yang kecil sebanyak 3.8 peratus kumpulan lelaki dan 5 peratus golongan perempuan. Begitu juga dengan pandangan masyarakat terhadap azimat ini dengan menyatakan sebagai syirik dan salah di sisi agama diperhatikan tidak menunjukkan peratusan yang rendah sebanyak 1.3 peratus kumpulan lelaki manakala kumpulan perempuan 2.5 peratus. Penerimaan jampi diperhatikan lebih tinggi berbanding menggunakan azimat, walaupun ada pandangan serong menyatakannya sebagai syirik.



Rajah 4.24: Peratusan kepentingan azimat dalam rawatan (kajian lapangan, Oktober 2017)

Pemerhatian rajah 4.25 jelas memperlihatkan perbandingan peringkat umur yang menggunakan rawatan tradisional. Penerimaan azimat diperhatikan masih menjadi kepercayaan bagi peringkat umur 40 hingga 49 walaupun hanya peratusan yang kecil. Berbeza dengan penerimaan jampi, herba dan fauna lebih tinggi dalam kumpulan umur di semua peringkat. Peratusan yang tertinggi menggunakan dan mempersetujui jampi diperhatikan tertinggi peratusannya 36.4 peratus dalam kalangan kumpulan usia 40 hingga 49 tahun. Responden menggunakan herba diperhatikan digunakan oleh peringkat usia 60 hingga 69 tahun dengan peratusannya 40.4 peratus, diikuti dengan kumpulan umur 40 hingga 49 tahun sebanyak 37.4 peratus.

Merujuk rajah 4.25, peringkat umur 40 hingga 49 tahun antara yang ramai menerima kaedah dan rawatan tradisional. Peringkat umur ini menerima azimat, jampi, herba dan fauna berbanding kumpulan umur yang lain seperti 50 hingga 59 lebih menerima fauna manakala 60 hingga 69 menumpukan pada herba.




Rajah 4.25: Peratusan penggunaan kaedah dan rawatan mengikut peringkat umur (kajian lapangan, Oktober 2017)

Lain-lain kumpulan umur diperhatikan kurang menekankan amalan tradisional ini terutamanya umur 20 hingga 29 tahun. Faktor penerimaan kaedah dan rawatan ini bergantung ini diperlihatkan bukan mempengaruhi penerimaan penyakit yang dihadapi. Misalnya kumpulan usia 40 hingga 49 tahun kurang menghadapi penyakit jika dibandingkan dengan kumpulan umur 50 hingga 69 tahun. Potensi amalan tradisional ini lebih bersifat mencegah berbanding merawat.

Berikutan bagi kumpulan 60 hingga 69 tahun yang lebih menerima herba sebagai rawatan yang mujarab. Herba dianggap sesuai sebagai rawatan penyakit kencing manis dan darah tinggi seperti mana yang diketahui peringkat umur ini paling ramai mengidap kedua-dua penyakit tersebut. Melihat dari kedudukan peringkat umur 80 tahun keatas menerima kaedah dan rawatan tradisional secara perlahan. Berikutan dengan kesan kemudahan hospital dan klinik desa yang disediakan. Aspek lain kumpulan ini diperhatikan mempunyai peratusan yang rendah menghadapi penyakit. Demikian, pengambilan kaedah atau rawatan bergantung pada kedudukan dan masalah kesihatan seseorang.

4.6 Pengalaman Penduduk Terhadap Kaedah dalam Rawatan Tradisional




Rajah 4.26: Peratusan kepentingan jampi pada masa ini (kajian lapangan, Oktober 2017)

Merujuk 4.26 jelas membuktikan ramai dalam kalangan responden yang tidak menggunakan jampi lebih tinggi peratusannya berbanding yang menggunakan rawatan ini. Terutamanya di Kechau, Tanjung Besar dan Cheka. Peratusan yang terkecil diperhatikan responden Kechau yang menyatakan jampi sebagai sebahagian dari petua. Menurut Hashim Awang (2005) menjelaskan petua menjadi simbol dan rangka pedoman bagi menjamin kesejahteraan hidup dalam kalangan anggota masyarakat, terutamanya dalam penjagaan keselamatan diri, keluarga dan masyarakat sekeliling. Keadaan ini menyatakan jampi sesuai untuk diamalkan. Perihal ini Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) telah menyatakan jampi juga sesuai digunakan ketika merawat diri sendiri tanpa berjumpa perawat. Namun menurut informan, perlunya ada tatatertib dan petua-petua tertentu untuk memujaradkan rawatan tersebut.

Menilai dari peratusan penerimaan jampi ini lebih tertumpu di Budu dengan peratusan tertinggi 60 peratus. Penerimaan masyarakat Budu terhadap kaedah dan

rawatan jampi telah meletakkan jenis pengubatan jampi lebih mujarab berbanding penggunaan jenis kaedah yang lain. Sebab lain melibatkan kesesuaian jenis penyakit yang dihadapi oleh penduduk yang lebih bersifat spritual. Jenis rawatan jampi lebih menumpukan penyakit yang sukar untuk mendapat rawatan moden dan perlu diselesaikan dengan kaedah tradisional.




Rajah 4.27: Peratusan kepentingan azimat pada masa ini (kajian lapangan, Oktober 2017)

Masyarakat setempat kurang berpengetahuan mengenai azimat, dan berpendapat azimat tidak dianggap sebagai kaedah dan rawatan yang sesuai. Tanggapan ini bersesuaian dengan peratusan yang paling kecil bilangan penerimaan kaedah ini. Salah satu yang menyebabkan pandangan yang negatif terhadap kaedah ini disebabkan kurangnya pengetahuan dan kurang kepercayaan mereka terhadap kaedah dan rawatan jenis ini. Walau bagaimanapun sebilangan yang kecil dalam kalangan penduduk di Kechau masih ada menggunakan azimat sebagai jalan menyelesaikan pengubatan diri terutamanya yang melibatkan sihir.

Menurut informan, tujuan azimat ini bukan mempercayai selain daripada kuasa Allah tetapi bertujuan untuk menyembuhkan penyakit. Azizan (soal selidik, Oktober 17, 2017) menyatakan pandangannya;

pembawa tuah pada seseorang, untuk mengubati penyakit contoh menggunakan tali warna hitam, zaman moden dikatakan hanya digunakan untuk melariskan perniagaan, begitu juga dengan ayat-ayat al-Quran yang tergantung digunakan sebagai mudah untuk dibaca dan dihafal, dikatakan sekiranya amalan azimat masih digunakan boleh dikategorikan sebagai syirik kerana nanti tidak percaya terhadap kuasa Ilahi.



Rajah 4.28: Peratusan kepentingan azimat pada masa ini (kajian lapangan, Oktober 2017)

Sesetengah yang menerima azimat sebagai kaedah dan rawatan yang sesuai berpendapat sesuai untuk dipakai pada bayi, menurut Norain (wawancara, Ogos 10, 2017);


Berpandangan selagi tidak langgar dengan hukum agama boleh digunakan. Berpendapat masyarakat yang mempercayai tangkal tersebut boleh membuahkan hasil sehinggakan menolak kuasa yang Maha Esa tidak elok, Tanggal diandaikan punca sesuatu kebaikan.

Manakala sesetengah berpandangan azimat turut sesuai dijadikan rawatan dalam menyembuhkan penyakit dengan cara niat yang benar seperti saranan dan pandangan Azrin (soal selidik, Oktober 17, 2017);

Salah satu ikhtiar yang bukan sunnah, (istilah azimat dari konsep lain), Ikhtiar yang dianjurkan ialah bacaan yang ditiup dalam air kosong, habatusauda, kayu sugi, limau manis yang dapat asbab jin takut dalam rumah) kalau pakai tali hitam ikat kat pinggang tangan dan sebagainya. Pakai gelang tangan magnet alasan untuk perubatan pun dianggap haram daripada segi hukum Islam. Yang paling penting perhati, yakin dalam hati kita selepas pakai dan sebelum pakai. yang penting hati, yakin pada benda syirik kalau tak pakai azimat tapi yakin pada duit, usaha pun syirik juga.

Menurut perspektif Islam, Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) menjelaskan pengubatan cara azimat dilarang dan tidak sesuai digunakan dan dipakai walaupun mengandungi ayat-ayat Al-Quran. Relevan penggunaan azimat ketika dahulu, terdiri daripada masyarakat yang buta huruf dan tidak pandai membaca. Disebabkan demikian azimat pada waktu itu ayat Al-Quran yang dilakarkan dianggap memberi perlindungan terhadap mereka dan mempercayai dapat menyembuhkan penyakit yang dialami oleh mereka. Begitu juga dengan penggunaan azimat orang-orang dahulu selain menjadikan sebagai perubatan, azimat juga dijadikan sebagai alat menjaga diri dari segala bentuk keburukan dan bahaya. Mereka akan menggunakan kain hitam yang dijampi pada dua tujuan tersebut. Namun berbeza sekiranya azimat ini;

Jikalau azimat dipakai hanya untuk ilmu kebal dan seumpamanya yang mana mensyirikkan Allah dilarang padanya kecuali dengan tujuan perubatan. Pengamal perubatan sendiri sama ada perawat Islam atau perawat tradisional juga menggunakan kain hitam sebagai peralatan perubatan dalam rawatan mereka kerana dikatakan kain hitam itu sendiri berkesan dan mempunyai ciri-ciri khas berdasarkan amalan petua mereka. Contoh penggunaan bahan dalam azimat seperti kain hitam, gelang, cincin dan sebagainya dibenarkan untuk dijadikan azimat sekiranya bertujuan perubatan dengan niat sebagai ikhtiar




Rajah 4.29: Peratusan penggunaan herba semasa merawat (kajian lapangan, Oktober 2017)

Berbanding dengan peratusan azimat, jampi dan fauna, kaedah herba diperhatikan menerima peratusan yang tinggi daripada responden. Kedudukan penggunaan kaedah ini diperhatikan dipersetujui kedua-dua kumpulan lelaki dan perempuan dengan bilangan peratusan yang tinggi 65 peratus dan 66.2 peratus. Pencapaian peratusan bagi lain-lain pandangan terhadap penggunaan herba kecil peratusannya. Antara pendapat responden terhadap penggunaan rawatan herba sebagai sesuai digunakan dan sesuai mengikut keadaan. Keadaan yang berbeza pandangan responden terhadap penggunaan fauna yang diperhatikan lebih ramai yang tidak menggunakan rawatan ini dari menggunakan. Sepertimana rajah 4.30 peratusan responden yang tidak menggunakan lebih tinggi dalam kumpulan perempuan sebanyak 71.3 peratus diikuti lelaki 57.5 peratus. Sebahagian kecil menerima kaedah fauna sebagai petua oleh kumpulan lelaki dengan peratusan 1.2 peratus. Seseengah responden berpendapat, kaedah herba tidak lagi sesuai pada masa ini;

saya tidak pernah menggunakan secara formal tapi menggunakan yang siap diproses iaitu minuman yang siap di pek yang jual di kedai-kedai makan atau restoran seperti minuman gamat emas, tongkat ali, kopi jantan dan lain-lain lagi' dan 'klinik dan hospital lebih baik dan mudah'.

Bahkan juga menganggap kaedah herba umpamanya ‘tidak perlu meramalkan secara khusus kerana takut mendatangkan impak penyakit sekiranya menggunakan dengan cara yang tidak betul. Contohnya daun ketum jika tidak digunakan cara yang betul boleh mendatangkan banyak perkara yang merosakkan penggunaanya. Amalan petua yang bersesuaian pada masa ini seperti dalam mengutamakan pemakanan cara mengambil ulam, tetapi mengelakkan dari makan sayuran yang beracun dengan cara tidak meracun semasa mula menanam. Selain itu, berpengetahuan mengenai urutan dalam berpantang seperti urutan semasa bayi dalam kandungan, urutan ibu sudah bersalin, urutan ibu belum bersalin (Kamaruzaman, soal selidik, Oktober 12, 2017).



Rajah 4.30: Peratusan penggunaan fauna dalam rawatan (kajian lapangan, Oktober 2017)

Mohd Tarmizi (soal selidik, Oktober 12, 2017) berpandangan perubatan herba ini diamalkan pada zaman dahulu tapi masih lagi digunakan pada masa sekarang suplemen. Responden juga menggunakan herba dan madu lebah sebagai makanan tambahan. Rahsia penawar gastrik yang terbaik ialah madu lebah. Madu juga bermanfaat untuk kesihatan tubuh badan. Hafiz Isa (soal selidik, Oktober 20, 2017) menyatakan mengenai khasiat teh herba sebagai salah satu cara mengurangkan rasa panas dalaman. Begitu juga dengan

petua, beberapa yang disarankan seperti membaca ayat doa sebelum tidur, cara tidur dengan betul menghadap ke arah kanan dikatakan sunnah nabi. Responden juga berpendapat petua ini bertujuan memberi faedah

4.7 Kesimpulan

Peratusan responden melalui penggunaan kaedah dan rawatan tradisional ini sebenarnya masih dominan dalam kalangan masyarakat di empat-empat buah mukim ini. Walau bagaimanapun hanya azimat tidak lagi menjadi rawatan yang sesuai pada masa ini. Tanggapan yang pelbagai terhadap penggunaan azimat ini membuktikan ramai dalam kalangan masyarakat yang kurang berpengetahuan, tidak faham prinsip dan rawatannya serta melihat azimat dengan kepercayaan spiritual. Selain itu, melihat perkembangan kajian di kawasan ini jelas memperhatikan kepercayaan, pengetahuan dan pengalaman lebih menumpukan dalam kumpulan umur antara 40 hingga 69 tahun. Kepercayaan pengguna tradisional ini hampir berkurangan apabila mencapai peringkat umur 70 tahun dan ke atas. Dikenal pasti peringkat umur ini dianggap semakin senang menggunakan rawatan moden akibat kemudahan yang telah disediakan. Malahan peringkat usia ini semakin rendah keupayaannya dan semangat serta usaha untuk mendapatkan sumber asli terhad. Bagi kumpulan usia 40 hingga 69 tahun, sedang berupaya menyembuhkan penyakit yang dihadapinya. peringkat umur ini diperhatikan peratusan yang tinggi menghadapi penyakit. Dari perspektif mukim, diperhatikan masyarakat di Cheka lebih terbuka dan berfikiran moden jika dibandingkan dengan masyarakat di lain-lain mukim. Keadaan ini dapat diperhatikan melalui peratusan ketika menghadapi penyakit akibat buatan orang. Kepercayaan masyarakat terhadap spiritual tradisi semakin rendah. Begitu juga dengan penerimaan kaedah dan rawatan tradisional peratusannya lebih tinggi menggunakan herba berbanding penggunaan lain-lain kaedah.

BAB 5: ADAPTASI PERLAKUAN DALAM PENJAGAAN KESIHATAN MASYARAKAT LUAR BANDAR DALAM SISTEM TRADISIONAL

5.1 Pendahuluan

Melalui huraian analisis daripada Bab 4, telah memperlihatkan penerimaan masyarakat dalam budaya penjagaan kesihatan melalui sistem tradisional. Masyarakat hari ini masih menerima sistem budaya tradisional dalam pengubatan dan pencegahan, walaupun dilihat terdapatnya perubahan terutamanya aspek rawatan. Berdasarkan perihal tersebut, bab ini menilai perubahan pada rawatan tradisional yang terkesan dari perlakuan masyarakat kesan pengaruh teknologi, organisasi dan ideologi.

5.2 Perlakuan Masyarakat Terhadap Sistem Azimat

5.2.1 Sumber dan Bahan

Kesan teknologi telah mempengaruhi kedudukan azimat sebagai salah satu metodologi pengubatan tradisi. Hashim (1990) menegaskan lagi, pengaruh teknologi akan terkesan terutamanya penggunaan alatan dan bahan yang pernah memenuhi keperluan semasa masyarakat ketika itu. Akibat perubahan tersebut secara langsung telah mengubah ideologi masyarakat kaedah yang bersistem. Bagi Gerhard dan Jean Lenski (1982) kemajuan ini juga akan mempengaruhi perubahan sosial masyarakat. Perubahan sosial ini telah terkesan dalam masyarakat luar bandar yang dianggap masih mengekalkan budaya amalan tradisional terutamanya dalam penjagaan kesihatan. Mereka telah menilai penggunaan perubatan dengan mengadaptasi pemikiran tradisi kepada pemikiran moden. Terutamanya yang menyentuh mengenai kaedah dan rawatan tradisional dinilai dengan penilaian secara saintifik dan logik.

Sistem azimat yang ketika itu tiada had dengan penggunaan sumber alatan telah terjejas dengan adanya alatan baru. Misalnya dahulunya menggunakan sumber dari mangkuk, cawan, pinggan, kertas, pen, tali dan kain telah ditukarkan dengan alatan baru seperti gelang dan rantai infrared, radio dan penghasilan khat. Perubahan ini diperhatikan melalui penerimaan kumpulan masyarakat di kampung yang memakai rantai, gelang dan cincin *infrared* untuk tujuan melancarkan perjalanan darah. Fungsi rawatannya sama seperti khasiat menggunakan gelang yang diperbuat dari benang atau kain yang bertujuan untuk berubat. Situasi ini berlaku melalui penerimaan Norain (wawancara, Ogos 10, 2017);

melalui penjual yang inginkan barangan jualan laris telah mengambil kesempatan dengan mempromosikan rantai *infrared* dengan unsur-unsur kesihatan. pernah membeli rantai *infrared* dengan penjual, disebabkan terpengaruh dengan promosi dan nilai yang terkandung pada rantai tersebut. Walaupun nilai rantai tersebut agak mahal, namun saya tetap membeli kerana memikirkan kesihatan baik untuk kesihatan badan

Biarpun pada awalnya penerimaan rawatan tersebut ditolak dan tidak diterima, namun sekiranya berlaku desakan menyebabkan masyarakat terpaksa menerima walaupun dalam keadaan yang tidak sedar. Penerimaan ini secara langsung juga turut mengugat sistem organisasi masyarakat kampung yang juga telah diyakini oleh penjual itu. Hasilnya ramai yang berkorban untuk mendapatkan alatan ini disebabkan mudah untuk dipakai dan memberi rawatan pada tubuh.

Bagi penggunaan simbol-simbol dari petikan al-Quran yang dilakar pada alatan telah berubah kepada lakaran khat yang dijadikan sebagai perhiasan di dinding atau bahagian-bahagian tertentu dalam masjid. Pendedahan agama ketika itu tidak rancak akibat dari batasan masyarakat yang buta huruf dan sukar untuk menghafal surah. Jalan penyelesaiannya menjadikan lakaran ayat yang dilakukan oleh perawat menjadi ikhtiar

merawat penyakit. Begitu juga dengan yang dahulunya melakar ayat tetapi kini mengubah sistem tersebut kaedah mendengar. Sepertimana yang diperhatikan dalam kumpulan masyarakat;

Norain menjaga anaknya yang sedang berpantang. Dalam situasi tersebut anaknya telah menggunakan radio untuk dia dan bayi mendengar surah-surah petikan Al-Quran.

Perubahan penggunaan bahan diperhatikan masyarakat rata-ratanya telah mengubah secara tradisional yang dahulunya menjadikan burung belatuk sebagai salah satu ikhtiar melindungi dari bahaya dan penyakit kini wafak (tulisan-tulisan ayat Al-Quran) yang memenuhi ruang dinding rumah. Wafak-wafak ini biasanya dihiasi dengan nama-nama Allah, Muhammad dan ayat-ayat Al-Quran. Tujuan untuk mengagungkan kebesaran Ilahi. Begitu juga dengan ayat-ayat Al-Quran yang dihiasi dapat memperingati kepada seseorang yang melihat untuk memperingati dan membaca. Keadaan ini dianggap sebagai terapi minda dan jiwa.

5.2.2 Kaedah dan Rawatan

Daripada aspek rawatan, penggunaan azimat ini sebenarnya tidak lagi terbatas daripada unsur waktu, masa, atau ruang untuk menggunakannya. Penggunaan peralatan ini bergantung terhadap situasi seseorang untuk memakainya, seperti mana yang dinyatakan Fauziah (wawancara, Oktober 13, 2017);

penerimaan rawatan azimat masih digunakan ketika informan melahirkan empat-empat orang anak. Menurut informan ketika itu azimat menjadi rawatannya ketika berpantang dan untuk diberikan kepada anaknya yang baru lahir. Menurut informan, azimat menjadi amalan tradisi yang sering kali digunakan ketika orang jiran-jiran atau anaknya sedang berpantang. Azimat ini dijadikan alat untuk mengubati bayi dan juga bagi ibu. Kepercayaan terhadap kepentingan seperti parang yang diletakkan di bawah bantal bayi dipercayai dapat menghindari daripada

gangguan makhluk halus. Begitu juga dengan punjut yang berisi lada hitam akan dilakukan agar bayi tidur dengan lena dan tidak mudah kembung perut.

Amalan azimat ini juga merupakan satu ikhtiar perubatan dan juga mempunyai tujuan pada pemakaiannya. Perkara ini dijelaskan Fauziah (wawancara, Oktober 13, 2017);

Azimat ini dipercayai sesuai dijadikan sebagai ubatan terutamanya bagi golongan perempuan yang baru lepas bersalin. Begitu juga dengan bayi. Tujuan amalan azimat ini agar bayi tidak menangis dan sentiasa bersemangat. Bagi kaum ibu, tujuan azimat sebagai rawatan dalaman

Walau bagaimanapun amalan ini telah lama ditinggalkan. Dalam keadaan kini, amalan ini tidak lagi diajar untuk menjadi panduan anaknya yang sedang dalam berpantang. Ketika itu dianggap berada dalam keadaan terdesak disebabkan kepercayaan yang kuat terhadap gangguan makhluk halus. Tanggapan terhadap azimat hanya sesuai digunakan pada masa ini sekiranya tidak lari dari pegangan dan tujuan. Sekiranya pengetahuan tentang amalan azimat tidak difahami kaedah dan rawatannya akan memberi tanggapan yang negatif.

Peranan ketua kampung dan masyarakat sekitar sama-sama bekerjasama kampung dan penduduk setempat ketika dahulu terkenal dengan sistem rawatan tradisional beralih dengan rawatan moden setelah adanya galakan daripada ketua kampung, badan sukarelawan dan pihak kementerian kesihatan yang bekerjasama dalam usaha mempertingkatkan kesihatan penduduk. Begitu juga dengan kemudahan yang lengkap disediakan seperti klinik dan klinik bergerak 1 Malaysia bagi kawasan luar bandar ini, lebih memudahkan dan telah memberi keselesaan masyarakat untuk mendapatkan sumber ubat-ubatan. Keselesaan ini sekali sekala telah mengabaikan cara rawatan tradisional dan mengurangkan sedikit keyakinan masyarakat terhadap perubatan tradisional. Berbeza bagi segelintir masyarakat yang mempunyai pendidikan, ekonomi dan status seseorang telah mengubah persepsi masyarakat untuk menilai dan menerima.

Pendidikan yang bersifat formal telah membatasi masyarakat untuk menerima sesuatu perubahan yang lebih bersifat spiritual atau lari dari landasan yang ditetapkan oleh agama.

5.2.3 Jenis Penyakit

Jenis penyakit seperti masalah pembuangan, batuk, sakit mata, mengelak dari sakit, menguatkan zakar, lemah syahwat dan wanita yang mandul yang ketika dahulu diselesaikan dengan diubati kaedah azimat, diubah dengan sistem rawatan yang lain seperti menggunakan rawatan moden atau dengan kaedah rawatan tradisional berasaskan urutan, jampi dan menggunakan kaedah sumber herba. Misalnya mengelak darah dari keluar sebagai telah diubah dengan menggunakan *handy plus*. Penggunaan azimat tradisional kurang difahami masyarakat disebabkan batasan-batasan ideologi masyarakat terhadap azimat. Penggunaan sumber arang kayu sebagai bahan ubatan tradisional tidak lagi diketahui, akibat dari kesan teknologi yang telah mengubah kepada corak baru.

Masyarakat tradisi mendidik anak-anak dengan berperanan ketika penjagaan diri dan perlindungan selepas bersalin terutamanya bagi ibu dan bayi. Bagi ibu selepas bersalin akan dikenakan dengan pantang-pantang tertentu terutamanya dalam penjagaan ketika minuman. Situasi menengah minum dengan kuantiti yang banyak ini telah memberi kesan terhadap proses pembuangan air besar. Cara penyelesaian tersebut masyarakat ketika itu menjadikan azimat sebagai salah satu rawatan yang mujarab. Cawan yang telah dicatatkan dengan ayat-ayat tertentu itu, diberikan kepada ibu yang mengandung untuk dibuat minum. Dalam situasi yang lain buat bayi sebagai perlindungan seperti yang dinyatakan Fauziah (wawancara, Oktober 13, 2017);

meletakkan lada hitam yang dipunjut dan kemudian diletakkan bawah bantal

Selain untuk tujuan kesihatan, masyarakat menjadikan azimat sebagai perlindungan daripada gangguan hantu, jin atau syaitan dengan cara;

meletakkan parang, pisau dan kacicip yang dibungkus. Bagi mengembalikan semangat budak agar tidak sentiasa menangis dengan cara pakaikan gelang hitam pada bayi tersebut atau dengan cara meletakkan parang di bawah bantal bayi

Bezanya dalam situasi ini, dengan pendedahan ilmu agama yang mendalam dan meresapi dalam diri masyarakat pada masa ini, menyebabkan amalan azimat makin ditinggalkan dan diubah dengan situasi yang lebih meyakinkan masyarakat untuk dijadikan sebagai amalan terutamanya sebagai alat perlindungan. Masyarakat lebih selesa dengan memasang bacaan ayat al-Quran atau surah untuk didengari ibu dan bayi atau al-Quran tersebut akan diletakkan berdekatan dengan bayi. Perkara sedemikian tidak dinyatakan sebagai kepercayaan tetapi sebagai satu ikhtiar. Begitu juga dengan bayi mudah lena dan sukar untuk terjaga. Dalam pada masa yang sama bagi kesihatan ibu dan bayi masyarakat mengekalkan dengan kaedah dan rawatan menggunakan herba disebabkan keserasian dan juga dianggap relevan dan efektif digunakan pada masa ini.

Masyarakat menolak azimat sebagai rawatan disebabkan pengaruh dari keluarga dan masyarakat sekitar. Memahami azimat ini bermula dari keluarga yang meletakkan azimat sebagai satu fahaman yang salah. Begitu juga dengan nilai masyarakat terhadap azimat sebagai suatu amalan yang syirik. Tanggapan masyarakat dengan pandangan yang negatif dan diberi simbol syirik dan kolot jika digunakan dalam perubatan. Pemahaman tersebut telah meletakkan konsep azimat mempunyai kuasa atau pendamping. Misalnya dinyatakan Nazizan (soal selidik, Oktober 12, 2017);

amalan ini tidak sesuai dengan peredaran zaman moden ini kerana zaman ini terlalu ubat-ubatan yang jauh lebih berkualiti. Amalan ini juga bertentangan dengan fahaman Islam

Penilaian masyarakat telah berubah kedudukan kepercayaan dengan menyatakan azimat diberi tanggapan yang negatif misalnya dinyatakan sebagai syirik Unsur-unsur tradisi terhalang akibat masyarakat berpegang pada nilai-nilai Islam yang jitu. Bagi masyarakat yang menerima azimat dalam perubatan, telah diaplikasikan dengan berbentuk cincin yang menggunakan permata kayu koka, kayu gemunggal atau zamrud, gelang *infarid*, rantai *infarid* dan juga hasil daripada ciptaan penulisan khat yang digantung pada dinding rumah. Bagi segelintir masyarakat menjadikan alatan tersebut sebagai kegunaan bagi perhiasan diri. Namun pernah dijelaskan Kamarul zaman (wawancara, Oktober 12, 2017) yang memakai cincin batu koka dirasai memberi semangat dan salah satu tujuan untuk perubatan diri. Fauziah (wawancara, Oktober 13, 2017) memahami mengenai perubatan yang menggunakan azimat. Informan menjelaskan azimat sebagai salah satu cara bagi memudahkan penjagaan terutamanya bagi bayi dan ibu yang sedang berpantang.

Berbeza pendapat dengan segelintir masyarakat yang masih berpengetahuan mengenai kaedah dan rawatan azimat masih lagi digunakan oleh sebilangan kecil penduduk di Budu dan Cheka. Keadaan sedemikian disebabkan oleh ideologi masyarakat yang masih mempercayai azimat menjadi rawatan yang sesuai dalam mengubati dan mengelak dari terkena buatan orang. Bagaimanapun sistem baru juga tidak dapat mengubah persepsi masyarakat yang masih mengekalkan teknik tradisi terutamanya yang masih terpengaruh dengan unsur-unsur spiritual seperti gangguan jin atau syaitan. Penjelasan Kamarul Zaman (soal selidik, Oktober 15, 2017) menyatakan pengalamannya mengubati dirinya yang terkena penyakit misteri atau gangguan;

Saya pernah berpengalaman sakit akibat buatan orang dan menderita selama 5 hingga 6 bulan akibat berhadapan dengan penyakit yang pelik. Setelah berubat di merata tempat, namun masih berkeadaan yang sama. Sejak itu, saya telah berusaha dengan cara memakai cincin yang berbatu kayu gemunggal. Alhamdulillah sehingga hari ini merasakan diri pulih seperti biasa

Pengalaman tersebut telah menyebabkan tindakan individu itu mempercayai kewujudan dan pengaruh animisme pada kayu gemunggal. Kayu gemunggal ini dipercayai mempunyai sifat yang menyebabkan jin atau syaitan takut dengan pohon gemunggal. Tanggapan ini telah dipersetujui masyarakat setempat. Akibatnya penggunaan cincin yang dihasilkan dari kayu gemunggal ini diterima oleh masyarakat dan dijadikan sebagai amalan.

Pengetahuan mengenai azimat ini lebih diketahui dalam kalangan wanita yang menjadikan azimat sebagai salah satu cara rawatan selepas bersalin. Pandangan mengenai azimat juga diberi kedudukan yang rendah dan tidak lagi sesuai di masa kini seperti penjelasan Muhamad (wawancara, Julai 28, 2017);

tangkal atau azimat sebenarnya menggunakan ramuan yang dipilih oleh perawat dan dimasukkan dengan mantera. Keadaan tersebut telah menjelaskan tangkal tersebut salah di sisi agama dan juga daripada segi perubatan moden tidak sesuai lagi kecuali berlakunya penyakit misteri

Sedemikian jelas menurut Muhamad kedudukan azimat sebagai perubatan tidak lagi sesuai digunakan. Tetapi ada sekumpulan kecil yang memahami kepentingan azimat dan faham mengiakan azimat sebagai salah satu ubatan yang penting dan diperlukan. Menurut Timah Delani;

ia amalan orang dulu-dulu, yang juga masih digunakan sehingga kini dan masih sesuai dan diperlukan dalam perubatan hari ini

Begitu juga seperti yang difahami oleh Fauziah Adam yang menerangkan kepentingan azimat ini sekiranya diamati mendatangkan rawatan yang berkesan pada masa ini. Terutamanya ketika wanita bersalin;

membuat gelang kunyit bagi ibu lepas bersalin, bagi bayi membuat punjut lada hitam kemudian diletakkan di bawah bantal budak. Kedua-dua situasi ini bagi mengelakkan diganggu makhluk halus

Kedudukan masyarakat yang berdekatan dengan kawasan hutan lebih mudah mendapat gangguan terutamanya dipercayai terdapatnya hantu penangkal atau langsuir yang sering kali mengganggu wanita selepas bersalin atau bayi.

Azimat salah satu cara atau kaedah yang digunakan khususnya terhadap wanita selepas bersalin, bayi dan juga seseorang yang mengalami sakit berpanjangan. Wanita selepas bersalin menjadi kebiasaannya mengalami masalah pembuangan yang disebabkan keterbatasan daripada pantang larang yang dikenakan. Mereka telah dikenakan daripada mengambil minuman yang terlalu banyak memandangkan luka dibahagikan sulit masih belum sembuh. Begitu juga dengan pengambilan buah-buahan terutamanya betik dan pisang ditegah. Berikutan dengan sifat buah tersebut sejuk dan juga bagi pisang tertentu boleh mendatangkan maut seperti menurut Norain;

walaupun sering kali menegah dan mengingatkan anak jirannya, daripada mengambil pisang emas semasa berpantang, namun tetap berdegil. Kedegilannya itu telah mendatangkan mudarat dan anak jirannya itu meninggal dunia ketika berada dalam keadaan yang masih berpantang

Keadaan tersebut telah menyulitkan wanita berpantang untuk membuang air besar. Demikian dengan cara memakai azimat dengan tujuan perubatan ini sebagai salah satu cara atau langkah untuk menyelesaikan masalah pembuangan. Begitu juga dengan seseorang yang juga mengalami masalah pembuangan menggunakan azimat sehingga penyakitnya sembuh. Situasi lain, ketika berhadapan dengan masalah batuk yang berpanjangan, lebih menyulitkan wanita tersebut menjaga bahagian peranakan.

5.3 Perlakuan Masyarakat Terhadap Sistem Jampi

5.3.1 Sumber dan bahan

Kaedah, menggunakan jampi ini telah disesuaikan dengan sandaran pada sumber herba seperti menggunakan akar kayu dan daun, air, telur dan kapur. Sumber akar kayu mempunyai khasiat yang baik bagi penjagaan tubuh badan. Khasiatnya dalam melancarkan perjalanan darah ini menyebabkan dalam kaedah jampi ini, akar kayu menjadi sumber rawatan yang mujarab terutamanya dalam menyembuhkan penyakit dalaman seperti barah. Sumber akar kayu ini mudah didapati dari pohon-pohon yang berhampiran kawasan persekitaran rumah seperti dari akar pokok cili, akar sirih, akar senduduk dan jenis-jenis tumbuhan yang lain. Begitu juga dengan penggunaan sumber daun yang kebanyakan perawat menjadikan sirih sebagai bahan yang mujarab terutamanya dalam merawat penyakit kayap, rawatan kulit dan sakit mata. Unsur-unsur daun sirih bersifat sejuk serasi dengan penyakit kayap yang bersifat panas dan bertindak sebagai menarik bisa. Begitu juga dengan bahan-bahan lain gambir dan kapur turut digunakan dalam rawatan kayap.

Selain akar dan daun, bahan sandaran dalam pengubatan jampi menggunakan tepung dan telur. Tepung ini digunakan ketika perawat menjalankan jampi 'aling tepung'. Rata-rata perawat menjadikan aling tepung sebagai alat mengeluarkan bisa dalam tubuh badan, ketika pesakit mengalami masalah gangguan atau dalam mengubati penyakit barah. Kaedah aling tepung juga mempunyai fungsi yang sama dengan cara menggunakan telur, yang juga berfungsi menarik bisa pada badan. Bezanya telur sebagai bahan yang dijadikan sebagai rawatan awal untuk scan bahagian tubuh yang sakit. Rawatan telur menurut Yunus (wawancara, Oktober 13, 2017) sekiranya telur tersebut dipecahkan berkeadaan sudah masak atau hancur, menunjukkan keadaan pesakit berada dalam

kritikal yang bisa pada tubuh badannya mengandung bisa yang teruk. Bagi keadaan yang normal, telur berada dalam keadaan yang biasa setelah dipecahkan.

Falsafah Melayu menurut Othman, et.al. (2011) dilihat dari empat perkara seperti pertama, bertindak sebagai pemikir, pendidik dan pengatur hubungan masyarakat agar menjadi lebih harmoni dan dapat mengelakkan daripada keadaan menjadi huru-hara. Kedua, melihat manusia dengan menghubungkan dengan alam, dan juga masyarakat dengan Allah. Ketiga, meletakkan orang Melayu sebagai seorang pemikir yang sentiasa berfikir secara responsif dengan menghubungkan dengan realiti semasa. Keempat, meletakkan orang Melayu ini sebagai seorang pemikir yang berkonsepkan pengalaman yang dapat dipelajari melalui interaksi dengan alam. Berlandaskan Islam seperti Bagi arah mata angin, Shaari akan menghadap ke arah kiblat, yang mana tidak membelakangkan cahaya matahari. Semasa mengambil akar kayu tersebut, berniat untuk merawat pesakit dengan niat nama pesakit tersebut (arah mata angin ini sebenarnya sangat penting, selain mengesan arah cahaya matahari, arah angin ini salah satu ilmu pelangkah bagi perawat yang bertujuan mengelak dari bahaya yang datang semasa mengambil bahan ubatan). Akar kayu itu kemudian dijampi untuk diberi kepada pesakit. Salah satu syarat yang dikenakan untuk pihak pesakit, dengan membawa ayam seekor dan pengeras RM0.25.

5.3.2 Kaedah dan rawatan

Bagi segelintir perawat kampung, masih menjadikan sistem rawatan yang berunsurkan spiritual sebagai kaedah rawatan. Terutamanya dalam rawatan patah tulang. Patah tulang sukar untuk disembuhkan terutamanya yang melibatkan bahagian luar dari kawasan sendi. Demikian, dalam rawatan ini, diselesaikan melalui pihak ketiga atau rawatan alam maya atau alam bunian. Bezanya rawatan ini dijalankan masih menjadikan

sumber al-Quran sebagai alatan jampi yang utama. Menurut keterangan penduduk, rawatan patah ini tidak menjadi kesangsian penduduk setempat malah percaya dan yakin dengan rawatan yang dijalankan. Keadaan tersebut disebabkan rawatan patah yang dijalankan dalam rawatan moden mengambil masa yang panjang atau berkemungkinan rawatan patah ini tidak akan sembuh. Demikian dengan kaedah yang digunakan oleh perawat tradisional ini dianggap relevan dan masih diterima pakai ketika mana masyarakat mula terdesak atau terpaksa, menyebabkan penerimaan yang berunsurkan spiritual atau tidak logik diterima.

Perubatan kampung seperti jampi-jampi, doa-doa dan sebagainya biasanya masih diamalkan oleh orang-orang tua di kampung khususnya berbanding perubatan moden. Kebanyakannya perubatan moden ini diguna pakai oleh golongan muda dalam lingkungan umur 40 tahun dan ke bawah kecuali penyakit itu penyakit yang misteri dan tidak dapat disembuhkan oleh perubatan moden. Dalam perubatan kampung, pengamal perubatan atau dikenali sebagai ustaz atau bomoh atau dukun atau tukang urut akan menggunakan jampi serapah dalam perubatan mereka. Kebiasaan orang-orang dahulu menggunakan serapah yang mempunyai bacaan atau juga dipanggil pantun manakala sesetengah daripada mereka menggunakan doa-doa tertentu. Salah satu punca pupusnya ilmu jampi ini adalah daripada segi bacaan dan penyeruan semangat luar iaitu jin dan syaitan kerana kebanyakan golongan muda tidak lagi mempercayai bacaan jampi serapah atau bacaan yang berbentuk pantun ini sebagai tujuan perubatan bahkan hanya menyimpannya sahaja tetapi tidak digunakannya. Mengikut orang dahulu jampi atau pantun ini lebih kepada doa-doa Melayu kerana kebanyakan mereka tidak tahu berbahasa Arab. Contohnya daun secapar atau daun dari syurga dapat mengubati penyakit demam campak. Berkat daun atau hikmat daun itu sendirilah yang menyembuhkan tetapi syaratnya wajiblah menyebut nama Allah dan berselawat ke atas nabinya.

Peranan perawat penting dalam memperkukuhkan sistem tradisi. Contoh dan tauladan akan mempengaruhi sistem organisasi masyarakat kampung. Terutamanya dalam menitik berat tentang persoalan penjagaan kesihatan. Bidang kuasa pawang makin lemah akibat daripada kematian dan sudah tiada pewaris sejak lima tahun yang lepas. Keadaan yang sama dengan perkhidmatan Tok Mudin yang dahulunya tugas sebagai tumpuan masyarakat untuk bersunat. Dengan adanya kemudahan teknologi dari hospital menyebabkan masyarakat mula menggunakan perkhidmatan tersebut dan telah meninggalkan sistem tradisional. Kelemahan institusi perawat tradisional juga akibat daripada pengaruh politik yang kini makin dimodenkan untuk memberi keselesaan terhadap penduduk mendapatkan rawatan Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017);

Sekiranya ada perawat dari luar datang ke kampung, tidak menjadi disebabkan kepercayaan penduduk tidak serasi.

Kedudukan pawang ketika itu sangat penting, sehinggakan peranan bukan hanya berperanan merawat tetapi juga berperanan membantu penduduk setempat menyelesaikan masalah makanan. Menurut Rozaha (wawancara, Mei 27, 2017);

keladi Kemahang terkenal disebabkan tidak gatal. Disebabkan ketika dahulu, susah makanan oleh demikian pawang telah menjampi sepanjang mengalir air. Dengan itu keladi yang tumbuh tidak gatal dan boleh dibuat makanan

Selain peranan keluarga, perawat juga memainkan peranan yang penting terutamanya menyediakan perkhidmatan selepas bersalin. Peranan bidan dalam situasi dahulu menjadi tempat merujuk ketika bersalin, tetapi peranan ini telah diambil alih oleh pihak kerajaan yang menggalakkan bersalin di hospital dan mengelakkan dari bersalin di rumah, untuk tujuan mengelakkan dari berlakunya komplikasi terhadap ibu dan anak. Peranan bidan bersifat perkhidmatan selepas bersalin. Perkhidmatan tersebut seperti mengurut, menyediakan herba untuk minum dan mandi. Namun, sesetengah masyarakat

di kampung memerlukan perkhidmatan sebelum bersalin, menurut Norlaila (wawancara, September 30, 2017) menekankan seseorang dengan pengamalan air kelapa sebanyak segelas setiap hari dalam tempoh awal mengandung sehingga usia kandungan lapan bulan. Setelah kandungan tersebut mencapai sembilan bulan air jampi selusuh diberi untuk memudahkan ibu mengandung bersalin.

Menerima kaedah jampi juga turut mengikut keserasian penyakit dengan bomoh yang merawat. Misalnya dalam rawatan jampi temas dipercayai perawat disebabkan terkena kerasukan atau dipanggil keteguran dengan makhluk halus sehinggakan akan terjadinya penyakit seperti gatal-gatal, badan berbisa atau demam yang sukar disembuhkan. Jampi temas ini dilakukan untuk tujuan merawat dengan melihat keserasian penyakit seseorang itu dengan rawatan yang akan dijalankan. Bahan utama yang digunakan seperti kunyit dibelah dua, kemudian disapu bersama kapur dan dilakukan jampi. Untuk memastikan keserasian itu selepas dijampi kunyit tersebut akan dilambung dan apabila jatuh satu terlentang dan satu lagi telangkup. Jika kedua-duanya telangkup tidak boleh diubahi penyakitnya menggunakan perubatan temas akan tetapi percubaannya boleh dibuat sehingga 3 kali. Sekiranya kali ketiga itu tetap telangkup maka dilarang sama sekali untuk berubat kerana itu menandakan bahawa perubatan temas tidak sesuai atau serasi kepada pesakit. Perubatan temas ini lebih kepada penyakit keteguran semada sebelah ibu atau sebelah bapa. Sebelum perubatan ini dilakukan perlulah dijampi terlebih dahulu. Kaedahnya adalah mengambil yang terlentang untuk dijadikan ubat dan dibuang yang telangkup. Keserasian diukur dengan keadaan kedua-dua kulit kunyit yang berbeza kedudukannya (satu telangkup dan satu lagi terlentang).

Penerimaan jampi dalam masyarakat, disebabkan pengetahuan mengenai kaedah diketahui dan difahami. Walaupun ada dalam kalangannya tidak menjadikan jampi sebagai rawatan utama. Antara jampi yang diketahui seperti jampi air, angin, tanah dan

api yang keadaan ini menghubungkan dengan elemen-elemen dalam tubuh manusia. Namun jampi yang berunsurkan elemen tubuh manusia ini berubah dengan jenis-jenis rawatan yang bersesuaian jampi air, jampi angin, jampi santau, jampi makhluk halus, barah, resdung dan campak. Begitu juga seperti yang pernah juga dinyatakan oleh Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) menyatakan beberapa jenis jampi yang sesuai seperti jampi. Pengetahuan tentang jampi merupakan kata-kata atau pantun kerat turun-temurun dan tidak boleh diambil dan dituntut selain daripada waris itu sendiri atau jampi itu boleh diturunkan kepada sesiapa sahaja dengan syarat dipakai dahulu oleh si pemakai dalam tempoh dua atau tiga tahun. Seperti sakit dalam telinga boleh diubati dengan cara mengambil kapur sirih dan buat bulatan di sekeliling telinga tetapi haruslah dijampi dahulu. Bagi penyakit gatal-gatal, keperluan utama seperti sirih, kapur, gambir dan pinang perlu diramas dalam air. Kemudian bahan tersebut disapu pada bahagian yang gatal.

Kini kepercayaan masyarakat terhadap pegangan Islam menyebabkan sesetengah kaedah perubatan sukar untuk dilakukan terutamanya melibatkan penggunaan kaedah jampi. Jampi yang berlandaskan perantaraan atau dengan menggunakan mantera menyebabkan penerimaannya tidak mendapat sambutan. Kebanyakan perawat tradisional berubah cara perubatan dengan mengamalkan potongan ayat al-Quran berasaskan landasan yang di pelajari atau melalui tunjuk ajar. Perubatan yang membawa kesan sihat atau sembuh akan dipandang masyarakat dengan nilai yang tinggi terutamanya yang berlaku dalam masyarakat di sekitar Tanjung Besar dalam rawatan kayap. Berdasarkan rawatan tersebut perawat telah menggunakan jampi ayat al-Quran dan menggunakan bahan perantaraan seperti sirih, gambir dan kapur. Masyarakat sekitar telah menerima rawatan tersebut dan tidak mendapatkan rawatan dari luar. Begitu juga dengan kesan tindak balas yang mujarab rawatan patah tulang di Jeram Landak telah meletakkan bomoh patah dengan kedudukan yang tinggi. Pernah di kongsi pengalaman Isa (wawancara, Mei 13, 2017);

saya pernah mengalami masalah patah tulang akibat terjatuh pada 2007. Kemudian mendapatkan rawatan di hospital disebabkan tidak bersetuju dengan rawatan bomoh patah di kampungnya. Setelah keadaannya tidak juga sembuh kemudiannya saya telah mendapatkan rawatan dengan bomoh patah dengan izin Allah, jangka masa yang singkat sembuh

Keadaan yang sama turut berlaku terhadap Rozlan yang juga tekad untuk menjalani perubatan kampung dengan pakar kayap dari perawat;

Sepanjang tempoh perubatan itu, saya dikenakan pantang dengan tidak makan sardin, gula dan daging. Sepanjang tempoh berpantang tersebut, saya juga mengalami dugaan dengan tidak boleh mendengar orang memasak atau bau masakan yang menyebabkan sakit yang dialami itu bertambah sakit. Setelah berpantang 44 hari, saya telah jalankan proses memutus ubat, dengan membawa ayam bakar 4 ketul untuk diberi kepada perawat. Saya berpendapat penyakit kayap ini turut dikenali sebagai barah iaitu barah luaran, namun begitu, penyakit kayap juga boleh terkena pada bahagian dalaman

Masyarakat akan menerima sesuatu perubatan ketika berada dalam keadaan yang kesakitan dan memandang tinggi sekiranya rawatan tersebut mujarab. Walaupun menerusi rawatan patah tulang tersebut membawa terhadap unsur-unsur spiritual. Bagi rawatan barah dalaman menjadi kebiasaannya akan menggunakan tiga biji telur, untuk kegunaan selama tiga hari. Kepercayaan ketika sembuh, perawat akan diberikan seekor ayam hidup sebagai pengeras. Kepercayaan masyarakat dahulu seperti buang sial atau mengelakkan daripada penyakit-pesakit dapat kepada perawat dan juga tujuannya untuk menamatkan rawatan. Daripada aspek ini, cara pemberian sebagai hadiah terhadap perawat tanda berterima kasih. Keadaan demikian disebabkan perawat tidak mahu menerima wang. Menjadi kebiasaannya akan menetapkan seekor ayam dan wang yang bernilai RM 0.25 sahaja. Bahan yang digunakan untuk merawat barah seperti telur ayam kampung, kapur, daun sirih dan gambir (Meriah, wawancara, September 13, 2017).

Masyarakat akan memilih dan menggunakan rawatan tradisional sekiranya mereka merasakan terpaksa dan tiada pilihan lain untuk menyembuhkan penyakit dengan cara moden. Menurut penduduk yang berpengalaman, Mokhtar (soal selidik, Oktober 14, 2017) berkongsi pengalaman ketika sakit selama 11 tahun menderita;

Pada asalnya beliau mendapatkan rawatan di hospital, namun tiada dapat diselesaikan walaupun sering kali dijalankan pemeriksaan. Setelah itu beliau telah berikhtiar dengan cara tradisi dengan cara mendapatkan rawatan secara jampi dari Ustaz.

Nilai terhadap kaedah jampi ini turut dipandang dengan nilai yang tinggi oleh segelintir perawat. Perubahan berlaku dalam persepsi perawat yang menjadikan rawatannya sebagai sumber kewangan dengan meletakkan harga yang tinggi. Menurut pengalaman penduduk, yang mendapatkan rawatan batu karang, perawat cuba mengambil peluang dengan mengenakan bayaran yang tinggi terhadap barang-barang yang dijadikan rawatan untuknya. Keadaan berbeza menurut perawat yang mengekalkan rawatan tradisi ini hanya memerlukan bayaran sebanyak RM 0.25 setiap kali berubat.

Berdasarkan pengalaman atau pengetahuan ini menimbulkan kepercayaan dan keyakinan mereka terhadap rawatan tradisional ini. Pengetahuan dan pengalaman ini juga berlaku sekiranya adanya pengaruh dari pihak lain yang cuba mempengaruhi minda dan pandangan mereka dengan pelbagai dengan andaian ilmu. Dalam konteks ini penglibatan individu dalam sesuatu isu kesihatan diandaikan mempunyai hubungan yang signifikansi dengan proses pendedahan kepada maklumat kesihatan, usaha pencarian maklumat kesihatan dan seterusnya perubahan kepada tingkah laku gaya hidup sihat (Rogers & Storey, 1987; Grunig, 1989; Samsudin & Latifah, 2002). Begitu juga dengan kaedah jampi turut ditolak daripada perubatan yang berasaskan sumber yang salah terutamanya yang menggunakan unsur mantera dan diletakkan dengan perhubungan dengan makhluk halus. Penolakan itu telah mentafsirkan jampi dengan rangka yang salah dan berfahaman

syirik. Fahaman ini turut menguasai dalam kalangan masyarakat di kampung. Penerimaan jampi yang berunsurkan cara ini telah ditolak dan mula menerima rawatan yang berunsurkan Islam dan mengikut landasan Islam. Demikian syifa menjadi tumpuan masyarakat untuk dijadikan sebagai rawatan yang mujarab dan telah mengetepikan sistem bomoh yang pernah ketika dahulunya menjadi salah seorang yang dihormati dan disegani. Sistem rawatan kampung yang berunsurkan mantera tidak lagi diguna pakai dan telah digantikan dengan penggunaan ayat-ayat al-Quran dan surah-surah tertentu.

Nilai terhadap rawatan tradisional ini semakin lemah akibat dari segelintir daripada perawat menjadikan rawatan sebagai nilai komersil. Sikap materialistik perawat menyebabkan masyarakat mengalih pandangan dengan nilai yang rendah terutamanya dari aspek kepercayaan dan kebolehan rawatan tradisional pada masa ini. Kejadian sedemikian berlaku dalam masyarakat kampung yang berusaha menyembuhkan penyakit namun setelah rawatan yang dijalankan secara ditipu menyebabkan kepercayaan terhadap rawatan tradisional dialihkan terhadap rawatan moden. Perkara sedemikian berlaku terhadap Yunus (wawancara, Oktober 13, 2017) mencuba mengubati penyakit batu karang yang dihadapi isterinya;

pernah berubat dengan seorang perawat dari luar yang dikatakan mahir dalam rawatan batu karang. Ketika itu, isterinya sedang mengalami sakit batu karang dan mencuba rawatan perawat tersebut. Pada awalnya rawatan itu diberitahu secara percuma, namun semasa menjalankan rawatan tersebut, pesakit diminta untuk membeli air yang nilainya RM300 sebotol berserta dengan barangan yang lain. Dalam keadaan yang terpaksa saya mendapatkan air tersebut. Setelah siap rawatan tersebut, telah mendapati perawat telah mengeluarkan batu tiga ketul. Keadaan tersebut turut dihadapi lain-lain pesakit di situ. Namun selang beberapa hari isteri beliau sakit dan terpaksa menjalankan pembedahan di hospital dan sehingga kini berada dalam keadaan yang stabil

Biarpun begitu pandangan masyarakat terhadap nilai rawatan tradisional ini semakin lemah namun rata-rata perawat yang ada dalam kelompok masyarakat di kampung masih mengekalkan rawatan tradisional dengan mengekalkan bayaran sebanyak RM0.25 berserta dengan barang makanan setelah sembuh. Begitu juga dengan status perawat yang berkemahiran tidak diketahui secara umum atau secara terang disebabkan ia sebagai syarat perawat tradisional yang dikekalkan sejak zaman tradisi lagi.

Bagi golongan wanita selepas bersalin terutamanya menjadikan sumber seperti daun-daun dan akar kayu sebagai rawatan dalaman. Namun, segelintir golongan muda tidak lagi menilai cara rawatan tradisional sebagai rawatan yang efektif dan dianggap sebagai rawatan yang remeh terutamanya golongan yang berpendidikan dan pengaruh luar meresapi dalam pemikiran anak-anak muda. Bagaimanapun kaum ibu berperanan penting dalam menguruskan dan memantau anak-anak ini semasa berpantang. Keadaan sedemikian disebabkan nilai kepercayaan dalam kalangan golongan muda makin berkurangan. Tambahan pula produk-produk yang ada dipasaran telah menutupi rawatan tradisional yang juga memberi kesan khasiat yang sama.

5.3.3 Jenis penyakit

Peranan masyarakat penting untuk memilih terhadap rawatan patah juga dipengaruhi oleh galakan dari keluarga yang mendesak untuk mendapatkan rawatan akibat daripada penderitaan pesakit. Keadaan sedemikian berlaku dalam masyarakat di Cheka, Isa (wawancara, Mei 13, 2017) berpengalaman mengharungi keadaan patah tulang akibat dari kemalangannya. Pada peringkat awal, informan mendapatkan rawatan di hospital. Dalam mengharungi kesakitan selama tiga bulan dengan keadaan yang tidak pulih, informan mendapatkan rawatan daripada perawat bomoh patah yang ada di

kampung tersebut. Walaupun sebelum mendapatkan rawatan tersebut informan meragui dengan cara rawatan perawat, tetapi setelah selesai rawatan tersebut, keadaan patah di bahagian kakinya dapat dipulihkan dalam jangka masa yang singkat.

Perbezaan masyarakat bandar dan kampung, menurut Sorokin & Zimmerman (1969) dilihat daripada aspek pekerjaan, keadaan alam sekeliling, komuniti, kepadatan penduduk, sifat penduduk, perbezaan sosial dan susun lapis sosial, mobiliti sosial dan sistem interaksi. Keturunan perawat biasanya akan menurunkan ilmu kepada anak lelaki terutamanya sekiranya perawat tersebut lelaki. Contohnya dalam menurunkan ilmu patah keturunan rawatan tersebut juga akan jatuh pada warisan anak lelaki. Namun sekiranya bidan atau urutan yang daripada pihak ibu, akan diturunkan kepada anak perempuan. Melihat terhadap sistem perawat, lelaki berkemahiran dalam merawat patah atau tergeliat, manakala wanita pula berkemahiran dalam mengurut wanita yang lebih kepada masalah wanita atau untuk rawatan wanita selepas bersalin. Begitu juga dengan rawatan barah, perawat berketurunan sebelah bapa.

Fungsi persanakan penting dalam mengekalkan kaedah perubatan tradisi ini disebabkan tiada keturunan menyebabkan perawatan tradisional kini sukar untuk diteruskan. Sebagai contohnya bomoh patah, di Jeram Landak, Cheka telah terhenti daripada rawatan disebabkan oleh ketiadaan generasi yang mengambil ilmu tersebut. Ilmu bomoh patah bukan boleh diwarisi terhadap sesiapa, tetapi hanya dapat diwarisi oleh pewaris dari generasinya. Jampi atau ilmu yang digunakan ini tidak boleh diwarisi. Jelas seperti yang dinyatakan oleh pendapat Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) yang berpandangan, ilmu rawatan tradisi terutamanya melibatkan jampi atau ilmu warisan sukar untuk diturunkan kepada orang lain melainkan mempunyai hubungan kekeluargaan. Keadaan sedemikian dijelaskan Siti Aminah (wawancara, September 19, 2017) terutamanya yang berbentuk rawatan spiritual, sukar untuk diterima umum

memandangkan penjelasan daripada keturunan sukar untuk dipercayai dalam kalangan orang luar. Berdasarkan keturunan dipercayai mempunyai darah yang sama dan juga memahami sanat keturunan tersebut.

Pewaris dalam kalangan perawat rendah disebabkan oleh kehendak masyarakat terhadap rawatan tradisional tidak menggalakkan. Beberapa faktor yang menyebabkan pewaris tidak lagi menerima warisan perubatan disebabkan oleh kekangan pekerjaan dan juga untuk mengekalkan amalan tradisi tersebut menyebabkan segelintir dalam kalangan mereka sukar untuk menerima. Walau bagaimanapun penerima warisan perubatan yang masih kekal yang hanya tinggal di kampung tersebut dengan menjalani aktiviti ekonomi di kampung dan juga kesedaran tentang keperluan dan kepentingan rawatan tersebut. Warisan perubatan tradisional terutamanya beberapa kaedah seperti jampi utamanya, menjadi kebiasaannya diperturunkan kepada generasi;

Pak Teh, dari kampung Chat menyatakan perawat tradisional makin berkurangan bukan disebabkan oleh ketiadaan generasi yang berminat, bahkan ada yang berminat bukan dalam kalangan kaum keluarga tetapi orang luar.

Pengetahuan mengenai bahan ubatan tradisi juga diketahui dalam generasi muda kini. namun yang menjadi perubatan tradisi ini sukar untuk diterima disebabkan kemudahan yang telah disediakan dan pendidikan yang diselitkan dalam. Kebanyakan yang mengetahui tentang fungsi ubatan dan fungsi kegunaan herba umpamanya disebabkan pemerhatian dan adanya sifat ingin tahu dari orang tua atau daripada pengaruh persekitaran.

Kepentingan pewaris perlu disebabkan ilmu perubatan tidak dapat hadir dalam kalangan orang biasa, tetapi ilmu tersebut menjadi serasi kepada orang-orang tertentu. Terutamanya yang mempunyai keturunan dalam rawatan jampi. Perubatan jenis ini sukar

untuk diterima dalam kalangan orang biasa melainkan yang minat serta ingin mempelajarinya. Zhari & Norhayati (1995), bagi ilmu yang khusus hanya murid-murid yang terpilih yang layak mewarisinya dan tidak ada yang layak, maka ilmu akan terkubur bersama pengamalannya. Pewaris berikhtiar untuk menjadikan warisan ilmu perubatan tradisional dengan cara yang lebih efektif dengan melakukan rawatan yang berunsurkan urutan dengan gandingan

Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017), menjelaskan Begitu juga golongan perawat seperti jampi sukar untuk diturunkan, bomoh diistilahkan kepada yang pandai semua dalam bidang perubatan dan masyarakat akan tumpu. Manakala pawang menjaga semua tanah, air, api dan angin. Bomoh tidak boleh diturunkan kepada pewaris. Tetapi sekiranya menuntut akan dapat amalan ilmu tersebut. Manakala pawang ini dapat daripada warisan turun temurun atau daripada mimpi. Sekiranya dahulu, Budak menangis malam, pawang air. Pawang kencing malam dalam kaedah pantang tidak boleh makan daging. Kemahiran-kemahiran perawat ini sebenarnya hanya sebahagian penduduk yang menggunakan perkhidmatannya, terutamanya yang melibatkan rawatan selepas bersalin dan penyakit-penyakit yang pelbagai. Keadaan tersebut disebabkan identiti sebagai perawat tidak diberitahu tetapi hanya diketahui melalui mulut ke mulut.

Melalui kaedah Islam, Abdul Djalil (2012) menerangkan mengenai amalan secara berzikir dan berdoa. Tiga kaedah yang ditekankannya dalam kaedah ini iaitu perubatan secara illahiyah, perubatan illahiyah alamiah rasional dan perubatan illahiyah alamiah irasional. Menghuraikan mengenai perubatan illahiyah ini, merupakan proses amalan perubatan yang hanya menggunakan zikir dan doa sahaja. Dalam kaedah perubatan jenis illahiyah alamiah rasional ialah proses perubatan yang menggunakan cara menstabilkan dan menormalkan sistem jaringan otot-otot dan urat-urat tubuh. Kaedah ketiga iaitu jenis

illahiyyah amaliah irasional merupakan proses amalan perubatan yang dilakukan secara tidak logik, tidak masuk akal dan tidak menggunakan ubatan. Abdul menyatakan dalam amalan ini, telah menetapkan etika dan peraturan dalam rawatan agar akan mendapat hasil yang mujarab. Sekiranya proses dan langkah tersebut tidak diamalkan dengan cara yang betul dan berperaturan, mungkin rawatan tersebut tidak menjadi. Peraturan yang ditetapkan ketika berzikir dan berdoa dengan menekankan empat amalan iaitu, cara pertama pengamal berzikir dan berdoa membaca kalimah tayyibah ketika sedang berguru. Kedua, sentiasa mengamalkan zikir dan doa agar walaupun sudah mendapat pengijazahan daripada guru. Ketiga, menggunakan amalan zikir dan doa tersebut semasa rawatan dijalankan terhadap pesakit. Terakhir, perawat perlu meneruskan bacaan zikir dan doa serta bertawakal dalam menentukan proses rawatan itu sembuh atau sebaliknya.

Kepentingan jampi dalam situasi masyarakat dalam beberapa jenis penyakit terutamanya yang melibatkan darah, angin dan penjagaan selepas bersalin, yang ditekankan melalui jenis rawatan, pengambilan bahan yang bersesuaian dan penggabungan bahan bagi mengembalikan semula memerlukan penjagaan yang rapi, terutamanya dalam proses mengecutkan kembali rahim. Antara jenis rawatan yang penting dengan mengutamakan rawatan mengurut selama tiga kali berturut-turut secara perlahan untuk mempercepatkan proses darah kotor keluar dan mengawal batu meroyan. Kepentingan mengurut menurut Norlaila (wawancara, September 30, 2017), selain daripada mengelak daripada punca meroyan, tetapi juga sesuai untuk kepentingan urat. Urat selepas bersalin menjadi kebiasaannya akan kembang dan cara mengembalikannya dengan melakukan urutan. Tujuannya untuk mengelak dari berhadapan dengan masalah lain.

5.4 Perlakuan Masyarakat dalam Sistem Herba

5.4.1 Sumber dan bahan

Perubahan yang pesat telah mempengaruhi pemilihan masyarakat dalam memilih perubatan yang sesuai, efektif dan berkesan. Masyarakat kampung utamanya, yang serasi dengan kehidupan tradisi turut mengubah perspektif mereka setelah berlakunya proses difusi akibat kesan pendidikan, sistem organisasi dalam sesuatu kelompok masyarakat, status dan perbezaan ideologi. Kesan ini sebenarnya telah mempengaruhi dan mengubah cara masyarakat dalam menerima perubatan tradisional dengan menyesuaikan dengan keadaan semasa. Sepertimana yang dikesan daripada penerimaan masyarakat terhadap kaedah dan rawatan herba. Bagaimana pun keadaan tersebut dapat diperjelaskan melalui penilaian adaptasi perlakuan masyarakat yang dapat dikesan daripada teknologi, organisasi dan ideologi pemikiran masyarakat.

Penerimaan masyarakat terhadap pengubatan sumber herba, berlaku hasil dari kemudahan mendapatkan sumber dan bahan. Perubahan yang berkonsepkan cara tradisi ini masih dikekalkan dalam masyarakat kampung ketika mana bahan tersebut berada di persekitaran, difahami tentang jenis bahan dan cara rawatan untuk mengubatinya. Misalnya jenis-jenis herba yang mudah untuk dijumpai, seperti daun ketum, misai kucing, serai wangi, pandan, halia, kunyit, pegaga dan cili. Seperti penggunaan daun ketum, menurut Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017), menjelaskan penggunaan jenis herba ini mudah dijumpai memandangkan herba ini berhabitat lembap dan sesuai dengan iklim dan suhu badan manusia. Daun ketum menjadi herba yang penting yang bertindak sebagai pengganti akar kayu yang mempunyai tujuan sama dengan khasiat akar kayu dengan mengurangkan rasa lenguh-lenguh sendi dan letih. Ketika dahulu sumber akar kayu mudah untuk didapati disebabkan faktor kedudukan rumah yang berada di tengah-tengah kawasan hutan. Setelah proses penempatan berlaku, masyarakat kurang mencari bahan

tersebut dan mengharapkan hasil daripada jenis herba yang berdekatan dengan kediaman mereka. Jenis akar kayu yang menjadi kebiasaannya digunakan ketika itu, dikenali sebagai rempah gunung. Khasiat rempah gunung ini bagi golongan petani yang memerlukan tenaga dan untuk menguatkan dalaman tubuh bagi menghindari daripada rasa lenguh dan memberi kesegaran. Akar kayu dalam perspektif ini dapat di kategorikan sebagai minuman tambahan atau suplemen. Selain itu, sumber akar kayu sukar diperolehi disebabkan kurangnya pengetahuan golongan baru yang tidak mengenali jenis-jenis pokok untuk dijadikan sebagai akar kayu. Begitu juga dengan golongan tua tidak lagi berdaya untuk mencari sumber akibat daripada faktor usia dan tenaga yang sudah berkurangan. Keterbatasan ini menyebabkan masyarakat memilih sumber lain yang juga mempunyai fungsi yang sama dengan akar kayu.

Akar kayu ini telah digantikan dengan sumber herba yang mudah didapati dip persekitaran mereka. Dalam masyarakat di kampung-kampung ini lebih selesa dengan menggunakan daun ketum. Daun ketum ini dianggap lebih padan dan sama dengan khasiat akar kayu. Jelas diperhatikan dalam masyarakat di Kechau dan Budu menjadikan daun ketum untuk dijadikan minuman tambahan terutamanya ketika mengadakan sesuatu majlis seperti kenduri kahwin atau gotong royong yang memerlukan tenaga yang banyak. Khasiat daripada pengambilan minuman daun ketum, dapat mengekalkan rasa segar dan bertenaga melakukan aktiviti yang dijalankan ini. Bagaimana pun, pengambilan daun ketum ini dihadkan dengan pengambil sebanyak sehelai, tiga helai dan lima helai untuk direbus. Begitu juga dengan cara merebuskan air ketum ini disarankan tidak direbus dengan kadar yang lama. Begitu juga dengan pengambilan yang keterlaluan ini akan mengakibatkan kesan pada tubuh dikenali sebagai dadah.

Khasiat daun ketum juga dijadikan sebagai sebahagian daripada makanan tambahan ketika berpantang bersalin. Menurut Zaimah (wawancara, April 5, 2017)

menjelaskan, air ketum juga sesuai dijadikan pengganti akar kayu atau rempah gunung yang ketika dahulu menjadi salah satu cara atau rawatan memulihkan kembali tenaga dalaman dan semangat bagi golongan wanita yang sedang mengandung atau selepas bersalin. Namun perlu diikuti peraturan cara minum daun ketum ini dengan merebus 3 helai daun dengan kuantiti air yang berpatutan. Daun ketum ini dinyatakan sebagai alternatif kedua sekiranya akar kayu sekiranya sukar untuk didapati. Selain itu, untuk memulihkan tenaga golongan wanita selepas bersalin, bahan seperti daun pandan, serai kayu, mengkudu dan pokok sepulih juga sesuai dibuat mandi.

Bagi sumber herba yang lain, masyarakat setempat sering menjadikan sirih sebagai bahan untuk mengubati pelbagai penyakit. Daun sirih ini dianggap mempunyai khasiat yang pelbagai dalam mengubati penyakit. Begitu juga dalam rawatan jampi, daun sirih menjadi bahan utama. Pohon sirih ini mudah didapati disebabkan jenis habitat ini hidup secara meliar dan mudah tumbuh di merata tempat dan kawasan terutamanya dalam kawasan yang bertanah lembab. Ketika dahulu daun sirih ini dijadikan sebagai bahan makanan sampingan yang dicampurkan bersama gambir dan kapur. Tujuannya untuk menguatkan gigi dan sebagai cara menghindari dari mulut berbau. Begitu juga dengan merawat dalaman wanita terutamanya yang mengalami masalah keputihan. Sumber lain yang menjadi kebiasaan digunakan seperti daun gelenggang yang juga hidup merata-rata di kawasan tanah lembap. Daun ini menjadi alat utama merawat penyakit kulit seperti kudis, gatal, terkena bisa dan panau.

Perspektif lain, diperhatikan masyarakat mengubah cara rawatan ketika berlakunya penyakit yang sukar untuk disembuhkan, misalnya kencing manis dan darah tinggi. Rata-ratanya akan berusaha mencari kesesuaian bahan untuk merawat penyakit yang dialaminya seperti yang dikesan dari pokok mahkota dewa, misai kucing dan belimbing tanah, yang didapatinya panduan daripada sumber Internet atau dapatan

daripada bacaan. Masyarakat akan menerima sesuatu bahan secara khusus sekiranya bahan tersebut telah dilakukan kajian saintifik dan telah diuji kandungannya. Keadaan ini sepertimana yang dijelaskan oleh Kamarul Zaman (soal selidik, Oktober 12, 2017);

saya berminat untuk lakukan kajian terperinci terhadap kandungan yang terdapat pada tongkat ali hitam. Memandangkan khasiat tongkat ali hitam lebih berkhasiat berbanding tongkat ali yang biasa. Tujuan kajian ini untuk memajukan tongkat ali ke arah bidang komersial?

Masyarakat sentiasa berusaha mencari maklumat yang khusus mengenai sesuatu khasiat sebagai cara mengkomersialkan herba tersebut dan bertujuan dapat diaplikasikan sebagai salah satu dari bahan perubatan yang sesuai digunakan untuk masyarakat setempat.

Peranan ketua kampung dalam mengekalkan amalan tradisi penting, disebabkan masyarakat menjadikan sebagai *role model* dan rujukan utama dalam pelbagai perkara. Abdul Razak (wawancara, Mei 23, 2017) menjelaskan perwatakan yang amat dihormati dalam kelompok masyarakat seperti bomoh, bidan, pawang, imam dan ketua kampung. Sehingga kini peranan ketua kampung berfungsi dan diikuti terutamanya dalam memberi cadangan dan juga pelbagai hal yang lain. Misalnya dalam masyarakat di Kechau, menerima saranan dan cadangan ketua untuk menjalankan tanaman belimbing buluh bagi setiap kawasan rumah. Menurut Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) tujuan saranan tanaman belimbing bagi menyumbang kepada bekalan makanan dan juga bertujuan untuk perubatan. Khasiat pohon belimbing ini, pada daun yang sesuai dijadikan sebagai sumber menyembuhkan penyakit darah tinggi, kencing manis dan kolesterol.

Pengetahuan dan amalan bergantung terhadap sebab dan musabab dan gejala-gejala keuzuran yang dikenal pasti berdasarkan kepada perubahan fisiologi yang berlaku pada tubuh individu berkenaan (Azlan, 1989). Terutamanya dalam mengekalkan

kecantikan dalam kalangan wanita. Pengetahuan berpantang yang diaplikasikan dalam beberapa peringkat penjagaan selama 44 hari sehingga setahun. Proses 44 hari dinyatakan bersesuaian dengan berpantang secara keseluruhan seperti berpantang ketika makan, minum, berjalan, memakai stoking, bertungku dan berbarut. Masyarakat masih lagi mengamalkan cara tradisional dengan mengekalkan mengurut dan mengamalkan air rebusan akar kayu. Begitu juga dengan tempoh berpantang selama 100 hari dikekalkan bagi mengelakkan diri daripada memakan makanan yang sejuk. Begitu juga daripada segi berhubungan dengan suami isteri dielakkan. Bersesuaian dengan keadaan semasa yang tidak lagi menggunakan cara bertangas atau berdiang, dialih dengan cara mengurut, mengambil air rebusan akar kayu dan juga menjalankan mandi semangat.

Nilai terhadap sumber seperti misai kucing, mahkota dewa, dan daun gelenggang bermanfaat yang menjadi kebiasaan masyarakat menggunakan sebagai ramuan dalam mengubati kencing manis dan merawat gatal telah dijalankan kajian saintifik. Penemuan khasiat daripada kajian tersebut menjadikan penilaian masyarakat terhadap herba tersebut dengan nilai yang tinggi. Begitu juga dengan penggunaan daun gelenggang ini dilihat memberi nilai yang tinggi dalam perubatan. Sumber daun ini yang mudah di dapati di kawasan-kawasan lembap menjadikan masyarakat menilai sebagai salah satu ubatan yang membawa kepada nilai komersil. Daun gelenggang ini dijadikan sebagai rawatan untuk merawat penyakit gatal telah mengubah persepsi masyarakat terhadap penjualan secara komersil.

5.4.2 Kaedah dan rawatan

Perlakuan masyarakat dalam mengadaptasi penjagaan kesihatan dapat dikesan daripada pengaruh sistem organisasi sesebuah kumpulan masyarakat. Haliza (2000) menyatakan tiga pihak yang sangat berpengaruh dalam mempengaruhi kesan penjagaan kesihatan, iaitu pengamal, keluarga dan individu. Dalam masyarakat kampung pengaruh kumpulan masyarakat ini, dapat diperhatikan terkesan daripada punca dan peranan yang dimainkan oleh keluarga, masyarakat sekitar dan ketua kampung. Kedudukan status dalam perubatan diperhatikan melalui hak, tanggungjawab dan peranan kesan rawatan dalam masyarakat. Berasaskan dengan persekitaran yang masih dilindungi, menyebabkan masyarakat mula menyedari kepentingan ubatan tradisi ini dengan nilai komersil. Terutamanya daripada sumber dan pengetahuan mengenai sesuatu ubatan yang dipelajarinya. Melalui penjelasan mengenai akar kayu tongkat ali sekiranya difahami akan mendatangkan rawatan yang mujarab. Namun dengan cara pengambilan akar kayu tersebut memerlukan pengetahuan dan pengalaman. Hal demikian berlaku dalam masyarakat di Budu yang berminat untuk mengembangkan kaedah herba ke peringkat komersil yang khususnya tongkat ali hitam dan Ali Samat. Memandangkan sumber-sumber bahan ini masih banyak walaupun agak sukar untuk mendapatinya.

Status perawat dalam organisasi sesebuah kampung kurang diberi perhatian dari masyarakat setempat. Keadaan sedemikian akibat daripada sistem perubatan tradisi masih dikekalkan sehingga kini, berikutan perawat cuba untuk menutupi identiti dan kebolehan dalam mengubati. Perkara sedemikian masyarakat setempat jarang ketahui perawat yang berada berhampiran. Walau bagaimanapun status perawat sebenarnya masih dipandang tinggi terutamanya dalam masyarakat kampung. Namun penerimaan masyarakat berbeza melalui penerimaan daripada kaedah dan jenis rawatan dan bahan yang digunakan.

Sepertimana yang diperhatikan melalui masyarakat kampung, telah menolak unsur-unsur yang bersifat spiritual atau menggunakan unsur ketiga ketika berurusan dalam rawatan. Hal demikian, herba menjadi tumpuan masyarakat terutamanya ketika diperlukan. Lantaran itu, perawat yang berkemahiran tinggi dalam perihal herba, menjadi tempat rujukan masyarakat untuk mendapatkan ilmu atau tempat seseorang mendapatkan rawatan.

Umumnya kaedah dan rawatan herba menjadi kebiasaannya menjadi rujukan dalam bidang perbidanan. Terutamanya dalam kalangan wanita sebelum dan selepas bersalin yang memerlukan bidan kampung utamanya untuk dirujuk. Kedudukan bidan, menjadi keutamaan masyarakat sejak dahulu lagi, bagi keadaan seseorang itu sebelum atau selepas bersalin. Begitu juga dengan urusan pemberian nama turut dilibatkan dengan bidang kuasa bidan. kini, kuasa bidan kampung semakin terhad akibat daripada galakan kerajaan untuk bersalin di hospital. Kuasa bidan hanya diperlukan ketika perkhidmatan untuk mendapatkan bahan-bahan selepas bersalin seperti akar kayu, herba untuk mandi serta khidmaturut.

Budaya itu bersifat dinamis yang sentiasa berubah-ubah, telah mempengaruhi kesan terhadap kaedah dan rawatan yang dibawa daripada pemikiran masyarakat sekitar terutamanya keluarga, komuniti dan masyarakat. Hal demikian telah juga menyebabkan berlakunya proses sosialisasi akibat daripada pengaruh ekonomi, politik dan teknologi (Hashim & Ismail, 1998). Melalui pemerhatian, masyarakat akan menerima perubahan tradisional sekiranya mempunyai pengalaman, pembelajaran dan komunikasi yang luas. Perhubungan dalam masyarakat di kajian lapangan sangat akrab dan kebanyakannya mempunyai pertalian darah di antara satu dengan yang lain. Rata-ratanya menerima perubahan sekiranya ada pengalaman yang berlaku dalam kalangan diri sendiri, keluarga atau saudara mara. Salah satunya berlakunya tanggapan negatif atau positif bergantung

terhadap penilaian individu yang berpengaruh daripada pendedahan yang diterima. Keadaan ini turut ditekankan oleh Calson (1970), ketika mana masyarakat berfikir dan menilai yang terbaik dan memberi kesan terhadap rawatan yang sesuai untuk digunakan. Bagaimanapun, Yusmilayati, et.al. (2016) menjelaskan kesan pengaruh penggunaan dan penerimaan ini turut dilihat daripada aspek perbezaan jantina, umur, dan status individu dalam sesebuah komuniti.

5.4.3 Jenis Penyakit

Sumber herba dari sudut penggunaan dalam masyarakat dilihat tidak mempunyai had atau jenis yang hendak digunakan. Pelbagai jenis yang dinyatakan sesuai dijadikan sebagai bahan untuk dibuat ubat. Contohnya dalam merawat penyakit darah tinggi, kolesterol dan kencing manis sesuai digunakan hanya dengan sumber daun belimbing buluh. Namun yang lebih ditekankan daripada segi cara pengambilan bahan, dengan mengikut sukatan, kekerapan mengambil minuman tersebut dan waktu yang sesuai. Bezanya jenis herba ini perlu diketahui cara pengambilan dan gabungan bahan tersebut. Menurut perawat (Johari, wawancara, Mei 23, 2017), sekiranya bahan ini diambil secara berlebihan akan mendatangkan penyakit lain atau akan mengalami turun darah.

Masyarakat sentiasa mencuba pelbagai jenis herba untuk menyesuaikan dengan penyakit yang dialaminya. Antara jenis herba yang menjadi percubaan seperti daun ceri yang berkhasiat dan dapat menyembuhkan kencing manis. Menurut Hashim yang juga perawat tradisional pernah mengalami masalah kencing manis yang kritikal. Salah satu rawatan yang mujarab dengan menggunakan daun ceri (Hashim, wawancara, Ogos 5, 2017). Adaptasi masyarakat terhadap penerimaan perubatan tradisional juga dapat dikesan daripada penggunaan alat yang memudahkan masyarakat melakukan tanpa menggunakan cara tradisi seperti pipis, tumbuk dan sebagainya. Pengaruh daripada

peralatan ini telah memudahkan untuk melaksanakan ubatan tersebut melalui daripada sumber yang ada di persekitaran. Penyediaan bahan tersebut adalah dengan menggunakan alat pengisar dan kemudian ditapis yang ketika dahulu lebih dikenali sebagai pipis-pipis. Bagi jenis ubatan yang lain, perawat tunjuk langit yang terkenal dengan pelbagai khasiat, telah dihasilkan dalam bentuk pil. Rawatan ini memudahkan perawat, Ishak menjalankan rawatan untuk dalaman lelaki. Pil ini sebagai salah satu rawatan yang segera untuk pesakit jangka masa yang panjang, yang hanya kandungannya mengandungi sumber dari akar tunjuk langit. Bahan yang sedia ada seperti tunjuk langit yang mempunyai khasiat bagi dalaman lelaki dan wanita dijadikan dalam bentuk pil. Perawat menjelaskan bersesuaian dengan keadaan sedemikian, masyarakat yang bekerja terutamanya mudah untuk mengamalkan pil tersebut tanpa merebus. Begitu juga dengan akar kayu yang terkenal dengan kebaikan dalaman telah dibungkus mengikut keperluan kehendak, seperti bagi wanita selepas bersalin, masalah dalaman wanita dan masalah dalaman bagi lelaki.

Begitu juga dengan kepercayaan penduduk dilihat dalam kelompok masyarakat yang menerima dan menjadikan perubatan tradisi ini sebagai salah satu cara mengubati dan menyembuhkan penyakit. Selain itu, beberapa aspek lain yang dilihat daripada segi pengalaman masyarakat kampung berhadapan dengan cara menyelesaikan masalah penyakit. Dipercayai daripada pengalaman menyebabkan masyarakat memperoleh kepercayaan dalam rawatan tradisi dan menggunakan rawatan tradisi sebagai salah satu cara menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Masih lagi mengekalkan nilai-nilai tradisi dengan cara menggunakan bahan semula jadi yang mudah untuk didapati. Menurut Sifat Salbiah (soal selidik, Oktober 13, 2017), menjelaskan ketetapan helaian daun mengikut jumlah yang ganjil seperti pengambilan pertama lima helai, pengambilan kedua tiga helai dan hari yang terakhir sehelai. Sukatan ketika merebus bahan tersebut dengan menyukat sebanyak dua cawan air dan kemudian air rebusan yang sesuai diminum ketika air rebusan

berada pada tahap separuh air dalam periuk. Proses penggabungan bahan misalnya daun pokok durian Belanda dan kemudian meramas daun tersebut di dalam air. Seterusnya, air yang diramas atau dikisar daunnya itu, kemudian dibuat mandi.

5.5 Perlakuan Masyarakat dalam Sistem Fauna

5.5.1 Sumber dan Bahan

Sumber bahan seperti madu, burung layang-layang, kambing, ayam menjadi hasil tanaman dalam masyarakat kampung. Namun sumber-sumber ini menjadi sumber makanan harian. Kegunaan madu dalam rawatan digunakan madu dalam menyelesaikan pelbagai jenis penyakit seperti masalah rawatan mata, jerawat dalam perubatan tradisional mencetuskan jarang-jarang menjadi sumber yang berasaskan Madu menjadi bahan yang mudah diperolehi dengan perbanyakan pembelaan kelulut. Masalah sumber daripada haiwan ditukar kepada perawatan yang menggunakan bahan dari madu. Sumber bintang kurang diberi perhatian, seperti dalam rawatan menggunakan darah katak puru. Kini binatang ini sukar untuk didapati dan juga tidak sesuai dijadikan sebagai ubatan. Hal demikian madu menjadi sumber yang masih dikekalkan. Madu ini telah dijalankan secara komersil dengan membanyakkan peliharaan kelulut dan juga menjalankan pencarian madu tualang. Kelulut bukan hanya dijadikan sebagai ubatan bagi lelah tetapi juga telah diperluaskan dengan rawatan jampi.

Kaedah fauna masih lagi menjadi salah satu kaedah yang menjadi kegunaan harian. Daripada galakan ketua kampung menyebabkan masyarakat menerima apa-apa cadangan yang dikemukakan. Di Kechau, selain ketua kampung menggalakkan penanaman belimbing buluh, salah aspek lain turut dipentingkan terutamanya menghasilkan minyak sendiri. Minyak ini dihasilkan dari sarang but-but itu burung sendiri. Sebelum proses membuat minyak dilakukan perlu dibersihkan dan dicuci terlebih

dahulu sarangnya supaya kotoran seperti tahi burung dapat dibuang. Mengikuti petua zaman dahulu, ada sejenis kayu akar yang terdapat pada sarang tersebut yang khasiatnya menjadi penawar bagi memulihkan tulang yang patah. Pada sarang but-but itu sendiri terdapat banyak ramuan di dalam daun-daun kayu dan bukan hanya sejenis sahaja seperti yang kita lihat dengan mata kasar. Sarang but-but ini amat sukar untuk ditemui disebabkan sarangnya terletak di kawasan tersembunyi. Amalan tradisi dalam menghasilkan minyak, akan dipastikan sarang yang sesuai dijadikan ubatan, yang mana sarang tersebut masih lagi digunakan. Terdapat dua jenis burung but-but iaitu saiz yang kecil dan saiz yang besar. Saiz burung but-but yang besar dapat mencapai saiz ayam dan jenis inilah sarangnya dibuat ubat tetapi amat sukar dan jarang ditemui manakala saiz but-but yang kecil tidak dibuat ubat.

5.5.2 Kaedah dan Rawatan

Keperluan pengubatan fauna menjadi penting setelah kepentingannya diperkuatkan dalam sistem organisasi masyarakat. Misalnya ketua kampung di Pagar Sasak telah menekankan pembuatan sendiri minyak but-but dalam kalangan penduduknya. Tujuan untuk memudahkan penduduknya sendiri menikmati dan menggunakannya ketika perlu. Kuasa kepimpinan ketua telah memberi tunjuk ajar dan menjadi ikutan orang bawahannya. Keadaan yang sama berlaku di kampung Jerangsang, Tanjung Besar yang ketua kampung juga merupakan pengusahaan utama madu kelulut. Madu telah menjadi keperluan bagi penduduk setempat yang menjadikan sebagai vitamin atau untuk mengubati sakit-sakit tertentu. Khasiat madu diperakui salah seorang dari penduduk yang pernah mengalami masalah sakit lutut selama tiga tahun. Setelah mengamalkan madu kelulut ini kesakitan tersebut hilang dan mudah untuk melakukan aktiviti.

Kaedah dan rawatan fauna yang ketika dahulunya menjadikan bahan-bahan dari tubuh binatang dijadikan azimat telah disesuaikan untuk masa kini secara pemprosesan. Cara azimat telah ditinggalkan melainkan alatan pada tubuh binatang ini hanya dijadikan alat hiasan semata-mata. Pengetahuan terhadap perubatan yang menggunakan sumber fauna jarang-jarang lagi digunakan melainkan berdasarkan penggunaan madu yang dinyatakan sebagai makanan sunnah. Begitu juga dengan amalan pemakanan telur ayam kampung secara separuh masak turut dijadikan sebagai amalan masyarakat, yang bertujuan sebagai kekuatan dan kesegaran tubuh. Pengaruh pengetahuan menilai seseorang terhadap penerimaan kaedah dan rawatan perubatan yang dijalankan. Pengetahuan masyarakat lebih menumpukan terhadap keupayaan

5.6 Perlakuan Masyarakat Terhadap Amalan Penjagaan Kesihatan

Penerimaan masyarakat terhadap amalan pengubatan tradisi yang menekankan pada penjagaan tidak nyata melalui ilmu ramalan, firasat dan mimpi tidak lagi menjadi rujukan utama masyarakat hari ini. Aspek-aspek ini lebih bersifat spiritual yang menghubungkan dengan kepercayaan tradisi. Memerihalkan keadaan tersebut sukar untuk diutuhkan sebagai sebahagian daripada ilmu kesihatan, disebabkan pengaruh teknologi yang mempengaruhi pemikiran dan ideologi masyarakat. Masyarakat lebih menerima sesuatu ilmu secara bersistem yang bersifat saintifik dan logik. Begitu dengan sistem organisasi kini lebih mengutamakan pendidikan dan teras ilmu agama telah mewujudkan jurang dengan konsep penjagaan tradisi ini. Hasilnya masyarakat telah mencari alternatif baru dengan menekankan konsep petua.

Petua ini dibahaskan dengan makna yang luas. Petua menjadi simbol bagi masyarakat untuk dijadikan panduan yang berguna seperti ketika menggunakan sesuatu

bahan. Bahkan juga petua dihuraikan sebagai cara rawatan terutamanya dalam mengamalkan kaedah herba. Rata-ratanya kurang tahu rawatan tradisional seperti yang ditekankan dalam tiga perkara iaitu jenis rawatan, pengambilan bahan dan pengabungan bahan merupakan konsep petua tradisi.

Namun petua tradisional yang difahami telah ditafsirkan sebagai panduan dalam mengamalkan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan proses penjagaan. Dalam konteks ini utuhnya insitisi keluarga terutamanya peranan Ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Penerapan ini secara praktikalnya dapat diwarisi oleh anak-anak sehingga dewasa. Bapa berperanan sebagai pihak yang bertanggungjawab dalam memberi tunjuk ajar dan membentuk keluar ke arah membina amalan yang sihat. Langkah ini diperhatikan masih menjadi amalan masyarakat kampung sepertimana yang dinyatakan Rozlan (wawancara, Mac 3, 2017) berkongsi pengalaman dalam usaha mengekalkan budaya kesihatan yang baik dalam kalangan anak muda dengan menerapkan unsur-unsur petua seperti dalam mengelakkan minum ketika sedang makan dan melarang anak-anak dari pengambilan ais keterlaluan;

Saya mendidik anak-anak sejak kecil supaya tidak makan sambil minum air dengan cara tidak menyediakan air di atas meja makan ketika waktu makan. Begitu juga dalam pengambilan ais, saya tidak akan membuat ais ketul di rumah dan menggalakkan mereka minum air masak. Kesannya anak-anak ikut dengan peraturan yang ditetapkan sehingga mengamalkan cara tersebut sehingga dewasa ini

Begitu juga dalam mendedahkan ilmu semasa berpantang bersalin. Peanan ibu penting untuk mendidik dan memberi ilmu. Berpantang selepas bersalin dilihat sesuatu yang penting untuk dijaga disebabkan dipercayai akan mendatangkan kesan ketika tua dan juga memberi kesan dalam perhubungan kelamin suami isteri. Selain itu bagi mengelak penceraian dan kehidupan rumah tangga anak-anak terjaga. Ibu bertanggungjawab

mengambil alih tugas suami dan bertindak untuk menjaga anak perempuan atau menantunya. Melihat keadaan sedemikian, tanpa bantuan daripada ibu, anak-anak yang baru melahirkan bayi tidak akan menjaga atau tidak berpantang. Misalnya menurut pengalaman Yusuf (wawancara, September 18, 2017);

Sering kali ditegur anaknya untuk berpantang, namun tidak diambil berat oleh anaknya yang kini sepatutnya berada dalam berpantang. Malah tidak berpantang makan dan merasakan pantang sesuatu yang remeh untuk dilakukan bagi dirinya

Keadaan tersebut, disebabkan anaknya yang berpantang sendiri di rumah dan mengambil remeh terhadap amalan tradisi ini. Salah satu penyebab utama keadaan ini disebabkan golongan ini melahirkan anak secara pembedahan dan juga di persekitarannya juga menyediakan sumber ubatan yang segera dan mudah untuk didapati, seperti pil akar kayu dan pil-pil yang bersesuaian dengan penggunaan ketika selepas bersalin. Kepentingan bersalin turut diketengahkan oleh Norain (wawancara, Ogos 29, 2017) yang menjelaskan kepentingan penjagaan selepas bersalin, sebagai persiapan untuk mengekalkan hubungan yang panjang suami isteri, terutamanya ketika mengadakan hubungan kelamin. Begitu juga sebagai persediaan penjagaan tubuh badan ketika tua. Kesan yang akan berlaku sekiranya tidak diendahkan seperti akan mendapatkan kesan terhadap peranan, ketahanan diri, sendi dan lutut. Aspek yang penting dalam pengamalan ketika berpantang seperti penjagaan makan, minum, berbarut dan bertungku. Bagi segelintir masyarakat masih menggunakan peralatan seperti berdiang dan bertangas. Penggunaan berdiang dan bertangas tidak lagi menjadi kepentingan bagi sebahagian masyarakat kampung, memandangkan proses bersalin dilakukan di hospital dengan penjagaan yang rapi serta bahagian sulit wanita ini dijahit berbanding situasi masyarakat dahulu yang bersalin sendiri tanpa ke hospital menyebabkan keadaan berpantang memerlukan perhatian khusus.

Dalam situasi lain pula, misalnya dengan pemberian nama, konsep tradisi yang menekankan aspek pemberian nama secara memerhati dari hari dan waktu kelahiran tidak lagi dijadikan rujukan. Malah dengan pengaruh media sosial telah memberi peluang mereka mencari nama-nama yang sedap didengar. Begitu juga dengan sistem institusi keluarga diperhatikan sangat lemah. Ibu bapa tidak lagi dirujuk oleh anak-anak muda. Malah anak-anak muda hari ini berhak menentukan sumber yang seharusnya diguna pakai. Misalnya nama Ayuni Putri Kalisha atau Azura, telah membawa makna yang kurang baik walaupun pada zahirnya perletakkan nama tersebut sedap didengari. Dengan keterbatasan pengetahuan dan pendidikan mereka menurut pandangan perawat (wawancara 2017) ini;

nama inikan kita dasar orang Islam kalau tubuh kita anugerah tuhan benda-benda yang baik. kalau benda sudah baik kemudian ditampal dengan nama firaun contohnya ada risikonya juga. Nama panggilan yang penting ini mustahak dan jangan hanya sedap dipanggil di mulut atau nama glamor tapi dalam makna tak baik dari segi Islam itu tak baik

Panggilan nama juga mempengaruhi kedudukan kesihatan bayi, terutamanya sejak dilahirkan yang akan memberi kesan terhadap sukar tidur, menangis, demam dan sebagainya. Kesan terhadap bayi ini juga berlarutan sehingga dewasa, terutamanya daripada aspek ketahanan badan. Peranan bapa yang bertanggungjawab meletakkan nama bayi dengan panggilan yang baik. Pengekalan masyarakat dalam melindungi kesihatan bermula daripada kepercayaan dalam pemberian nama. Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017) menjelaskan salah satu cara menyelesaikan masalah penyakit, melalui pemberian nama. Nama yang sesuai sebagai ikhtiar mengelak diri dari sakit. Penyesuaian umur ini sebagai salah satu ikhtiar agar bayi tersebut sihat dan tidak terkena penyakit yang berpanjangan. Menurut beliau yang juga pernah ditukarkan nama yang disebabkan semasa bayi dikatakan selalu sakit. Demikian namanya ditukarkan panggilan agar penyakit tersebut dapat dihindari. Konsep nama menjadi unsur yang penting dalam

perlindungan seseorang bukan hanya sakit tetapi juga sesuai untuk panggilan. Makna yang jahat akan memberi kesan terhadap perlakuan bayi ketika dewasa. Seperti mana dalam penjelasan Kitab (Tarbiah Al-Aulad, 2010);

...beberapa cara perlu dikenal pasti seperti diberi nama yang terbaik dan cantik dan disarankan oleh nabi....

Penularan petua juga disisipkan oleh perawat melalui kepentingannya sebagai tujuan melindungi diri. Salah satu caranya dengan menekankan penjagaan mandi yang bertindak sebagai melindungi daripada sakit kepala. Shaari (wawancara, Mei 30, 2017) menjelaskan cara mandi yang sesuai dengan menyiram pada bahagian kaki sebelum menyiram ke seluruh badan. Begitu juga dalam berkehendak mengurangkan lenguh lutut dan sendi serta untuk mengembalikan kekuatan tenaga, dengan mengamalkan makan madu setiap hari. Selain itu, mengelak dari sakit kencing manis dan darah tinggi digalakan mengambil melakukan minuman rebusan sirih cina, misai kucing dan tebu gajah. Manakala untuk melancarkan darah, merawat batuk dan membuang angin dalam badan mengamalkan air air kayu seperti pokok teja (diambil bahagian akar), daun lawang dan daun akar manis. Begitu juga dengan cara menghilangkan kolesterol dengan cara selepas bangun tidur minum air masak. Cara lain kolesterol juga sesuai dilakukan dengan menggunakan daun belimbing buluh dibuat rebus.

Menurut Abdul Kadir (1992) petua tergolong daripada salah satu daripada peraturan sosial. Peraturan sosial amat penting bagi menyesuaikan diri untuk hidup masyarakat. Petua dibina berdasarkan unsur-unsur pengalaman dan kepercayaan. Masyarakat Melayu mempercayai petua dapat memberi panduan yang penting bagi mencapai matlamat yang diperlukan. Petua diberi perhatian terhadap beberapa persoalan yang selalunya menjadi amalan yang luas. Muhammad (wawancara, Julai 28, 2017), menjelaskan petua sebagai salah satu cara dalam menjelaskan bagaimana peraturan

perubatan tradisional itu mujarab. Penjelasan tersebut telah meletakkan petua sebenarnya salah satu perkara yang penting dalam kemujaraban pengambilan ubat tradisional ini. Diklasifikasikan bahan yang diambil perlunya berpengetahuan dengan cara dan langkah mengikut tatatertib. Sepertimana telah dijelaskan oleh Norlaila (wawancara, September 30, 2017), bahan perlunya diperhatikan daripada konsep keserasian dengan penyakit. Umpamanya dalam pengambilan herba, yang dinyatakan bersifat panas tidak sesuai diambil dengan kuantiti yang banyak tetapi mengikut sukatan yang telah ditetapkan. Kebiasaannya telah ditetapkan pengambilan sebanyak sehelai, tiga helai, lima helai dan tujuh helai. Jumlah helaian mengikut jenis kadar penyakit yang serius atau berada pada tahap yang sederhana. Begitu juga dengan pengambilan bahan, memerlukan pemerhatian pada ranting yang berfungsi membawa kepada khasiat ubatan tersebut.

Masyarakat tradisional menjadikan pengambilan bahan dengan tujuan kemujaraban rawatan yang dijalankan. Persepsi ini telah berubah setelah kepercayaan terhadap agama yang kuat dalam diri menyebabkan masyarakat mula bertindak dengan rawatan lain seperti dalam mengamalkan cara mandi dan penjagaan hati dengan menerapkan nilai-nilai positif dan mengelakkan dari menilai dengan negatif. Menurut Rozaha (wawancara, Mei 27, 2017) berpandangan dengan mengamalkan cara mandi dengan melakukan bacaan al-Fatihah sebanyak 3 kali dan berselawat nabi sambil niat 'Sahaja aku mandi zahir dan batin kerana Allah s. w. t. Amalan ini dianggap dapat menzahirkan air kepada Allah s. w. t. Selain itu mengamalkan amalan positif dan tidak ada sifat buruk sangka terhadap orang lain. Sebagai ketua kampung, nilai-nilai ini telah diterapkan dalam kalangan warga belia, dengan mengamalkan budaya senyum agar memberi kesan yang positif dalam kehidupan harian. Begitu juga amalan bersenam berjoging dan jungle tracking digalakkan dalam kalangan penduduknya. Sehubungan dengan itu, Informan telah membina pusat rekreasi Kemahang dengan cara menggalakkan penduduk berkunjung dan melakukan aktiviti sihat dan juga berkumpul bersama

keluarga. Menekankan penjagaan daripada segi ‘menjaga hati’ dengan beramal secara bersolat, dan bersujud pada Ilahi. Buat secara ikhlas. Dan selalu amalkan senyuman dalam hidup. Mengatasi masalah dengan cara yang tenang. Psikologi kena ada dalam diri. Jaga hati, dengan mengelakkan fitnah, mengata dan mengeji.

5.7 Kesimpulan

Pengaruh teknologi telah memberi kesan terhadap kelemahan pada sistem organisasi sosial. Keluarga memainkan peranan yang penting, terutamanya memberi tunjuk ajar yang berguna khususnya dalam penjagaan kesihatan melalui kesinambungan tradisi. Seterusnya telah mengubah ideologi masyarakat yang kurang berpengetahuan telah memberi tanggapan yang negatif. Misalnya penggunaan cara tradisi lebih dilihat sukar dan remeh untuk dilakukan disebabkan rawatannya memerlukan masa dan tenaga untuk melakukannya. Malah dengan pengaruh pendidikan sekular terus memalapkan penggunaan herba dalam kalangan generasi muda. Faktor lain perubahan ideologi masyarakat terkesan dari proses migrasi yang golongan muda ramai ke bandar bekerja telah mendedahkan mereka dengan unsur-unsur yang lebih bersifat saintifik. Keadaan tersebut telah mengehadkan penuliran pemahaman terhadap pendedahan tradisi ini. Akibatnya kepercayaan terhadap perubahan tradisi semakin rendah. Walaupun keadaan dikampung-kampung ini rata-ratanya masih ada masih ada golongan tua ilmu tradisi ini tidak dipelajari. Misalnya pengetahuan mengenai jenis akar kayu yang ketika dahulunya menjadi sumber utama masyarakat sebagai minuman tonik atau kesegaran kurang digunakan, malah sumber untuk mendapatkan akar kayu ini semakin terhad.

Bagi konteks tradisi masyarakat berstruktur terhadap peraturan yang berasaskan sistem ramalan, firasat, ilmu bintang, ilmu mimpi dan nama. Sistem masyarakat kini berubah dengan berorientasikan terhadap petua. Amalan harian ditetapkan dengan unsur-

unsur yang ditetapkan dengan amalan harian. Seperti dalam mengekalkan bentuk badan yang cantik atau tidak gemuk, ditetapkan dengan tidak mengamalkan makan pada waktu malam. Pemprosesan perut pada waktu malam agak lambat, sehubungan itu ditegah daripada mengambil makanan pada waktu itu. Begitu juga dalam mengawal penyakit darah tinggi turut ditegah dari pengambilan makanan pada waktu malam. Berpegang kepada prinsip petua, masyarakat menerima sebagai panduan yang telah ditetapkan daripada turun temurun dan seharusnya mengikut proses penjagaan yang berpanjangan.

University of Malaya


BAB 6: RUMUSAN

Penyelidikan ini merumuskan tiga objektif yang utama. Pertama mengenal pasti amalan penjagaan kesihatan tradisional melalui teks Melayu lama. Menyentuh mengenai persoalan penjagaan tradisional dibahagikan kepada dua kategori seperti penjagaan nyata dan penjagaan secara tidak nyata. Penjagaan nyata merupakan kaedah dan rawatan yang digunakan dalam mengubati dan mencegah penyakit. Antara kaedah dan rawatan yang digunakan ialah azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna. Azimat ini merupakan salah satu teknik yang menggunakan cara melakarkan ayat atau simbol pada alatan. Rawatan azimat dilakukan samaada minum, memakai alatan pada tubuh dan pada benda konkrit seperti pada pintu. Jampi dilakukan dengan cara menghembus pada air atau pada bahan yang hendak dilakukan ubat serta pada tapak tangan. Rawatan jampi pula dengan cara makan, minum atau berjabat tangan. Sumber herba ini dimaksudkan dengan penggunaan bahan dari daun, buah, rempah, akar, pucuk dan batang pokok. Sumber herba dilakukan secara dipipis, ditumbuk, digoreng dan digiling. Bagi rawatan sumber herba ini diminum, mamah dan dibubuh pada halkum atau dalam telinga. Sumber fauna dilakukan secara disugi, digabungkan dan dibakar. Rawatannya dimakan, diminum dan digosokkan pada bahagian yang perlu. Sifat kaedah dan rawatan tradisional menggunakan sumber fauna ini diperhatikan bersifat mencegah. Berbeza dengan azimat, jampi dan sumber herba yang bersifat mengubati. Berlainan pula dengan penjagaan tidak nyata yang lebih bersifat mencegah. Penjagaan ini dihubungkan melalui kepercayaan yang kuat dan pengamatan yang tinggi terhadap alam dan persekitaran. Setiap perubahan yang berlaku akan memberi kesan terhadap kedudukan kesihatan. Misalnya berlakunya gegaran pada bumi kemudian dikaitkan dengan masa, tarikh dan bulan. Kesan tersebut telah memberi petunjuk untuk mengetahui keadaan kesihatan seseorang. Sekiranya sakit ketika itu tidak sembuh atau akan sembuh dengan cepat.

Kedua, menganalisis penerimaan dan penilaian masyarakat di mukim terpilih terhadap amalan penjagaan kesihatan cara tradisional. Melalui kajian yang dilakukan dapat dinyatakan masyarakat di empat buah kawasan terpilih ini masih meneruskan kesinambungan penjagaan tradisional. Penerimaan masyarakat bersifat nyata dengan menggunakan kaedah dan rawatan jampi, sumber herba dan sumber fauna. Namun secara keseluruhan mendapati masyarakat tidak lagi mengiktiraf azimat dalam bidang pengubatan. Penerimaan penjagaan tradisional ini melihat dari beberapa faktor yang mempengaruhi dari persekitaran, institusi perawat tradisional, pengetahuan dan pengamatan masyarakat. Begitu juga dengan pandangan masyarakat yang menggunakan kaedah ini dalam keadaan yang terpaksa disebabkan tiada pilihan lain. Perspektif lain diperhatikan bergantung penggunaan tradisional ini bergantung pada kesesuaiannya dengan kondisi tubuh.

Ketiga, menilai dan membandingkan perspektif masyarakat terhadap pengamalan tradisi dalam ruang masyarakat tradisi dan ruang masyarakat kini. Penilaian masyarakat ini telah dikritik melalui penekanan pendekatan adaptasi perlakuan yang membahaskan kepada tiga perkara utama seperti teknologi, organisasi sosial dan ideologi masyarakat. Konteks tersebut memberi gambaran bahawa masyarakat sebenarnya masih mengiktiraf kaedah tradisional seperti jampi, sumber herba dan sumber fauna. Sebaliknya kesinambungan rawatan tradisional telah diubah dengan menggunakan cara yang baru yang bersifat saintifik, mudah, cepat dan berteknologi. Penyebab berlakunya perubahan tersebut akibat dari sumber dan bahan yang dilakukan secara tradisional misalnya pipis telah dilakukan secara *blender*. Sistem organisasi masyarakat lemah dan tergoyah dengan pembelajaran baru, yang mana pengaruh kuasa peniaga memenuhi ruang fikiran masyarakat yang mahukan kaedah baru yang lebih cepat dan mudah. Begitu juga pandangan terhadap azimat terkesan dengan keterbatasan ideologi masyarakat yang

inginkan budaya baru dan berpegang kepada agama yang jitu telah mempengaruhi kedudukan amalan tradisional ini. Penjelasan penjagaan kesihatan tradisional difahami melalui dua cara penjagaan yang bersifat penjagaan yang nyata;




Rajah 6.1: Kaedah dan rawatan dalam penjagaan tradisional secara nyata

Melalui rajah 6.1, menjelaskan pengubatan tradisional ini lebih mujarab sekiranya kaedah dan rawatan dilakukan dengan menekankan aspek jenis rawatan, cara pengambilan bahan dan cara menggabungkan bahan. Jenis rawatan yang dilakukan secara diminum, dimakan, disapu atau sebagainya. Peringkat kedua dengan memahami cara pengambilan bahan rawatan dan semasa mengamalkan semasa dalam rawatan dijalankan. Kaedah tersebut dengan mengikut kesesuaian pada waktu dan kekerapan yang perlu dimakan atau dilakukan. Peringkat ketiga dengan menyesuaikan gabungan bahan-bahan yang digunakan oleh perawat dalam mengenal pasti kesesuaian gabungan bahan seperti dalam rawatan menggunakan sumber herba, jenis herba yang digunakan tidak melebihi dari tiga jenis. Proses rawatan ini juga dalam istilah masyarakat hari ini dinyatakan sebagai 'petua tradisional'. Penyataan ini dilihat dalam konteks masyarakat ketika itu menekankan unsur-unsur kepercayaan terhadap simbol nombor, waktu, dan alam. Begitu juga dengan penggunaan kaedah yang menggunakan azimat, jampi, sumber herba dan sumber fauna ini tidak terhad dan tidak ada batas dalam penggunaan ketika merawat ketika itu.


Proses penjagaan dalam masyarakat tradisional ketika itu berpegang kepada konsep meramal. Konsep meramal ini terdiri daripada tafsiran dari hasil pengamatan yang berlaku pada perubahan alam (gempa bumi) dan diri manusia (degupan nadi). Perubahan ini ditentukan melalui perlambangan-perlambangan seperti simbol bintang dan haiwan. Perlambangan itu kemudiannya dihubungkan dengan tarikh, bulan, masa dan hari ketika berlakunya kejadian. Hasilnya dihuraikan sebagai ilmu ramalan, firasat dan mimpi. Ilmu ini merungkaikan pelbagai perkara dalam meneliti kesesuaian melakukan kerja atau bercucuk tanam dan sebagainya dengan kedudukan kesihatan seseorang. Setiap perlakuan kerja-kerja yang dilakukan sebenarnya akan memberi kesan terhadap kesihatan pada waktu itu. Selain itu, konsep nilai turut ditekankan untuk tujuan mendapatkan kesihatan yang baik seperti melakukan sedekah. Sistem penjagaan ini dapat dinyatakan sebagai

penjagaan kesihatan yang tidak nyata. Secara tidak langsung kedua-dua konsep ini telah merujuk kepada sistem penjagaan tidak nyata.


Konsep Meramal




Konsep nilai



Rajah 6.2: Penjagaan secara tidak nyata yang diperhatikan dalam konsep meramal dan konsep nilai



Rajah 6.3: Proses adaptasi perlakuan terhadap masyarakat di Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu



Rajah 6.4: Adaptasi perlakuan telah mengubah persepsi masyarakat dan telah mewujudkan *world view* moden

Amalan tradisional ini dilihat dalam perkembangan masyarakat di Lipis bagi empat buah mukim, Kechau, Tanjung Besar, Cheka dan Budu. Melalui pemerhatian yang dijalankan, masyarakat menerima perubatan herba dalam memenuhi keperluan harian. Masyarakat lebih menerima perubatan herba disebabkan pengaruh daripada persekitaran yang masih lagi mudah untuk didapati daripada persekitaran mereka. Malah pihak-pihak tertentu berusaha untuk melakukan uji kaji di makmal, menyebabkan masyarakat lebih yakin dengan penggunaan herba tersebut. Sepertimana yang dihadapi bagi kumpulan masyarakat yang gagal dan tidak berjaya menggunakan perubatan herba akan menuding perubatan herba sebagai salah satu rawatan yang tidak mujarab dan tidak sesuai. Aspek-aspek yang perlu diketahui dalam perubatan herba dengan menekankan tiga perkara seperti menekankan persoalan jenis rawatan, pengambilan bahan dan gabungan bahan. Menurut daripada panduan yang dibawa oleh masyarakat dahulu perlu diketahui jenis herba mengikut kesesuaian sama ada dilakukan secara dimakan, minum, ditampal, disapu atau dilakukan secara dituam. Begitu juga cara pengambilan herba tersebut melalui sukatan yang betul, kesesuaian kekerapan diambil dan sifat herba tersebut. Bagi gabungan bahan, pernah disentuh oleh bidan mengenai campuran bahan yang sesuai dijadikan sebagai bahan ubatan dengan mengabung tiga jenis bahan daripada bahagian daun atau pucuk, akar dan buah-buahan.

Kesinambungan amalan tradisional ini telah meletakkan proses rawatan dengan cara yang mudah dan menjimatkan masa. Misalnya dengan mengamalkan teh misai kucing, kopi 3 dalam 1 yang turut digabungkan bersama-sama herba seperti mahkota dewa dan sebagainya. Walaupun kehidupan masyarakat luar bandar ini terletak jauh dari bandar utama, yang akan menyekat pemikiran dan namun dari penerimaan pengubatan tradisional ini mengubah persepsi masyarakat terhadap herba, masyarakat di kampung masih memerlukan perubatan jampi. Pemilihan rawatan jampi diterima setelah tidak dapat disesuaikan dengan penggunaan rawatan herba. Kaedah jampi sesuai bagi rawatan

yang bersifat spiritual seperti yang melibatkan darah, angin dan unsur-unsur dalaman. Rata-ratanya masyarakat menerima jampi dalam merawat penyakit kayap, terkena buatan orang dan barah. Namun masyarakat menolak azimat sebagai perubatan tradisional akibat dari aspek-aspek tertentu. Perkara sedemikian, dapat diuraikan daripada adaptasi perlakuan masyarakat yang terbatas dengan ideologi dan sistem organisasi kumpulan masyarakat, walaupun sumber bahan masih tidak terbatas. Menjadi amalan tapi tidak seperti dahulu yang berpegang sepenuhnya terhadap sumber alam, kepercayaan sepenuhnya terhadap alam, dan jadikan alam sebagai punca dalam menyelesaikan masalah perubatan. Setelah masyarakat berhadapan dengan perubahan yang melibatkan pengaruh teknologi dan ideologi menyebabkan perlakuan dan tindakan tersebut lebih bersifat mudah untuk di kampung bukan semua yang menggunakan cara tradisi sebagai penyelesaian masalah penjagaan kesihatan hanya segelintir kecil yang menggunakan sepenuhnya kaedah dan rawatan tradisi. perkara sedemikian disebabkan oleh pengaruh kaedah moden dan kemudahan yang disediakan secara terkawal menyebabkan masyarakat selesa dan tidak lagi sukar untuk mendapatkan rawatan kampung. Walau bagaimanapun kaedah dan rawatan tradisi ini diperlihatkan semakin rendah penerimaannya yang disebabkan oleh rawatan tradisi ini dianggap remeh untuk dilaksanakan dan memerlukan ketelitian. Begitu juga dengan pengetahuan mengenai rawatan yang semakin lemah disebabkan tiada minat masyarakat tempatan mendapatkan ilmu daripada golongan tua atau perawat. Namun kepercayaan kaedah tradisi ini masih lagi diterima secara umumnya. Begitu juga dalam bidang perawat, generasi yang muda tidak lagi berkehendak untuk menerima atau mempelajari ilmu perubatan walaupun ada kemahiran dalam keadaan luar sedar. Penerimaan dan penolakan perubatan tradisional hasil daripada kesan teknologi, organisasi dan ideologi yang terkesan dari kepercayaan, pengalaman dan pengetahuan.

Kajian ini secara tidak langsung telah memperkenalkan perubahan tradisional dalam persepsi yang lebih luas. Perubahan tradisional ini dilihat lebih efektif dan sesuai diperluaskan sekiranya ada pihak yang minat untuk mengetahui secara lebih mendalam. Kajian ini juga untuk tujuan memperkenalkan perubahan tradisional dan meneruskan kelompangan yang masih belum dilakukan secara khusus, terutamanya dalam kalangan masyarakat kampung. Perspektif tradisi yang dianggap masih dikekalkan sebenarnya telah mengalami perubahan disebabkan masyarakat turut mengalami kesan daripada perubahan adaptasi teknologi, organisasi dan ideologi yang semakin berkembang akibat daripada faktor migrasi, pendidikan yang dibawa daripada penduduk kampung yang belajar dan bekerja di bandar besar dan pengaruh politik.

BIBLIOGRAFI

- Ab Razak Ab Karim. (2006). *Analisis Bahasa dalam Kitab Pontianak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rahman Abdullah. (1999). *Falsafah Alam Semesta Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdul Samad Abdullah. (1990). *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara.
- Abdul Samad Ahmad. (2005). *Warisan Perubatan Melayu*. ed 11. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Naseh Ulwan. (2010). *Kitab Tarbiah Al-Aulad Jilid 1*, ed 7. Kaherah: Daru-Asalam.
- Abdullah Taib. (1985). *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdullah Zakaria Ghazali.(1998). *Pengajian Sastera dan Sosio Budaya Melayu Memasuki Alaf Baru: Perang Melayu: Satu tinjauan Mengenai Isu Utama*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu Universiti Malaya.
- Abu Soleh Mohd Safwan Mohd Rusydi. (2011, September 4) *Hukum Memakai Tangkal Atau Azimat dan yang Diambil daripada Al-Quran*. [http:// al-muwahhidun.blogspot.com/2011/09/hukum-memakai-tangkal-atau-azimat-dan.html](http://al-muwahhidun.blogspot.com/2011/09/hukum-memakai-tangkal-atau-azimat-dan.html).
- Aishah @ Eshah Haji Mohamed. (2013). Perubahan Sosial, Kesihatan dan Kualiti Hidup di Wilayah Metropolitan Lembah Klang-Langat. *Jurnal Akademika* 83(1) :11-24.
- Aishah Mohamed & Abdul Aziz Bidin. (2010). Kepercayaan, Tumbuhan Ubatan Dan Orang Melayu. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* (19), 70 – 84.
- Aishah Mohamed& A Aziz Bidin. (2006). Tumbuhan Ubatan Dan Kesihatan Reproduksi Wanita. *Jurnal Psikologi dan Pembangunan Manusia*, 20, 67-84.
- Aishah@Eshah Haji Mohamed1, Abd. Aziz Hj. Bidin (2012). Penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang: Amalan dan kepercayaan. *Geografia OnlineTM Malaysia Journal of Society and Space* (8)20-31.
- Al-Qari, Ibnu Idris. (1995). *Merentasi Jalan Sufi*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

- Amdun Husein. (1987). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Arya Hadi Dharmawan (2007). Dinamika Sosioekonomi Pedesaan: Perspektif dan Pertautan keilmuan Ekologi Manusia, Sosiologi Lingkungan dan Ekologi Politik dalam *Jurnal Transdisiplin Sosiologi, Komunikasi dan Ekologi Manusia* 1(1):1-40
- Asmah Ahmad & Rosniza Aznie Che Rose. (2011). Peralihan Demografi dan Kesejahteraan Sosial Masyarakat Melayu : Suatu Perbandingan Antara Malaysia Dan Kemboja. *Jurnal Sains Sosial UKM* 6(1)115-123.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (1992). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian pendidikan Malaysia.
- Awang Azman Awang Pawi. (2013). Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak. *Jurnal Melayu Antarabangsa*. 6 (2):139-154.
- Azahari Ibrahim. (1994). *Ubat-Ubat Tradisional Melayu, Doa-Doa Penawar...Rahsia Surah...* Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Bahagian Perancangan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2014, Disember 26) , Laporan Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik KKM 2011 hingga 2015. <http://www.moh.gov.my/penerbitan/utama/Pelan%20Strategik%20KKM.pdf>.
- Baharudin Yatim. (1989). *Tenaga : Konsep, Prinsip, Hubungan dengan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (2001). Social Cognitive Theory: An Agentive Perspective. *Annual Review Psychology*. Diambil dari <http://dx.doi.org/10.1146/annurev.psych.52.1.1> pada 12 Januari 2018
- Brown, Alfred Radcliffe., Pritchard, E.E. Evans, & Eggan, Fred. (1980). *Struktur dan Fungsi dalam Masyarakat Primitif* dalam terjemahan 1952 Ab. Razak Yahya, Md Muzahet Masruri (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2000). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia dan Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.

- Danial Zainal Abidin. (1988). *Konsep Perubatan Islam*. Pulau Pinang : Pustaka Nahnu.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2002). *Kamus Dewan*, ed 3. Kuala Lumpur: Harian Zulfadli Sdn.Bhd.
- E. Bedworth, Albert., & A. Bedworth, David. (1982). *Health for Human Effectiveness*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.
- E.Moore, Wilbert (1986). *Perubahan Sosial dalam terjemahan Hock Tong Cheu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Endicott, Kirk Michael. (1981). *An Analysis of Malay Magic*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- Fatan Hamamah Yahaya. (2003). Potensi Tumbuh-tumbuhan Sebagai Ubat-Ubat. *Jurnal eBangi*. <https://docplayer.net/35357785-Potensi-tumbuh-tumbuhan-sebagai-ubat-ubatan.html>
- Fazlur Rahman. (2015). *Kesihatan dan Perubatan dalam Tradisi Islam:Perubahan dan Identiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Firth, Raymond.(1970). *Rank and religion in Tikopia: a study in Polynesian paganism and conversion to Christianity*. London:George Allen and Unwin Ltd.
- Funk, Ken. (2017) *Islamic Worldview as Education Principle*
http://www.academia.edu/6516548/Islamic_Worldview_as_Education_Principle.
- Gardiner, P. (1954). *History, Civilization and Culture: An Introduction to the Historical and Social Philosophy of Pitirim A. Sorokin*. By Cowell F. R. (A. and C. Black. Price 21s.). *Philosophy*, 29(108), 81-82
- Geertz, Clifford. (1973). *The Interpretation of Cultures*. Basic Books: New York.
- Gimlette, John Desmond. (1981). *Malay Poisons and Charms Cures*. Oxford University Press, Kuala Lumpur.
- H.Alkaf, Idrus. (1995). *Cara Rawatan Diri & Pengubatan*. Kuala Lumpur: Darul Nu'Man.
- Hairuddin Harun. (2001). *Kosmologi Melayu dalam Era Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- HairulAzwan Saadon, Mohd Rezza Petra Azlan & Azizi Bahauddin. (2014). *Amalan Kearifan Tempatan : dalam Masyarakat Melayu Nusantara*. dalam Ahmad Moghni Salbani, Saad Othman, Rahim A. Hamid (edt). Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Haliza Mohd Riji. (1999) Malay Traditional Medicine : Health, Disease Treatment in the Context of Primary Health Care. *Jurnal Manusia dan Masyarakat* 11: 95-105.
- Haliza Mohd Riji. (1999). Tesis Ph.D. Penjagaan Kesihatan dan Rawatan: Prinsip dan Teori dalam Perubatan Melayu. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Haliza Mohd Riji. (2000). *Prinsip dan Amalan dalam Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hamidah Abdul Wahab. (2013). Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *Jurnal Iman*1(1): 89- 97
- Haron Daud. (1995). *Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya
- Haron Daud. (1995). Tesis Ph.D. Mantera Sebagai Pengucapan Simbolik: Analisis Pemikiran Melayu, Tesis Ph.D. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Haron Daud. (2010). Ilmu Nujum: Aspek Pernujuman dan Pancaran Kecendekiaan Masyarakat. *Jurnal Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu* 28(1) : 253-275.
- Haron Mat Piah. (2014). *Ilmu Perkasihan (Seksologi) Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Awal*, Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Haron Mat Piah. (2006). *Kitab Tib Ilmu Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara, Kementerian Kebudayaan, kesenian dan Warisan.
- Hasbullah, Toyo & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Ritual Tolak Bala pada Masyarakat Melayu. Kajian pada Masyarakat Patalangan. Kecamatan Pangkalan Kuras Kabupaten Pelalawan. *Jurnal Ushuluddin* 25 (1) 83- 100.
- Hashim Awang. (1990). *Pengantar Antropologi Perubatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Hashim Awang. (1993). *Asas dan Falsafah Perubatan Melayu dalam Perubatan dan Kesihatan di Kalangan Orang Melayu* dalam Azizan Baharuddin (edt). Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Hashim Awang. (2005). *Kepustakaan Ilmu Tradisional: Manuskrip 331: Petua Melayu* dalam Rogayah A. Hamid, Mariam Salim (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Fauzy Yaacob (2001) *Komunikasi antara manusia*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Hassan Ahmad. (1999). *Bahasa dan Pemikiran Melayu: Tradisi dan Kesenambungannya dalam Pemikiran Melayu : Tradisi dan Kesenambungan*. Worawit Baru @ Ahmad Idris (edt). Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Herien Puspitawati. (2009). *Teori Struktural Fungsional*. Jawa Barat: Institut Pertanian Bogor.
- [http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/viewFile/15616/4891,](http://ejournal.ukm.my/gmjss/article/viewFile/15616/4891)
- Ismail Hamid. (1991). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julia Reveny. (2006). Tesis Sarjana. Pengetahuan, Sikap dan Amalan Petani Wanita Miskin Karo Terhadap Penggunaan Pestisid dalam Aktiviti Pertanian di Sumatera Utara-Indonesia (Suatu Kajian Kesihatan Sosial). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Karimoeddin, T. (1958). *Ilmu Kesihatan*, ed 4. Jakarta: Dinas Penerbitan Balai Pustaka Jakarta.
- Kisah silam Kampung Budu, <http://www.utusan.com.my/rencana/kisah-silam-kampung-budu-1.97206>, pada 30 mei 2015.
- Krishnan, Manimaran., & Samsudin A. Rahim. (2014). Hubungan kait Komunikasi Kesihatan Dengan Kesan Hirarki Isu Kesihatan Terhadap Perubahan Amalan Gaya Hidup Sihat. *Jurnal Komunikasi* 30(1):147-176.
- Ku Zam Ku Idrus. (1989). *Budaya Material Dan Teknologi: Pertukangan Melayu Dalam Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi Dan Manifestasi* dalam Mohd Taib Osman (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Laile Suzana Jaafar & Khairudin Che Tak. (2008). Takat kebahagiaan dan harga kendiri orang Melayu. *Jurnal Manusia dan Masyarakat*, Vol. 16, 180-192.
- Laporan belia.(2003) Carta Kesihatan dan Gaya Pemakanan daerah Lipis Pahang. <http://petabelia.kbs.gov.my/report/chart.asp?formState=Pahang&formDistrict=Lipis&formDomain=Kesihatan&formReport=Kesihatan+Belia&formLang=>.
- Lederberg, Joshua., Shope, Robert E., Oaks, S. C. (1992) *Emerging Infections: Microbial Threats to Human Health in the United States U.S.A*: Natl Academy Pr, Washington, D.C.
- Luqman Hakim. (2002) *Tip Penjagaan Makanan dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher.
- Mahyuddin Ismail (2012). Bolehkah Pakai Tangkal dan Azimat dari Ayat Al-Quran. Diambil dari <http://mahyuddin09.blogspot.com/2012/12/v-behaviorurldefaultvmlo.html> pada 3 Februari 2015.
- Majlis Fatwa Selangor (2015). Diambil dari <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/khurafat-dan-azimat-menurut-perspektif-islam> pada 3 Februari 2015
- Mohamad Maulana. (2012). Tesis PhD. Ritual Makan Tahun Masyarakat Kadayan di Kampung Selanyau, Daerah Kecil Bekenu, Sarawak. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Mohd Affeni Mohd Shafri. (2013). Kedudukan Kitab Mujarrobat Al-Fawaid Sebagai Satu Karangan Perubatan Melayu. Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan. Diambil dari <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/my.iium.irep.32050/Description> pada 5 Februari 2015
- Mohd Kohoruddin (2003). Sains Perubatan Naturalistik Melayu. Laman *Jurnal Kemanusiaan*, diambil dari http://eprints.utm.my/10331/1/MohdKoharuddinMohd2003_Sains_perubatan_naturalistik_melayu.pdf. pada 4 Ogos 2014
- Mohd Suhaimi Mohamad, Sheau , T.C., Suzana Mohd Hoesni, Nasrudin Subhi, Sarnon, N. & Nen, S. (2011). Family caregiver's experiences using community mental health services in Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(2), 142-154.
- Mohd Taib Osman. (1977). *Perbomohan: Satu Aspek World View dalam Kebudayaan Melayu*. Zainal Kling (ed). Masyarakat Melayu. Kuala Lumpur: Utusan Printcoro Sdn.Bhd.

- Mohd Taib Osman. (1989). *Agama dan Kepercayaan Orang Melayu: Organisasi dan Struktur dalam Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1989). Perubahan Kebudayaan Melayu Berdasarkan Budaya Material dengan berpandukan Koleksi Wiliam Walter Skeat dalam *Jurnal Pengajian Melayu*. United Kingdom: Muzium Arkeologi dan Antropologi Universiti Cambridge
- Mohd Yunus Abdullah, Nur Syahrina Rahim & Jamilah Jamaludin. (2012) *Islam dan Penjagaan Kesihatan Gaya Hidup Sihat dan Pencegahan Penyakit Secara Am*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mudjahirin Thohir. (2007). *Memahami Kebudayaan Teori, Metodologi dan Aplikasi*. Semarang: Fasindo press.
- Muhamad dan Mustafa (1994). *Tumbuhan dan Perubatan Tradisional*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Muhamad Shafiq Mohd Ali. (2016) Apa Sainsnya Petua, Azimat dan Nujum. Laman *Jurnal IMAN*. 97-101. <http://dx.doi.org/10.17576/IMAN-2016-0403-10>.
- Muhammad Abdul Latif. (1996). *Gerak Penawar dan Pencegah Penyakit Rohani dan Jasmani*. Kuala Lumpur: Darul Nu'Man.
- Noor Azlan Mohd Noor. (1992). *Sistem Perubatan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Noraini Mohamad Hassan. (2013). Tesis Sarjana. Kesihatan dan Perubatan Di Negeri-Negeri Bersekutu 1896-1941. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Norazit Selat, Hashim Awang, & Nor Hisham Osman. (1997). *Meniti Zaman Masyarakat Melayu Antara Tradisi dan Moden*. Kuala Lumpur: Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Noresah Baharom. (2002). *Kamus Dewan*, ed 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norlizawati Md Nor & Rahimah A.Hamid. (2013). *Kearifan Tempatan dalam Memanfaatkan Sumber Alam untuk Perubatan Tradisional* dalam Nazaruddin Zainun, Rahimah A Hamid & Mohd Kipli Abdul Rahman (ed). *Kearifan Tempatan Pengalaman Nusantara*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

- Othman Md. Yatim, Zainal Abidin Borhan, Rahimin Affandi Abd. Rahim, Nor Hayati Md Dahlal & Norhidayah Mohd Pauzi. (2016) Tradisi Intelektual Melayu - Islam: daripada Metafora kepada Saintifik isme dalam *Jurnal Melayu* (7), 73-85.
<http://journalarticle.ukm.my/2919/1/6.pdf>,
- Pisol Maidin. (1995). Tesis Sarjana. Konsep Kesihatan dan Etnofarmakologi: Satu Kajian Falsafah Bersandarkan Beberapa Naskah Manuskrip Perubatan Tradisional (Bustan As-Salatin, Kitab Tibb dan Taiyib Al-Ihsan). Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- R.Nelson, Ethel. (1996). *Lapan Rahsia Kesihatan*, ed 2. Singapura: Southeast Asia Publishing House.
- Rahimah Abdul Aziz. (1993). *Idea-idea Utama dalam Sosiologi* dalam David Berry (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rahimah AHamid. (2010). Piama dan Petua Tradisi: Ilmu Menanam Padi Masyarakat Melayu di Utara Semenanjung Malaysia dalam *Jurnal Sari* 28(2): 211-233
- Redaksi AgroMedia, (2008). *273 Ramuan Tradisional untuk Mengatasi Aneka Penyakit* dalam Agung Sugiarto (ed). Jakarta Selatan: PT AgroMedia Pustaka.
- Risky Candra.(2017). 7 Manfaat Menakjubkan Arang untuk Kecantikan Kulit dan Rambut. Diambil dari <https://hellosehat.com/hidup-sehat/fakta-unik/manfaat-arang-untuk-kecantikan/> pada 21 Januari 2019
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roucek, Joseph Slabey. & Warren, Roland Leslie. (1979). *Sosiologi Suatu Pengenalan*. ed 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2014) *Pembentukan Ilmu Diplomatik Melayu dalam Menjalin Hubungan Antara Kerajaan*.
http://myrepositori.pnm.gov.my/bitstream/123456789/1633/1/PAMM2014_Paper15.pdf.
- Salmah Jan Noor Muhammad, Hashim Musa & Rozita Che Rodi. (2014). *Pembentukan Ilmu Diplomatik Melayu dalam Menjalin Hubungan Antara Kerajaan*, Kuala Lumpur : Perpustakaan Negara Malaysia.
- Salmah Omar. (2010). Tesis Ph.D. Penjagaan Kesihatan Masyarakat Melanau Islam Kampung Jepak Bintulu, Sarawak . Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

- Shamsul A. B, Rumaizah Mohamed & Haslindawati Hamzah. (2004) *Pengajian Alam Melayu di pentas global: Teknologi maklumat dan penstrukturaran ilmu di ATMA, UKM dalam Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, (22)29-47.
- Shariffah Suraya Syed Jamaluddin. (2010). Tesis Ph.D.Penjagaan kesihatan wanita Melayu Kampung Selarong, Perak. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sheikh Abdul Nasih Ulwan. (2010). *Kitab Tarbiah Al-Aulad*, Arab Saudi: Riyadh
- Siti Khairul Bariyyah Akhbar. (2016). Tesis Sarjana. Amalan dan Penggunaan Herba dalam Perubatan Tradisional Melayu Selepas Bersalin Di Zon Tengah, Semenanjung Malaysia. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Sulaiman Nordin. (1995). *Sains Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Abdul Razak Syed Mahadi. (2009). *Perubahan Struktur Umur Penduduk: Impak dan Cabaran Kepada Pembangunan Negara* dalam Mohd Fauzi Yaacob (edt). Malaysia Transformasi dan Perubahan. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Ruqayyah A.Hamid & Mariam Salim. (2005). *Kepustakaan Ilmu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tibi, Bassam. (1999). *Islam Kebudayaan dan Perubahan Sosial*. Yogya: Perpustakaan Nasional.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1992). *Tradisi dan Moden Sosiobudaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1993). *Struktur dan Organisasi Masyarakat dan Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (1993). *Tradisi dan Moden Budaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2000), *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. (2007). *Mantera, Budaya dan Pemikiran Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.

- Wan Omar Abdullah. (1998). *Perubatan Herba: Konsep dan Pendekatan*. Kuala Lumpur: Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wan Ramli Wan Muhammad. (1999). *Pantang Larang Orang-orang Melayu Tradisional*, Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Yusoff, Wan Abdul Kadir. (2006). *Perubahan Sosiobudaya Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Yap Beng Liang.(1989). *Stratifikasi Sosial dan Masyarakat Melayu dalam Masyarakat Melayu Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Mohd Taib Osman (edt). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Yassin Sulaiman 15 Febuari 2014 *Asal Usul Nama Kampung Budu, Benta, Kuala Lipis Pahang*. <http://akuanakpahang.blogspot.my/2014/02/asal-usul-nama-kampung-budu-benta-kuala.html>.
- Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadaffi Hanafiah, Mohd Norizam Jamian (2016).Kepandaian Orang Melayu dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional dalam *Jurnal society and Space*, 12 (11) 79-91.
- Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadaffi Hanafiah, Mohd Norizam Jamian. (2016). Kepandaian Orang Melayu dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam *Journal of Society and Space 12* (11) (79-91).
- Yusmilayati Yunos. (2015). Petua dan Tanda Sebagai Alat Komunikasi dalam Budaya Masyarakat Jawa di Universiti Kebangsaan Malaysia, *Jurnal Komunikasi* 31(2): 279-298.
- Zainal Abidin Borhan. (2012). *Memantapkan Peradaban Melayu*. dalam Abdullah Hassan (edt). *Kesarjanaan Peradaban Melayu*: 133-141. Tanjung Malim: UPSI.
- Zaini Ujang. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu: Faham Ilmu, Amalan dan Panduan*, ed 2, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.